



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2012	(Halaman 20)
Rang Undang-undang Laporan Kewangan (Pindaan) 2012	(Halaman 52)
Rang Undang-undang Syarikat Labuan (Pindaan) 2012	(Halaman 59)
Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2012	(Halaman 66)
Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012	(Halaman 71)
USUL-USUL:	
Meminda Aturan Urusan Mesyuarat Di Bawah P.M. 13(2)	(Halaman 1)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 37)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Puan Doris Sophia ak Brodi
3. “ Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. “ Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
6. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
7. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
8. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Senator*
– *Timbalan Menteri Luar Negeri I*
9. “ Datuk Dr. Awang Adek Hussin (Dilantik) – *Senator*
– *Timbalan Menteri Kewangan I*
10. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
11. “ Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
12. “ Dato' Boon Som a/l Inong (Dilantik)
13. “ Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
14. “ Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
15. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
16. “ Datuk Chiu Tiang Chai (Dilantik)
17. “ Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
18. “ Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik) – *Senator*
– *Timbalan Menteri Kewangan II*
19. “ Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
20. “ Tuan Gan Ping Sieu (Dilantik) - *Senator*
– *Timbalan Menteri Belia dan Sukan II*
21. “ Datuk Heng Seai Kie (Perak) – *Senator*
– *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
22. “ Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) – *Senator*
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
23. “ Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (Dilantik)
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
24. “ Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
25. “ Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
26. “ Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya (Sabah)
27. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
28. “ Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator*
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
29. “ Tuan Lee Cheam Choon (Melaka)
30. “ Tuan Lihan Jok (Sarawak)
31. “ Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz
– *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
32. “ Datuk Maijol Mahap (Sabah)

33. Yang Berhormat Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
34. “ Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator*
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
35. “ Dato’ Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator*
– *Timbalan Menteri Sumber Manusia*
36. “ Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
37. “ Dato’ Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
38. “ Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
39. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
40. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
41. “ Dato’ Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
42. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
43. “ Dato’ Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)
44. “ Dato’ Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)
45. “ Dato’ Ng Fook Heng (Pahang)
46. “ Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
47. “ Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
48. “ Datuk Seri G. Palanivel (Dilantik)
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
49. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
50. “ Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)
51. “ Dato’ Raja Nong Chik bin Dato’ Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Senator*
– *Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
52. “ Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah (Dilantik)
53. “ Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)
54. “ Puan Hajah Rohani binti Abdullah (Terengganu)
55. “ Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
56. “ Datuk Haji Saat bin Haji Abu (Melaka)
57. “ Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
58. “ Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
59. ” Dato’ Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
60. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
61. “ Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)
62. “ Dato’ Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)
63. ” Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)
64. “ Dato’ Hajah Zaitun binti Mat (Pahang)

DEWAN NEGARA**Ketua Pentadbir Parlimen**

Dato' Ngah Senik

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Che Seman bin Pa Chik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Saipul Rizal bin Wahid

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

Mohd. Zaidi bin Mahmood

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Selasa, 8 Mei 2012****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Puan Doris Spohia ak Brodi)
mempengerusikan Mesyuarat]*

USUL**MEMINDA ATURAN URUSAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 13(2)**

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Noriah binti Kasnon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 13(2), giliran pertanyaan jawab lisan di nombor 10 seperti yang tertera di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini dinaikkan ke nombor 3, dan nombor seterusnya mengikut turutannya”.

Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit minta Menteri tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan, perancangan dan langkah-langkah kerajaan untuk merunding semula formula bayaran kadar kapasiti penjanaan tenaga (*capacity payment*), CP dan *energy payment* dalam Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) agar Tarif Penjanaan Elektrik oleh Penjana Bebas Elektrik Milik Swasta (IPP) dapat membantu kerajaan mengawal kenaikan elektrik yang tidak membebankan pengguna domestik.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Noriah binti Kasnon]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Hajah Mariany Yit,

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya sentiasa mengambil berat akan kebajikan rakyat di mana kerajaan sentiasa memantau kadar tarif elektrik bagi memastikan ia adalah tidak membebankan serta selari dengan perkembangan ekonomi semasa negara. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah melakukan proses untuk merundingkan semula Perjanjian Pembelian Tenaga atau *Power Purchase Agreement* (PPA) dengan izin, bagi membolehkan kadar *capacity payment*, dengan izin, dan *energy payment*, dengan izin, yang dibayar oleh TNB kepada *Independant Power Producer* (IPP), dengan izin, generasi pertama dapat dikurangkan.

Bagi memastikan rakyat mendapat nilai yang terbaik ke atas rundingan semula PPA ini, kerajaan telah menggunakan pendekatan *least cost*, dengan izin, ke atas sistem bekalan elektrik di mana sebarang sambungan tempoh konsesi hanya akan dilakukan melalui pembidaan kompetitif atau *competitive bidding*, dengan izin.

Sebelum IPP generasi pertama dibenarkan menyertai proses pembidaan kompetitif tersebut, IPP hendaklah bersetuju untuk mengurangkan kadar *capacity payment* yang merangkumi *capacity rate financial* (CRF), dengan izin dan juga *fixed operating rate* (FOR), dengan izin, dan *energy payment* yang merangkumi *fuel payment* dan *variable operating rate* (VOR), dengan izin, yang sedia ada ke tahap yang lebih rendah untuk tempoh 48 bulan. Pihak IPP juga perlu menandatangani PPA baru yang menggunakan format yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Tenaga di mana syarat-syarat baru PPA ini adalah lebih baik kepada semua pihak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, berapakah jumlah pembayaran *capacity payment* kepada semua IPP dari mula generasi pertama melalui *Power Purchase Agreement* dilaksanakan sehingga kini oleh TNB dan bagaimanakah impak kepada TNB dan pengguna apabila Petronas tidak lagi mahu membekalkan gas dengan kadar subsidi yang mana IPP diminta membayar gas tanpa subsidi mengikut pasaran? Terima kasih.

Dato' Noriah binti Kasnon: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali tentang bayaran *capacity payment* kepada IPP yang telah dilaksanakan atau yang telah ditanggung oleh pihak TNB sejak daripada generasi pertama sehingga sekarang, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kerana saya tidak ada perincian mengikut generasi, tetapi saya ada jumlah terkumpul. Itu pun daripada tahun 2005 sahaja sehingga tahun 2010 untuk kesemua generasi IPP di mana ia adalah seperti berikut:

Tahun	Capacity Payment (RM / bilion)
2005	3.300
2006	3.314
2007	3.380
2008	4.230
2009	4.989
2010	4.979

Tuan Yang di-Pertua, mengenai impak sekiranya Petronas terpaksa ataupun menjual harga gas kepada pihak TNB atau IPP mengikut harga pasaran, sebenarnya sebelum ini untuk makluman Yang Berhormat Senator dan juga Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, sebenarnya Petronas tidak pernah memberikan subsidi, dalam erti kata subsidi kerana apa yang diberikan oleh Petronas adalah harga yang rendah iaitu Petronas terpaksa melepaskan pendapatan yang mungkin boleh dinikmati apabila memberikan gas kepada sektor elektrik pada harga yang rendah kerana ingin menterjemahkan kadar tarif yang cukup munasabah kepada pengguna. Sekiranya Petronas terpaksa menjual pada harga pasaran, saya cukup yakin ianya akan menjejaskan tarif elektrik yang dikenakan kepada pengguna.

Setakat ini Yang Berhormat Senator ya, apa yang telah dilepaskan oleh pihak Petronas sejak daripada tahun 1997 yang merupakan pendapatan yang dilepaskan ataupun elemen *pass through*, dengan izin, yang saya sebutkan tadi adalah hampir RM100 bilion Tuan Yang di-Pertua, sehingga tahun 2011. Saya cukup yakin, sekiranya bahan api ini tidak ada elemen *pass through*, kita semua khasnya pengguna domestik akan terpaksa membayar tenaga pada harga yang sangat-sangat tinggi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1010

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Pertanyaan tambahan saya ialah dalam dewan yang mulia ini telah sering kali dibangkitkan masalah IPP yang mendapat keuntungan yang lebih besar daripada TNB sendiri dan bebannya terpaksa ditanggung oleh pengguna. Pertanyaan saya ialah, apakah kekangan yang menyebabkan kerajaan tidak boleh berunding semula agar kadar bayaran kepada IPP ini dapat diselaraskan dalam bentuk yang munasabah? Keduaanya, adakah kerajaan tidak bercadang untuk mencari alternatif lain bagi membekalkan tenaga elektrik kepada TNB selain daripada IPP yang sedia ada. Terima kasih.

Dato' Noriah binti Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Senator, Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tentang keuntungan yang dinikmati oleh IPP yang begitu tinggi melalui generasi pertama khasnya memang betul Yang Berhormat. Itu sebab pihak kerajaan menggunakan pengalaman daripada generasi pertama tersebut dengan membuat penambahbaikan terma dan syarat kepada IPP ataupun PPA untuk IPP generasi kedua, khasnya generasi ketiga yang lebih saya kira saksama dan memberi keadilan kepada semua pihak.

Tidak ada kekangan yang besar sangat Yang Berhormat kerana apa yang sudah termaktub perlu kita patuhi dalam PPA tersebut. Cuma apabila tempoh IPP pertama sudah kian tamat, yang pertama menjelang tahun 2015 dan pihak kerajaan memang sudah membuat pelbagai bentuk rundingan untuk memperbaiki sekiranya IPP tersebut akan kita sambung ataupun akan mengambil bahagian dalam pembidaan tender kompetitif sebagaimana yang saya nyatakan tadi.

Ianya akan melihat kepada terma dan syarat yang lebih baik, yang lebih menguntungkan sektor elektrik khasnya kepada rakyat dan pengguna dan seperti mana yang saya telah sebut juga tadi, mesti yang paling utama mesti bersedia untuk mengurangkan *capacity payment* yang selama ini ditanggung oleh pihak TNB dalam 35 peratus hingga 40 peratus. Kali ini, dalam terma PPA baru ini akan menyaksikan pengurangan dan pihak IPP mesti bersedia untuk pengurangan tersebut, itu sebab saya katakan tadi, prinsip utamanya ialah *least cost* supaya rakyat tidak terbeban dalam penzahiran tarif yang mungkin dikenakan.

Untuk soalan kedua Yang Berhormat, tentang sama ada pihak kerajaan tidak ada cadangan atau kaedah alternatif bagi sektor elektrik ini. Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, sudah sedia maklum bahawa kerajaan sangat-sangat ingin membangunkan tenaga boleh baru ataupun *renewable energy* Tuan Yang di-Pertua dengan izin, dan untuk tujuan itu juga, kita sudah menubuhkan SEDA, satu agensi untuk membangunkan pelaksanaan tenaga boleh baharu ini dengan unsur *Feed-In Tariff* ataupun Tarif Galakkan bagi tenaga penjanaan tenaga boleh baharu ini menjelang tahun 2020. Akta tersebut ataupun Akta Tenaga Boleh Baharu tersebut Tuan Yang di-Pertua, sudah pun mula dilaksanakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

2. Datuk Paul Kong Sing Chu minta Menteri Kewangan menyatakan, berapakah jumlah hutang negara sehingga akhir tahun lepas, faedah yang perlu dibayar untuk hutang tersebut dan apakah rancangan kerajaan untuk mengurangkan hutang ini. Sila nyatakan kenaikan hutang tahunan dari tahun pertama negara mengalami defisit.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan Yang Berhormat Datuk Paul Kong Sing Chu serentak dengan soalan bernombor 55 yang dikemukakan Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar yang dijadualkan untuk dijawab pada hari ini kerana menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, hutang negara atau hutang luar Malaysia adalah hutang yang ditanggung oleh negara berikutan pinjaman yang diperolehi kerajaan dan sektor swasta daripada sumber luar negara. Hutang negara merangkumi hutang Kerajaan Persekutuan, Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) dan sektor swasta. Sehingga 31 Disember 2011, jumlah hutang negara adalah sebanyak RM257.2 bilion ataupun 30.2 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Manakala jumlah hutang Kerajaan Persekutuan yang meliputi hutang dalam dan luar negeri Kerajaan Persekutuan pula adalah sebanyak RM456.1 bilion ataupun 53.5 peratus daripada KDNK sehingga 31 Disember tahun 2011.

Daripada jumlah tersebut, sebahagian besar hutang Kerajaan Persekutuan merupakan hutang dalam negeri yang berjumlah RM438 bilion atau 96 peratus daripada jumlah keseluruhan hutang, manakala baki RM18.1 bilion atau 4 peratus merupakan hutang luar negeri. Jumlah hutang luar negeri yang rendah adalah selaras dengan dasar kerajaan yang mengutamakan pinjaman dalam negeri yang mempunyai kecairan yang tinggi, kos pinjaman yang lebih rendah serta dapat meminimumkan risiko pertukaran mata wang asing.

Mengenai sumber hutang Kerajaan Persekutuan, pinjaman dalam negeri diperoleh melalui Terbitan Bio Perbendaharaan, Terbitan Pelaburan Kerajaan (TBK), Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM), Pinjaman Kumpulan Perumahan dan Terbitan Sukuk Simpanan serta Sukuk 1Malaysia. Pemegang instrumen berkenaan terdiri daripada institusi kewangan, syarikat insurans dan institusi keselamatan sosial seperti KWSP dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan pula diperoleh daripada sumber pasaran modal antarabangsa melalui Terbitan Sukuk Global dan pengeluaran pinjaman projek daripada institusi *multilateral* seperti Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia dan Bank Pembangunan Islam dan Pinjaman bilateral mata wang asing iaitu Dolar Amerika Syarikat, *Yen*, *Dollar Euro*, Dolar Kanada serta Dinar.

Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan pembayaran balik pinjaman dibuat mengikut jadual ditetapkan. Sehingga kini kerajaan telah membayar balik semua hutang dengan teratur. Ini adalah hasil daripada pendekatan pengurusan hutang yang berhemah di mana pinjaman hanya dibuat setelah mengambil kira kemampuan membayar balik. Pada tahun 2011, jumlah bayaran khidmat hutang adalah sebanyak RM17.7 bilion atau 9.7 peratus daripada perbelanjaan mengurus. Sekian.

Datuk Paul Kong Sing Chu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Timbalan Menteri atas jawapan. Soalan tambahan saya ialah, apakah definisi hutang negara? Bagaimanakah kerajaan melaksanakan kawalan ke atas hutang negara? Nyatakan strategi-strategi pengurusan hutang negara? Apakah langkah-langkah mengurangkan hutang Kerajaan Persekutuan? Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Paul Kong Sing Chu atas soalan mengenai hutang negara.

■1020

Untuk makluman Yang Berhormat, ada hutang yang ditanggung oleh negara berikutan pinjaman yang diperolehi oleh kerajaan dan swasta daripada punca dua negara. Suatu negara tidak boleh berhutang dengan negara itu sendiri sebagai analogi, kita tidak boleh dikira berhutang dengan diri kita sendiri. Hutang dalam negeri hanyalah merupakan pemindahan aset dari satu sektor kepada satu sektor yang lain di dalam ekonomi.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kerajaan sentiasa mengawasi kedudukan hutang luar negara agar ianya sentiasa berada di tahap yang berpatutan. Sehubungan ini, ukuran yang lazim digunakan bagi menentukan kepunyaan kepada sesebuah negara dalam membayar balik hutang adalah nisbah khidmat hutang luar negara. Bagi tahun 2011, nisbah khidmat hutang luar negara masih rendah iaitu pada tahap 10.3 peratus mengikut ukuran yang diterima pakai oleh institusi kewangan antarabangsa. Nisbah khidmat hutang luar sebuah negara tidak seharusnya melebihi 20 peratus, kita hanya berada di 10.3 peratus.

Soalan Yang Berhormat mengenai strategi yang kita pakai untuk mengurangkan, uruskan hutang negara. Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut amalan strategi pengurusan hutang negara adalah berdasarkan kepada objektif-objektif antara dua:

- (i) memastikan sumber kewangan yang mencukupi untuk membiayai aktiviti-aktiviti pelaburan yang produktif dan jumlah pinjaman adalah selaras dengan tujuan untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi dengan kadar inflasi yang rendah serta kedudukan kewangan yang stabil di dalam negeri mahupun di peringkat antarabangsa; dan
- (ii) mengawal saiz hutang negara terutamanya hutang luar negeri pada tahap yang berpatutan dengan mengurangkan beban khidmat hutang untuk jangka masa sederhana dan jangka masa panjang.

Peraturan yang kita ikut ialah untuk makluman Yang Berhormat juga, untuk sektor swasta yang pula mesti mendapat kelulusan dari Bank Negara Malaysia sekiranya mereka pinjam wang yang lebih dari RM5 juta. Di sini kita mesti lapor dan kita mesti memberikan tujuannya. Kelulusan akan diberikan kepada peminjam yang membiayai kegiatan produktif serta projek-projek strategik dan juga pelaburan yang akan menjana pendapatan pertukaran wang asing yang cukup untuk menjelaskan hutang.

Yang Berhormat juga tanya mengenai dengan langkah-langkah yang kita ambil untuk mengurangkan hutang negara. Memang kita telah ambil banyak langkah. Antaranya kita memastikan jumlah hutang tidak melebihi had siling yang telah ditetapkan oleh undang-undang menggunakan nisbah dan petunjuk kewangan pertama dan juga kita menggalakkan sektor swasta untuk membiayai projek-projek pembangunan kerajaan. Kita akan ambil juga program yang lain supaya kita boleh kutip lebih wang untuk dana kita seperti kita memang dalam kajian untuk mengadakan GST iaitu *Goods and Service Tax* supaya kita boleh kutip lebih wang. Kita harap dengan langkah-langkah yang kita ambil dapat mengurangkan hutang negara kita pada masa ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah negara, kerajaan akan terus berhutang atau sebaliknya bayar semua hutang yang ada? Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar. Memang seperti yang kita sedia maklum, pada masa kita membangunkan negara kita pada tahun 50-an, 60-an dan 70-an, kita memang pinjam wang dari Bank Dunia dan juga *Asia Development Bank*. Pada masa ini kita tidak hutang lagi kepada Bank Dunia. Untuk *Asia Development Bank*, kita hanya hutang lebih kurang RM100 juta. Kita memang hendak kurangkan hutang negara dan kita haraplah dengan langkah-langkah yang kita ambil dan strategi yang kita ikut, kita haraplah kita boleh kurangkan hutang negara yang kita ada pada masa ini. Sekian.

3. Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah pihak BNM mendapatkan maklum balas dari rakyat sebelum pelaksanaan wang syiling baru bagi menggantikan wang syiling yang lama oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Banyak peniaga merungut kerana saiz wang syiling bagi dominasi 20 sen dan 50 sen adalah agak sama dan menyukarkan mereka terutamanya dalam memberi pulangan baki.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, duit syiling Malaysia siri baharu adalah lebih kecil dan ringan. Ia bertujuan untuk meningkatkan keselesaan dan kesenangan orang ramai. Spesifikasi baru ini adalah selari dengan hasil kaji selidik yang telah dijalankan oleh Bank Negara Malaysia antara bulan Januari hingga April 2009 yang merangkumi perbincangan kumpulan berfokus atau *focus group* dengan orang ramai, peniaga-peniaga dan pihak-pihak lain seperti institusi perbankan dan pengendali mesin wang tunai. Rumusan penting daripada kaji selidik tersebut mendapati orang ramai lebih gemar kepada duit syiling yang lebih kecil dan ringan berbanding dengan siri dahulu.

Selain mengecilkan saiz dan mengurangkan berat duit syiling adalah antara strategi utama yang diguna pakai oleh bank-bank pusat dunia dalam mempertingkatkan spesifikasi teknikal sewaktu memperkenalkan siri baharu duit syiling negara masing-masing. Antara bank-bank pusat yang dimaksudkan termasuklah *Reserve Bank of New Zealand*, *Bank of Korea*, *Central Bank Of Filipina* and *Bank of Thailand*. Duit syiling siri baharu ini diperkenalkan dengan memasukkan spesifikasi teknikal yang dipertingkatkan supaya mudah dikenal dan dibezakan selain memiliki ciri gerigi yang berlainan pada bahagian sisinya. Duit syiling siri baru ini dapat dibezakan mengikut saiz, berat dan ketebalan masing-masing.

Selain itu, orang ramai akan dapat membezakan duit-duit syiling baharu ini dengan lebih baik setelah digunakan secara aktif dan meluas di dalam edaran. Pada masa yang sama, Bank Negara Malaysia akan meneruskan program pendidikan mata wang untuk mendekatkan pengetahuan orang ramai berkenaan duit syiling siri baharu ini di samping duit kertas siri baharu yang akan diperkenalkan tidak lama lagi. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim, soalan tambahan.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawabkan tadi. Soalan tambahan saya ialah kita juga sedar bahawa saiz syiling ini agak merumitkan pengguna-pengguna kita terutama dalam kerja-kerja harian seperti mesin *parking*, telefon awam serta berbagai-bagai peralatan yang dikehendaki menggunakan duit syiling yang masih didapati belum diselenggarakan atau diubahsuai. Apakah tempoh yang telah diberikan agar semua kemudahan awam harus mengikut piawaian duit syiling ini agar perkhidmatan yang disediakan untuk kegunaan dan keselesaan rakyat ini tidak terjejas. Sekian, terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim Kader. Untuk makluman Yang Berhormat seperti yang saya telah jawab, memang kita telah buat perbincangan dengan *focus group* iaitu pihak yang berkenaan, peniaga-peniaga dan juga mereka yang mengendali mesin wang tunai. Memang kita buat masa ini syiling yang lama pun boleh dipakai sampai satu waktu yang semua orang tahu syiling baharu yang kita pakai itu, kita akan biasa dengan duit syiling baharu.

■1030

Yang Berhormat tadi ada tanya kita susah hendak bezakan, saya ada di sini duit syiling untuk Yang Berhormat sebagai cenderahati. Memang ada perbezaan dan kita harap dengan ada ini duit syiling baharu kita boleh ringankan beban sebab wanita kalau ada syiling dalam beg ini ringan juga baik untuk mereka. Kita harap dengan duit syiling yang baharu kita boleh jalankan tugas dengan baik. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau boleh bagi cenderahati untuk semualah. Terima kasih. Soalan tambahan silakan Yang Berhormat Dato' Mohamaed Najeeb. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tanya apakah bezanya di antara *face value and intrinsic value* kedua-dua mata wang syiling ini tadi yang 20 sen dan 50 sen. Kedua, saya juga ingin tahu, apabila Bank Negara menarik balik wang syiling RM1 yang berwarna emas itu daripada pasaran beberapa tahun dahulu berapakah kos yang terlibat dalam usaha menarik balik wang-wang syiling tersebut. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat. Kita bukan sahaja hendak ringankan berat duit syiling itu. Kita memang harap dengan duit syiling baharu ini kita dapat mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan dan juga kos yang kita hendak guna sebagai duit syiling ini sebab metal-metal yang tidak pakai akan ringan sedikit kalau berbanding dengan yang lama punya. Kita harap dengan itu kita boleh kurangkan kos kita. Kos yang spesifik saya tidak dapat jawab pada masa ini saya akan jawab secara bertulis. Kita memang utamakan ciri-ciri keselamatan dan juga kita pertimbangkan kos yang seperti Yang Berhormat katakan tadi. Yang lain punya kita haraplah kalau kita sentiasa pakai kita akan guna dengan baik untuk duit syiling yang baharu ini. Sekian.

3. Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan:

- (a) jumlah terperinci pelajar asing mengikut negara dan apakah kriteria yang dikenakan untuk membolehkan mereka mendapatkan visa pelajar; dan
- (b) tindakan yang diambil ke atas penuntut-penuntut asing yang menyalahgunakan visa pelajar.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Datuk Dr. Hou Kok Chung]: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia menerima pelajar daripada lebih 150 buah negara asing di mana lima buah negara tertinggi ialah daripada Iran seramai 11,823 orang, China 10,214 orang; Indonesia 9,888 orang; Jerman 5,866 orang; dan Nigeria 5,817 orang.

Setiap pelajar antarabangsa yang memohon untuk kemasukan ke IPTS perlu melalui proses semakan dan sokongan daripada Kementerian Pengajian Tinggi sebelum diluluskan visa pelajar oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Antara syarat-syarat yang diambil kira untuk mendapatkan sokongan daripada Kementerian Pengajian Tinggi ialah:

- (i) mendapat surat tawaran program atau kursus daripada IPT;
- (ii) menyediakan salinan sijil atau transkrip peperiksaan untuk memenuhi syarat kemasukan;
- (iii) kursus atau program yang dipohon perlu mendapat akreditasi daripada MQA;
- (iv) mengemukakan salinan muka depan pasport yang disahkan;
- (v) menjalani pemeriksaan kesihatan dan melampirkan laporan pemeriksaan kesihatan bagi memastikan pelajar yang memohon visa pelajar berada di dalam keadaan sihat; dan
- (vi) jika pelajar daripada negara sub sahara mereka perlu mengemukakan salinan sijil, "*No Objection Certificate*".

Berkenaan dengan tindakan yang diambil ke atas pelajar antarabangsa yang menyalahgunakan visa pelajar selain tindakan yang diambil oleh Jabatan Imigresen Malaysia ataupun Polis Diraja Malaysia, bagi kes-kes berunsurkan jenayah Kementerian Pengajian Tinggi turut menyarankan pihak IPT berkaitan untuk menjalankan prosiding terhadap pelajar yang menjurus kepada tindakan tatatertib.

Di samping itu, Kementerian Pengajian Tinggi juga mewajibkan setiap IPTS mengemukakan laporan berkala setiap suku tahun mengenai status pelajar antarabangsa termasuk pencapaian akademik dan rekod kehadiran ke kelas. Pada masa yang sama, kementerian juga akan meneliti kemudahan merekrut pelajar antarabangsa yang telah diberikan kepada IPT terbabit. Jika terdapat pelanggaran syarat oleh IPT maka kelulusan untuk merekrut pelajar antarabangsa boleh dibatalkan. Pada tahun ini, Malaysia merekrut pelajar antarabangsa bagi tujuh buah IPTS telah ditarik oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Sekian.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan itu. Soalan saya ialah adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa dalam masa-masa terdekat ini ramai di antara pelajar luar negara ini telah menjalankan kerja-kerja jenayah yang menjadi masalah kepada negara. Apakah tindakan kerajaan untuk mengurangkan masalah ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat kementerian memang menyedari terdapat kelemahan dalam sistem kemasukan pelajar antarabangsa yang memasuki negara ini dengan menggunakan visa semakan ketibaan dan pas lawatan sosial kerana mereka akan memasuki Malaysia sebelum mendapat tempat pengajian di mana-mana IPT tempatan. Sehubungan itu, Kementerian Pengajian Tinggi telah bekerjasama dengan Jabatan Imigresen Malaysia bagi menetapkan agar pas pelajar hanya dikeluarkan selepas pelajar menerima tawaran daripada IPT tempatan. Ini bagi memastikan pelajar antarabangsa yang memohon visa melalui pejabat kedutaan Malaysia di negara asal pelajar atau di negara-negara yang berhampiran adalah mereka yang telah melalui proses penapisan yang lebih teliti. Usaha ini bagi memastikan hanya pelajar antarabangsa yang benar-benar layak mengikuti pengajian di IPT tempatan sahaja yang dibenarkan memasuki negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kerajaan telah menubuhkan satu unit khas pas pelajar pada 31 Oktober 2011 sebagai satu tindakan bersepadu di antara agensi untuk menangani isu-isu pelajar antarabangsa. Unit khas ini terdiri daripada Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Jabatan Pembangunan Kemahiran sebagai agensi kawal selia bagi pusat bertauliah, Kementerian Pengajian Tinggi sebagai agensi kawal selia bagi institusi pengajian tinggi dan Kementerian Pelajaran Malaysia sebagai agensi kawal selia bagi institusi pengajian swasta, pusat bahasa dan sekolah antarabangsa.

Antara inisiatif unit khas tersebut ialah menubuhkan satu kumpulan kerja pemantauan pelajar antarabangsa yang akan diurusetiaikan oleh KDN untuk memantau isu-isu pelajar antarabangsa. KKPPA ini akan bersidang setiap bulan untuk membincangkan status dan isu-isu pelajar antarabangsa, mengenal pasti tindakan penambahbaikan dan penyelesaian isu berbangkit serta menggariskan tindakan bagi mengawal dan membendung penyalahgunaan pas oleh pelajar-pelajar antarabangsa. Sekian.

Datuk Majjol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah dengan taktik pelajar yang sudah pun belajar di negara kita bukan yang baru masuk tetapi yang sudah belajar di negara kita. Adakah kementerian memantau taktik mereka ini atau bicara mereka ini yang sudah belajar di sini dan cenderung berpindah ke dari kolej ke kolej, dari universiti ke universiti.

■1040

Tujuannya bukan untuk belajar sebenarnya, tujuannya adalah untuk tinggal di negara kita seberapa lama yang boleh. Dia gagal di satu universiti, dia pindah, dia gagal sana dan pindah lagi. Jadi akan tinggal di sini, tujuan untuk tinggal bukan untuk belajar. Adakah kementerian memantau pelajar yang mempunyai sifat begini? Terima kasih.

Datuk Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang selalu menasihatkan supaya IPT dapat berhati-hati tentang pelajar antarabangsa. Semua IPT mesti membuat laporan terhadap pelajar mereka kepada kementerian dari masa ke semasa. Untuk soalan Yang Berhormat, kalau ada *detail* yang terperinci, saya harap dapat bekalkan kepada saya dan kita akan menyasat. Sekian, terima kasih.

5. Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan, jika ada apa-apa skim atau rancangan kebajikan untuk membantu artis dan bekas artis tempatan, yang ramai menghadapi masalah kewangan dan kesihatan pada zaman tua mereka.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Subramaniam kerana mengambil berat tentang kebajikan artis-artis tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini telah memperkenalkan skim bantuan yang dikenali sebagai Skim Belaan Artis bermula dari tahun 2007 hingga 2009. Pada tahun 2010, kementerian telah memperkenalkan Tabung Kebajikan Penggiat Seni bagi menggantikan Skim Belaan Artis. Objektif penubuhan tabung ini bukan sahaja untuk membantu penggiat seni yang veteran tetapi juga untuk memastikan kebajikan penggiat seni khususnya yang daif dan uzur sentiasa terbela dan diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat empat jenis bantuan di bawah Tabung Kebajikan Penggiat Seni iaitu:

- (i) bantuan ihsan diberikan kepada penggiat seni yang uzur, daif dan tiada sumber kewangan yang tetap. Had maksimum bantuan adalah sebanyak RM10,000;
- (ii) bantuan kematian sebanyak RM5,000 diberikan kepada penggiat seni yang meninggal dunia. Bantuan layak diberikan kepada balu atau waris terdekat tertakluk kepada status penggiat seni berkenaan sama ada bujang atau berkahwin;
- (iii) bantuan bayaran perubatan bagi penyakit kronik diberikan kepada penggiat seni yang menghidap penyakit kronik seperti kanser, angin ahmar, buah pinggang dan lain-lain yang disahkan oleh hospital atau klinik kerajaan. Had maksimum bantuan adalah sebanyak RM10,000; dan
- (iv) bantuan bencana alam diberikan kepada penggiat seni yang ditimpa bencana alam seperti banjir, tanah runtuh, ribut, tsunami dan lain-lain. Had maksimum bantuan adalah sebanyak RM5,000.

Terima kasih.

Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah apakah Kementerian mencadangkan agar semua artis didaftarkan oleh FINAS. Seterusnya, apakah kemungkinan satu skim insurans diperkenalkan untuk semua artis yang dapat membantu mereka sekiranya menghadapi apa-apa masalah kesihatan. Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, semua artis memang digalakkan supaya mendaftar diri dengan pertubuhan-pertubuhan mereka. Bukan semuanya mereka boleh dirangkumkan di bawah FINAS, oleh kerana kerjaya mereka adalah berlainan. Misalnya sekiranya dia seorang artis pelakon, memang dia dikehendaki mendaftar tetapi yang dimaksudkan di bawah skim kebajikan kementerian iaitu semua penggiat seni tidak kira apa jua bentuk seni yang diminati ataupun yang diceburi oleh mereka.

Bagi pertanyaan yang kedua iaitu berkenaan dengan adakah mereka dikehendaki membeli insurans. Sebagaimana yang kita tahu Yang Berhormat, insurans adalah pilihan individu. Ada yang tidak mengamalkan perkataan insurans, mungkin itu dari segi keagamaan yang ada kekangan berkenaan dengan kalau kita katakan mengambil insurans. Akan tetapi itu memang adalah satu-satunya yang digalakkan lebih-lebih lagi untuk yang tidak memikirkan bahawa pengambilan insurans itu perkara keagamaan atau menyentuh keagamaan.

Sebagaimana Yang Berhormat bertanya juga iaitu berkenaan dengan kementerian kami, adakah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan mencadangkan satu skim khas untuk penggiat-penggiat seni. Ya, ada Yang Berhormat iaitu KPKK sedang dalam perancangan menyiapkan kertas kerja hala tuju profesion anak seni. Kertas kerja ini bertujuan untuk menyediakan bantuan kebajikan dan simpanan hari tua kepada semua artis di Malaysia. Melalui skim ini, para artis dikehendaki mencarum untuk simpanan hari tua mereka. Simpanan tersebut boleh ditambah mengikut keupayaan mereka sehingga berusia 60 tahun atau usia bersara wajib. Simpanan tersebut boleh dikeluarkan pada masa itu dengan faedah tahunan. Terima kasih.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pada ketika ini kerajaan bercadang untuk memberikan biasiswa kepada mana-mana artis dalam rancangan kerajaan untuk perkembangan kesenian dan kebudayaan masyarakat. Kedua, adakah kerajaan telah pun membina mana-mana bandar seni ataupun tempat perkampungan seni bagi memastikan mana-mana orang yang ingin menjadi artis boleh mendaftarkan diri dan boleh mengambil kursus induksi di sana bagi memastikan mereka ini akan membawa gagasan yang sama dengan pihak yang berwajib. Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, kementerian dari semasa ke semasa memang ada memberi sokongan kepada penggalakan penubuhan ataupun iaitu berkenaan dengan pengajian ataupun pembelajaran artis-artis. Untuk biasiswa kepada bakal penggiat seni, ini belum ada satu biasiswa khusus tetapi misal sekiranya mereka mengambil pelajaran di mana-mana institusi, saya percaya di mana-mana institusi pengajian tinggi sudah ada, ini digalakkan. Sebagaimana Yang Berhormat sendiri tahu bahawa kementerian ini, institusi pengajian khas untuk seni di kementerian kami adalah ASWARA.

Pada masa ini kebanyakan penuntut ataupun pelajar-pelajar di situ, pelajaran mereka selain daripada bantuan daripada ibu bapa sendiri, ada juga dibantu oleh kementerian. Sebagaimana yang kita tahu bahawa sepatutnya yuran pengajian di ASWARA memang lebih tinggi dari yang dibayar oleh ibu bapa. Ini adalah sedikit sebanyak membantu mengembangkan kesenian negara. Terima kasih.

■1050

6. Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, mengapakah tindak dibuat pendaftaran bantuan untuk OKU dan ibu tunggal secara pengesanan automatik berdasarkan kelahiran dan ketidakupayaan kekal di hospital dan mahkamah melalui JPN dan memberikan kelonggaran kepada mana-mana individu tidak memerlukannya untuk meminta pengecualian dan sejauh manakah audit bangunan mesra OKU berjaya dilaksanakan selepas akta diwartakan di premis lama dan baru milik kerajaan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Heng Seai Kie]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sememangnya prihatin terhadap aspek kesejahteraan dan kelestarian hidup kumpulan sasarannya termasuk golongan orang kurang upaya dan ibu tunggal. Dalam hal ini, pelbagai perkhidmatan serta bantuan kebajikan telah disediakan oleh kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Pembangunan Wanita kepada golongan OKU dan ibu tunggal khususnya mereka yang miskin dan memerlukan.

Walau bagaimanapun, perkhidmatan dan bantuan kebajikan kepada golongan ini bukanlah diberikan secara automatik. Sebaliknya, JKM dan JPW mempunyai syarat dan kriteria yang khusus bagi setiap program dan skim bantuan kebajikan di mana pertimbangan dibuat berdasarkan pendekatan *means testing*, dengan izin, dalam mengenal pasti bantuan yang diperlukan.

Selain itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengadakan mesyuarat dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan seperti Kementerian Kesihatan, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Pertubuhan Keselamatan Sosial dan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia pada 18 April 2012 yang lalu berhubung pengumpulan data secara automatik bagi OKU dan ibu tunggal. Dalam hal ini, pihak PERKESO bersedia memberikan data mengenai pekerja yang menerima pencen ilat yang disebabkan hilang upaya semasa menjalankan tugas. Bagi ibu tunggal, kementerian akan mendapatkan data daripada JKSM dan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, *accessibility* OKU kepada bangunan dan kemudahan awam adalah termaktub dalam Dasar dan Pelan Tindakan OKU, seksyen 26, Akta OKU Tahun 2008 dan Artikel 9, Konvensyen Mengenai Hak OKU yang diratifikasikan oleh Malaysia pada 19 Julai 2010. Memandangkan Malaysia telah menjadi negara pihak kepada Konvensyen Mengenai Hak OKU tersebut, adalah menjadi obligasi kerajaan untuk memastikan semua pihak yang bertanggungjawab dalam penyediaan bangunan dan kemudahan awam mematuhi peruntukan kedua-dua perundangan tersebut.

Sehubungan itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah melantik perunding untuk menjalankan kajian Audit Akses ke atas 16 lokasi di sembilan buah negeri yang dikenal pasti pada tahun 2008. Hasil kajian tersebut menunjukkan secara keseluruhannya tahap *accessibility* OKU kepada bangunan dan kemudahan awam masih kurang memberangsangkan dan memerlukan tindakan penambahbaikan dari segi kebolehaksesan.

Pada masa ini, Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina di bawah Majlis Kebangsaan bagi OKU turut menjalankan Audit Akses secara berkala melalui pendekatan dengan izin, *multisectoral collaboration* dengan agensi dan kementerian yang berkaitan seperti pihak berkuasa tempatan, Kementerian Kerja Raya serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dalam hal ini, sesi Audit Akses telah dijalankan di Terminal Bersepadu Selatan iaitu Bandar Tasik Selatan pada 22 September 2011 yang melibatkan kerjasama pelbagai pihak seperti Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pengangkutan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Universiti Islam Antarabangsa dan OKU sendiri.

Hasil penemuan Audit Akses mendapati bangunan TBS dan BTS adalah mesra OKU. Walau bagaimanapun, usaha penambahbaikan perlu dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan kemudahan yang disediakan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh golongan OKU. Penemuan sesi Audit Akses ini telah dikemukakan kepada pihak penyedia perkhidmatan untuk tindakan penambahbaikan.

Bagi membuktikan kesungguhan dan keprihatinan kerajaan untuk meningkatkan tahap *accessibility* OKU kepada bangunan dan kemudahan awam, cadangan kementerian supaya satu Unit Audit Akses ditubuhkan di setiap PBT telah mendapat kelulusan kerajaan pada 7 September 2011 yang lalu.

Antara tujuan penubuhan unit ini adalah untuk melaksanakan Audit Akses secara berkala ke atas bangunan dan kemudahan awam berdasarkan konsep reka bentuk sejagat; mengenal pasti masalah dan halangan yang dihadapi oleh OKU; dan mencadangkan jenis akses dan kerja-kerja ubah suai yang bersesuaian termasuk mencadangkan penyelesaian secara *architecture* bagi menangani masalah *accessibility* untuk OKU.

Penubuhan Unit Audit Akses di setiap PBT membolehkan Audit Akses ke atas premis lama dan baru dilaksanakan secara berkala.

Susulan itu Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah menganjurkan Seminar Aksesibiliti OKU kepada bangunan dan kemudahan awam pada 24 dan 25 November 2011 di Kuala Lumpur. Seminar ini telah dihadiri oleh 250 orang peserta yang terdiri daripada wakil PBT, badan profesional dan penyedia perkhidmatan. Ia bertujuan antara lainnya adalah untuk meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan pemahaman para peserta mengenai kepentingan penyediaan bangunan dan kemudahan awam berdasarkan aplikasi reka bentuk sejagat yang bukan sahaja boleh di akses oleh OKU tetapi oleh semua lapisan masyarakat. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawis: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan pelantikan satu pegawai untuk Unit Audit Akses.

Soalan tambahan saya, adakah dalam pendaftaran baru untuk kad pengenalan yang baru diperkenalkan oleh kerajaan, ada tidak dimasukkan terutamanya mengenai kecacatan yang dimiliki oleh mana-mana OKU, kerana setakat ini kita difahamkan kalau mereka punya IC pun, mereka terpaksa bawa kad OKU. Jadi dalam kad pengenalan baru, adakah perkara ini dimasukkan terutamanya mengenai OKU ini di dalam kad pengenalan?

Kedua, kita memahami kekangan kerajaan untuk tidak boleh mendaftarkan secara automatik untuk memberikan bantuan untuk JKM. Akan tetapi kita mendapati bahawa daripada siasatan yang dibuat oleh PAC Perak, terdapat 6,936 orang yang telah dikesan mati tetapi masih lagi menerima bantuan daripada JKM dan baru sahaja diberhentikan bayaran kepada mereka. Jadi dalam kes ini, adakah pihak kementerian bercadang untuk memastikan penamatan status penerima JKM ini secara automatik sekiranya mereka mendaftarkan mati di mana-mana Jabatan Pendaftaran Negara?

Ketiga, oleh kerana bangunan Parlimen kita ini merupakan bangunan yang baru dibina dan sepatutnya mesra OKU, saya dapati masih lagi terdapat beberapa perkara kemudahan dalam bangunan Parlimen yang baru kita bina ini pun yang tidak mesra OKU. Jadi adakah perkara ini disedari oleh pihak kementerian? Sebagai contohnya kemudahan surau yang disediakan di bangunan Parlimen langsung tidak mesra OKU untuk naik ke sana dan mendapatkan cara hendak ambil air sembahyang semua di dalam bilik sembahyang. Jadi adakah dalam konteks ini pihak kerajaan menyelia perkara ini dan adakah kita mempunyai bajet yang sesuai untuk menambah baik? Sekiranya pihak kerajaan menyedari mana-mana bangunan yang baru dibina ini, tidak mesra OKU sebenarnya. Terima kasih.

■1100

Datuk Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Berkenaan dengan sama ada kad pengenalan yang baru akan dimasukkan tentang taraf OKU atau tidak, ya memang adalah dua perkara yang berbeza. Walau bagaimanapun semua kad OKU di negara ini akan diperbaharui mulai tahun ini dan sedang dalam proses. Kedua ialah tentang penerima bantuan JKM yang dilaporkan mati tetapi masih menerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Untuk isu ini JKM akan bekerjasama dengan JPN agar apabila sesuatu kematian dilaporkan maka ia akan dilaporkan juga kepada JKM supaya langkah yang seterusnya dapat diambil. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menerangkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa di atas sebab inilah JKM akan melakukan kaji semula terhadap semua kes penerima bantuan JKM iaitu secara berkala, setiap enam bulan.

Satu daripada tujuannya ialah yang pertama sekali untuk memastikan tentang status sosial ekonomi penerima bantuan sama ada ia masih memerlukan. Kedua ialah sama ada penerima bantuan itu masih lagi hidup ataupun tidak. Jadi saya berharap semua Yang Berhormat dan juga semua pihak dapat memahami tentang kaji semula iaitu proses kaji semula JKM ini adalah amat penting. Ketiga ialah tentang bangunan Parlimen, saya ingin memperingatkan bahawa bangunan Parlimen pada masa ini adalah bersifat sementara. Walau bagaimanapun, kementerian akan mengambil perhatian tentang perkara ini dan untuk makluman Dewan yang mulia ini sebenarnya semua institusi kementerian yang kesemuanya berjumlah 70 di seluruh negara ini adalah bersifat mesra OKU.

Tuan Lihan Jok: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, dipersilakan Puan Chew Lee Giok.

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tanya mengapa Orang Kurang Upaya dikehendaki memohon kad OKU terlebih dahulu sebelum memperoleh bantuan OKU ataupun bantuan JKM? Maksud saya seorang OKU itu hendaklah terus diberikan bantuan JKM ataupun bantuan OKU walaupun beliau tidak mempunyai kad OKU. Terima kasih.

Datuk Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan yang dikemukakan. Sebenarnya takrif OKU itu tidak hanya terhad kepada kecacatan fizikal ataupun buta yang boleh nampak. Ia melibatkan kecacatan dari segi masalah iaitu pembelajaran, pertuturan, mental dan lain-lain termasuklah autisme di sini. Jadi di sini untuk OKU itu harus didaftarkan kerana kita memerlukan pengesahan daripada doktor terutamanya doktor daripada hospital kerajaan. Kedua, untuk memberikan, melayakkan seseorang OKU itu mendapat bantuan JKM, syaratnya terdapat beberapa kriteria yang berkait rapat dengan keadaan sosioekonomi keluarganya juga. Sekiranya keluarganya adalah berpendapatan lebih daripada iaitu RM3,000 sebulan, maka OKU tersebut adalah dianggap sebagai mampu ditanggung oleh keluarganya sendiri, dengan itu ia tidak akan diberikan bantuan.

Walau bagaimanapun, untuk OKU yang dihantar ke PDK iaitu Pusat Pemulihan Komuniti yang berdaftar dengan PDK iaitu bagi seluruh negara terdapat 468 PDK, maka bagi setiap kanak-kanak OKU melalui Jabatan kebajikan Masyarakat kita akan membayar sebanyak RM150 sebagai elaun untuk pengangkutan bagi membolehkan ibu bapa mereka menghantar anak OKU tidak kira latar belakang mereka sama ada kaya atau miskin, semuanya akan diberi elaun RM150 sebulan. Bagi mereka yang mendapat terapi perkhidmatan fisioterapi di rumah bagi terutama sekali bagi OKU terlantar, maka kita juga akan memberikan elaun sebanyak RM50 sebulan.

Bagi kanak-kanak OKU yang dihantar ke sekolah pendidikan khas iaitu melalui Kementerian Pelajaran Malaysia juga, setiap pelajar OKU juga dibayar sebanyak RM150 sebulan. Akan tetapi bagi OKU dewasa yang telah bekerja sama ada separuh masa ataupun sepenuh masa, mereka akan diberikan elaun pekerja cacat sebanyak RM300 sekiranya gaji ataupun pendapatan bulanan mereka adalah kurang daripada RM1,200 dan bagi OKU dewasa yang tidak bekerja atau tidak mampu bekerja serta miskin di mana pendapatan keluarganya juga adalah di bawah RM3,000, maka mereka dibayar RM150 sebulan. Sekian, terima kasih.

6. Tuan Khoo Soo Seang minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, apakan tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah pengangguran di kalangan lepasan ijazah Malaysia yang semakin bertambah saban tahun.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam 1Malaysia Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang dan saya juga dengan hati yang jujur ingin memberikan jawapan. Pertama, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kadar pengangguran di Malaysia pada masa ini adalah di tahap 3.1 peratus dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan bahawa terdapat kadar pengangguran yang lebih tinggi di negara-negara seperti di Perancis pada masa ini kadar penganggurannya adalah 10 peratus, di Amerika Syarikat 8.1 peratus, di United Kingdom 8.3 peratus, di Jerman 7.4 peratus, di Kanada 7.2 peratus, di Australia 5.2 peratus, di Jepun 4.5 peratus, di China 4.1 peratus, di Korea 3.4 peratus dan ini dapat menunjukkan kepada kita di Malaysia ini kadar 3.1 peratus adalah kadar yang terkawal dan boleh diuruskan dengan pelbagai inisiatif oleh kerajaan.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa banyak program yang dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia dan lain-lain kementerian dan agensi kerajaan dan saya hanya memberikan beberapa contoh sahaja pada pagi ini. di Kementerian Sumber Manusia, kita menyediakan kemudahan untuk pendaftaran pekerjaan dan juga untuk membuat carian pekerjaan melalui portal *JobsMalaysia* secara percuma.

Ini dapat digunakan pencari-pencari pekerja sama ada mereka menganggur ataupun mereka sudah bekerja tetapi ingin mencari pekerjaan yang lebih baik dengan melayari sistem portal elektronik *JobsMalaysia* ini dan kita mendapati secara terkumpul di dalam sistem ini terdapat lebih daripada 200,000 majikan yang tersenarai dan mereka ini akan menyenaraikan peluang-peluang kerja-kerja kosong di dalam sistem ini. Jadi, bagi mereka yang sudah mendaftar mereka boleh membuat carian kerja melalui talian ini dan juga boleh membuat permohonan terus kepada majikan-majikan tersebut.

■1110

Saya ingin memaklumkan bahawa kerja kosong yang didaftarkan di dalam *JobsMalaysia* sehingga 3 Mei 2012 ialah sebanyak 184,155 pekerjaan yang mana hampir 20 peratus daripada jumlah ini adalah sesuai untuk graduan iaitu sebanyak 34,264 pekerjaan. Sehingga 3 Mei 2012, 11,613 penempatan graduan telah dibuat daripada jumlah yang kosong ini. Saya juga ingin memberikan keyakinan kepada Dewan yang mulia ini bahawa melalui sistem yang dibuat ini, pada tahun 2010, kita dapat menempatkan lebih daripada 37,000 graduan. Pada tahun lalu iaitu tahun 2011, kita telah menempatkan 59,788 graduan melalui sistem ini.

Selain daripada itu, khidmat nasihat, kaunseling dan juga penjadohan pekerjaan secara manual dibantu oleh 80 cawangan Jabatan Tenaga Kerja di seluruh negara dan 12 pusat *JobsMalaysia*. Saya ingin memaklumkan bahawa di Kementerian Sumber Manusia juga kita ada dua program khas untuk graduan. Satu ialah program latihan khusus dan penempatan yang kita buat, yang kita panggil Program STAR iaitu *Specialized Training at Advance Recruitment* yang mana ia merangkumi latihan teori secara teori kemudian diikuti dengan latihan praktikal dengan industri dan penempatan pekerjaan. Kita dapati sejak ia dilaksanakan pada tahun 2011, kita telah dapat menempatkan 1,764 graduan melalui program ini.

Lagi satu program khas yang dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia adalah program meningkatkan kemahiran graduan secara cepat melalui program yang dipanggil *Accelerated Skills at Enhancement Training* atau ASET dalam perkataan pendeknya. Kita dapati bahawa ini adalah untuk mereka daripada bidang kemahiran yang ada Sijil Kemahiran Malaysia 2 sampailah peringkat diploma dan siswazah. Melalui program ini, sehingga bulan April 2012, kita telah melibatkan lebih 5,363 orang.

Secara segeranya, saya ingin memaklumkan bahawa lain-lain kementerian, agensi-agensi kerajaan, Unit Perancang Ekonomi juga sepanjang tahun 2011 telah mengadakan pelbagai program *apprentice*, latihan kemahiran dan lain-lainnya yang melibatkan lebih daripada 330,244 graduan. Selain daripada itu, ada juga inisiatif-inisiatif yang dibuat oleh pihak swasta. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan, Tuan Khoo Soo Seang. Silakan Yang Berhormat Senator.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pada tahun lepas, saya pernah membuat saranan di Dewan yang mulia ini bahawa kementerian buat pengunjuran keperluan sumber manusia buat lima tahun akan datang untuk menjadi panduan kepada anak-anak negara kita sebelum mereka masuk ke universiti. Tadi saya juga mendengar penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut tentang pengunjuran. Jadi saya ingin tahu, sejauh mana rancangan itu sudah dilaksanakan dan kadar kejayaannya?

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas cadangan yang telah dibuat pada tahun lalu. Sebenarnya memang Kementerian Sumber Manusia secara berkala mengadakan kajian dan membuat unjuran. Selain daripada itu, saya juga ingin memaklumkan bahawa wujud satu institut kajian tenaga kerja yang ada di Kementerian Sumber Manusia, pendeknya 'ISMEC' kita panggil, ya, yang mana telah di naik taraf supaya ia merupakan satu pusat sumber maklumat berkaitan dengan tenaga kerja yang mana bilangan pegawai, kakitangan dan juga pengkhususan tentang pelbagai penyelidikan termasuklah unjuran, akan dibuat *insya-Allah*, secara berterusan dan meningkatkan lagi usaha-usaha yang sudah dibuat pada masa ini.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dato' Dr. Firdaus, soalan tambahan seterusnya.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ringkas sahaja. Satu tadi tentang kadar pengangguran di negara ini yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, 3.1 peratus itu. Saya percaya ini adalah kadar daripada keseluruhan angka. Akan tetapi bagaimana dengan kadar pengangguran di kalangan graduan-graduan sahaja? Berapa ramai graduan yang telah lulus dan berapa ramai yang sedang mengalami pengangguran? Berkaitan dengan itu walaupun tidak secara langsung ialah tentang antara sebab pengangguran itu, ada atau tidak? Sudah tentu sahaja bukan kerana kurang cekap atau kurang kemahiran semata-mata tetapi ada kerana masalah sikap.

Untuk ini saya rasa, apakah usaha kementerian melakukan perubahan sikap di kalangan penganggur-penganggur atau di kalangan masyarakat secara umumnya? Lebih-lebih lagi tentang yang ada kaitannya dengan pekerjaan-pekerjaan separa, *semi skill* untuk ertinya perlunya kita melakukan kempen perubahan sikap supaya mengurangkan kebergantungan kita pada tenaga-tenaga pekerja dari luar. Terima kasih.

Dato' Maznah binti Mazlan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya pertamanya ingin memaklumkan bahawa mengikut jabatan statistik, angka terkini menunjukkan bahawa pengangguran di kalangan siswazah berjumlah 76,200 orang. Saya tadi telah menyebut tentang inisiatif-inisiatif yang dibuat untuk membolehkan mereka ini mendapat pekerjaan. Seterusnya, saya ingin memaklumkan bahawa berkaitan dengan sikap, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja juga ada membuat satu bancian melalui talian portal JobsMalaysia.

Kita dapati ada dua perkara yang menarik yang ada kaitan dengan apa Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus sebutkan tadi iaitu kita dapati satu, daripada 1,194 responden yang terlibat dengan kajian ini, ia menunjukkan bahawa 77.14 peratus mengatakan bahawa mereka memerlukan mentor ataupun pembimbing dalam usaha untuk mencari kerja. Ini ada kaitan dengan kebolehan mereka, kemahiran mereka untuk mencari pekerjaan, dengan izin, *job search skill*. Mereka tidak tahu di mana hendak mendapatkan maklumat dan bagaimana cara hendak memohon.

Kita dapati melalui bancian ini, bilangan responden yang lepasan universiti yang telah mempunyai kemahiran mencari pekerjaan dan sepatutnya tiada masalah untuk mencari pekerjaan tetapi kita dapati 42.59 peratus berkata setuju, tidak ada masalah. Akan tetapi 57.41 peratus mengatakan mereka ada masalah untuk mencari kerja. Maknanya tidak ada kemahiran untuk mendapat maklumat dan membuat carian pekerjaan. Ini juga ada kaitan dengan sikap tadi. Saya rasa apabila bercakap tentang sikap terlalu panjanglah untuk kita bincangkan di sini kerana semua pihak perlu terlibat di dalam mengubah sikap di negara ini dalam semua aspek sekalipun.

Mengenai dengan kemahiran dan separuh kemahiran, kerajaan dan Kementerian Sumber Manusia terlibat secara terus dalam usaha untuk mengarusperdanakan dan memperkasakan bidang kemahiran sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia negara maju dan negara berpendapatan tinggi. Ini mestilah diiringkan dengan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi. Terima kasih.

■1120

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan seterusnya Datuk Maijol Mahap.

8. Datuk Maijol Mahap minta Menteri Pengangkutan menyatakan, kenapakah kementerian mempertahankan *Cabotage Policy*, sedangkan ia ternyata membebaskan rakyat Sabah selama ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Tuan Yang di-Pertua saya memohon izin menjawab bersekali pertanyaan ini bersama dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung kerana pertanyaan pada pertanyaan nombor 21 di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* bertarikh hari ini kerana kedua-dua pertanyaan tersebut menyentuh perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Yang Berhormat, Dasar Kabotag yang diperkenalkan pada tahun 1980 adalah dasar yang diamalkan kebanyakan negara di dunia yang tidak terkecuali Malaysia. Dasar ini diiktiraf oleh WTO sebagai satu elemen strategik dan berkepentingan bagi sesebuah negara. Kerajaan melaksanakan dasar ini adalah bagi membangunkan sektor perkapalan domestik negara dan juga mencapai pelbagai objektif seperti berikut:

- (i) menghapuskan pergantungan negara terhadap kapal asing yang telah menjadi penyumbang selama ini terhadap pengaliran mata wang asing negara yang banyak dan menyebabkan defisit dalam akaun *invisible trade* negara akibat pembayaran yang banyak dalam bentuk bayaran *fraud* dan insurans;
- (ii) membangunkan sektor perkapalan negara untuk membolehkan mereka terlibat sama menjadi *players* dalam set perniagaan sektor perkapalan serantau dan antarabangsa; dan
- (iii) pembangunan sektor perkapalan ini mempunyai dimensi strategik dan sebahagian daripada sistem pertahanan dan keselamatan negara di mana kapal-kapal ini boleh digunakan seandainya berlaku krisis dan darurat.

Walaupun bagaimanapun, perlu ditegaskan di sini bahawa dasar ini adalah sangat liberal dan langsung tidak menghalang mana-mana kapal asing yang ingin berlayar terus atau mengunjungi pelabuhan-pelabuhan di Sabah dan Sarawak bagi tujuan mengangkut barang masuk dan keluar seperti mana dakwaan yang mengatakan bahawa kita dalam dasar ini adalah menghalang.

Demikian juga setelah mendapat maklum balas daripada pelbagai pihak, kerajaan pada tahun 2009 telah tidak mengenakan apa-apa sekatan bagi aktiviti-aktiviti *transshipment* bagi kapal-kapal asing yang ingin mengangkut kontena selanjutnya ke Sabah dan Sarawak menggunakan kapal asing sendiri sebagai *fetal vessel*. Sebagai kerajaan yang sentiasa peka dan prihatin terhadap apa juga rungutan rakyat Malaysia dan berpegang teguh kepada prinsip slogan 1Malaysia Rakyat Didahulukan, terkini kerajaan sekali lagi bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bagi mengkaji secara holistik apa juga dakwaan yang dikemukakan oleh pelbagai pihak khususnya berkaitan dengan dasar ini untuk membolehkan ianya menjadi satu dasar yang adil dan seimbang khususnya kepada penduduk Sabah dan Sarawak.

Kerajaan sedia ada sentiasa komited untuk memastikan kepentingan penduduk Sabah dan Sarawak sentiasa terjaga dan terpelihara dan bersedia melakukan apa sahaja yang terbaik dan termampu untuk menjaga kepentingan rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menurunkan harga barang di Sabah dan Sarawak dengan melaksanakan pemberian pelbagai subsidi melalui projek pengedaran barang perlu, penyeragaman harga gas petroleum cecair dan *community drumming* dengan perbelanjaan RM70 juta dan ianya adalah satu inisiatif yang berterusan.

Ini adalah bukti bahawa selama ini kerajaan tidak berdiam diri atau bersifat pasif dan sememangnya mencari jalan untuk membantu meringankan bebanan rakyat tanpa mengira lokasi. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap, soalan tambahan?

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tidak setuju dengan jawapan sahabat saya mengenai dengan dasar yang digunakan di negara lain. Dia kata, "*Di negara lain pun ada kabotaj juga*". Ya, betul. Akan tetapi, negara lain ada alternatif lain Tuan Yang di-Pertua. Ada kereta api, ada jalan raya. Akan tetapi Sabah, Sarawak, Semenanjung ini mana ada boleh begitu. Hanya ada satu sahaja, melalui kapal laut. Oleh sebab kalau tidak satu sahaja.

So, kita tidak boleh amalkan dasar yang diamalkan oleh negara lain untuk pakai di Malaysia ini. Kalau ia baik, kenapa orang-orang Sabah ini terus membantah *Cabotage Policy* ini? Di bantah tetapi, sekarang ini masih bertahan lagi. Hanya pada tahun 2009 sahaja, Menteri pada masa itu Datuk Seri Ong Tee Kiat, bagus Menteri ini Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab beliau telah meliberalisasikan sebahagian daripada dasar itu iaitu kapal luar negara hanya boleh menghantar barang-barang dari luar negara terus ke Sabah dan Sarawak jika kontennya tidak dibuka di Port Klang atau mana-mana pelabuhan di Semenanjung. Hanya separuh sahaja *partially liberalize*, dengan izin....

Timbalan Yang di-Pertua: Terus kepada soalan Yang Berhormat.

Datuk Majjol Mahap: Saya mahu tanya Tuan Yang di-Pertua, tolonglah, bilakah kementerian akan menghentikan dasar yang dianggap *discriminate*, dengan izin, peniaga-peniaga di Sabah ini?... [Ketawa].

Soalan yang kedua kerana saya diizinkan menyoal dua soalan. Kalau dasar, *Cabotage Policy* ini diberhentikan secara potensinya Tuan Yang di-Pertua, Sabah boleh menjadi *regional hub* di Malaysia ini. *Regional hub* sebab kedudukan geografinya yang strategik. Contohnya 60 peratus hingga 70 peratus daripada import Malaysia adalah datangnya dari China, dari Japan, dari Korea dan Taiwan yang mana adalah lebih dekat di Sabah daripada di Port Klang. Jadi dengan cara itu kita mempunyai satu integrasi ekonomi di negara kita. Adakah kementerian mencadangkan untuk membuat Sabah sebagai *regional hub* di Malaysia ini? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya Senator Datuk Majjol daripada Sabah juga. Memanglah isu ini adalah merupakan satu isu yang sentiasa dibangkitkan bukan sahaja oleh media-media masa tetapi juga kumpulan-kumpulan tertentu. Akan tetapi ingin saya jelaskan di sini, kerajaan sememangnya tidak pernah menutup telinga ataupun tidak prihatin terhadap isu ini. Oleh sebab itu, dalam apa juga cadangan-cadangan itu telah pun diambil kira bukan sahaja pada hari ini, tetapi semenjak ianya dilaksanakan.

Kalau kita lihat misalnya beberapa tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kerajaan untuk meliberalisasikan polisi ini. Cuma saya ingin nyatakan di sini, ada juga kekeliruan-kekeliruan terhadap polisi ini yang mengatakan bahawa seolah-olah dasar ini adalah menghalang terus kapal-kapal asing daripada terus mengunjungi pelabuhan-pelabuhan di Sabah dan Sarawak. Saya ingin tegaskan di sini untuk makluman Yang Berhormat, ini tidak benar sama sekali. Oleh kerana mana-mana juga kapal asing sama ada daripada China, dari Hong Kong, dari Singapore yang ingin menghantar terus kontena mereka ke Sabah dan Sarawak, ianya tidak pernah di halang. Ia tidak termasuk dalam dasar ini. Kita tidak pun menyekat mana-mana kapal asing yang akan datang ke Sabah. Walaupun ada dakwaan mengatakan kita menghalang.

Mungkin Yang Berhormat sendiri maklum, di masa yang lalu apabila kita mengeksport balak daripada Sabah, ianya tidak dihalang untuk mereka menghantar terus, kapal-kapal itu menghantar terus ke pelabuhan-pelabuhan di luar negara.

■1130

Jadi, yang saya ingin nyatakan di sini bahawa kerajaan sememangnya prihatin. Oleh sebab itu Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini dalam lawatan beliau ke Sabah, sekali lagi bersetuju untuk mengadakan satu jawatankuasa kabinet untuk melihat dakwaan-dakwaan ini dan sekiranya ada dakwaan-dakwaan tersebut boleh diguna pakai untuk dilaksanakan bagi kepentingan rakyat Sabah dan Sarawak, ia akan dipertimbangkan untuk dilaksanakan dan kita telah pun seperti mana yang saya nyatakan tadi pada tahun 2009.

Saya katakan di sini kajian ini adalah berterusan. Siapa jadi Menteri itu tidak menjadi persoalan dan Kementerian Pengangkutan pun tidak berdiam diri. Oleh sebab itu pada tahun 2009, kementerian ini telah pun meliberalisasikan *transshipment* bererti apabila *Mother Vessel* berlabuh di pelabuhan Klang dan mereka mahu mengangkut kontena mereka ke Sabah dan Sarawak, mereka menggunakan kapal-kapal asing ini seperti Maersk, Evergreen dan syarikat-syarikat yang besar boleh menggunakan *feeder vessel* mereka sendiri. Mereka tidak tertakluk untuk semestinya mengguna pakai kapal tempatan.

Ini adalah yang saya katakan di sini cuma hari ini yang kita ada sedikit sekatan ialah berkaitan dengan pengangkutan *point to point* iaitu misalnya daripada pelabuhan Klang ke Sabah dan Sarawak. Ini adalah bagi pengangkutan kargo dan kontena bagi *point-to-point* sahaja di mana apabila sekiranya tidak cukup kapal-kapal tempatan, maka kita telah membenarkan kapal asing untuk beroperasi. Dalam ini kalau kita lihat sendiri pun dalam statistik yang saya ingin nyatakan di sini bahawa kita telah pun memberikan banyak kelonggaran iaitu dengan membenarkan kapal-kapal asing misalnya telah memberikan DSL. Bagi tahun 2010 sahaja, kita telah memberikan atau *domestic shipping license* untuk mengangkut.

Pada tahun 2010, 2,392 bagi daftaran Malaysia dan bagi daftaran asing kapal asing yang dibenarkan untuk mengangkut ialah 2,518. Lebih lagi kita bagi kepada kapal asing. Kalau kita benarkan semua kapal asing memonopoli perairan kita, itu boleh kita lakukan tetapi kita juga akan membayar kos yang lebih besar daripada itu di masa akan datang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan soalan tambahan kepada... Silakan Yang Berhormat.

Tuan Pau Chiong Ung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ringkas sahaja tetapi lebih *detail*. Di bawah *Cabotage Policy* itu, adakah kementerianengehadkan mana-mana pihak organisasi atau badan korporat untuk mengendalikan pengangkutan produk tempatan yang dieksport ke pasaran luar negara? Sekian, terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat kita tidak melantik mana-mana agensi pengangkutan terhadap barang import dan eksport adalah dilaksanakan oleh syarikat-syarikat perkapalan tempatan dan asing. Terima kasih.

9. Tuan Lihan Jok minta Menteri Pelajaran menyatakan, cadangan untuk membekalkan setiap pelajar di luar bandar satu (1) komputer riba bagi setiap seorang sebagai satu cara efektif sekolah dalam mengimbangkan kefahaman dan kepandaian pelajar di luar bandar dengan pelajar di bandar.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia sememangnya amat peka dan prihatin bahawa pembelajaran berpandukan ICT merupakan salah satu cara yang efektif dalam membentuk modal insan berkemahiran. Inisiatif membekalkan komputer kepada pelajar luar bandar telah dilakukan oleh Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) di bawah Program *Netbook 1Malaysia*. Program ini menumpukan pelajar luar bandar dengan kriteria tertentu. Antara usaha dilakukan oleh kerajaan untuk meningkatkan peluang murid di luar bandar dan di bandar menggunakan komputer bagi tujuan pembelajaran adalah melalui projek makmal pengkomputeran sekolah telah dirancang oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE) dan dilaksanakan bermula pada tahun 2000 dan sehingga tahun 2011 sebanyak 70 peratus buah sekolah di seluruh negara telah dibekalkan dengan sekurang-kurangnya sebuah makmal komputer. Projek ini diteruskan dalam pelan Rancangan Malaysia ke-10 untuk sekolah-sekolah yang belum dilengkapi dengan kemudahan makmal komputer.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran juga sedang mengkaji kesesuaian cadangan untuk membekalkan setiap pelajar di luar bandar satu komputer riba bagi setiap orang. Antara aspek yang diambil kira termasuk implikasi kos, faktor keselamatan dan juga yang penting adalah pengisian aktiviti dalam memastikan peralatan yang dibekalkan memberi manfaat kepada murid. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Yang Berhormat Tuan Lihan Jok.

Tuan Lihan Jok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ada dua di sini. Apakah ada kemungkinan komputer literasi akan menjadi satu mata pelajaran ataupun satu sukatan mata pelajaran di peringkat sekolah rendah kerana setakat ini saya sebagai bekas guru besar dan pengetua, penggunaan *lab* komputer dengan izin yang telah banyak diperkatakan itu tidak begitu berkesan dalam usaha kementerian menyampaikan komputer literasi kepada anak-anak kita. Jadi itu soalan yang pertama.

Soalan yang kedua, adakah kementerian kita di Malaysia ini Kementerian Pelajaran sudah mendapat iktibar pengajaran daripada Argentina dan India yang sudah melakukan program satu komputer riba, satu anak tanah. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator kerana memberi satu soalan yang cukup baik. Dalam soal ini, saya ingin memaklumkan pada Dewan yang mulia ini yang pertama mengenai *syllabus*. Ramai yang masih mempercayai bahawa kalau kita hendak menguasai komputer ataupun memahami sesuatu aplikasi komputer, kita jadikan ia sebagai satu kurikulum. Ingin saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini sebenarnya dalam mereka bentuk kurikulum kita, kita tidak semata-mata melihat itu sebagai satu *tool*, sebagai satu cara untuk kita menyampaikan ilmu.

Jadi dalam erti kata yang lain, kita mesti mempunyai satu ideologi ataupun kita mesti ada objektif tertentu untuk kita hendak mencapai. Jadi, saya memberi contoh untuk mana-mana mata pelajaran mesti secara eksplisit apa yang kita hendak capai, dengan cara apa dan bukan semata-mata kita mengajar *application* untuk sesuatu teknologi dan selepas itu dianggap sebagai satu subjek dalam kementerian. Jadi kalau sebelum itu, apa juga masalah berlaku dia kata patutlah perkara ini diajar di sekolah. Tidak. Kita tidak menerima secara sewenang-wenangnya. Akan tetapi dalam konteks pengkomputeran sekolah, kita memang memberi fokus utama kepada apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat iaitu kita gunakan ia sebagai satu saluran ataupun satu *tool* untuk menguasai ilmu.

Jadi, dalam konteks ini ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat, sebenarnya sebelum itu kita ada *SchoolNet project* dan sekarang selepas telah kita buat kajian secara rapi, tahun lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memperkerusi satu Mesyuarat Majlis Ekonomi dan telah diputuskan kita akan bergerak ke satu fasa lagi daripada *SchoolNet* kita akan berubah memberi wadah baru iaitu 1Bestari.Net. Apa yang ada dalam 1Bestari.Net ini sebenarnya kita sudah mula buat. Sudah 2,014 buah sekolah telah kita siapkan dan dijangkakan akan siap pada tahun hadapan sepenuhnya untuk semua sekolah. Apa yang dilakukan adalah sesuatu yang sangat besar dari segi teknologi canggih yang akan kita bekalkan. Pertama, 4G di mana ia membolehkan *virtual learning environment* di mana kalau kita lihat sebelum itu kita menguasai secara *application* sahaja tetapi dengan adanya VLE ini, apa yang kita boleh buat ialah pembelajaran maya.

■1140

Jadi, ini dalam peringkat perancangan kementerian. Kalau ianya dapat diserap merentasi kokurikulum, saya rasa itu lebih suatu yang lebih baik kerana *tool* itu digunakan tetapi penguasaan ilmu itu tetap kita tidak pinggirkan. Jadi, saya rasa saya sekali gus menjawab dua soalan iaitu mengenai perancangan akan datang dengan kenapa ianya tidak dijadikan sebagai satu subjek. Terima kasih

[Soalan No.10 – YB. Senator Tuan Saiful Izham bin Ramli tidak hadir]

11. Dato' Boon Som a/l Inong minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, jumlah wanita dan lelaki di negara ini yang tidak berkahwin mengikut kerjaya serta punca mereka berkeadaan demikian. Adakah kementerian bercadang untuk mewujudkan pusat temu jodoh atau perkhidmatan temu jodoh secara *online* bagi membantu wanita dan lelaki yang tidak berkahwin ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Heng Seai Kie]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010, purata umur perkahwinan pertama bagi lelaki telah menurun daripada 28.6 tahun pada tahun 2000, kepada 28 tahun pada tahun 2010.

Walau bagaimanapun, umur pertama bagi wanita berkahwin pula telah meningkat daripada 25.1 tahun kepada 25.7 tahun dalam tempoh yang sama. Berasaskan kepada purata umur tersebut, bilangan penduduk berumur 25 tahun ke atas yang tidak berkahwin adalah seramai 2.5 juta orang ataupun 16.7 peratus daripada jumlah penduduk negara.

Daripada jumlah ini, 60.4 peratus daripada mereka ialah lelaki dan 39.6 peratus adalah wanita.

Selain itu, Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Ke-4 yang dijalankan pada tahun 2004 oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) mendapati bahawa 32.1 peratus daripada responden adalah tidak pernah berkahwin ataupun berstatus bujang. Daripada jumlah ini, 55.6 peratus daripada mereka ialah lelaki, dan 44.4 peratus lagi ialah wanita. Kajian ini turut mendapati bahawa sebanyak 54 peratus daripada responden yang tidak pernah berkahwin melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi sama ada sebagai majikan, pekerja, pekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa upah. Sejumlah 10.4 peratus ialah penganggur, 33.8 peratus ialah pelajar dan bakinya 1.9 peratus terdiri daripada pesara, suri rumah dan lain-lain lagi.

Hasil kajian yang sama juga mendapati bahawa faktor-faktor utama tidak berkahwin bagi lelaki ialah:

- (i) masalah kewangan – 44.7 peratus;
- (ii) tiada calon yang sesuai – 19.3 peratus;
- (iii) demi kemajuan kerjaya – 12.8 peratus; dan
- (iv) mempunyai komitmen terhadap keluarga – 6.3 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, bagi wanita pula, punca utama ialah:

- (i) tiada calon yang sesuai – 40 peratus;
- (ii) masalah kewangan – 14 peratus;
- (iii) demi kemajuan kerjaya – 8.4 peratus;
- (iv) selesa hidup membujang – 8.4 peratus; dan
- (v) mempunyai komitmen terhadap keluarga – 7.4 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tidak bercadang untuk mewujudkan perkhidmatan pusat temu jodoh atau perkhidmatan temu jodoh secara *online*. Ini ialah kerana perkhidmatan tersebut telah pun disediakan oleh pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan, badan-badan agama dan beberapa parti politik termasuklah MCA dengan *Cupid Space* nya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana masa tidak mengizinkan, sekianlah masa bagi pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan.

[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebelum saya teruskan, saya ingin menarik semua perhatian Ahli Yang Berhormat, soalan-soalan lisan setiap hari ada lebih kurang 50 ke 60 sampai 70 soalan. Saya harap semua Ahli Yang Berhormat bila dia punya soalan itu naik antara satu sampai 15 contohnya, elok sedia hadir. Saya tidak kira siapa sebelah mana pun. Kalau tidak hadir kita pergi ke soalan yang seterusnya, kerana ini akan merugikan masa dan ruang. Akan tetapi juga ini harap semua Yang Berhormat soalan yang naik itu elok hadir kerana pihak wakil-wakil kementerian ada menjawab, bersedia. Ini satu pandangan. Saya harap semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini ambil perhatian serius dalam perkara ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG INSTITUT PENYELIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA 2012

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". [7 Mei 2012]

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya mempersilakan Menteri Pengangkutan menyambung semula huraian yang telah kita berhenti semalam. Dipersilakan.

11.46 pg.

Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung pembentangan kelmarin.

Tuan Yang di-Pertua, hasil kajian MIROS ini dan perinciannya boleh didapati dengan melayari laman sesawang MIROS dan melalui kertas-kertas penyelidikan yang dibentangkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pada masa yang sama, MIROS juga mempunyai keupayaan untuk menjalankan simulasi pra-kemalangan kenderaan dan ujian pelanggaran bagi maksud menilai integriti reka bentuk serta keselamatan sesuatu kenderaan.

Ingin saya menegaskan di dalam Dewan yang mulia ini, masih banyak usaha yang perlu dilakukan untuk menurunkan kadar kemalangan jalan raya di negara ini. Menurut perangkaan Polis Diraja Malaysia pada tahun 2011 sahaja, jumlah kemalangan jalan raya mencatatkan angka sebanyak 448,746 kes dengan jumlah kematian sebanyak 6,877 atau purata 18 kematian sehari.

Berdasarkan kajian *Asian Development Bank*, daripada jumlah kematian yang berlaku ini, negara kehilangan RM1.2 juta kepada pembangunan ekonomi bagi setiap kematian atau dijangka dalam RM8.2 bilion setiap tahun dan mencecah sehingga RM9 bilion jika melibatkan kecederaan.

Memandangkan sumbangan dan peranan MIROS dalam bidang keselamatan jalan raya, satu rang undang-undang khusus digubal untuk mengukuhkan kewujudan MIROS sebagai suatu pertubuhan perbadanan atau *body corporate* dan memberi kuasa serta perlindungan undang-undang kepada institusi berkenaan dalam melaksanakan fungsi-fungsinya dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2012 mempunyai 60 fasal seperti berikut, iaitu.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 memperuntukkan bahawa akta yang dicadangkan hendaklah terpakai kepada semua orang termasuk Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri.

Fasal 3 mengandungi takrif beberapa ungkapan yang digunakan di dalam akta yang dicadangkan.

Fasal 4 memperuntukkan MIROS sebagai sebuah pertubuhan perbadanan yang boleh membawa guaman dan di bawah guaman terhadapnya atas nama perbadanan tersebut. Institusi ini juga boleh membuat kontrak serta membuat apa-apa urusan mengenai harta alih dan tidak alih termasuk harta intelek.

Fasal 5 membenarkan institut untuk mempunyai meterai perbadanan.

Fasal 6 menghuraikan fungsi-fungsi institut. Secara ringkasnya, fungsi-fungsi tersebut adalah seperti berikut:

■1150

- (i) menjalankan kerja-kerja penyelidikan yang menyeluruh ke atas keselamatan jalan raya yang bertujuan untuk membantu dalam penggubalan dasar berkaitan serta mencadangkan penyelesaian yang praktikal berhubung isu keselamatan jalan raya;
- (ii) meningkatkan pengetahuan dan kesedaran orang awam terhadap keselamatan jalan raya serta memberi khidmat nasihat;
- (iii) menguruskan data yang di kumpul serta menyebarkan dan mengkomersialkan dapatan penyelidikan;
- (iv) merancang, menjalankan latihan dan membuat penilaian ke atas program-program keselamatan jalan raya termasuklah mengkaji semula piawaian dan hasil pembelajaran kurikulum yang disediakan oleh institut memandu serta menjalankan audit ke atas sistem penyampaian institut memandu tersebut;
- (v) mengkaji semula kaedah ujian yang dijalankan oleh pihak pemeriksa kenderaan; dan
- (vi) mewujudkan jaringan hubungan dan kerjasama dengan persatuan organisasi badan awam dan swasta dalam dan luar negara yang mempunyai fungsi yang serupa dengan matlamat untuk meningkatkan prestasi MIROS secara efektif.

Fasal 7 dan 8 menyatakan kuasa dan kuasa tambahan institut.

Fasal 9 memperuntukkan kuasa kepada institut, mengkomersialkan dapatan penyelidikannya kepada mana-mana pihak dengan kelulusan Menteri.

Fasal 10 dan 11 berhubung dengan penubuhan dan keanggotaan Lembaga Pengarah MIROS yang dianggotai oleh Ketua Pengarahnya sendiri, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kewangan, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya. Di samping itu Menteri juga berhak melantik tidak kurang daripada dua atau tidak lebih daripada enam anggota yang mempunyai kepakaran yang berkaitan dalam keselamatan jalan raya.

Fasal 12 membenarkan anggota lembaga yang merupakan wakil kementerian, jabatan atau organisasi yang dinamakan semula atau fungsinya telah diambil alih kementerian, jabatan atau organisasi lain. Anggota ini hendaklah dinamakan semula sebagai wakil kementerian, jabatan atau organisasi yang dinamakan semula atau mengikut kementerian, jabatan atau organisasi yang mengambil alih fungsi tersebut.

Fasal 13 memperuntukkan mengenai pelantikan timbalan pengerusi lembaga dan setiausaha lembaga.

Fasal 14 menghuraikan fungsi-fungsi lembaga pengarah seperti berikut.

- (i) mengkaji semula dasar dan hala tuju strategi institut;
- (ii) menasihati dan membuat cadangan kepada Menteri berhubung dengan akta ini serta perkara-perkara yang berkaitan dengan penyelidikan keselamatan jalan raya serta membantu pelaksanaannya;
- (iii) mengambil tindakan-tindakan yang perlu bagi pentadbiran pengawalan dan pengurusan institut; dan
- (iv) membuat perkara-perkara lain yang berbangkit daripada fungsi lembaga dan tidak bercanggahan dengan maksud akta ini.

Fasal 15 memperuntukkan mengenai kuasa lembaga.

Fasal 16 memperkatakan tempoh jawatan anggota lembaga.

Fasal 17 memperuntukkan mengenai pembatalan pelantikan anggota lembaga dan peletakan jawatan mereka.

Fasal 18 menyatakan keadaan di mana jawatan anggota lembaga menjadi kosong.

Fasal 19 memberi kuasa kepada Menteri untuk melantik secara sementara mana-mana anggota lembaga untuk menjalankan fungsi pengerusi jika jawatan pengerusi menjadi kosong atau apabila pengerusi tidak hadir atau tidak dapat menjalankan fungsinya.

Fasal 20 membenarkan lembaga mewakilkan mana-mana fungsinya kepada anggota lembaga atau mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah fasal 21.

Fasal 21 memberi kuasa kepada lembaga untuk menubuhkan jawatankuasa untuk membantunya melaksanakan fungsinya.

Fasal 22 memperuntukkan mengenai pembayaran elaun kepada anggota lembaga yang bukan pegawai atau pekhidmat institut.

Fasal 23 memberikan kuasa kepada Menteri mengeluarkan arahan kepada lembaga.

Fasal 24 mengandungi peruntukan kesahan tindakan dan prosiding lembaga.

Fasal 25 memperuntukkan mengenai pelantikan ketua pengarah dan menyatakan kuasa dan tugasnya.

Fasal 26 memperuntukkan mengenai pelantikan timbalan ketua pengarah.

Fasal 27 memberi kuasa kepada ketua pengarah untuk mewakilkan fungsinya.

Fasal 28 memperuntukkan pelantikan atau pengambilan pegawai dan pekhidmat institut.

Fasal 29 membenarkan institut untuk menentukan syarat dan perkhidmatan pegawai dan pekhidmatnya dan memperuntukkan bahawa akta-akta badan berkanun, tata tertib dan surcaj tahun 2000 hendaklah terpakai kepada pegawai dan pekhidmat institut.

Fasal 30 memperkatakan kuasa institut untuk memberi pinjaman dan membuat pendahuluan kepada pegawai dan pekhidmatnya.

Fasal 31 memperuntukkan pembayaran faedah, persaraan, ganjaran dan lain-lain elaun kepada pegawai dan pekhidmatnya serta tanggungan mereka.

Fasal 32 memperuntukkan mengenai penubuhan Kumpulan Wang Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (Kumpulan Wang) yang menetapkan wang yang terkandung dalam kumpulan wang.

Fasal 33 menyatakan perbelanjaan yang boleh dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang.

Fasal 34 meletakkan tanggungjawab ke atas institut untuk memelihara kumpulan wang.

Fasal 35 memperuntukkan bahawa perbelanjaan institut hendaklah dibayar daripada kumpulan wang dan institut dikehendaki menyediakan anggaran perbelanjaannya.

Fasal 36 membenarkan institut membuka dan menyelenggara akaun bank.

Fasal 37 membolehkan institut meminjam wang.

Fasal 38 membenarkan institut melaburkan wang institut.

Fasal 39 membenarkan institut menentukan tatacara kewangannya sendiri.

Fasal 40 menyatakan bahawa tahun kewangan institut bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Fasal 41 memperuntukkan bahawa Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan 1980) terpakai bagi institut.

Fasal 42 memperuntukkan mengenai pelantikan pegawai yang ditugaskan dan pengeluaran sijil berkaitan pelantikan dan kuat kuasa.

Fasal 43 memberi kuasa kepada MIROS untuk meminta akses dan pendedahan terhadap data dalam milikan mana-mana pihak bagi tujuan menjalankan penyelidikan keselamatan jalan raya sekiranya data tersebut bertaraf sulit ianya dianggap secara berterusan sebagai sulit dan terhad untuk penyelidikan di MIROS sahaja.

Pihak MIROS juga memastikan data berkenaan tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak.

Fasal 44 dan fasal 45 memberi kuasa kepada pegawai yang ditugaskan oleh institut untuk memasuki premis yang berkaitan bagi menjalankan pemeriksaan serta mengambil gambar entiti fizikal dengan kebenaran pihak pemilik premis tersebut. Pegawai berkenaan juga boleh memohon untuk mendapatkan atau menyimpan sampel tersebut tanpa dikenakan bayaran.

Fasal 46 memperuntukkan berkenaan hak pemilikan dapatan penyelidikan atau program yang dijalankan oleh institut dalam melaksanakan akta yang dicadangkan.

Fasal 47 membolehkan institut membenarkan mana-mana orang mengakses dapatan penyelidikan dan kemudahan institut.

Fasal 48 memperuntukkan berkenaan penyimpanan data daripada agensi lain untuk dianalisis bagi maksud akta yang dicadangkan.

Fasal 49 memperuntukkan mengenai hak eksklusif institut untuk menggunakan simbol, reka bentuk atau representasi kepunyaannya.

Fasal 50 menyatakan bahawa ketua pengarah, timbalan ketua pengarah, mana-mana anggota lembaga, mana-mana anggota jawatankuasa, mana-mana pegawai atau pekhidmat institut mana-mana pegawai yang ditugaskan atau mana-mana orang yang diupah oleh institut semasa menunaikan kewajipannya atau melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah akta adalah di anggap sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

Fasal 51 memberikan perlindungan di bawah Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 terhadap sebarang tindakan guaman, prosiding atau pendakwaan ke atas institut, ketua pengarah, timbalan ketua pengarah, mana-mana anggota lembaga, mana-mana anggota jawatankuasa, mana-mana pegawai atau pekhidmat institut, mana-mana pegawai yang ditugaskan atau mana-mana orang yang diupah oleh institut.

Fasal 52 bertujuan untuk memperuntukkan perlindungan bagi mana-mana anggota lembaga daripada menanggung liabiliti diri bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa perbuatan atau peninggalan dalam pengurusan atau pengendalian hal ehwal institut atau lembaga.

Fasal 53 bertujuan memberikan perlindungan terhadap apa-apa tindakan guaman, pendakwaan atau prosiding lain yang diambil atau dibawa, dimulakan atau dibuat terhadap institut, ketua pengarah, timbalan ketua pengarah, mana-mana anggota lembaga, mana-mana anggota jawatankuasa, mana-mana pegawai atau pekhidmat institut, mana-mana pegawai yang ditugaskan atau mana-mana orang yang diupah oleh institut.

Fasal 54 memperkatakan tentang perwakilan di dalam prosiding sivil.

Fasal 55 memperkatakan tentang peruntukkan berhubung dengan kewajipan untuk mengekalkan kerahsiaan.

Fasal 56 memperkatakan tentang penyampaian notis dan dokumen lain.

Fasal 57 memperuntukkan bahawa pendakwaan bagi sesuatu kesalahan hendaklah dimulakan dengan keizinan pendakwa raya.

Fasal 58 membolehkan Menteri setelah berunding dengan lembaga untuk menerima pakai mana-mana peraturan, kaedah, dasar, pekeliling dan arahan yang diperbuat atau dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Fasal 59 memberi kuasa kepada Menteri selepas berunding dengan lembaga pengarah untuk membuat sebarang peraturan yang difikirkan perlu untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan akta ini. Peraturan-peraturan yang dibuat adalah bagi menetapkan perkara-perkara seperti berikut:

■1200

- (i) fi atau caj yang akan dikenakan terhadap apa-apa perkhidmatan, khidmat perundingan dan nasihat yang diberikan oleh institut;
- (ii) fi atau caj yang perlu dibayar berhubung dengan pemberian sebarang perkhidmatan atau apa-apa perkara di bawah akta ini;
- (iii) prosedur untuk mendapat dan menyimpan sampel-sampel; dan
- (iv) semua perkara yang wajar dan sesuai untuk melaksanakan akta ini.

Fasal 60 memperuntukkan bahawa kesemua perkara yang dilakukan oleh institut sebagai persediaan pada menjangkakan akta ini diperbuat termasuk perbelanjaan yang telah dilakukan hendaklah disifatkan telah dibenarkan di bawah akta selagi mana perkara tersebut selaras dengan niat dan maksud am akta tersebut.

Selain itu, segala hak dan obligasi yang diperolehi atau ditanggung apabila akta ini berkuat kuasa hendaklah disifatkan sebagai hak dan obligasi institut. Walau bagaimanapun, fasal ini tidak boleh disifatkan sebagai memberi kuasa untuk mengenakan sebarang hukuman terhadap individu sebagai persediaan bagi atau pada menjangkakan akta ini diperbuat.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan penuh hormat memohon supaya rang undang-undang yang dicadangkan ini dapat diluluskan di Dewan yang mulia ini bagi memastikan pihak MIROS dapat menjalankan peranan dan fungsinya sebagai pertubuhan perbadanan berasaskan rangka perundangan seperti mana yang telah diuraikan. Saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan salah seorang menyokong.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia dan bagi perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Sebelum Ahli-ahli Yang Berhormat bangun membahaskan, saya mohon kerjasama sekali lagi, sila kemukakan. Siapa-siapa yang hendak membahaskan rang undang-undang ini, kemukakan nama sekarang. Sekarang saya mulakan dengan yang ada tercatat di sini yang telah mengemukakan lebih awal.

Sekarang saya persilakan Datuk Paul Kong Sing Chu. Selepas itu Yang Berhormat yang akan kita tentukan selepas ini. Silakan.

12.02 tgh.

Datuk Paul Kong Sing Chu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2012. Tuan Yang di-Pertua, Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia atau *Malaysia Institute of Road Safety Research* (MIROS) dengan izin, telah ditubuhkan pada 3 Januari 2007 di mana fungsi utamanya ialah sebagai *one-stop center*, dengan izin, untuk menyebarkan maklumat tentang keselamatan jalan raya menerusi media cetak juga mengadakan program latihan bersepadu.

Fungsi utama MIROS adalah menjalankan kajian serta menilai prosedur-prosedur terkini mengenai isu keselamatan jalan raya sambil memberikan maklumat berdasarkan bukti untuk memantapkan lagi soal keselamatan jalan raya di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada rang undang-undang ini, fungsi institut pada perkara 6(i) adalah merancang serta menilai program keselamatan jalan raya.

Perkara 6(j) untuk mengkaji semula piawaian dan hasil pembelajaran kurikulum bagi kursus membantu yang disediakan oleh institusi memandu dan mengaudit tanda aras berkenaan dengan sistem penyampaian institusi memandu dan perkara 6(k) untuk mengkaji semula kaedah ujian yang dijalankan oleh organisasi pemeriksaan kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat 123 buah pusat mengajar memandu yang beroperasi di Malaysia dengan tujuan utamanya ialah mengajar dan memberi panduan memandu sebelum menduduki ujian memandu yang dijalankan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Menurut keperluan hari ini kepada lesen memandu, pelajar memandu hendaklah pertamanya lulus ujian kod lebuh raya yang mengandungi 50 soalan berbentuk pilihan atau *multiple choices question*, dengan izin. Tahap lulus ialah pada markah sekurang-kurangnya 42 daripada 50 markah penuh.

Tuan Yang di-Pertua, setelah pelajar memandu tadi lulus ujian, faktor lain diambil kira ialah kelulusan ujian tadi hanyalah untuk tempoh tiga bulan sahaja. Pelajar memandu tadi pula perlu menghadiri kursus berbentuk diri selama enam jam yang mana kandungan kursus diri merangkumi cara bagaimana untuk menjaga kenderaan dan juga latihan praktikal di jalan raya selama tiga jam yang diberi tunjuk ajar secara individu oleh seorang tenaga pengajar. Kebiasaannya pelajar memandu diberikan pemahaman asas dalam menjaga isu berkaitan dengan bateri, radiator, minyak brek, minyak enjin, kipas dan kipas penghawa dingin serta tekanan angin pada tayar selain daripada cara-cara menukar tayar kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, pelajar memandu diberikan antara enam ke sepuluh jam untuk diajar oleh seorang tenaga pengajar cara-cara memandu dengan berhemah. Kandungan kursus pemanduan termasuklah mendaki bukit, teknik parkir sisi dan perkiraan tiga penjuror atau *three-points maneuver*, dengan izin. Selepas bahagian ini, pelajar memandu akan dibawa ke jalan raya yang telah ditentukan oleh pemeriksa dari JPJ.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan daripada sumber maklumat yang boleh dipercayai, hampir kesemua pusat latihan pemandu di Malaysia menggunakan kereta Perodua Kancil sebagai aset untuk latihan memandu kerana saiznya yang lebih kecil serta menjimatkan kos petrol.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merupakan negara yang paling tinggi kemalangan di jalan raya. Saya maksudkan ini berdasarkan kepada kualiti pemanduan yang rendah di kalangan pemandu Malaysia yang disebabkan oleh atau datang dari sistem sekolah memandu di negara ini. Pengalaman saya mendapatkan lesen memandu pada tahun 1975 adalah semua tenaga pengajar pada masa itu memberikan satu pelajar memandu pada jangka masa yang agak panjang. Parkir sisi adalah satu kemestian dan mesti lulus sebelum berhak mendapat lesen.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1976, saya belajar di England dan di sana saya mengambil ujian memandu untuk memastikan saya mempunyai kemahiran yang betul dalam memandu. Saya mengambil lebih daripada 10 kali pelajaran untuk memandu dan pengalaman itu sangat berbeza di Malaysia kerana di England jauh bezanya, susah untuk mendapatkan kemahiran memandu dan lesen. Ada di antara rakyat di Britain mencuba banyak kali untuk mendapatkan lesen tetapi tetap gagal memenuhi impian mereka menjadi pemandu yang sah di jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, seingat saya di Malaysia hampir tiada orang yang gagal mendapatkan lesen memandu. Ia sangat mudah. Beberapa tahun dahulu terdapat sebilangan besar jumlah mereka yang mendapatkan lesen memandu secara haram tanpa melalui sekolah memandu dan melalui ujian. Perkara ini berlaku kerana wujudnya unsur rasuah.

■1210

Tuan Yang di-Pertua, hampir kesemua pemandu kita diberikan tunjuk ajar memandu dengan kereta Perodua Kancil sedangkan di jalan raya kita terdapat kenderaan pelbagai saiz. Ini mendorong kepada sebab musabab terjadinya kemalangan. Bertambah buruk lagi juga disebabkan oleh keadaan jalan raya yang tidak elok, berlubang dan permukaan jalan yang tidak sekata yang terus menyumbang kepada kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini masih terdapat kereta yang telah usang dan tidak lagi ekonomi untuk dibaiki berada di atas jalan raya. Selain daripada itu, terdapat kereta-kereta salon yang telah diubahsuai dengan lebih daya kekuatan enjin meluru di atas jalan raya. Saya pasti kedua-dua jenis dan keadaan kereta ini menyumbang kepada kemalangan di jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, pendek kata ingin saya tegaskan di sini bahawa sikap pemandu itulah sendiri yang menyumbang kepada hampir keseluruhan kemalangan dan kematian di jalan raya. Kita lihat sendiri cara pemanduan mereka yang sangat berbahaya termasuklah mereka yang menunggang motosikal secara berbahaya. Kereta bersaiz kecil yang dipandu laju di lebuhraya yang mencapai tahap kelajuan 130 sampai 160 kilometer sejam.

Tuan Yang di-Pertua, badan pemeriksaan kenderaan yang diberikan kuasa untuk pemeriksaan berkomputer ialah PUSPAKOM di mana konsesi diberikan selama 15 tahun pada tahun 1994 dan diperbaharui lanjutan selama 15 tahun lagi sejak tahun 2009 oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia. Walaupun pihak kementerian sebelumnya telah bersetuju secara dasar menerima syarikat-syarikat lain sebagai pemeriksa yang mana ini dapat mengurangkan kos perkhidmatan sehingga ke 75 peratus.

Monopoli PUSPAKOM ini bukan sahaja sebagai beban kepada rakyat untuk membayar pada harga yang tinggi yang telah ditetapkan oleh pihak PUSPAKOM tetapi PUSPAKOM juga telah dituduh terlibat dengan permainan rasuah. Kemudahan pemeriksaan yang kurang di kebanyakan pusat-pusat PUSPAKOM di kawasan-kawasan tertentu telah menambahkan lagi isu rasuah berlaku. Banyak aduan yang diterima menyatakan mereka yang berurusan dengan PUSPAKOM terpaksa menunggu pada tempoh yang lama untuk kenderaan mereka diperiksa dan jika tidak dapat diperiksa pada hari yang sama, diminta pula datang keesokan harinya.

Saya dengan ini menyarankan supaya lebih banyak syarikat-syarikat dibenarkan beroperasi dalam bidang ini untuk mempercepatkan lagi proses pemeriksaan komputer berjadual dan ini secara tempoh timbal balik dapat mengurangkan kos perkhidmatan dan mengurangkan isu berkaitan dengan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya apa yang telah disebutkan di atas tadi, saya menyarankan supaya MIROS dalam usaha menjamin keselamatan dan menaik taraf piawaian jalan raya di Malaysia, maka perkara-perkara berikut hendaklah diberikan perhatian:

- (i) semua sekolah memandu hendaklah menggunakan kereta pelbagai saiz untuk tujuan tunjuk ajar kepada pelajar memandu selain hanya menggunakan kereta Perodua Kancil sahaja. Selepas belajar memandu selesai dengan kereta Perodua Kancil, mereka patut terus diberikan memandu kereta Proton Saga atau kereta yang setara dengannya dan kemudian diikuti dengan kereta Proton Perdana atau kereta yang setara dengannya. Semua ujian kemudiannya mesti menggunakan kereta besar seperti Proton Perdana atau kereta yang setaraf dengannya;
- (ii) rangka kursus setiap sekolah memandu hendaklah setaraf dengan piawaian antarabangsa. Dengan ini pelajar memandu kita dilatih dengan lebih kompeten dan berhemah di jalan raya. Keadaan hari ini adalah sebaliknya diminta pemandu tidak tahu bila dan bagaimana mahu menggunakan lampu *signal*. Ramai yang tidak tahu secara parkir sisi dengan tepat dan potong yang gagal parkir secara mengundur. Di Jepun, boleh dikatakan 98 peratus adalah menggunakan parkir secara mengundur;
- (iii) semua kenderaan yang berusia lebih daripada 20 tahun tidak dibenarkan berada di atas jalan raya kecuali kenderaan yang benar-benar *really well maintained*, dengan izin, sahaja.

Semasa saya di England dari tahun 1976, semua kenderaan yang telah mencapai usia tiga tahun dimestikan menjalani ujian di bengkel-bengkel yang diiktiraf oleh kerajaan dan ujian kemudiannya pula dijalankan setiap tahun;

- (iv) mana-mana kenderaan yang diubahsuai kelajuan tinggi dan ubahsuai yang lain-lain bahagian kenderaan hendaklah dirampas serta-merta. Ini akan menghalang atau mencegah pemandu jenis ini dari terus mengganggu pengguna jalan raya yang lain;
- (v) nombor plat kenderaan hendaklah jelas dan terang serta pada saiz yang sama. Saya ingin mencadangkan pengeluar atau pengilang kenderaan bertanggungjawab mengeluarkan plat nombor kenderaan seperti yang dipersetujui oleh pihak JPJ dan pemilik mendapatkan terus dari pengeluar bersama kenderaan yang dibeli. Pada masa ini, *offer bid* atau nombor datang pelbagai bentuk dan saiz secara tidak langsung mengelirukan pegawai penguat kuasa; dan
- (vi) semua jalan raya yang dibina hendaklah dalam spesifikasi yang betul, bahan serta *workmanship* yang juga betul. Hari ini kita dapati banyak jalan raya kita dalam keadaan tidak elok disebabkan oleh *substandard certification materials, supervisions and workmanship*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penggubalan Rang Undang-undang Institusi Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2012, saya harap nisbah kemalangan dan kematian di jalan raya di Malaysia secara signifikannya dapat dikurangkan. Sekian saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ada beberapa nama di sini. Saya harap kerjasama semua Ahli Yang Berhormat, kita ada lebih kurang 19 rang undang-undang kita terpaksa selesaikan dan kalau boleh, jangan terlalu panjang sangat ya. *Point-point* itu bagus macam Yang Berhormat tadi bagus, *point-point* dia ada tetapi kalau boleh cepat sedikit dan ringkaskan sedikit.

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz. Saya ada nama sekarang ini ada Datuk Chin Su Phin, Yang Berhormat Puan Hajah Mariany, Yang Berhormat Hajah Rohani, Yang Berhormat Dato' Mustafa, Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus yang telah beri nama tetapi saya akan bagi mengikut, saya yang telah hantar nama, bila saya terima, saya akan panggil *so* tanpa buang masa saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz.

12.19 tgh.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk turut sama membahaskan Rang undang-undang Institusi Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2012 yang merupakan antara akta yang saya tunggu-tunggu sebab ini membabitkan keselamatan rakyat.

Jadi persoalan saya kepada pihak kementerian khususnya kes ini ialah apakah hubungan dan perbezaan besar di antara kuasa, skop dan peranan menyelidik di antara SPAD dan MIROS? Jadi, adakah perkara ini akan dibuat hubung jalin dan kewajipan untuk pihak SPAD mendapatkan nasihat daripada pihak MIROS.

■1220

Kedua, setakat ini di pihak kementerian, adakah dibuat sebarang kursus induksi keselamatan kepada akademi pemanduan dan mana-mana pegawai di kementerian yang bertugas di bahagian pemanduan dan bengkel sebelum diberikan sebarang lesen atau permit oleh JPJ.

Ketiga, saya ingin tahu daripada pihak kerajaan tentang piagam saringan dan pemeriksaan bagi sijil kelulusan bagi pembekalan kepada mana-mana peranti sebagai contohnya CCTV atau alat ganti untuk kegunaan kenderaan kerajaan dan rakyat yang telah pun diberikan oleh pihak kerajaan sebagai satu cara untuk memastikan semua alat yang dibekalkan kepada pihak kerajaan ataupun rakyat ini mendapat piawaian dan mutu yang sepatutnya.

Keempat, adakah kita mempunyai pusat pengawalan keselamatan jalan raya dan bilangan pengawal yang merekodkan dan melaporkan melalui rakaman CCTV untuk semua lebuhraya di Malaysia dan apabila kita hari ini meluluskan sebuah rang undang-undang seperti ini, apakah perancangan untuk penambahan kakitangan dan cawangan untuk MIROS ini di negeri-negeri. Saya melihat kepada keseluruhan seksyen yang telah pun dikemukakan, kita lihat tidak ada seksyen yang diberikan untuk lembaga penasihat, cuma ada lembaga pengarah sedangkan dalam lembaga-lembaga lain, wujudnya seksyen mengenai lembaga penasihat, kenapakah untuk perkara ini tidak ada. Saya juga ingin bertanya, sekiranya MIROS ini ditubuhkan di negeri-negeri, siapakah lembaga penasihat yang akan ditubuhkan di pihak kerajaan negeri dan adakah juga untuk lembaga pengarah ini akan dimasukkan wakil-wakil daripada PBT-PBT yang merupakan wakil daripada kerajaan tempatan.

Bila kita lihat ada kerahsiaan dan ada juga kebolehan untuk kita melihat kepada analisa dan data yang akan didapati oleh institusi penyelidikan ini, adakah kerajaan akan membenarkan untuk maklumat dan data yang telah pun diproses dan dianalisis oleh MIROS ini untuk dipohon oleh pihak peguam untuk tuntutan kemalangan dan kerosakan selepas ini? Adakah pihak kerajaan setakat ini telah membuat apa-apa pengenalan untuk biasiswa bagi mana-mana pelajar dan kakitangan yang mengambil forensik keselamatan jalan raya dalam negara kita? Saya juga ingin tahu nisbah bajet tahun lepas untuk penyelidikan dan sasaran bajet pada tahun ini untuk kes ini yang diberikan untuk penyelidikan memandangkan implikasinya cukup besar kepada keselamatan dan kerugian dan ekonomi khususnya kepada sektor insurans dan takaful yang akhirnya akan ditanggung oleh rakyat.

Saya juga melihat dalam akta ini tidak ada takrif jalan raya yang telah dibuat. Jadi, adakah takrif jalan raya yang diliputi oleh MIROS ini akan meliputi jalan, lorong dan laluan. Adakah apa-apa spesifikasi yang akan ditetapkan oleh MIROS selepas ini akan juga meliputi keadaan-keadaan ini? Saya juga ingin tahu tempoh semakan tetap dan cadangan berkala kepada penambahbaikan kursus pemanduan berhemah kerana kita difahamkan setakat ini hampir sepuluh tahun tidak ada semakan dibuat kepada kursus pemanduan dan selepas daripada akta ini diluluskan, adakah akan dibuat tempoh yang tetap. Saya juga ingin tahu adakah kerajaan bercadang untuk memastikan semua data pungutan dan aduan rakyat yang telah dikemukakan kepada kementerian akan disiarkan secara telus dalam laman web kementerian bagi mengenal pasti dan menambah baik kemudahan dan keselamatan pengguna.

Setakat ini berapakah orang pakar keselamatan jalan raya yang ada di MIROS, apakah kelayakan mereka sehingga mereka ini boleh dianggap pakar kerana kalau untuk kes-kes mahkamah, pihak yang hanya dianggap pakar yang memenuhi syarat-syarat dalam akta hanya boleh memberikan keterangan bagi pihak pakar dalam kes. Ini amat penting kepada pihak mahkamah kerana sekiranya kita ada pakar daripada penyelidikan keselamatan, ini akan membantu mereka untuk memberikan pandangan dalam kes-kes yang melibatkan kemalangan jalan raya. Setakat ini berapakah bilangan kes saman kepada kerajaan Malaysia dan kerajaan tempatan atas isu TORT melibatkan keselamatan jalan raya sama ada secara fizikal di jalan-jalan dan sebagainya kepada JKR, PBT dan adakah kes-kes ini diselia oleh penasihat undang-undang kementerian di seluruh negara dan dipantau oleh penasihat keselamatan di kementerian ini untuk penambahbaikan keselamatan pada masa akan datang. Ini kerana kita lihat banyak kes yang telah pun dibuat dan dibuat keputusan di mahkamah tetapi penambahbaikan daripada sudut perkara ini kita tidak nampak.

Jadi, saya nak tanya adakah perkara ini dipantau dan setakat ini kita melihat bahawa untuk buku-buku keselamatan jalan raya itu mereka terpaksa beli. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan agar silibus dan pendidikan keselamatan jalan raya ini sepatutnya boleh diakses dan dimuat turun secara percuma oleh rakyat bukan kena dibeli sebagaimana sekarang.

Saya juga ingin tahu, apakah perancangan untuk pendidikan berpanjangan kepada pemandu dan rancangan pendidikan kepada pengguna jalan raya yang bukan pemandu dan penunggang. Kalau mereka memandu dan menunggang, dia ada kursus. Kalau yang tak memandu dan tak menunggang tapi mereka pengguna jalan raya ini, ada tak dibuat sebarang penambahbaikan ataupun silibus untuk pendidikan keselamatan mereka di jalan raya.

Saya juga ingin tahu, setakat ini adakah pihak MIROS memberikan sebarang saranan ataupun apa-apa cadangan kepada pengenalan dan penjualan kenderaan baru di pasaran kerana kenderaan ini asyik berubah. Dia ada yang biodiesel, ada yang hibrid, ada yang macam-macam, ada basikal boleh ubah. Jadi adakah kenderaan yang hendak dijual ini mesti dulu mendapat kelulusan daripada MIROS sebelum dibenarkan untuk dipasarkan dalam negara dan saya juga ingin tahu berapa berjayakah kempen sasaran untuk mesra penunggang dan pejalan kaki yang sering menjadi mangsa kemalangan jalan raya.

Saya juga ingin tahu daripada pihak kementerian tentang isu kewajipan dan undang-undang tempat '*Rawat dan Rehat*' di seluruh negara berdasarkan jauh perjalanan sebab setakat ini yang ada tempat '*Rawat dan Rehat*' ini hanyalah lebuhraya. Jadi kalau tempat yang tak ada lebuhraya sebagai contohnya ke Kelantan tak ada lebuhraya, kita lihat tidak ada tempat '*Rawat dan Rehat*'. Kalau ada pun cuma restoran. Jadi dalam kes ini, adakah kerajaan akan melihat satu perkara yang harus dijadikan satu polisi untuk memastikan wujudnya tempat '*Rawat dan Rehat*' sekalipun tidak ada lebuhraya untuk perjalanan-perjalanan yang panjang.

Saya juga ingin tahu sumbangan tetap yang telah pun dikeluarkan oleh semua GLC seluruh negara bagi CSR untuk keselamatan jalan raya dan saya difahamkan daripada akta ini menyebut tentang bahawa kerajaan akan mengeluarkan jurnal. Setakat ini berapa banyakkah jurnal yang telah dikeluarkan dan sekiranya belum dikeluarkan, apakah perancangan daripada pihak kementerian untuk mana-mana universiti untuk menjalankan kajian terperinci atas sebab kemalangan jalan raya yang berlaku dalam negara di semua tempat dan bentuk kemalangan sama ada berdasarkan kepada kajian saintifik, forensik, DNA, momentum fizikal berdasarkan kepada kesan kemalangan dan saiz kemalangan, sama ada penggunaan kenderaan atau fizikal jalan raya selain daripada faktor manusia sebab kita lihat kes-kes yang membabitkan bas, lori yang juga membabitkan pelancong-pelancong asing berlaku hampir setiap tahun dan kes ini bertambah. Jadi kita nak tahu, adakah perkara ini dibuat sebarang analisa lengkap dan adakah jurnal ini dikeluarkan supaya kita boleh menganalisis keselamatan bukan hanya rakyat kita tetapi juga pelancong asing yang datang ke negara kita.

Saya juga ingin tahu daripada pihak kementerian pelan khas dalam pendidikan keselamatan yang diamalkan oleh negara maju yang kita dapati mereka memandu lebih laju dan kenderaan lebih banyak dan bila rakyat kita ke sana, mereka pula boleh patuh jadi bila pulang ke Malaysia, tak boleh patuh. Jadi, adakah dibuat sebarang perancangan untuk perubahan paradigma pemanduan dan pembinaan kesejahteraan dan keselamatan jalan raya kerana kenapa boleh berubah. Bila masuk Singapura, berubah. Pergi England, berubah. Balik Malaysia, balik semula kepada keadaan asal. Jadi, kita harap perkara ini boleh dibuat satu tak tahulah silibus atau kajian atau macam mana yang kita tengok supaya modul ini dapat diaplikasikan kepada rakyat dalam negara kita.

Begitu juga dengan penentuan pegawai dan bahagian khas untuk mengkaji fi. Di bahagian akhir tadi, Yang Berhormat Menteri ada menyebut tentang seksyen ini boleh menentukan untuk penetapan fi dan caj yang dikenakan untuk khidmat perundangan. Saya nak tanya di sini, adakah pegawai yang sama akan mengkaji isu kenaikan dan impak atau pengecualian sama ada untuk bayaran lesen, kursus, mutu kenderaan tempatan, import CBD, cukai, duti eksais dan juga fi serta kos serta juru nilai untuk pembinaan jalan raya dan kemudahan yang berkaitan dengannya. Bukan hanya meletakkan fi bagi kes yang melibatkan MIROS tetapi bila kerajaan nak katakan sebagai contohnya *free* untuk insurans ataupun *free* untuk lesen. Implikasi dan kesan kenaikan ini kepada rakyat. Adakah ada mana-mana pegawai yang khusus untuk kaji perkara ini kerana kita lihat kalau kita kecualikan sebagai contohnya bayaran lesen, apa impaknya kepada kerajaan dan juga mutu kepada rakyat.

Saya juga ingin tahu kepada *target* dan sasaran MIROS untuk sistem jaringan pengangkutan penggunaan mesra alam dan mesra hijau sebab kalau MIROS ini tidak buat satu sasaran khas kepada keadaan hijau ini, mungkin pembinaan jalan raya dalam negara kita ini tidak akan memberikan impak yang begitu besar kepada alam sekitar. Begitu juga dengan hubungan dan penyertaan syarikat insurans atau PERKESO di pusat mahupun di negeri untuk hubungan menang-menang. Saya lihat ada peruntukan yang diberikan kepada kuasa menteri untuk melantik mana-mana orang ataupun NGO yang mereka fikirkan munasabah tetapi dalam konteks ini kita nak tahu setakat ini berapakah ataupun berapa keratkah ataupun berapa bilangan syarikat yang telah pun membuat hubungan dengan pihak MIROS khususnya untuk memastikan keselamatan jalan raya ini.

Setakat ini adakah pihak kementerian juga bercadang untuk memastikan institusi agama dan ikon-ikon personaliti untuk keselamatan kenderaan ini dikenal pasti untuk memberikan proses pendidikan dalam aspek ini kepada semua masyarakat bukan hanya hari ini kita lihat bila sebut tentang ikon kenderaan, kita akan nampak gadis seksi yang akan berada di tempat-tempat ataupun di jalan raya. Jadi dalam konteks ini saya pohon agar perkara ini diberikan perhatian.

■1230

Juga saya ingin bertanya kepada keselamatan negara kita. Bila kita lihat kepada *Google*, PAPAGO GPS dan alat peranti yang digunakan untuk mengesan jalan raya, kita lihat benda ini terlalu spesifik, terperinci. Jadi dalam konteks ini, bagaimana kerajaan memastikan ciri-ciri keselamatan khusus dan istimewa bagi memastikan keselamatan negara kita ini terjamin dalam keadaan semuanya terdedah? Sekiranya perkara ini boleh didedahkan, apakah Kerajaan ada membuat apa-apa kerjasama khusus dengan *Google* dan sebagainya untuk memastikan perubahan ataupun dikemas kini semua maklumat baru berkenaan dengan aspek keselamatan?

Saya juga ingin bertanya, adakah pihak kerajaan setakat ini memberikan pentauliahan, pengawalan dan kemahiran kepada pengawal keselamatan yang bertugas sebagai pembantu keselamatan jalan raya di sekolah-sekolah yang berada di jalan-jalan besar dalam negara kita? Adakah mereka ini bilamana mereka menjadi pengawal keselamatan secara automatik boleh kawal jalan atau pun mereka ini diberikan tauliah oleh pihak yang berwajib?

Kriteria serta kebolehan pemandu luar negara dan antarabangsa dan pemberitahuan umum tentang keselamatan jalan raya kepada pihak Kementerian Pelancongan kerana hari ini banyak kenderaan daripada luar negara yang masuk ke dalam negara kita. Sejauh mana perkara ini dapat dikenal pasti kerana banyak juga kita lihat kemalangan ini membabitkan kenderaan-kenderaan ini.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan, sejauh manakah kita akan memastikan bahawa MIROS selepas disediakan akta ini boleh bertatih dan berlari cepat dan adakah kita mempunyai rakan dan sahabat penyelidikan luar negara untuk kita secara signifikannya menurun kadar kemalangan jalan raya bilamana akta ini diluluskan?

Saya juga hendak bertanya daripada dapatan kerajaan berdasarkan penyiasatan MIROS yang telah pun dibuat pada tahun 2007 ini, kenapakah berlaku kenaikan jumlah kemalangan setiap kali ada Ops? Ops itu, Ops ini, setiap tahun mesti makin naik. Jadi kita hendak tahu kenapa jadi semakin naik ini? Kalau diberikan satu *post mortem*, sepatutnya *post mortem* ini akan boleh digunakan?

Adakah kerajaan mempunyai modul khas untuk pengguna awal kenderaan yang digunakan sebagai contohnya untuk modul khas untuk mat dan minah rempit. Semalam isu ini timbul di Parlimen. Berkenaan isu modul mat dan minah rempit yang bukan hanya membawa impak kepada keselamatan tetapi juga gejala sosial dan impak sosiologi dan budaya masyarakat dalam keselamatan jalan raya.

Sejauh manakah kerjasama dengan silang kementerian untuk MIROS memberikan nasihat dan panduan wajib kepada mana-mana agensi dan pembinaan untuk pelan strategik di peringkat kementerian? Setakat ini sejauh manakah kemudahan jalan raya di Malaysia dibina atas dasar mesra gender dan mesra rakyat? Sebagai contohnya, jalan raya dalam negara kita banyak juga yang tidak ada kaki lima dan kaki lima yang sesuai untuk pejalan kaki. Jadi, sekiranya ada warga emas ataupun kanak-kanak yang ingin menggunakan jalan raya ini, kadang-kadang ia tidak mesra warga emas.

Jadi dalam konteks ini, sejauh manakah perkara ini akan diberi perhatian setelah Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia ini diselesaikan?

Saya juga hendak tahu jumlah kerugian dan kehilangan nyawa yang telah pun direkodkan oleh MIROS setakat ini dalam tempoh 20 tahun. Juga, adakah kerajaan akan menurunkan ataupun menguatkuasakan kuota untuk pembelian kenderaan kereta dan motor kerana kita lihat hari ini jumlah kenderaan dalam negara kita telah mencapai jumlah yang begitu tinggi, saya rasa hampir 16 juta kalau tidak silap saya dalam negara kita kerana benda ini juga tidak mesra alam.

Yang terakhir, adakah MIROS mempunyai makmal dan litar percubaan untuk memastikan segala apa yang dibuat ataupun dikaji oleh MIROS ini benar-benar praktikal dan berfungsi untuk keselamatan jalan raya di Malaysia? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin.

12.34 tgh.

Datuk Chin Su Phin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk terlibat dalam perbincangan rang undang-undang ini yang bagi saya penting untuk dibahaskan. Saya tidak berniat memakan masa yang lama untuk berbahas. Cumanya mungkin ada satu, dua perkara yang saya rasa perlu untuk Yang Berhormat Menteri jelaskan pada Dewan ini.

Terdahulu, terima kasih kepada pihak kerajaan kerana membawa undang-undang ini ke Parlimen dan secara dasarnya saya memang bersetuju dengan kewujudan MIROS ini.

Sememangnya kita maklum bahawa kemalangan maut di negara kita semakin lama semakin meningkat dan ia akan mewujudkan kesan negatif terutamanya kepada ekonomi negara. Kita sedia maklum bahawa jumlah penyumbang tertinggi kemalangan maut, 60 peratus adalah datangnya daripada penunggang motosikal. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejak kewujudan MIROS ini dan sebanyak 186 kajian yang telah dilakukan sepanjang lima tahun penubuhannya, berapa banyakkah kajian yang tertumpu pada golongan motosikal ini dan apakah hasil kajiannya? Berapa banyakkah dari kajian ini yang telah diguna pakai oleh pihak kementerian yang bertanggungjawab dan apakah kesannya?

Saya juga ingin meminta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai fasal 43, di mana MIROS mempunyai kuasa untuk meminta akses dan pendedahan terhadap data dalam milikan mana-mana pihak bagi tujuan menjalankan penyelidikan keselamatan jalan. Saya ingin bertanya, adakah MIROS akan sewenang-wenangnya mengambil hasil kajian orang lain tanpa memberikan sebarang bayaran pun? Bagi saya ini tidak patut melainkan orang itu membenarkan hasil kajiannya diambil. Pada pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, sekurang-kurangnya MIROS haruslah memberikan bayaran 20 peratus daripada harga kajian tersebut ataupun memberikan satu inisiatif kepada mereka. Bagi saya, ia memadai bagi para penyelidik tersebut.

Perkara terakhir yang saya ingin mendapatkan penjelasan ialah adakah pihak kementerian bersetuju sekiranya MIROS ini diberikan bidang kuasa yang lebih luas? Antaranya, hasil kajian yang dilakukan hendaklah diikuti sepenuhnya oleh JKJR dan agensi-agensi lain. Ini adalah kerana apabila berlaku sesuatu musibah di jalan raya ataupun kemalangan yang membabitkan kenderaan, tidak perlulah jabatan ini menyalahkan jabatan itu, jabatan itu menyalahkan jabatan ini dan akhirnya tiada jalan penyelesaian. Sekurang-kurangnya kita tahu dengan siapa harus kita rujuk atau menyalahkan sekiranya perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku.

Walau bagaimanapun, saya percaya kepada MIROS kerana mereka ini semua terdiri daripada pakar-pakar dalam menjalankan kajian tentang keselamatan jalan raya dan sememangnya dengan kewujudan mereka ini, kita berharap kadar kemalangan maut di negara kita akan dapat dikurangkan. Saya bersetuju sekiranya MIROS dapat bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran dalam menyediakan *syllabus* pembelajaran mengenai keselamatan jalan raya dan biarlah ia lebih kepada praktikal dan lebih kepada teori.

Saya rasa sekadar ini sahaja yang saya ingin utarakan dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus.

12.39 tgh.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong rang undang-undang ini dan ingin mengemukakan beberapa pertanyaan yang tidak terlalu panjang.

Pertama sekali saya ingin bertanya, apakah keperluan institut ini mempunyai singkatan dalam bahasa Inggeris? Saya fikir MIROS ini kalau tidak salah mungkin maksudnya ialah *Malaysian Institute of Road Safety*.

■1240

Masih perlukah kita bergantung kepada akronim dalam Bahasa Inggeris untuk Institut Kebangsaan seperti ini? Oleh sebab itu kalau tidak terlalu lambat saya cadangkan supaya akronim bahasa Inggeris itu ditukarkan dalam bahasa Melayu, itu satu. Kemudian saya juga ingin tahu Tuan Yang di-Pertua, pada halaman lapan dan sembilan dalam rang undang-undang ini disenaraikan fungsi yang seharusnya dilaksanakan oleh institut.

Sebahagian besar daripada fungsi-fungsi ini adalah fungsi sepatutnya yang telah dilakukan di masa lalu. Saya ingin tahu, bagaimanakah fungsi ini dilakukan di masa lalu? Tadi ada disebut, semalam kalau tidak salah saya sewaktu Yang Berhormat Timbalan Menteri membentangkan rang undang-undang ini ada disebut satu perbadanan, kalau tidak silap. Kenapakah perbadanan tidak perbadanan itu sahaja yang diperkasakan tanpa dibentuk satu institut baru seperti ini? Ini sebab saya dapati senarai fungsi pada halaman lapan dan sembilan adalah fungsi yang penting dan tentu sahaja sudah ada badan yang melaksanakannya pada masa lalu. Kenapakah baru sekarang terfikir untuk mengadakan satu institut khas melaksanakan tugas-tugas ataupun fungsi-fungsi seperti yang disenaraikan ini?

Selain dari itu ada disebut di sini bahawa institut ini nanti katanya akan mendapat bantuan kewangan daripada kementerian. Di samping itu juga akan melakukan pengawasan kewangan tersendiri dan mencari sumber kewangan yang tersendiri. Soalan saya adalah akan menjualkan hasil-hasil penyelidikannya dan pertanyaan saya ialah adakah dalam jangkauan masa kementerian, berapa lama institut ini akan berdikari dari segi kewangan tanpa lagi bergantung kepada kementerian? Selain dari itu juga saya ingin tahu adakah wujud di negara lain, institut-institut yang sama sifat dan fungsinya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat dan dipersilakan Yang Berhormat Hajah Maryani binti Mohammad Yit.

12.42 tgh.

Puan Hajah Maryani binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah diucapkan kepada kerajaan di atas rang undang-undang ini yang dilihat sebagai serius dalam menangani isu-isu keselamatan jalan raya. Di sini saya akan menyentuh cuma dua fasal untuk dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Pertama saya ingin merujuk kepada fasal 11 mengenai keanggotaan lembaga pengarah MIROS. Lantikan keanggotaan ahli dalam fasal 11(1)(h) di mana Menteri Pengangkutan mempunyai kuasa melantik sekurang-kurangnya dua wakil atau tidak lebih dari enam wakil. Di sini dalam pemerhatian saya, terdapat beberapa kementerian dan agensi yang saya kira penting telah tertinggal atau tidak dinamakan dengan khusus dalam fasal ini. Di sini saya mohon dinyatakan dengan jelas kedudukan, keanggotaan, wakil-wakil kementerian atau agensi yang saya kata mungkin tertinggal:

- (i) Kementerian Kerja Raya yang bertanggungjawab secara langsung terhadap reka bentuk jalan-jalan raya dan aspek keselamatan fizikal dan yang boleh memberikan kesan langsung dan utama kepada keselamatan pengguna jalan raya;
- (ii) Kementerian Kesihatan Malaysia agar akses kepada data hasil autopsi mangsa kemalangan dan ergonomik diperolehi secara mudah dan sah;
- (iii) Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang menguatkuasakan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 yang mana akses maklumat penguatkuasaan atas firma kenderaan komersial swasta serta jabatan yang bertanggungjawab mengadakan garis panduan keselamatan iaitu *Safe Operating Procedure*, dengan izin dapat dimanfaatkan secara optimum bagi MIROS;
- (iv) Suruhanjaya Pengangkutan Darat yang mempunyai maklumat pelesenan dan penguatkuasaan kenderaan komersial di mana sektor ini banyak menyumbang kepada kemalangan atau malapetaka yang besar jumlahnya dalam statistik kemalangan jalan raya di Malaysia; dan
- (v) PUSPAKOM dapat memberikan khidmat nasihat dan teknikal untuk menyalurkan maklumat sebagai sesebuah kenderaan komersial dan runding cara agar data-data serta *sample* dapat diuji dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan fasal 11(2)(h) ini dapat diperluaskan dan diberikan spesifikasi yang sewajarnya dengan mengambil kira yang dicadangkan tadi supaya akta ini nanti betul-betul dapat mencapai matlamat iaitu menangani isu-isu penyelidikan, keselamatan jalan raya dan bukan hanya melepaskan batuk di tangga sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh fasal 45 yang memberi kuasa kepada pegawai yang ditugaskan untuk mengambil atau menyimpan kenderaan *sample* yang ditugaskan untuk mengambil atau menyimpan kenderaan *sample* entiti fizikal yang dipercayai mempunyai mengandungi maklumat yang berkaitan atau relevan maksud penyelidikan keselamatan jalan raya atau analisis *sample* tersebut apabila diterima.

Fasal ini seterusnya memperuntukkan bahawa bagi maksud fasal 43, 44 dan 45 berbunyi setiap pegawai yang ditugaskan apabila diminta hendaklah menunjukkan kad kuasa kepada orang yang diambil tindakan olehnya dan sini saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya mengeluarkan atau memotong perkataan, "*jika diminta*" pada ayat di fasal 45(2)(a) agar pegawai yang mengambil *sample* itu hendaklah terus menyatakan jawatannya dan menunjukkan kad kuasanya agar tidak berlaku masalah penggunaan kuasa oleh pegawai-pegawai atau sindiket penyamaran yang boleh mendatangkan kerisauan dan ketidaktenteraman awam akibat tugas atau tindakan pegawai MIROS nanti.

Sukacita dicadangkan setiap pegawai MIROS yang menjalankan tugas penyelidikan ataupun diminta oleh mereka yang terlibat supaya perlu sebagai *standard operating procedure*, dengan izin, garis panduan menyatakan jawatan kad kuasa dan tujuan terlebih awal agar tugas hakiki penyelidikan keselamatan jalan raya dapat dibuat secara optimum dan efektif. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, saya persilakan Yang Berhormat Hajah Rohani binti Abdullah.

12.47 tgh.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam 1 Malaysia.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah memperkenalkan Rang Undang-undang Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia untuk tahun 2012 atau MIROS 2012 ini sebagai langkah bagi memastikan keselamatan jalan raya dan ingin membuktikan kesungguhan kerajaan untuk menangani masalah kemalangan jalan raya yang terus meningkat dari tahun ke tahun.

Tuan Yang di-Pertua, kemalangan jalan raya adalah tragedi bukan sahaja mengakibatkan kerosakan dan kehilangan harta benda malah yang lebih penting adalah kehilangan nyawa. Kesan kemalangan ini menyebabkan masalah lain seperti masalah sosial antaranya kecacatan anggota dan hilang tempat bergantung. Kita sedia maklum kemalangan jalan raya mengakibatkan kematian di Malaysia adalah yang tertinggi di dunia. Kalau di Palestin dan Afghanistan kita dapati yang meninggal dunia ramai yang terkorban di medan perang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kalau boleh kita khusus kepada akta itu Yang Berhormat komen apa yang patut buat, beza-bezakan itu tidak payahlah.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: Okey, okey Tuan Yang di-Pertua. Langkah kerajaan memperkenalkan rang undang-undang ini adalah langkah yang tepat pada masa bagi menangani isu dan masalah berhubung dengan keselamatan jalan raya.

Pertama saya ingin menyentuh seksyen 6(a) berhubung dengan fungsi institut ini khususnya iaitu menjalankan penyelidikan yang menyeluruh ke atas keselamatan jalan raya. Dalam hubungan ini saya ingin menyentuh tentang had laju di jalan raya negeri, persekutuan dan lebuhraya. Saya dapati had laju jalan-jalan raya ini ada yang tidak sesuai dengan teknologi jalan raya dan permotoran atau automatik masa kini.

■1250

Kita semua sedar kelajuan boleh membunuh. Akan tetapi had laju yang tidak wajar yang juga memungkinkan berlaku kemalangan jalan raya. Masih ada had laju yang ditetapkan 30 tahun lalu, sedangkan jalan raya telah dinaiktarafkan dari satu lorong ke dua lorong tetapi had laju kita masih 60 kilometer sejam. Kejuruteraan automatik juga telah meningkat dengan pesat sekarang, bukan seperti zaman 60-an dahulu di mana jenama dan bilangan kenderaan pada masa itu amat terhad.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu saya ingin mencadangkan agar satu kajian yang menyeluruh dari segi had laju bagi semua jenis jalan raya iaitu jalan bandaran, negeri, persekutuan dan lebuhraya supaya lebih praktikal. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kerajaan sama ada kerajaan akan mengkaji untuk menaikkan kadar had laju di lebuhraya dari 110 kilometer sejam ke had yang lebih sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara 6(j) iaitu peranan institut untuk mengkaji piawaian dan kurikulum sekolah memandu. Kerajaan telah mengambil langkah bijak mengujudkan kurikulum sekolah memandu secara tersusun. Namun, setelah beberapa tahun kita dapati kurikulum ini perlu menambahbaikkan kerana gagal melahirkan pemandu yang cekap, berhemah dan bertanggungjawab di jalan raya. Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah langkah yang telah diambil untuk membaiki kurikulum sekolah memandu supaya dapat melahirkan pemandu yang cekap, berhemah dan bertanggungjawab ini. Saya juga ingin mencadangkan agar modul bantuan kecemasan juga diperkenalkan kepada pelajar sekolah memandu bagi menghadapi kecemasan semasa kemalangan jalan raya.

Berhubung dengan sekolah memandu ini, saya juga ingin membangkitkan tentang kadar bayaran untuk mengikuti sekolah memandu ini yang kita dapati berbeza. Contohnya jika di Dungun Terengganu, untuk mengikuti kelas memandu sehingga dikenakan bayaran sebanyak RM1,400 sedangkan jika di Rawang, Selangor hanya RM800 sahaja. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, mengapakah berlaku perbezaan ini? Sehubungan dengan itu, saya mencadangkan agar satu kadar yang seragam ditetapkan bagi mengikuti kelas memandu. Saya ingin menggesa agar kerajaan mengkaji kadar bayaran mengikuti sekolah memandu ini agar tidak membebankan pemandu dan bagi menggalakkan lebih ramai orang awam mengikuti kelas memandu dan mendapat lesen memandu yang sah.

Selain itu, peranan sekolah memandu ini wajar diperkasakan. Bukan sahaja melatih pemandu untuk memandu dan mendapat lesen memandu, tetapi juga melatih pemandu yang berhemah, cekap dan bertanggungjawab.

Kita tidak mahu sekolah memandu ini terus meningkatkan kadar bayaran untuk mengikuti latihan di sekolah mereka, tetapi kualiti pengajaran di sekolah memandu ini terus merosot dan gagal mencapai matlamat kerajaan mewujudkan sekolah-sekolah memandu yang lebih berpotensi.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh berhubung dengan perkara 6(k) berhubung dengan mengkaji semula kaedah ujian yang dijalankan oleh organisasi pemeriksaan kenderaan khususnya PUSPAKOM. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, sejauh manakah PUSPAKOM telah berjaya memainkan peranannya dalam pemeriksaan bagi menjamin keselamatan jalan raya. Setakat manakah mutu pemeriksaan yang telah dijalankan serta nyatakan jumlah kenderaan yang telah diperiksa mengikut jenis seperti kereta, bas dan lain-lain bagi tempoh 2010 dan 2011. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah bagi meningkat lagi mutu perkhidmatan PUSPAKOM supaya benar-benar dapat menyumbang dalam memastikan keselamatan kenderaan di jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu saya berharap penubuhan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia iaitu MIROS ini akan menyumbang secara berkesan dalam penyelidikan keselamatan pengguna jalan raya supaya lebih banyak nyawa dapat diselamatkan dan tragedi kemalangan jalan raya dapat dikurangkan. Akhir kalam, "Pandu Cermat, Jiwa Selamat". Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Bagus Yang Berhormat, bagus. Itu konstruktifnya komen. Sekarang tanpa membuang masa, saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Mustafa Kamal bin Mohd.Yusof.

12.55 tgh.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd.Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut berbahas. Sebagaimana yang dihuraikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, penubuhan institut ini khusus untuk menjalankan penyelidikan bagi mengurangkan keselamatan jalan raya dan juga melihat kepada kaedah-kaedah yang dapat membantu tujuan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya secara ringkasnya hanya hendak menyentuh tugas perkara. Pertama, fasal 53 ini ialah berkenaan perlindungan undang-undang terhadap institut, ahli lembaga dan juga kakitangan. Fasal 53 ialah membolehkan Menteri setelah berunding dengan ahli lembaga untuk menerima pakai peraturan-peraturan yang dicadangkan. Ketiganya ialah berkenaan dengan fasal 59 iaitu kuasa Menteri setelah berunding dengan lembaga untuk membuat keperluan dengan akta yang dicadangkan ini.

Pertamanya berkenaan dengan fasal 53. Isu yang timbul ialah Menteri dan lembaga tidak boleh dibawa ke prosiding undang-undang. Mereka tidak boleh didakwa atas atau dikenakan apa-apa tindakan undang-undang. Saya melihat Tuan Yang di-Pertua, di bawah Perlembagaan Persekutuan perlindungan dari sebarang tindakan ini hanya diberi kepada kedaulatan pemerintahan negeri dan negara sahaja. Malahan kita di Dewan ini pula hanya diberi keistimewaan perlindungan dari segi apa tindakan undang-undang untuk apa-apa kita kata di dalam Dewan ini sahaja. Persoalan saya, apakah fasal 53 ini tidak bercanggah dengan peruntukan yang sedia ada oleh Perlembagaan Persekutuan dan apakah peruntukan yang bercanggah ini secara automatiknya terbatal? Apakah ini langkah yang wajar untuk memberi perlindungan mutlak kepada pihak yang berkenaan dari segi tindakan undang-undang?

Saya melihat tidak ada jaminan bahawa keistimewaan ini tidak boleh diselewengkan oleh pihak yang terlibat. Malah fasal 53 ini juga membawa akibat yang cukup mendalam secara perundangan atas dasar pihak yang terlibat mempunyai keistimewaan untuk melakukan apa-pa yang dikatakan memihak kepada mereka. Siapakah yang akan bertanggungjawab jika berlaku kesilapan atau kecuaiian berpunca daripada tindakan yang berkenaan?

Persoalan lain yang ingin saya sentuh Tuan Yang di-Pertua ialah kuasa yang tidak terhad untuk diberikan kepada Menteri untuk menentukan apa-apa keputusan yang berkaitan mengenai institut ini. Institut ini ditubuhkan sebagai pusat penyelidikan jalan raya dan ia harus bebas dari sebarang gangguan.

Gangguan yang boleh mendatangkan kesan negatif kepada usaha penyelidikan institut dan boleh mengurangkan keberkesanan dan pembangunan penyelidikan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Perkara 59 ini iaitu yang membolehkan Menteri membuat peraturan tambahan. Saya berpendapat memandangkan bahawa undang-undang ini dibawa ke Dewan ini untuk dibahaskan, maka sewajarnya sekiranya ada apa-atau pun pindaan supaya pindaan tersebut dirujuk semula. Saya rasa lebih wajar kalau dapat kita berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa ini saya rasa saya menyokong penuh wajar sekali institut ini malah patut diadakan lebih awal dahulu daripada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat hendak cakap selepas ini boleh. Tidak apa, kalau ada *point-point* yang baik, saya benarkan.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd.Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa sepatutnya lama dahulu kita mengadakan institut ini. Kalau kita tengok kadar kemalangan jalan raya di negara kita ini, kadang-kadang amat mengerikan. Kalau kita tengok kemalangan yang melibatkan bas ekspres ini terus meningkat. Pelbagai kaedah telah kita adakan tetapi saya rasa terus berlaku. Jadi memang wajarlah dilihat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sekarang jam menunjukkan tepat jam 1 tengah hari. Yang Berhormat boleh sambung selepas 2.30 petang nanti.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd.Yusof: Hendak gulung.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak gulung sudah? Okey. Cuba cakap dahulu supaya senang direkodkan.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd.Yusof: Saya Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong rang undang-undang yang dibentangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari ini.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

■1430

Timbalan Yang di-Pertua: Kita akan sambung balik sesi membahaskan Rang Undang-undang Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2012. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah. Silakan Yang Berhormat.

2.32 ptg.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang berbahas di dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara sahaja. Pertamanya, saya hendak bertanya MIROS bahawa adakah mereka membuat kajian mengenai *road bullies*. *Road bullies* ini satu gejala yang terdapat ramai mangsa di seluruh Malaysia yang juga satu punca di mana keselamatan di jalan raya tidak ada. Adakah kajian dibuat dan bagaimana kita kawal keadaan *road bullies* ini?

Ada banyak laporan bahawa di satu-satu tempat di jalan raya di mana terdapatnya tarik kereta atau *tow truck* yang juga menyebabkan kemalangan berlaku seperti di *corner* ditaruh minyak atau paku. Ada juga kemalangan yang berlaku. Adakah MIROS membuat apa-apa kajian mengenai perkara-perkara begini?

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, iaitu *double-decker bus*. Baru-baru ini ada *double-decker bus* yang terlibat di dalam kemalangan yang *very fatal* di mana beberapa penumpang meninggal dunia.

Adakah MIROS membuat kajian sama ada *double-decker bus* ini selamat untuk berjalan di kawasan-kawasan bukit seperti Genting Highlands dan juga *long distance*, dengan izin. Adakah *double-decker bus* selamat dan adakah apa-apa kajian yang dibuat?

Ketiganya Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai pengeluaran saman. Baru-baru ini kita mendengar ada dua syarikat diberi pengeluaran saman *dioutsource* kepada dua syarikat. Berapakah saman yang dikeluarkan oleh dua syarikat ini. Daripada saman-saman itu berapa lori dan bas persiaran yang terlibat sebab saya pun tengok apabila pada waktu malam bas-bas persiaran pun sangat laju. Adakah kajian dijalankan bagaimana kita mengawal kelajuan bas-bas persiaran tersebut.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai peranan MIROS. Adakah MIROS hanya tertumpu dari segi keselamatan ataupun ada *big picture*, dengan izin iaitu di Malaysia kita nampak kenaikan kereta-kereta persendirian. Dijangka 20 juta lebih kereta persendirian. Kalau banyak kereta, mesti jalan raya sesak dan mesti ada kemalangan. Untuk mengelakkan ini, kita mesti menambahkan *public transport*, dengan izin ataupun *alternate transport*. Jadi MIROS diharap mereka melihat *the big picture* dan beri cadangan dan kajian mengenai pengangkutan secara keseluruhannya.

Poin yang akhir Tuan Yang di-Pertua ialah penunggang motosikal. Satu kumpulan yang sangat terjejas dalam kemalangan ialah motosikal. Setiap perayaan ramai penunggang motosikal terlibat di dalam kemalangan dan ramai juga yang meninggal dunia. Apakah cadangan MIROS untuk meningkatkan keselamatan penunggang motosikal. Adakah cadangan-cadangan untuk *lane* yang berlainan di antara kereta dan lori untuk motosikal. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum kita meneruskan perbahasan kita, saya ingin mempersilakan seorang Menteri untuk mengemukakan satu usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 9.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 9 Mei 2012”

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Timbalan Yang di-Pertua: Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat.

2.38 ptg.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk berkongsi dalam membahaskan Rang Undang-undang Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2012. Saya akan pergi kepada poin yang saya hendak bangkitkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Pertamanya, saya ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah membentangkan rang undang-undang ini sebagaimana juga teman-teman dahulu menyatakan hal yang sama. Ini merupakan satu keperluan masyarakat kitalah setelah berlakunya pelbagai insiden ataupun dengan maaf kemalangan jalan raya yang meningkat dari semasa ke semasa.

Kita tahu jalan raya dan keselamatannya merupakan salah satu daripada kehidupan kita yang tidak dapat kita lari daripada kehidupan ini. Jadi dalam hubungan ini membuat kajian penggunaan jalan raya termasuk pemandu dan pejalan kaki. Saya rasa perlu diberi perhatian di sini sebab yang terlibat ialah kedua-dua golongan ini iaitu pemandu dan pejalan kaki. Pejalan kaki ini sebagaimana juga telah disentuh tadi oleh teman-teman, dia merupakan orang yang menjadi mangsa sama ada langgar dari belakang atau dari depan. Begitulah juga saya melihat kemalangan ini juga berlaku apabila ada simpang. Contohnya simpang tiga. Apabila simpang tiga ini hendak keluar ke jalan besar. Jadi di situ kalau kebetulan ada kereta yang diletakkan di bahu jalan, ini menyulitkan pengguna jalan raya untuk melintas. Hal ini sering terjadi kemalangan berlaku. Saya minta pihak yang berkenaan memberi perhatian meletakkan tanda dan sebagainya supaya perkara ini dapat kita elakkan daripada berlaku kemalangan.

■1440

Satu lagi perkara yang sedang kita lihat ialah pengguna jalan raya di bawah umur yang membawa kenderaan. Seperti kanak-kanak yang tidak cukup umur membawa motosikal dan ini terjadi kepada penduduk di luar bandar apabila mereka ke sekolah. Ibu bapa yang sibuk tidak mampu menghantar anak-anak ke sekolah tetapi cara penyelesaiannya ialah mereka membelikan motosikal untuk digunakan oleh anak-anak tadi. Kita tahu bahawa jalan raya yang digunakan itu ialah sibuk. Di sini saya melihat pihak kerajaan perlu melihat perkara ini secara serius. Hal ini mungkin tidak berlaku di bandar Yang Berhormat Menteri dan di kampung memang terjadi.

Jadi untuk mengatasi kemalangan yang akan terjadi dan memang telah terjadi. Bagaimana caranya? Apakah pihak kerajaan boleh memikirkan beri lesen terhad umpamanya atau dengan buat apa cara supaya bagaimanapun pelajar ini anak-anak ini telah membawa motosikal ke sekolah dan mengguna jalan raya. Jadi saya tengok polis hanya mengambil tindakan membiarkan asal sahaja pelajar-pelajar itu memakai topi keledar. Ini adalah mungkin sama ada kerjasama ataupun bagaimana saya pun tidak tahu tetapi semacam tidak ambil tindakanlah. Begitulah juga pihak yang mengendalikan latihan pemandu yang ada di seluruh negara. Perlu dimasukkan bahawa berada di jalan raya boleh melakukan kebaikan iaitu dengan memberi toleransi.

Untuk mengemukakan pandangan ada sebahagian negeri yang agak sukar untuk pemandu-pemandu lain untuk masuk jalan besar. Kalau dia sudah berjalan di jalan dia tidak akan beri jalan untuk orang lain walaupun diminta dan sebagainya. Ini perlu diberi satu latihan, satu pendedahan supaya hal-hal ini ada toleransi yang sangat tinggi di jalan raya. Boleh juga dalam latihan memandu itu diberitahu kepada pelajar-pelajar atau tukang didik tadi dengan maaf dengan izin bahawa berada di jalan raya bukan sahaja dapat membuat kebaikan tetapi ia merupakan satu ibadah pada Allah bagi orang Islam.

Satu lagi yang saya tengok yang berlaku sekarang ini di waktu pagi jam 1 ke pagi berlakunya deretan perlumbaan haram di jalan-jalan utama. Ini sedang berlaku di kalau saya boleh sebut di sini ialah Jalan Pasir Puteh, Kota Bharu. Merupakan satu deretan motosikal yang sangat panjang dengan keretanya berlaku pada menjelang pagi. Hal ini berlaku pada setiap malam. Hampir setiap malam dan memberi bahaya kepada pengguna jalan raya yang lain. Bagi saya ini merupakan satu fenomena yang berlaku dan begitulah juga saya kalau boleh di dalam televisyen kita atau filem-filem kita cuba kurangkan menayang aksi-aksi perlumbaan haram yang boleh memberi rangsangan kepada anak-anak muda kita.

Saya yakin dan percaya bahawa perlumbaan seperti ini bukan mudah untuk kita basmi tetapi boleh kita atasi dengan sedikit sebanyak. Begitulah juga saya ingin tahu sejauh mana warga asing boleh membawa kenderaan awam di tempat kita? Ini kerana didapati ada sebahagian atau segelintir warga asing yang diberi peluang untuk memandu. Apakah mereka boleh memandu apabila ada lesen antarabangsa ataupun mereka buat itu dengan cara yang tidak mengikut peraturan dan undang-undang kita. Tuan Yang di-Pertua saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar.

2.45 ptg.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya menyokong penuh rang undang-undang ini dibentangkan di sini. Sebab saya lihat satu yang penting untuk kita, satu yang baru. Kita lihat jumlah kemalangan jalan raya tahun 2011 berjumlah 448,786. Satu angka yang sangat besar, yang mati setahun 6,8777 setahun. Kalau satu hari 18 orang, sebulan kira banyak itu. Angka ini terbukti bahawa Malaysia merupakan antara negara yang tertinggi *top ten* dalam dunia. Sungguh malang yang jadi anak yatim menurut Persatuan Anak-anak Yatim (PEYATIM) di Malaysia lebih daripada 300 ribu orang. Saya harap Yang Berhormat Menteri sahkan di sini. Orang yang cedera, rawat di hospital ratus ribu pun begitu negara kerugian sebanyak lebih kurang RM8.2 bilion setahun. *Average* individu sebanyak RM1.2 juta.

Jadi, sekarang boleh saya simpulkan kalau dahulu orang takut masuk hutan disebabkan harimau, beruk, ular, singa, singa tidak adalah, 'Singapura' ada, lah. Jadi, kalau dahulu orang takut masuk hutan sekarang orang takut masuk bandar, orang takut masuk lebuh raya, kenapa? Kenapa? Jawabnya risiko kemalangan di Malaysia adalah besar. Saya suka naik kapal terbang daripada naik bas, daripada naik teksi. Walaupun kita dengar kapal terbang ada jatuh tetapi kemalangan kenderaan darat lebih besar daripada risiko naik kapal terbang. Jadi sesuatu yang baru muncul akta ini saya sangat alu-alukan, saya sangat-sangat berterima kasih. Sepatutnya sudah lama buat, sudah lama bentangkan.

Apa pun kita harap dia menjadi kenyataan untuk kurangkan kadar kemalangan jalan raya. Saya tidak hendak Senator-senator tidak hendak, Malaysia merupakan kemalangan jalan raya yang utama di Asia Tenggara. Ada banyak sebab kemalangan jalan raya. Mungkin daripada pengguna, mungkin dari bentuk kenderaan, mungkin dari bentuk undang-undang, mungkin dari bentuk jalan raya sendiri, mungkin ada satu sebab lain. Apa pun model yang diambil ini saya hendak tanya, daripada negara mana model institut ini diambil, adakah dari *Europe*, kalau *Europe* negara mana?

■1450

Mungkin negara Belanda. Kalau ambil dari Belanda, saya hendak tanya kementerian, adakah di sana kadar kemalangan menurun? Kalau tidak turun, sia-sia. Oleh itu, sebelum kita mengambil mana-mana negara menjadi model untuk menubuhkan institut ini, hendaklah diakui bahawa negara berkenaan kurang atau paling kurang kadar kemalangan jalan raya.

Di Malaysia juga, kadar kemalangan jalan raya berkisar banyak kepada motosikal. Saya hendak *confirm* dengan kementerian, saya dapat tahu lebih daripada 60 peratus yang *accident*, kemalangan maut atau cedera parah bukan kereta, bukan pejalan kaki tetapi yang banyak ialah motosikal. Di negara-negara maju, misal kata Amerika, London, Jepun, Seoul, Perancis, motosikal jarang-jarang ada. Kalau kita pergi Jepun, tidak ada motosikal pun, Amerika tidak ada motosikal pun.

Kita dapat tahu juga di dua negara di Asia Tenggara iaitu di Indonesia dan Burma. Di Burma, Rangoon contohnya, tidak ada motosikal dalam bandar, *you* pergilah sekarang, sedangkan penduduknya lebih kurang 10 juta dalam Bandar Rangoon, tidak ada motosikal, dihalang motosikal dalam bandar. Di Indonesia kita dapati motosikal ada dalam bandar tetapi tidak boleh lalu jalan-jalan tertentu, contohnya lebuh raya. Contoh sahaja, dari Bandung ke Jakarta tidak dibenarkan motosikal lalu ikut lebuh raya. Kalau ada pun, ada lorong khas.

Jadi saya hendak tuntutan, hendak minta supaya kementerian kaji, kalaulah motosikal penyumbang kepada kematian yang terbesar, lebih daripada 60 peratus, saya hendak minta tuntutan untuk buat kajian, adakah sesuai motosikal dibawa ke bandar-bandar.

Kedua, motosikal juga di Malaysia tidak macam Vietnam, di Hanoi. Di Vietnam ada motosikal sebanyak 2.5 juta tetapi dia tidak rempit. Di Saigon dia tidak rempit, di Yunan dia tidak rempit, di Shanghai dia tidak rempit. Saya cakap ini sebab saya pergi semua bandar-bandar itu, tidak ada rempit. Boleh muat tiga, tidak payah pakai topi keledar tetapi dia tertib. Saya hendak minta juga kajian di Malaysia kenapa banyak rempit?

Kalau di Terengganu, hari Jumaat malam Sabtu, bukan seratus, bukan dua ratus, bukan lima ratus, bukan satu ribu malahan dua tiga ribu pada Khamis malam Jumaat atau Jumaat malam Sabtu, ribu-ribu, kenapa? Kenapa di Hanoi, di Indonesia, di Singapura, di Manila tidak ada, kenapa di Malaysia ada? Itu kena buat kajian, adakah tidak ada undang-undang untuk mencegah, menghalang mereka atau adakah apa-apa yang menyebabkan mereka jadi mat rempit? Mat rempit itu masalah yang besar kepada negara kita. Seterusnya saya hendak syorkan perkara berikut hendaklah diambil kira:

- (i) berkaitan dengan modal insan;
- (ii) insurans;
- (iii) SOCSO;
- (iv) mereka yang terlibat dengan kemalangan yang bukan penyumbang kepada kemalangan tersebut;
- (v) kesan psikologi...

Timbalan Yang di-Pertua: Masih banyak lagi kah Yang Berhormat?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, satu minit.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua...

- (vi) kesan kepada mereka yang selamat;
- (vii) kesan kepada ahli keluarga;
- (viii) kesan kepada ahli atau mereka yang terlibat dalam kemalangan;
- (ix) hilangnya tempat bergantung;
- (x) hilangnya kepala keluarga yang penting;
- (xi) mereka yang tidak bersalah menjadi mangsa mereka yang rakus di jalan raya;
- (xii) kegagalan kempen keselamatan jalan raya dan sejauh mana kejayaan kempen keselamatan tersebut;
- (xiii) sejauh mana berkesannya PDRM Cawangan Trafik dalam isu keselamatan jalan raya;
- (xiv) *ratio* pengguna jalan raya dengan penguatkuasaan yang dijalankan; dan
- (xv) saya bersetuju dengan Yang Berhormat Ramakrishnan supaya bas-bas dua tingkat dikaji semula, sebab bas dua tingkat dijadikan bas pelancong memang tidak sesuai. Bas dua tingkat sesuai di bandar-bandar sahaja, tidak sesuai pergi Genting, pergi *Fraser Hill*, banyak selekoh, ramai yang mati.

Seterusnya, saya hendak tanya juga kerana jalan lama itu, 10 tahun di Singapura, di negara maju, tidak ada lagi, kita 20-30 tahun ada lagi. Saya hendak minta juga selekoh-selekoh berbahaya ada berapa di Malaysia, sudah kah dibaiki? Jika belum dibaiki, kenapa tidak dibaiki?

Saya juga hendak tahu tentang warga asing di Malaysia jadi pemandu. Boleh kah jadi pemandu sedangkan mereka warga asing? Kedua, mereka memandu teksi dan ada juga yang tidak ada lesen.

Satu lagi saya hendak sebut ialah mengenai keadaan di ladang-ladang secara haram, banyak ladang-ladang kelapa sawit, getah, koko, kelapa yang haram. Apa tindakan? Ini banyak kemalangan jalan raya.

Akhirnya saya hendak simpulkan bahawa rang undang-undang ini merupakan satu rang undang-undang yang mestinya disokong, disegerakan dan insya-Allah akan membawa kesan yang baik untuk kurangkan kemalangan jalan raya. Sudah cukup Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, maka dengan itu seramai sepuluh orang daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2012.

Sekarang tiba masanya untuk kita mendengar jawapan daripada pihak Menteri. Minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab, silakan Yang Berhormat Menteri.

2.59 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2012 di bawah MIROS yang telah dibentangkan pada pagi ini. Saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana banyak daripada pandangan-pandangan yang telah dikemukakan adalah bertujuan bukan sahaja untuk menyokong rang undang-undang ini tetapi juga memberikan banyak maklum balas-maklum balas yang baik yang boleh digunakan oleh MIROS untuk menjalankan tugas mereka dan mengadakan penyelidikan-penyelidikan yang sudah tentu akan memberikan faedah ke arah untuk kita menjadikan negara Malaysia bebas daripada masalah kemalangan jalan raya.

■1500

Seperti mana yang kita ketahui bahawa statistik menunjukkan bahawa kemalangan di jalan raya, kematian di jalan raya di negara ini adalah satu statistik yang agak begitu memeranjatkan juga kerana pada setiap tahun kematian lebih kurang 6,877 dengan jumlah kemalangan melebihi 450 ribu pada tahun 2011. Walaupun kita dapat melihat bahawa terdapat penambahbaikan dalam indeks kematian di jalan raya, iaitu kalau kita melihat dari segi indeks setiap 10 ribu kenderaan berdaftar, pada tahun 2001, ianya pada 5.17 peratus dan pada ketika ini pada tahun 2011 telah pun menurun pada 3.21 peratus.

Demikian juga bagi setiap satu bilion *vehicle kilometer travel* telah pun menunjukkan ada peningkatan ataupun penurunan yang baik iaitu pada tahun 2001 -23.93 peratus, pada tahun 2005 - 19.58 peratus dan pada tahun 2011 menurun kepada 14.48 peratus. Namun ini belum memuaskan kerana menunjukkan bahawa negara ini gejala kemalangan di jalan raya masih lagi merupakan satu masalah yang besar di negara ini dan indeks kita di peringkat antarabangsa ialah berada di tahap ke-46 daripada 172 negara yang telah dibuat kajian oleh *United Nations*.

Oleh sebab itu, seperti mana yang kita tahu bahawa undang-undang MIROS ini adalah diadakan bagi mewujudkan satu institut bertujuan untuk mewujudkan satu institusi bagi mengadakan kajian-kajian berkaitan dengan keselamatan jalan raya dan ianya adalah merupakan satu institusi yang penting bukan sahaja untuk memberikan nasihat kepada Kementerian tetapi juga mencadangkan intervensi-intervensi yang sesuai bagi membolehkan kita dapat mencari intervensi-intervensi yang berkesan bagi mengurangkan kemalangan di jalan raya.

Seperti mana yang kita tahu bahawa kita telah pun ada Jabatan Keselamatan Jalan Raya tetapi tugas dan tanggungjawab Jabatan Keselamatan Jalan raya adalah tertakluk ataupun adalah menjurus kepada pelaksanaan program-program keselamatan jalan raya.

Manakala MIROS adalah merupakan agensi yang dipertanggungjawabkan untuk mengkaji ataupun membuat kajian berhubung dengan polisi-polisi dan juga kaedah-kaedah dan juga melaksanakan beberapa peraturan-peraturan baru khususnya peraturan-peraturan antarabangsa yang ingin dilaksanakan di negara ini untuk bertujuan menambah baik perundangan dan juga beberapa polis-polisi baru seperti UNCE dan juga kaedah-kaedah lain yang telah dipersetujui di peringkat antarabangsa.

Oleh sebab itu, walaupun ianya telah pun ditubuhkan pada tahun 2007 tetapi pada hari ini kita telah mewujudkan satu sejarah dengan mengadakan Rang Undang-undang MIROS untuk memperbadankannya supaya dengan adanya rang undang-undang ini MIROS akan dapat berfungsi sebagai satu institusi seperti mana institusi-institusi yang lain. Seperti mana yang kita tahu bahawa di dalam negara ini, kita juga telah mewujudkan beberapa institusi-institusi *research* yang telah pun ada dalam negara ini seperti MARDI bagi *agriculture* ataupun *Malaysian Agriculture Research dan Development Institute* dan juga *Forest Research Institute of Malaysia* (FRIM) dan juga beberapa agensi yang lain.

Jadi tidak banyak bezanya antara kewujudan MIROS dengan agensi-agensi institusi, ianya adalah satu agensi yang diperbadankan untuk membolehkannya dapat bergerak dengan lebih bebas dan juga seperti mana yang kita tahu, sebagai sebuah institut ia akan juga mengambil banyak pakar-pakar dari luar dan dengan adanya kebebasan yang diberikan kepada institut ini, ianya dapat menjadi satu institut yang lebih berkesan dan dapat mengambil lebih ramai pakar-pakar untuk membolehkan institut ini dapat melaksanakan tanggungjawabnya yang lebih berkesan.

Beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya ingin jawab di sini, Yang Berhormat Datuk Paul Kong Sing Chu telah membangkitkan berkaitan dengan kelayakan untuk seseorang mengajar memandu. Untuk makluman Yang Berhormat, seorang warganegara Malaysia yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan hendaklah menjalani dan lulus Sijil Pengajar Institut Memandu yang dianjurkan oleh Akademi Pengangkutan Jalan Malaysia. Kursus ini adalah wajib bagi memastikan seorang pengajar mendapat ilmu dan teknik yang sama sebelum mengajar mana-mana calon, seterusnya calon tersebut dapat menjadi pemandu yang kompeten, mematuhi peraturan dan jadi pemandu yang berhemah.

Yang Berhormat Datuk Paul Kong Sing Chu juga telah mengemukakan beberapa cadangan di antaranya untuk membenarkan syarikat-syarikat lain mengadakan pemeriksaan selain daripada PUSPAKOM. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kerajaan telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh konsesi PUSPAKOM setelah mengambil kira beberapa isu-isu penting iaitu dengan mengambil kira pertimbangan di atas pelaburan besar yang dibuat oleh PUSPAKOM dan PUSPAKOM juga bukan sahaja mengadakan pusat-pusat PUSPAKOM di kawasan-kawasan bandar tetapi juga mengadakan pusat-pusat pemeriksaan di kawasan luar bandar di mana pusat-pusat ini adalah merupakan pusat-pusat yang dianggap sebagai sosioekonomi.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, PUSPAKOM juga akan membina lebih banyak cawangan pemeriksaan dan juga akan membeli peralatan-peralatan teknologi yang baru untuk membolehkan mereka menjadi satu institusi pemeriksaan yang lebih berkesan. Yang Berhormat juga ada membangkitkan tentang kesalahan ubahsuai modifikasi kenderaan supaya lebih laju dan mencadangkan supaya ianya dirampas. Untuk makluman Yang Berhormat, ianya adalah merupakan kesalahan, modifikasi kenderaan adalah merupakan satu kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan sekiranya tindakan dapat diambil untuk menyita kenderaan-kenderaan yang tidak mematuhi peraturan, khususnya mengadakan modifikasi yang tidak dibenarkan.

Yang Berhormat juga ada membangkitkan tentang mempamerkan nombor plat yang tidak mengikut spesifikasi. Untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya mempamerkan plat *number* yang tidak mengikut spesifikasi, ianya adalah merupakan satu kesalahan yang terkandung di bawah kaedah-kaedah pengangkutan jalan dan sekiranya seseorang tidak mempamerkan dengan betul, ianya boleh diambil tindakan dan juga akan didenda.

Yang Berhormat Datuk Paul juga ada membangkitkan tentang sekolah memandu hendaklah menggunakan kereta pelbagai saiz, untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sebenarnya tidak menyekat penggunaan mana-mana model kereta untuk digunakan sebagai kenderaan latihan dan ujian memandu.

Terdapat juga institusi-institusi memandu yang menggunakan kereta salon atau sedan sebagai kenderaan latihan dan ujian memandu. MIROS mendapati setakat ini tidak ada *literature* yang menunjukkan bahawa ada kaitan antara kenderaan yang digunakan semasa latihan dan ujian dengan kecekapan pemanduan di jalan raya yang sebenar.

■1510

Yang Berhormat Datuk Paul Kong Sing Chu juga ada membangkitkan berkaitan dengan isu jalan raya hendaklah mengikut spesifikasi yang betul dan memohon MIROS mempertimbangkan isu ini. Untuk makluman Yang Berhormat Kementerian Kerja Raya sentiasa memastikan kualiti jalan raya dan lebuhraya yang dibina sentiasa mematuhi piawaian dan spesifikasi sedia ada seperti arahan teknik jalan JKR 1985 dan spesifikasi pembinaan jalan selaras dengan piawaian antarabangsa seperti *American Association of State Highway and Transportation Official* dan *British Standard* dan *Road Engineering Association of Malaysia* (REAM) dan projek pembinaan jalan raya yang dilaksanakan di Malaysia ada mematuhi sistem pengurusan kualiti JKR atau SPK selaras dengan MS ISO 9001.

Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz juga ada membangkitkan mengenai pengajaran memandu hendaklah mengikut piawaian antarabangsa dan kajian kurikulum pemanduan baru secara berkala. Pada tahun 2000 kurikulum pendidikan pemandu telah diperkenalkan melalui bantuan pakar dari Kementerian Pelajaran Malaysia dan wakil institusi memandu. Kurikulum semasa seterusnya telah disemak semula untuk ditambah baik khususnya dalam aspek membudayakan pemaduan selamat oleh satu jawatankuasa kerja yang terdiri daripada JPJ dan MIROS, JKJR dan wakil institusi memandu. Kurikulum baru ini telah mengambil kira keperluan struktur pelesenan memandu mengikut amalan terbaik antarabangsa atau *international best practices* bagi melahirkan pemandu yang *competent* mematuhi peraturan dan berhemah. Kurikulum baru ini akan dapat dilaksanakan setelah pihak kementerian menyelesaikan isu-isu peruntukan kewangan dan dijangka akan diselesaikan dalam tahun ini.

Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz ada menyatakan tentang penyertaan syarikat insurans atau PERKESO dalam kempen keselamatan jalan raya. Kempen-kempen dan aktiviti keselamatan jalan raya sememangnya mendapat sokongan sektor swasta, NGO dan lain-lain khususnya bagi seminar, *workshop* mengenai pencegahan jalan raya, kempen kesedaran dan juga perkongsian data ataupun *community accident*, dengan PERKESO dan juga MIROS menduduki jawatankuasa bencana kerja semenjak tahun 2011.

Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz ada juga membangkitkan apakah perbezaan antara SPAD dan MIROS. Apakah kajian MIROS boleh diintegrasikan dengan SPAD. Untuk makluman Yang Berhormat MIROS menjalankan kajian saintifik bagi mengusulkan intervensi atau program yang merangkumi aspek teknikal kenderaan, jalan raya, sikap pengguna jalan raya dan keberkesanan penguatkuasaan. Hasil kajian tsb boleh diguna pakai oleh semua *stakeholders* termasuk Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat bagi tujuan penambahbaikan polisi perkhidmatan jalan raya yang melibatkan pengangkutan awam. Untuk makluman Yang Berhormat SPAD adalah bertujuan untuk menjalankan kajian bagi mempertingkatkan keberkesanan sistem pengangkutan awam dan barangan melalui khidmat konsultan.

Senator Hajah Mumtaz juga ada membangkitkan tentang adakah dibuat induksi keselamatan kepada pegawai keselamatan. Pegawai keselamatan atau *warden traffic* ada diberikan latihan oleh pegawai JKJR dan JPJ sebelum dibenarkan untuk menjadi *warden traffic*. Selain itu *warden traffic* ini juga dibekalkan dengan peralatan-peralatan seperti pakaian seragam, wisel, sarung tangan dan lolipop untuk membantu beliau menjalankan tugasnya.

Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz juga ada bertanya bolehkah pihak peguam mendapat maklumat atau data mengenai hasil siasatan kemalangan untuk tujuan tuntutan. Untuk makluman Yang Berhormat ianya dibolehkan sekiranya maklumat tersebut atau data yang dipohon tidak bertaraf rahsia atau tiada larangan-larangan lain. Pihak MIROS boleh mengenakan apa-apa syarat batasan dan sekatan terhadap penggunaan data tersebut.

Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz juga ada minta takrifan berkenaan jalan raya di dalam Akta MIROS. Untuk makluman Yang Berhormat, takrif jalan yang dinyatakan di bawah seksyen 2, Akta Pengangkutan Jalan adalah jalan-jalan yang termasuk jalan-jalan awam dan juga jalan-jalan persendirian. Ini juga termasuk antara lain jambatan, terowong, jalan bertingkat, termasuk juga segala lorong lalu-lintas.

Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz juga ada bertanya apakah terdapat perancangan menambahkan MIROS di negeri-negeri. Untuk makluman Yang Berhormat tiada cawangan negeri pada tahap sekarang. Cadangan ini hanya akan dipertimbangkan secara teliti termasuk sekiranya ianya terdapat keperluan bagi meningkatkan keberkesanan. Ada juga pertanyaan daripada Yang Berhormat adakah wakil-wakil PBT yang dimasukkan dalam Lembaga Pengarah MIROS. Jika terdapat keperluan bagi pakar-pakar yang berkaitan dari PBT yang boleh menyumbang kepada pembangunan MIROS dan keselamatan jalan raya ianya akan boleh dipertimbangkan supaya dilantik sebagai ahli-ahli lembaga pengarah anggota bebas dalam lembaga pengarah.

Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz ada membangkitkan tentang penjualan kereta baru perlu mendapatkan kelulusan MIROS. MIROS sebenarnya tidak diperuntukkan kuasa untuk meluluskan penjualan sebuah kenderaan. Bagi setiap penjualan sebuah kenderaan baru, buat masa ini setiap model kenderaan baru perlu mendapat kelulusan jenis kenderaan atau *vehicle type provable* (VTA) daripada JPJ. Di bawah Jawatankuasa VTA yang turut dianggotai MIROS kenderaan perlu mematuhi piawaian atau standard yang ditetapkan. Penetapan standard ini adalah berdasarkan peraturan UNCE bagi memastikan spesifikasi kenderaan adalah di tahap yang tinggi dan selamat sebelum dibenarkan dijual di negara ini.

Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz juga ada membangkitkan tentang penentuan lokasi R&R, kawasan rehat dan rawat (R&R) diwujudkan di setiap lebuhraya untuk memberikan kemudahan dan keselesaan kepada pengguna. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya pada dasarnya pada masa ini sedang menjalankan kajian untuk menyediakan pelan induk perhentian rehat dan rawat di jalan-jalan Persekutuan dengan kerjasama PBT bagi mengenal pasti kawasan hentian rehat dan rawat yang berpotensi dibina di sepanjang laluan utama Persekutuan di Malaysia.

Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz juga ada bertanya tentang kenapakah kadar kemalangan tinggi setiap kali operasi trafik bersepadu dilaksanakan. OPS bersepadu yang dilaksanakan setiap musim perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina dan perayaan-perayaan yang lain, pada masa perayaan ini bilangan kenderaan yang berada di atas jalan raya akan bertambah dua atau tiga kali ganda. Ini akan meningkatkan risiko kemalangan jalan raya. Namun begitu pelbagai inisiatif dan usaha telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk mengurangkan kecederaan dan kematian di atas jalan raya dengan pelbagai kempen dan juga peringatan-peringatan yang telah disalurkan melalui pelbagai saluran media.

Pada Tahun Baru Cina 2012 purata bilangan kematian sehari telah berjaya dikurangkan kepada 11.2 kematian seharian berbanding dengan 18 kematian sehari pada hari-hari biasa dengan mengambil kira dua atau tiga kali pertambahan jumlah kenderaan, ini adalah merupakan satu pencapaian yang agak memuaskan.

Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz juga ada membangkitkan tentang mencadangkan agar buku pendidikan keselamatan jalan raya boleh dimuat turun dengan mudah. Untuk makluman Yang Berhormat buku kurikulum pendidikan pemandu boleh dimuat turun melalui laman web Jabatan Pengangkutan Jalan.

Senator Hajah Mumtaz juga ada membangkitkan tentang CSR yang diterima oleh MIROS. Untuk makluman Yang Berhormat pada ketika ini MIROS tidak menerima sumbangan apa-apa CSR dan Kementerian bersetuju mungkin pada masa-masa akan datang ini adalah satu cadangan yang konstruktif dan boleh dipertimbangkan.

■1520

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi juga ada membangkitkan tentang cadangan mengadakan kajian terperinci bersama mana-mana institusi pengajian atau universiti mengenai kemalangan jalan raya.

Untuk makluman Yang Berhormat MIROS sentiasa mengadakan *collaboration* dengan IPT mengenai kemalangan jalan raya umpamanya berkaitan penilaian keberkesanan *road safety* di jalan raya dengan Universiti Putra Malaysia dan yang kedua penilaian kesan pemasaran sosial ke atas penunggang motosikal di kalangan pelajar IPT dijalankan dengan Universiti Sains Malaysia. Kajian tanggapan risiko dari kalangan pemandu di Lembah Klang dengan *Monash University. Accident Research Centre* dan selain itu MIROS juga mengadakan kajian bersama *Japanese Automobile Research Institute* dan juga *Research Institute of Highway (RIOH)* di China.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi juga ada membangkitkan tentang pendidikan keselamatan jalan raya kepada mereka yang bukan pemandu dan penunggang. Pendidikan keselamatan jalan raya telah diajar di sekolah-sekolah rendah seluruh negara semenjak tahun 2008 sehingga tahun 2011. Semua sekolah rendah telah diajar pendidikan keselamatan jalan raya sebagai sebahagian daripada mata pelajaran bahasa Malaysia. Pendidikan keselamatan jalan raya akan dikembangkan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah Tingkatan Satu mulai tahun 2012 dan Tingkatan 2 dan 3, pada tahun 2013. Kempen media juga dilaksanakan melalui TV, radio, media cetak dan internet untuk meningkatkan kesedaran orang ramai berkaitan dengan keselamatan jalan raya.

Yang Berhormat Senator juga ada membangkitkan tentang *target* MIROS untuk penggunaan kenderaan mesra alam. MIROS sebenarnya adalah lebih terhadap keselamatan di jalan raya. Fokus kita adalah lebih kepada keselamatan di jalan raya di mana mesra alam adalah *subset* yang *secondary* dan MIROS tetap akan melibatkan diri dalam menyumbang ke arah pembangunan dan kemajuan kenderaan yang mesra alam dan hijau dengan pemakaian piawaian-piawaian antarabangsa dan sebagai pakar rujuk kepada agensi-agensi dan kementerian yang berkaitan.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi juga ada membangkitkan berapa jumlah jurnal yang telah dikeluarkan oleh MIROS. MIROS telah menerbitkan lebih daripada 30 kertas jurnal di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Selain itu, lebih 100 penerbitan berdasarkan hasil penyelidikan yang telah dijalankan. Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi juga ada membangkitkan adakah mempunyai pusat kawalan jalan raya yang melalui CCTV untuk memantau rekod kemalangan di lebuhraya.

Buat masa ini DBKL mempunyai pusat kawalan jalan raya bagi kawasan Bandaraya Kuala Lumpur. Bagi lebuhraya pusat kawalan diselia oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia dan pusat-pusat kawalan jalan raya ini bagi memantau aliran dan kelancaran trafik di jalan-jalan berkenaan. MIROS tidak bertanggungjawab untuk memantau perjalanan lalu lintas.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi juga ada membangkitkan tentang jumlah kerugian yang dialami negara sepanjang 20 tahun akibat kemalangan jalan raya. Kerugian yang dialami oleh negara Malaysia akibat kemalangan jalan raya adalah setiap berikut: 1.2 juta bagi setiap kematian, 120,000 bagi setiap kecederaan parah, 12,000 bagi setiap kecederaan ringan. Secara puratanya negara mengalami kerugian sehingga RM8 bilion sehingga RM9 bilion setiap tahun akibat kemalangan jalan raya.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi juga ada membangkitkan tentang apakah MIROS bercadang untuk memberikan biasiswa kepada pelajar atau kakitangan MIROS yang ingin menjalankan kajian forensik jalan raya. MIROS menghargai cadangan ini dan akan menimbang cadangan tersebut pada masa-masa akan datang.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi ada membangkitkan tentang mencadangkan supaya ikon keselamatan jalan raya yang dipilih mempunyai kriteria yang bersesuaian. Kita akan mengambil maklum dan mempertimbangkan cadangan tersebut.

Yang Berhormat Senator ada membangkitkan tentang adakah kerajaan bercadang untuk memuat naik data pungutan atau aduan rakyat dalam laman web kementerian. Statistik kemalangan jalan raya di negara ini adalah dikumpulkan oleh PDRM. Namun begitu, perangkaan ini juga ada dipaparkan di laman web JKJR dan MIROS. Selain itu semua laman web Kementerian Pengangkutan...

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri ada yang ingin mencelah.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Sekejap. Ahli-ahli di bawahnya boleh menerima aduan daripada orang ramai dan aduan ini akan diambil tindakan yang sewajarnya. Namun begitu, aduan tersebut tidak akan dipaparkan. Yes, sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya mohon sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung tentang kemalangan jiwa yang berlaku kepada seseorang yang di bawah umur 18 yang saya dimaklumkan ada satu Akta 1956 yang mengehendkan pampasan tidak lebih daripada RM10,000. Jadi tadi berhubung dengan apa Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi. Ini satu akta yang saya difahami akta ini kerana ada satu kejadian yang baru berlaku dan saya mohon penjelasan kerana ini satu angka yang tidak munasabah dalam keadaan ekonomi sekarang ini. Kematian, kemalangan jiwa yang disebabkan oleh kemalangan kepada seseorang selalunya penuntut di bawah 18 tahun tertakluk kepada siling RM10,000 pampasan. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mohon maaf, saya tidak ada maklumat berkaitan perkara itu. Saya akan memberikan maklum balas selepas ini kerana mungkin ada peruntukan-peruntukan di bawah undang-undang tertentu di mana perkara ini wujud dan kita akan mengambil maklum sekiranya perkara itu benar dan pihak MIROS boleh atas kapasitinya sebagai penasihat polisi kepada Kementerian Pengangkutan untuk mencadangkan satu pindaan yang perlu sekiranya ianya perlu tertakluk id bawah Akta Pengangkutan Jalan.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi juga ada membangkitkan tentang apakah MIROS mempunyai makmal atau litar percubaan untuk memastikan kajian-kajian MIROS memberi hasil dapatan yang lebih signifikan. Untuk makluman Yang Berhormat kemudian yang sedia ada ialah makmal ujian perlanggaran kenderaan, kedua makmal kajian impak, ketiga makmal simulasi pemanduan, keempat makmal kenderaan berinstrumentasi dan kita juga dalam perancangan untuk mewujudkan litar pengesahan ujian atau *proving ground circuit*.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi juga ada membangkitkan tentang apakah kerajaan bercadang untuk menetapkan kuota pembelian kenderaan bagi mengurangkan kenderaan kemalangan. Kerajaan setakat ini belum mempunyai sebarang cadangan untuk menetapkan kuota pembelian kenderaan dan demikian juga pelupusan kerana ini juga tidak ada berkait rapat dengan *National Automotive Policy*.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi membangkitkan tentang tiada peruntukan penubuhan lembaga penasihat di bawah Akta MIROS. Oleh kerana fungsi MIROS adalah untuk menjalankan penyelidikan berhubung keselamatan jalan raya dan menguruskan perkara-perkara yang berkaitan keselamatan jalan raya, keanggotaan lembaga MIROS sendiri terdiri daripada pakar-pakar berhubung dengan keselamatan jalan raya.

Selain daripada itu, Menteri boleh melantik mana-mana orang yang mempunyai kepakaran berkenaan jalan raya ini untuk menganggotai lembaga berkenaan. Tambahan pula, lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang terdiri dalam pakar-pakar dalam bidang yang diperlukan untuk maksud ini bagi membantu menjalankan fungsinya. Kepakaran yang sudah ada sememangnya mencukupi untuk menasihati MIROS.

Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin ada membangkitkan tentang adakah MIROS akan membayar kepada pengkaji yang kajiannya digunakan oleh MIROS. MIROS sentiasa menghormati harta intelek pihak lain. Fasal 45(1) Akta adalah merujuk kepada permohonan mendapatkan data dalam bentuk sampel dan seumpamanya yang berkaitan dengan keselamatan jalan raya. Fasal ini tidak merujuk kepada permohonan mendapatkan hasil kajian. MIROS sekiranya perlu akan membayar apa-apa perolehan harta intelek dari mana-mana pihak jika ianya dikenakan.

Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin juga ada membangkitkan tentang adakah Kementerian bersetuju supaya MIROS diberikan lebih bidang kuasa yang lebih luas. Bidang kuasa yang dicadangkan seperti mana dalam rang undang-undang ini pada masa ini adalah mencukupi untuk MIROS menjalankan fungsinya dengan berkesan dan untuk mencapai matlamat penubuhannya. Walau bagaimanapun, bidang kuasa MIROS boleh dikaji dari semasa ke semasa bagi mematuhi keperluan dan perkembangan semasa. Demikian juga cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh MIROS, mungkin memang beberapa cadangan-cadangan yang relevan akan diambil kira oleh jabatan-jabatan dan juga pihak Kementerian untuk melaksanakannya.

Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin juga ada membangkitkan, berapakah kajian yang menumpukan terhadap golongan pengguna motosikal. Apakah kesan terhadap kajian tersebut. MIROS memang membuat siasatan terhadap setiap kemalangan yang melibatkan tiga kematian atau lebih. Maklumat dan data dimasukkan dalam pangkalan data atau *database* dan dapatan kajian di terjemah dan langkah-langkah keselamatan iaitu yang pertama pembinaan lorong khusus untuk motosikal. Ini adalah antara cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh pihak MIROS kepada kerajaan, iaitu antaranya:

- (ii) kempen pemakaian topi keledar, *vest* mudah tampak, pasang lampu semasa menunggang;
- (iii) reka bentuk pengadang jalan yang lebih mesra penunggang motosikal; dan
- (iv) program pendidikan di sekolah supaya sampai ke sekolah menengah untuk membolehkan kesedaran jalan raya di kalangan pelajar-pelajar meningkat khususnya mereka-mereka yang menggunakan motosikal di mana motosikal adalah merupakan penyumbang 60 peratus daripada jumlah kematian di jalan raya.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus membangkitkan tentang fungsi MIROS. Kenapakah kerajaan tidakewartakan perbadanan sedia ada dan perlu diwujudkan institut baru? Peranan MIROS adalah menjalankan penyelidikan jalan raya dan bidang penyelidikannya adalah berkaitan dengan kenderaan, jalan raya dan persekitaran dan tingkah laku pengguna jalan raya. MIROS telah pun ditubuhkan semenjak tahun 2007.

Walaupun bagaimanapun, hanya diperbadankan melalui akta pada ketika ini dan ia adalah merupakan satu badan berkanun agar semua dasar dan intervensi keselamatan jalan raya secara bebas akan dapat dibentuk berdasarkan kepada fakta dan penyelidikan. MIROS juga telah ditubuhkan rang undang-undang ini adalah untuk membolehkan MIROS berfungsi berdasarkan kepada undang-undang.

Yang Berhormat Dato' Senator juga berkata tentang adakah ianya wujud di negara, institut yang serupa wujud di negara lain. Untuk makluman Yang Berhormat, beberapa negara seperti Netherlands, Sweden dan juga *Transport Research Laboratory*, UK, *Japanese Automobile Research Institute (JARI)*, *Australian Road Research Board (ARRB)* dan MIROS saling berhubung dengan agensi-agensi dan juga institut ini bagi membuat kajian bersama dan mendapat maklumat-maklumat daripada institusi antarabangsa ini untuk membolehkan MIROS dapat mempertingkatkan kapasitinya dan dapat memberikan nasihat ataupun nasihat-nasihat polisi dan intervensi-intervensi terkini yang boleh membantu mengurangkan kemalangan di jalan raya.

Yang Berhormat Senator juga ada membangkitkan tentang akronim dalam bahasa Malaysia. Kita menyambut baik cadangan beliau itu cuma MIROS mempunyai visi dan misi untuk menjadi institut penyelidikan yang bertaraf antarabangsa. Misi ini telah tercapai dan nama MIROS adalah satu penjenamaan yang ingin dikenali di peringkat antarabangsa. Ini juga terpakai kepada beberapa institut agensi yang lain iaitu seperti MARDI, FRIM dan RRI. Pada masa ini, hubungan dengan pertubuhan dan institut serantau dan antarabangsa sudah pun terjalin dan singkatan MIROS dapat memudahkan jalinan antarabangsa dan perhubungan.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bertanya juga tentang berapa lamakah MIROS akan bergantung dengan dana yang disediakan oleh kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kepada rangka yang telah ditentukan ialah selama 30 tahun bermula pada tahun 2007 sehingga 2036 di mana pihak kerajaan akan memberikan sumbangan sebanyak RM20 juta setahun untuk tempoh 30 tahun dan selepas itu saya percaya MIROS sudah boleh berdiri sendiri sebagai satu institut yang bebas yang mempunyai kemampuan untuk mencari peruntukan sendiri.

Yang Berhormat Senator Hajah Mariany ada membangkitkan tentang terdapat beberapa Kementerian agensi yang tidak di senarai dalam ahli lembaga MIROS. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah fasal 11(H), Menteri boleh melantik tidak lebih enam anggota orang-orang yang berpengalaman, berupaya dan sesuai berhubung dengan keselamatan jalan raya. Pelantikan ini adalah berdasarkan kepada keperluan dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Hajah Mariany juga ada bertanya tentang di bawah seksyen 45(2)(a) meminta memotong perkataan, "*jika diminta*". Untuk makluman Yang Berhormat, pegawai yang bertugas hendaklah mengisytiharkan jawatannya terlebih dahulu walaupun ia tidak diminta. Kad kuasa ditunjukkan apabila diminta adalah tindakan yang wajar dan munasabah.

Yang Berhormat Hajah Rohani juga ada membangkitkan tentang jumlah pemeriksaan yang dijalankan oleh PUSPAKOM bagi tahun 2009 hingga 2010 dan 2011. Jumlah pemeriksaan yang dijalankan PUSPAKOM tahun 2009 – 2,833,140; tahun 2010 – 2,843,699; tahun 2011 – 2,820,672. Sejauh manakah PUSPAKOM telah berjaya menjalankan pemeriksaan kenderaan? Sehingga kini PUSPAKOM telah mempunyai 55 cawangan tetap yang dilengkapi dengan kelengkapan pemeriksaan di seluruh negara. Dari segi sistem pengurusan kualiti, PUSPAKOM telah mendapat pengiktirafan ISO 9001 pada tahun 2008.

Bagi menangani isu penyelewengan dan rasuah, kerajaan telah menetapkan elemen KPI yang meliputi teknikal KPI bagi membolehkan operasi PUSPAKOM dipantau dan mematuhi standard yang ditetapkan. Bagi isu-isu berkaitan rasuah ini juga, kita juga mengharapkan kerjasama yang rapat daripada pihak masyarakat awam supaya dapat memberikan kerjasama kepada SPRM untuk mengadakan aduan-aduan terhadap salah laku pegawai ataupun pihak-pihak yang terlibat di dalam kerja-kerja PUSPAKOM.

Yang Berhormat Hajah Rohani juga ada bertanya tentang berapakah orang pakar keselamatan di dalam MIROS dan kelayakan mereka. Untuk makluman Yang Berhormat, seramai 65 orang pegawai penyelidik dan pembantu penyelidik sedang berkhidmat di MIROS. Mereka mempunyai latar belakang pendidikan yang pelbagai dan memenuhi keperluan pendidikan yang meliputi jurutera mekanikal, jurutera awam, *bio medical*, doktor perubatan, pakar kesihatan awam, pakar sains sosial serta mereka yang berpengalaman dalam penyelidikan, profesor-profesor serta pakar dengan PhD dalam bidang-bidang yang berkaitan. Mereka ini terlibat dalam penyelidikan khususnya dalam bidang seperti:

- (i) keselamatan kenderaan dan bio mekanik;
- (ii) keselamatan jalan raya dan persekitaran; dan
- (iii) tingkah laku pengguna jalan raya.

Yang Berhormat Senator Hajah Rohani juga ada membangkitkan tentang had laju di lebuhraya dan Jalan Persekutuan. Untuk makluman Yang Berhormat, reka bentuk lebuhraya di Malaysia adalah khusus untuk had laju tidak melebihi 110km sejam. Bagi kategori jalan persekutuan atau jalan negeri, had laju kebangsaan adalah 90km sejam dan perlu dikurangkan kepada 70km atau 60km sejam jika terdapat banyak jalan keluar masuk dan pembangunan pesat di tepi jalan.

Yang Berhormat Senator Hajah Rohani juga ada bertanya tentang kadar bayaran sekolah memandu yang tidak seragam. Kementerian menggunakan pendekatan tidak mengawal kadar yuran belajar memandu yang dikenakan oleh institut memandu kecuali kadar bayaran belajar dan kadar lesen memandu motosikal B2 iaitu 250cc ke bawah sahaja. Kementerian berpendapat bahawa pendekatan *market forces* pada peringkat ini adalah ia tanpa penetapan harga ke atas bayaran latihan di institut memandu akan mewujudkan persaingan yang sihat di mana institut memandu. Ia juga memberi peluang kepada calon-calon pemandu untuk memilih institut memandu yang menawarkan kadar bayaran yang berpatutan.

Walau bagaimanapun, kerajaan telah menetapkan pakej kadar bayaran yuran belajar dan lesen motosikal kelas B2 hanya RM211 bagi calon-calon yang kurang berkemampuan dari segi kewangan.

Yang Berhormat Senator Dato' Mustafa Kamal juga membangkitkan tentang apakah seksyen 53, bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan di mana Menteri dan lembaga tidak boleh didakwa. Seksyen 53 tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan kerana dinyatakan bahawa perlindungan daripada tindakan guaman dan prosiding undang-undang hanya diberikan kepada ketua pengarah, timbalan ketua pengarah dan anggota lembaga sekiranya perbuatan atau peninggalan olehnya adalah dilakukan atas pelaksanaan tugasnya dan dilaksanakan dengan suci hati.

■1540

Yang Berhormat juga ada membangkitkan tentang kuasa Menteri membuat peraturan perlu dibawa ke Parlimen di bawah seksyen 59, Akta MIROS. Di bawah Akta MIROS, telah dinyatakan secara substantif. Oleh itu, Menteri memang boleh membuat peraturan bagi melaksanakan peruntukan akta dan tidak lebih daripada itu seperti *fee* dan *charge* untuk khidmat perundingan dan nasihat yang diberikan oleh MIROS di bawah seksyen 59(2)(a).

Yang Berhormat Senator Ramakrishnan ada membangkitkan beberapa isu berkaitan dengan adakah penggunaan bas dua tingkat selamat menurut kajian MIROS. Pada tahun 2008, MIROS telah membuat kajian teknikal bertajuk, "*Stability of High-Deck Buses in Rollover and Contact-Impact with Traffic Barriers*". Kajian mendapati bas bertingkat adalah selamat digunakan melalui pemilihan laluan bas yang bersesuaian. Bagi meningkatkan keselamatan penggunaan bas bertingkat, latihan lanjutan pengendalinya adalah perlu terutamanya bagi pemandu yang tidak pernah memandu bas bertingkat. Dari segi pembuatan, reka bentuk bas yang mengambil kira aspek kestabilan dan dinamik seperti yang digariskan di dalam peraturan Kaedah-kaedah Kenderaan Bermotor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959 adalah penting bagi memastikan keselamatan bas yang dibina.

Yang Berhormat Senator Ramakrishnan juga ada membangkitkan berkaitan dengan adakah kajian telah dijalankan untuk mengawal kelajuan bas. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah mensyaratkan pemasangan peralatan peranti GPS terhadap permohonan permit bagi bas ekspres. Fungsi GPS adalah untuk merekodkan kelajuan di mana merupakan sebahagian daripada sistem pengurusan kenderaan yang menjadi tanggungjawab majikan di bawah Kod Amalan SHE dan ianya adalah merupakan salah satu daripada syarat untuk pemberian permit.

Selain daripada itu, Yang Berhormat juga ada membangkitkan berapa banyak saman yang telah dikeluarkan oleh AES terhadap pemandu bas yang memandu melebihi had yang ditetapkan. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini kita belum lagi melaksanakan sistem AES dan projek AES buat masa ini masih lagi di peringkat reka bentuk sistem. Ianya akan dilaksanakan dalam masa terdekat apabila beberapa aspek tertentu sudah dapat diselesaikan. Ini kita berharap apabila ianya dilaksanakan akan dapat mendisiplinkan pemandu-pemandu di jalan raya khususnya mereka yang suka memandu dengan laju.

Yang Berhormat Senator Ramakrishnan juga ada membangkitkan sama ada MIROS hanya tertumpu pada keselamatan jalan raya dan tidak melihat kepada *big picture* bagi meningkatkan sistem pengangkutan awam. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat pelbagai agensi terlibat dalam meningkatkan keselamatan jalan raya. Dasar memperkasakan pengangkutan awam adalah diterajui oleh Kementerian Pengangkutan di bawah program NKRA. Jabatan Perdana Menteri juga melalui Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat mempunyai rancangan dan pelan-pelan tindakan untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam di kalangan masyarakat. Jabatan Keselamatan Jalan Raya adalah bertindak bagi mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan kesedaran terhadap keselamatan jalan raya dan JKR dari segi keselamatan jalan. JPJ pula adalah bertanggungjawab bagi keselamatan kenderaan dan kesemua agensi ini termasuk MIROS adalah menyumbang kepada usaha-usaha yang Yang Berhormat katakan sebagai *the big picture*.

Yang Berhormat Senator Dr. Johari ada membangkitkan sejauh mana warga asing boleh membawa kenderaan awam. Peraturan semasa tidak membenarkan warga asing memohon dan memiliki lesen PSV atau *public service vehicle* dan juga GDL. Walau bagaimanapun, pemastautin tetap atau PR dibenarkan memiliki lesen PSV dan GDL dan memandu kenderaan awam.

Yang Berhormat Senator Dr. Johari juga ada membangkitkan mengenai pengguna jalan raya di bawah umur membawa kenderaan ke sekolah dan apakah tindakan kerajaan bagi menangani masalah ini, bolehkah diberi lesen yang terhad. Menurut seksyen 39 Akta Pengangkutan Jalan, umur minimum untuk mendapatkan lesen motosikal adalah 16 tahun. Umur minimum ini adalah sesuai dengan kematangan seorang pemandu untuk menjadi seorang pemandu yang kompeten, mematuhi peraturan dan berhemah. Kerajaan melalui Jabatan Keselamatan Jalan Raya sentiasa menjalankan kempen dan advokasi untuk mendidik pelajar dan ibu bapa agar tidak memandu atau menunggang di bawah had umur. Manakala polis dan JPJ sentiasa menjalankan penguatkuasaan bagi memastikan pemandu dan penunggang mempunyai lesen yang sah.

Yang Berhormat Senator Dr. Johari juga ada membangkitkan tentang isu berkaitan kenderaan yang diletakkan di tepi-tepi jalan dan meminta agar *signage* diletakkan. Kuasa untuk meletakkan sebarang *signage* di tepi-tepi jalan negeri dan perbandaran adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Kerja Raya dan pihak-pihak berkuasa tempatan. Bagi lebuh raya pula, pemasangan *signage* adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Lebuhraya Malaysia.

Yang Berhormat Senator Dato' Ramakrishnan juga ada membeangkitkan dua perkara iaitu adakah MIROS membuat kajian mengenai *road bullies* dan rempit. Setakat ini, MIROS belum lagi membuat kajian terhadap *road bullies* dan rempit. Boleh dianggap ianya sebagai satu masalah berkait dengan masalah sosial. MIROS bersedia bekerjasama dengan pelbagai pihak, mereka-mereka yang layak dan pakar dalam bidang kajian sosial, untuk mengadakan kajian berkaitan dengan fenomena *road bullies* dan juga masalah rempit.

Yang Berhormat Senator juga ada bertanya apakah cadangan MIROS untuk mengurangkan kemalangan motosikal. Untuk makluman Yang Berhormat, MIROS sedang:

- (i) menggalakkan penggunaan laluan khas motosikal, *exclusive motorcycle lane* atau *cost benefit ratios* yang akan memberikan faedah lima kali ganda sekiranya menggunakan laluan khas motosikal;
- (ii) meningkatkan penguatkuasaan ke atas penunggang motosikal yang tiada lesen memandu atau menunggang, menunggang melebihi had laju, melanggar lampu isyarat, dan terlibat dalam perlumbaan motosikal haram;
- (iii) menekankan pengetahuan dan kesedaran keselamatan melalui pendidikan keselamatan jalan raya di sekolah rendah dan menengah dan MIROS juga menilai keberkesanan pendidikan tersebut;
- (iv) menilai semula kurikulum yang dikendalikan oleh institut memandu dan diuji oleh JPJ; dan
- (v) menggalakkan penggunaan pengangkutan awam yang lebih selamat.

Yang Berhormat Datuk Senator Rahman bin Bakar ada membangkitkan berkaitan dengan isu kegagalan kempen keselamatan jalan raya untuk mengurangkan kemalangan jalan raya. Beliau juga ada menyatakan bahawa kita adalah *top ten* yang terburuk di dunia. Ini adalah tidak benar Yang Berhormat. Ranking kita di dunia sekarang ialah 46 daripada 172 negara. Walaupun sebenarnya kita bimbang dengan masalah ini tetapi secara perbandingan misalnya berbanding dengan Thailand di mana mereka mempunyai kenderaan yang hampir sama, lebih kurang hampir 20 juta jumlah kenderaan tetapi kemalangan di negara tersebut adalah dua kali ganda iaitu tidak kurang daripada 12,000 kematian setahun berbanding Malaysia 6,877 kematian.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kempen keselamatan jalan raya hanya merupakan salah satu daripada strategi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Namun begitu, bagi mengurangkan kadar kemalangan secara berkesan dan berterusan, usaha-usaha lain seperti inisiatif penguatkuasaan, kejuruteraan, pendidikan, persekitaran dan penilaian berterusan adalah perlu dipergiatkan bersama. Menerusi usaha kerajaan dan agensi-agensi di bawahnya, indeks kematian jalan raya bagi 10,000 buah kenderaan telah pun berjaya dikurangkan daripada 5.17 peratus pada tahun 2001 kepada 3.24 peratus pada tahun 2011.

■1550

Yang Berhormat Datuk Rahman juga ada membangkitkan mengapa di Malaysia masalah mat rempit berleluasa dan adakah kajian dijalankan untuk menangani masalah ini. Untuk makluman Yang Berhormat, gejala merempit ini memang adalah sesuatu yang amat membimbangkan, memang di negara ini gejala merempit ini juga adalah melibatkan khususnya golongan remaja dan kerajaan melalui pelbagai agensi penguat kuasa seperti PDRM dan JPJ sentiasa menjalankan penguatkuasaan berdasarkan peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi membanteras gejala ini. Untuk makluman Yang Berhormat masalah berkaitan dengan mat rempit ini juga adalah berkait dengan masalah sosial seperti mana yang saya nyatakan tadi.

Saya ingin menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb tadi, saya mendapati jawapannya di sini tuntutan kematian seseorang di bawah 18 tahun adalah terhad kepada RM10,000. Di bawah *Civil Law Act* tuntutan atas *bereavement* adalah RM10,000 tetapi selain daripada itu boleh juga menuntut lain-lain perbelanjaan seperti keranda, perbelanjaan pengebumian dan sebagainya. Ahli keluarga si mati juga boleh membuat tuntutan berhubung dengan trauma yang dihadapi dan ini tertakluk kepada keputusan mahkamah dan laporan pakar perubatan.

Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat di atas penyertaan Ahli-ahli Yang Berhormat. Mana-mana jawapan-jawapan yang saya tidak dapat berikan mungkin Yang Berhormat boleh berhubung dengan saya untuk saya memberikan jawapannya secara bertulis. Sekali lagi saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu seramai sepuluh orang Ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin terhadap isu ini dan melibatkan secara aktif dalam usaha untuk menjayakan matlamat atau untuk menjadikan usaha-usaha untuk memerangi kemalangan di jalan raya ini dapat berkesan dan perwujudan MIROS ini adalah merupakan salah satu daripada instrumen yang penting bagi menjayakan matlamat ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa].

[Fasal-fasal 1 hingga 60 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Jadual diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG LAPORAN KEWANGAN (PINDAAN) 2012

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.55 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang Akta Laporan Kewangan (Pindaan) 2012 untuk meminda Akta Laporan Kewangan 1997 [Akta 558] dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Laporan Kewangan 1997 yang sedia ada menerangkan fungsi yayasan laporan kewangan atau yayasan dan Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia atau lembaga. Pindaan kepada rang undang-undang akan memperjelaskan lagi matlamat dan fungsi yayasan dan lembaga serta menerangkan hubungan antara yayasan dan lembaga dengan lebih *explicit*. Di antara pindaan yang diterangkan ialah untuk menerangkan peranan yayasan bagi menyelia fungsi lembaga dan menyatakan dengan jelas matlamat serta fungsi utama yayasan dan lembaga, tidak seperti sebelum ini yang hanya menjelaskan fungsi kendalian sahaja.

Berikutan keputusan lembaga untuk menumpukan piawaiannya *converges* dengan izin, piawaiannya Piawai Laporan Kewangan Antarabangsa, *International Financial Reporting Standard* atau IFRS mulai tahun 2012, fungsi-fungsi lembaga perlu diperluaskan untuk membolehkan lembaga bekerjasama dengan penggubal perakaunan kebangsaan dan juga antarabangsa lain serta penglibatan lembaga untuk menyumbang kepada perkembangan sesuatu set piawai perakaunan yang tunggal bagi kegunaan di peringkat antarabangsa.

Rang undang-undang ini mencadangkan pindaan kepada anggota yayasan supaya dapat mencerminkan pembaharuan terkini secara menyeluruh. Bagi tujuan tersebut rang undang-undang ini memasukkan peruntukan Lembaga Pemantauan Audit yang baru ditubuhkan pada April 2010 sebagai salah seorang anggota *ex-officio* yayasan, pengerusi Lembaga Pemantauan Audit sebagai *ex-officio* yayasan kerana penglibatannya dalam rangkaian laporan kewangan dalam pasaran modal Malaysia menerusi pemantauan terhadap syarikat-syarikat berkepentingan awam. Selain daripada itu bilangan keanggotaan yayasan dikurangkan daripada 19 orang kepada 12 orang bagi memastikan pengurusan yayasan dapat dijalankan dengan lebih cekap.

Selain daripada itu pindaan juga dibuat untuk memperluaskan kuasa kawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti bagi membolehkan mereka mengubahsuai piawai perakaunan jika perlu atas kepentingan kestabilan kewangan atau pengurusan risiko *systemic* dalam pasaran modal negara. Peruntukan fasal kekebalan turut dimasukkan dalam pindaan untuk diselaraskan akta yang lain seperti Akta Bank Negara Malaysia 2009, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan Akta Timbang Tara 2005. Turut dimasukkan ialah peruntukan bagi pengecualian dan peralihan tentang kuasa pengawalseliaan iaitu Suruhanjaya Sekuriti untuk mengubahsuai piawai perakaunan suatu entiti yang tidak dikehendaki mematuhi piawai perakaunan diluluskan secara khusus.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini terdiri daripada sembilan fasal kesemuanya yang diringkaskan seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan dan permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2 [Akta 558] untuk memasukkan takrif Lembaga Pemantauan Audit yang menjadi sebahagian daripada *ex-officio* yayasan.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 4 [Akta 558] bagi memperjelaskan lagi hubungan antara yayasan dan lembaga dalam Akta Laporan Kewangan di mana peranan yayasan ialah untuk menyelia fungsi lembaga. Pindaan ini bertujuan untuk menetapkan matlamat dan fungsi utama yayasan dan lembaga berbanding dengan peruntukan sejarah hanya meletakkan fungsi pengendalian secara terperinci sahaja.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 5 [Akta 558] bagi menyelaraskan keanggotaan yayasan supaya menjadi lebih menyeluruh dan mencerminkan pembaharuan terkini di Malaysia.

Secara amnya pindaan bertujuan untuk memasukkan Lembaga Pemantauan Audit yang ditubuhkan pada April 2010 sebagai salah seorang *ex-officio* yayasan. Pelantikan pengerusi Lembaga Pemantauan Audit sebagai sebahagian *ex-officio* yayasan adalah wajar kerana penglibatannya dalam rantaian laporan kewangan dalam pasaran modal Malaysia untuk memantau syarikat-syarikat berkepentingan awam.

■1600

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 6 [Akta 558] berikutan pengurangan komposisi anggota yayasan, kuorum bagi keperluan mesyuarat yayasan hendaklah dipinda daripada 9 kepada 6 ahli.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 7 [Akta 558] bagi memasukkan peruntukan baru bagi membolehkan Lembaga bekerjasama dengan penggubal piawaian perakaunan negara-negara lain dan penggubal piawaian perakaunan antarabangsa selaras dengan keputusan Malaysia untuk menumpukan atau pun *converge* piawaiannya dengan piawaian laporan kewangan antarabangsa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Oleh itu, adalah penting bagi Lembaga bekerjasama dengan penggubal piawaian kebangsaan antarabangsa lain memandangkan pendirian Malaysia untuk menumpukan atau *converge* dengan piawaian laporan kewangan antarabangsa dalam tahun 2012. Kerjasama ini memberikan manfaat kepada Lembaga untuk menyuarakan pandangan mengenai kebimbangan atau isu yang berkaitan kepada Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (IASB). Maklum balas yang diberikan kepada IASB akan membolehkan IASB memperbaiki lagi IFRS pada masa akan datang bagi mengadakan set piawaian perakaunan antarabangsa yang tunggal dan berkualiti tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 26D [Akta 558] untuk memperluaskan kuasa Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti bagi mengubahsuai piawaian perakaunan atas kepentingan kestabilan kewangan atau pengurusan risiko *systemic* dalam pasaran modal.

Fasal 8 bertujuan memasukkan seksyen 30 kepada Akta 558 untuk memperuntukkan suatu fasal kekebalan sebagaimana yang diperuntukkan dalam akta lain seperti Akta Bank Negara Malaysia 2009, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan Akta Timbang Tara 2005.

Fasal 9 mengadakan peruntukan kecualian dan peralihan yang mana kuasa Suruhanjaya Sekuriti untuk mengubahsuai piawaian perakaunan hanya boleh dijalankan berkenaan dengan suatu entiti yang tidak dikehendaki untuk mematuhi piawaian perakaunan diluluskan secara khusus sebagaimana yang terkandung dalam piawaian perakaunan yang diluluskan sebelum permulaan kuat kuasa akta ini.

Sebagai rumusan, pindaan kepada Akta Laporan Kewangan perlu dibuat selaras dengan pembangunan pasaran kewangan dan modal di Malaysia dan mengambil kira keputusan Lembaga untuk menumpukan piawaiannya dengan IFRS mulai tahun 2012. Adalah diharapkan dengan pindaan ini yayasan dan Lembaga dapat menyumbang dalam memperbaiki IFRS pada masa akan datang bagi menghasilkan suatu set piawaian perakaunan antarabangsa yang tunggal dan berkualiti tinggi. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mempersilakan salah seorang membuat sokongan.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin a/I Dennis D'Cruz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Laporan Kewangan 1997 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Sebagai permulaan, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok.

4.03 ptg.

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya menyertai perbincangan Rang Undang-Undang Laporan Kewangan (Pindaan) 2012. Laporan kewangan yang tepat adalah sangat penting bagi semua syarikat berhad yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Rakyat yang melaburkan wang, mereka perlu yakin kepada laporan kewangan yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat berhad tersebut. Laporan kewangan mestilah menepati piawaian perakaunan dan piawaian laporan kewangan di Malaysia dan juga piawaian antarabangsa. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia atau lebih dikenali sebagai MASB merupakan badan piawaian bagi piawaian laporan kewangan.

Pada masa petang sebegini, saya rasa ramai orang rasa letih dan mengantuk. Di sini saya ingin bercerita pendek sahaja. Saya ingin bercerita tentang suatu skandal kewangan yang sangat terkenal di dunia kewangan. Enron Corporation adalah sebuah syarikat *energy* Amerika yang berpusat di Houston, Texas, USA dengan izin. Sebelum bankrap pada akhir tahun 2001, Enron mempunyai 21,000 orang pekerja. Enron merupakan sebuah syarikat yang terkemuka di dunia dalam bidang elektrik, kertas, gas asli dan juga komunikasi. Enron melaporkan penghasilannya pada tahun 2000 dengan berjumlah USD101 bilion. *Fortune* menamakan Enron, "syarikat Amerika yang paling inovatif" selama enam tahun berturut-turut.

Enron menjadi sorotan masyarakat luas pada akhir tahun 2001 ketika terungkapnya bahawa kondisi atau pun syarat untuk kewangan yang dilaporkannya di dokong terutama oleh penipuan perakaunan yang sistematik dan dirancang secara kreatif. Skandal kewangan Enron ini telah memberitahu dunia betapa pentingnya piawaian laporan kewangan dan pentingnya *compliance to financial reporting standard*, dengan izin. Operasinya di Eropah melaporkan bankrap pada 30 November 2001 dan dua hari kemudian pada 2 Disember 2001 di USA. Enron mengajukan permohonan perlindungan *Chapter 11*. Pada masa itu, kes itu merupakan kes bankrap yang terbesar di USA dan menyebabkan 4,000 orang pekerja kehilangan kerja.

Oleh yang demikian, rang undang-undang untuk meminda Akta Laporan Kewangan adalah sangat penting. Piawaian laporan kewangan adalah sangat penting memandangkan bencana kewangan yang mungkin timbul daripada laporan kewangan yang kurang tepat daripada syarikat berhad yang tersenarai di BSKL. IFRS iaitu *International Financial Reporting Standards*, dengan izin merupakan piawaian antarabangsa bagi laporan kewangan. Kebanyakan piawaian IFRS berasal daripada piawaian IAS iaitu *International Accounting Standards*, dengan izin.

MASB iaitu *Malaysia Accounting Standards Board*, dengan izin atau Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia juga telah mengguna pakai FRS piawaian perakaunan. FRS bermaksud Financial Reporting Standards, dengan izin. FRS perlu dituruti oleh syarikat-syarikat berhad yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Ini adalah untuk memastikan syarikat-syarikat berhad tersebut mengamalkan laporan kewangan yang menepati piawaian kewangan antarabangsa dan piawaian perakaunan Malaysia. FRS yang telah diguna pakai oleh MASB untuk syarikat berhad termasuklah FRS 1 sehingga FRS 13, 101,102 sehinggalah FRS 201, 204.

Di sini saya terangkan sedikit FRS 1 sehingga FRS 13 adalah berdasarkan *International Financial Reporting Standards*, dengan izin manakala FRS 101 sehingga FRS 140 adalah berdasarkan IAS. FRS 201 dan FRS 204 merupakan piawaian kewangan yang dibangunkan di Malaysia sendiri. Melihat kepada rang undang-undang untuk meminda Akta Laporan Kewangan ini, seksyen 7 memberikan kuasa kepada Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia atau pun MASB iaitu pertama, mengeluarkan piawaian perakaunan baru sebagai piawaian perakaunan yang diluluskan.

Kedua, untuk mengkaji, menyemak dan menerima pakai perakaunan sedia ada. Contohnya, IFRS dan IAS sebagai piawaian perakaunan yang diluluskan.

Ini adalah baik dan sesuai sekiranya semua syarikat berhad tersenarai di BSKL mempunyai laporan kewangan yang 100 peratus akur kepada piawaian perakaunan dan piawaian laporan kewangan, semua pelabur sama ada rakyat biasa, rakyat Malaysia mahupun pelabur asing akan mempunyai keyakinan yang lebih tinggi terhadap BSKL. Semoga pelabur di BSKL sentiasa mendapat untung dengan adanya pindaan Akta Laporan Kewangan ini, semoga tiada skandal kewangan terjadi bagi mana-mana kaunter di BSKL ini.

Sebelum mengakhiri, saya ingin mengemukakan empat soalan Tuan Yang di-Pertua, iaitu yang pertama, berapakah kes skandal kewangan yang pernah berlaku di Malaysia iaitu merujuk kepada syarikat yang disenaraikan di BSKL?

Kedua, apakah jangka masa yang ditetapkan untuk semua syarikat berhad untuk akur kepada semua piawaian MASB atau FRS?

Ketiga, adakah syarikat berhad wajib untuk akur kepada setiap piawaian MASB atau FRS yang berkaitan?

Keempat, jika tidak akur kepada sesuatu FRS atau piawaian MASB, apakah tindakan yang akan dikenakan? Apakah badan yang akan mengambil tindakan? Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

■1610

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mempersilakan Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan.

4.10 ptg.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri memang rang undang-undang ini didrafkan oleh pakar-pakar. Jadi saya ingin menyentuh isu-isu berkaitan dengan rang undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, ada berita media yang beritahu bahawa 11 peratus daripada syarikat yang disenarai di Bursa Malaysia khususnya di *second board*, dengan izin, tidak ada audit dalaman. Adakah ini benar? Keadaan ini adalah satu isu yang begitu serius. Oleh sebab semua syarikat yang di senarai mesti ada syarikat dalaman. Apakah langkah-langkah ataupun apakah tindakan yang akan diambil oleh AOB ataupun MASB untuk menggalakkan mewujudkan audit dalaman syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa kes baru-baru dilaporkan ada penyelewengan di dalam syarikat disenaraikan misalannya syarikat Xian Leng Holdings, Silver Bird Sdn. Bhd. di mana pengarah syarikat ada melakukan penyelewengan dengan syarikat *related party*, dengan izin. Ini berlaku di antara tahun 2005 hingga tahun 2008. Akan tetapi, baru di tahun 2011 ada dibuat satu audit forensik dan tindakan diambil. Soalan saya ialah kenapa diambil begitu lama? Apa yang berlaku di tahun 2005 hingga tahun 2008 tetapi tindakan diambil hanya baru. Jadi apa yang berlaku dan apa yang dilaporkan dan diambil tindakan ada satu *time gap* dengan izin begitu besar?

Ini sebenarnya akan menjejaskan *public trust*, dengan izin, dengan laporan kewangan. Ini mesti dieratkan iaitu apa yang berlaku dengan apa yang di lapor dan tindakan mestinya secepat ataupun serapat. Kalau tidak *public trust* akan terjejas. Jadi kenapa berlaku? Nampaknya ada kelemahan dalam sistem pelaporan kewangan. Jadi apakah langkah-langkah yang akan diambil? Kenapakah begitu lambat dalam kes dua syarikat ini?

Tuan Yang di-Pertua, dalam dua kes ini dan juga kes yang dulu iaitu Transmile, Mega Media ada juga dilantik *independent directors*. *Independent directors* ini, dengan izin ialah untuk mengawal ataupun *protect*, dengan izin, *minority interest*, dengan izin, *interest minority*. Akan tetapi di beberapa kes ini *independent directors* telah gagal menyelamatkan atau melindungi *minority interest*. Nampaknya ada kelemahan di pelantikan *independent directors*. Nampaknya *independent directors* bukan begitu *independent*.

Jadi kenapa, apa akan dibuat untuk memberi satu, melantik *independent directors* yang betul-betul mengawal *minority interest*? Oleh sebab mereka akan menjadi mangsa dan ini akan menjejaskan kepercayaan dalam perniagaan dan Bursa Malaysia.

Juga apakah tindakan *Audit Oversight Board* (AOB) untuk memperbaiki keadaan ini iaitu *time gap* di antara apa yang berlaku dilaporkan? Tuan Yang di-Pertua, AOB dilantik dalam tahun 2010. Sudah jadi dua tahun. Apakah perbezaan yang dibawa oleh AOB dalam sistem pelaporan kewangan daripada dulu? Apakah yang berlaku baru oleh AOB?

Tuan Yang di-Pertua, di Bursa Saham juga ada beberapa syarikat PN17, PN4. Keadaan ini tidak baik untuk nama Bursa Malaysia. Kita mesti tidak ada ataupun kurangkan angka-angka PN17 dan PN4. Bagaimana ini berlaku? Nampaknya kriteria untuk senarai syarikat nampaknya longgar. Jadi syarikat yang begitu kuat pun di terima untuk menyenaraikan. Jadi adakah AOB ataupun MASB mengkaji ataupun *Security Council* (SC) juga mengkaji kriteria ataupun menetapkan kriteria untuk menyenaraikan.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga di media yang menyatakan bahawa juru audit apabila mereka audit ada juga anggapan-anggapan bahawa mereka tidak *add value* dengan izin. Juru audit tidak *add value* untuk sistem audit. Adakah ini benar ataupun apakah cara untuk meningkatkan nilai dalam proses audit yang dicadangkan oleh MASB ataupun AOB?

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah ahli MASB dilantik? Baru-baru selepas draf ini adakah AOB secara automatik menjadi Ahli MASB ataupun anggota MASB lain dan anggota AOB lain? Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana tidak ada sesiapa lagi hendak berbahas dalam tajuk ini saya mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Silakan Yang Berhormat.

4.17 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Senator Puan Chew Lee Giok dan Senator Dr. Ramakrishnan kerana telah memberi pandangan yang agak bernas. Sebenarnya pandangan-pandangan ini adalah pandangan yang baik.

Apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok tentang pengalaman dan skandal itu memang diketahui umum. Inilah usaha-usaha yang dibuat baik di peringkat antarabangsa mahupun dalam negara untuk kita memperketatkan lagi pengawalan supaya penipuan secara sistematik itu tidak dapat dilakukan pada masa-masa akan datang.

Dari segi jangka masa pematuhan yang ditimbulkan beberapa soalan oleh Puan Chew Lee Giok, pematuhan ini sebenarnya telah berkuat kuasa pada tahun ini tahun 2012. Maknanya tidak ada jangka masa. Memang dikuatkuasakan dan ianya akan dikuatkuasakan oleh Suruhanjaya Sekuriti Bank Negara dan juga Suruhanjaya Syarikat. Sebenarnya standard-standard yang ditetapkan oleh MASB ini adalah untuk diikuti dan *enforcement*nya adalah oleh suruhanjaya-suruhanjaya berkenaan. MASB sendiri tidak ada *enforcement* seperti mana yang ada pada Bank Negara Suruhanjaya Sekuriti dan Suruhanjaya Syarikat. Ini dibentuk oleh kerajaan untuk membentuk piawaian ataupun standard yang baik, yang selaras dengan standard antarabangsa dan mesti diikuti oleh syarikat-syarikat awam.

Tindakan akan diambil oleh badan-badan penguat kuasa kerajaan kita seperti mana Suruhanjaya Sekuriti Bank Negara dan Suruhanjaya Syarikat. Tindakan banyak, tindakan pelbagai tindakan. Kalau dalam kes Suruhanjaya Sekuriti pun memang banyak. Saya pernah memaklumkan kepada Dewan Rakyat sebenarnya berapa kes, ratusan ataupun puluhan kes yang telah diambil oleh SC dan tindakan-tindakan, pelbagai tindakan yang telah diambil.

Banyak kes yang telah dibawa ke mahkamah. Ada yang telah disabit, ada yang masih di peringkat tindakan di mahkamah dan ada juga yang telah dilepaskan. Jadi, ini semua adalah proses undang-undang di dalam negara kita.

■1620

Saya tidak berdiri di sini untuk menafikan bahawa kita merupakan sistem yang *full proof* lah, tidak ada penyelewengan, penipuan memang ada. Itu sebab tindakan di ambil. Akan tetapi yang pentingnya rangka kawal selia dan juga pemantauan ini mesti diperketat sebab itu ada AOB yang ditubuhkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan juga untuk memperkemas standard seperti mana yang dilakukan dalam akta kita pada hari ini.

Apa yang ditimbulkan sama ada audit dalaman ini betul atau tidak yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah. Saya yakin bahawa ia tidak betul kerana memang ini merupakan sesuatu yang diperlukan oleh undang-undang bahkan Suruhanjaya Sekuriti memerlukan adanya jawatankuasa audit yang bebas tambah-tambah lagi syarikat yang disenaraikan yang terus hanya melaporkan kepada *board* tidak melaporkan kepada CEO umpamanya. Ini supaya ada *independent* audit dalaman dan juga jawatankuasa audit yang biasanya dipengerusikan oleh seorang ahli lembaga pengarah yang *independent*.

Banyak syarikat jawatankuasa audit ini memainkan peranan yang penting. Setiap kali ahli lembaga pengarah bersidang, sebelum itu perlu ada jawatankuasa audit terlebih dahulu yang bersidang dan melaporkan. Kalau masih terdapat kelemahan kekurangan, itu sesuatu yang tidak dapat dielakkan yang mesti diambil tindakan. Akan tetapi dari segi keperluan, dari segi *guidelines* yang dikeluarkan oleh AC dan Bank Negara memang memerlukan supaya terdapat audit dalaman dan juga jawatankuasa audit yang melaporkan terus kepada ahli lembaga pengarah.

Berkaitan kesalahan yang dilakukan oleh pengarah-pengarah syarikat, baik yang bebas atau tidak bebas, sekarang ini undang-undang AC telah diperketat bahawa mereka boleh didakwa bahkan boleh dikenakan tindakan yang tegas. Kalaupun terlewat, barangkali mungkin pemeriksaan sama ada memakan masa ataupun pihak berkuasa hanya mengetahui kes-kes ini setelah aduan dibuat selepas beberapa ketika. Saya rasa tidak ada niat pihak berkuasa ingin melambat-lambatkan. Tidak ada gunanya melambat-lambatkan tindakan ke atas mana-mana kesalahan yang berlaku.

Jadi soal khusus yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator, saya tidak tahu mengapa wujudnya *gap* ini tetapi pada pandangan saya mungkin ini kerana sama ada AC hanya mengetahui hal ini setelah beberapa ketika yang berlalu ataupun tindakan mahkamah pun kadang-kadang memakan masa. Akan tetapi apa pun yang pentingnya ialah tindakan mesti diambil dan saya yakin tindakan segera perlu diambil dan pengarah baik, pengarah bebas atau pengarah yang mempunyai kepentingan lebih-lebih lagi perlu diambil tindakan.

Oleh sebab itu sekarang ini hendak menjadi lembaga pengarah, ramai yang mesti faham bahawa mereka juga boleh bukan sahaja boleh semata-mata berada dalam mesyuarat, mengambil elauan mesyuarat tetapi mereka boleh didakwa di mahkamah. Tanggungjawabnya adalah begitu besar dan ini terdapat dalam pelbagai *guidelines* yang dikeluarkan oleh Bank Negara ataupun AC, lembaga pengarah ini perlu pula dikursuskan sekarang ini. Ahli-ahli lembaga pengarah yang baru dipilih perlu melalui kursus-kursus yang diadakan dan mereka diberi taklimat kemungkinan-kemungkinan kesalahan yang boleh diambil tindakan terhadap mereka. Jadi, kalau ada yang masih berani lagi membuat kesilapan dan cuai dalam tugas mereka, ini sesuatu yang mereka terpaksa menanggung risikonya. Saya rasa dari segi perundangan, dari segi pengawalseliaan kita sudah ada semuanya ada tetapi kita perlu memperkemas dari semasa ke semasa.

PN17 memang terdapat syarikat-syarikat yang berhadapan dengan masalah. Masalah kewangan, masalah *business* yang selepas tersenarai akan mengalami daya maju yang kurang dan terpaksa berhadapan dengan keadaan kewangan yang tidak baik, maka terpaksa dikelaskan sebagai PN17 dan diberi peluang untuk syarikat ini memperbaiki diri, buat satu-satu jangka masa kalau tidak akan dinyahkan daripada penyenaian. Tidak semestinya semuanya akibat dari penyelewengan. Kalau penyelewengan, maka tindakan undang-undang akan diambil. Akan tetapi ada juga yang termasuk dalam PN17 ini yang berhadapan dengan kelemahan perniagaan mereka. Masa berlalu kalau dahulu tidak ada persaingan yang hebat, yang kuat setelah beberapa ketika, empat, lima tahun ada pesaing-pesaing baru yang lebih baik, maka mereka berhak berhadapan dengan masalah.

Apa pun kriteria penyenaaraian ini sudah pun diperketat oleh AC dan Bursa. Saya yakin bahawa sekarang ini tidak mudah. Saya sendiri banyak menerima aduan. Ramai yang mengadu susah hendak disenaraikan syarikat. Saya kata saya tidak boleh hendak ganggulah. Itu urusan Bursa, urusan AC. Kalau saya ganggu nanti tersenarai syarikat itu masuk PN17, marah pula Yang Berhormat kepada saya. Jadi, memang ada aduan bahawa sekarang ini susah hendak disenaraikan. Ini menunjukkan bahawa kriteria ini sudah diketatkan. Hanya yang betul-betul layak yang mempunyai daya maju. Kadang-kadang hendak senaraikan itu tidak payah tetapi untuk bertahan dalam keadaan yang berdaya maju itu payah terutama sekali syarikat-syarikat yang kecil.

Oleh sebab itu, kita sudah hapuskan *Second Board*. Sekarang tidak ada, hanya ada *ace market*. *Ace market* ini memberi peluang kepada syarikat yang berpotensi tinggi syarikat-syarikat teknologi umpamanya yang kecil tetapi mempunyai potensi yang besar. Oleh sebab itu, kita tidak ada lagi *Second Board*. Syarikat biasa yang hanya mempunyai keuntungan yang kecil, *volume* perniagaan yang kecil, maka dahulunya kita ada *Second Board* sekarang sudah tidak ada. Oleh sebab banyak *second board* kalau dibiarkan akan menghadapi masalah sebab itu mereka perlu sama ada ditingkatkan menjadi *main board* ataupun tidak lagi disenaraikan. Apa yang ada hanya *ace market*. *Ace market* ini lain pertimbangannya. *Ace* ini memberi peluang kepada syarikat-syarikat yang berpotensi, *growth companies*.

Berkaitan AOB, hubungan AOB dan MASB ini hanya Pengerusi *Audit Oversight Board* yang dijadikan ahli *ex-officio* kepada MASB. Pelantikannya ada berlainan cuma pengerusi sebab AOB ini mempunyai pengalaman dan juga bidang kerja yang luas berhubung dengan syarikat-syarikat yang tersenarai. Dijangkakan pengerusi ini perlu berada dalam MASB untuk menyumbang kepada *standard setting*, dengan izin. Jadi, itulah jawapan saya secara umum kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: [Bangun]

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Ya sila.

■1630

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan itu *time gap*, dengan izin dengan apa yang berlaku dan apa yang dilaporkan.

Itu sangat besar. Jadi, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh AOB untuk memperkemas laporannya pada masa perkara itu berlaku. Itulah tujuan perakaunan. Salah satu laporan kan? Sebab kita kena laporkan secepat mungkin untuk pemegang saham dan masyarakat umum mengetahui apakah yang berlaku pada masa itu. Kalau kita lapor lima tahun kemudian jadi tidak ada nilai lagi, tidak berguna maklumat itu. Jadi apakah langkah-langkah yang diambil untuk memperkemas bahawa apa yang berlaku dilaporkan secepat mungkin. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Laporan akaun dibuat mengikut jadual, tidak ada *delay*, setahun sekali ataupun suku tahun yang mana perlu dilaporkan, dilaporkan mengikut keperluan pengumuman *quarterly report* dan *annual report*. Tidak boleh lambat. Kalau Yang Berhormat bermaksud laporan masalah penyelewengan, itu lain. Itu kadang-kadang penyelewengan itu nama lagi penyelewengan, orang tidak tahu. Kalau orang tahu dia tidak jadi penyelewengan, itu penipuanlah. Maknanya mudah sangat orang hendak nampak. Macam kes Enron, bertahun-tahun.

Jadi kadang-kadang ia mengambil masa. Kena ada orang yang maklumkan ataupun dalam proses audit yang dibuat oleh syarikat-syarikat audit. Sebab itu AOB ini sebenarnya ditubuhkan untuk memantau peranan syarikat-syarikat audit. Tindakan tegas diambil terhadap mereka. Macam mana *auditors* dalam kes Enron contohnya membenarkan sesuatu seperti itu berlaku. Beberapa tahun dalam keadaan yang begitu *visible* dengan izin, tidak kata yang orang tidak tahu, syarikat besar, tersenarai. Jadi penipuan mengapa lama itu bergantung tetapi tidak ada *delay*, tidak disengajakan. Tidak disengajakan. Cuma laporan yang mesti sampai kepada pihak berkuasa.

Oleh sebab itu *auditors* kalau dia melengah-lengahkan ataupun tidak melaporkan keadaan yang *fair value* umpamanya, keadaan semasa, mereka akan berhadapan dengan masalah. Sekiranya mereka di senarai hitamkan, mereka tahu apa kesannya.

Sebuah syarikat audit yang besar umpamanya kalau di senarai hitamkan ataupun diberi amaran sudah mencukupi bahawa profesional imej dan *reputasi*nya akan terjejas. Jadi, saya rasa ini dari segi pelaporan sebab itu ada lembaga pengarah juga perlu memainkan peranan terutama lembaga pengarah yang *independent*. Perlu memainkan peranan. Jawatankuasa audit itu perlu memainkan peranan. *Auditors, external auditors* perlu memainkan peranan. Ada *guidelines* dan sistem yang diluluskan supaya ini semua dapat diikuti.

Apa yang ditanya tentang peranan MASB dalam hal ini, ia tidak banyak. Peranannya untuk *standard setting* sahaja. Jadi tidak boleh kata mengapa MASB tidak buat *enforcement*. Memang tugasnya tidak buat *enforcement*. Ia hanya untuk membuat standard dan SC, Bank Negara, audit *company* yang *enforce*kan. Jika mereka tidak *enforce*kan, tidak laksanakan mereka akan diambil tindakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang ini dimaklumkan Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT LABUAN (PINDAAN) 2012

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.36 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang Syarikat Labuan (Pindaan) 2012 untuk meminda Akta Syarikat Labuan 1990, Akta 441 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua Akta Syarikat Labuan 1990 bertujuan mengadakan peruntukan bagi pertubuhan, pendaftaran dan pentadbiran syarikat Labuan dan syarikat Labuan asing serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Konsep persyarikatan Labuan yang sebelum ini dikenali sebagai syarikat luar pesisir telah melalui banyak pembaharuan. Kajian semula telah dilakukan untuk memastikan undang-undang yang terkandung dalam akta ini menepati kehendak masa kini dan kuasa pengawalseliaan yang cukup diberikan kepada Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan atau Labuan FSA bagi tujuan mengawal selia syarikat Labuan.

Semenjak pembaharuan undang-undang akta ini dikuatkuasakan pada tahun 2010 yang lalu, industri syarikat Labuan di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) terus berkembang maju dengan peningkatan konsisten dari tahun ke tahun. Dalam tahun 2011, Labuan IBFC masih merekodkan pertumbuhan pendaftaran syarikat baru meskipun keadaan ekonomi global masih tidak menentu.

Sebanyak 651 buah syarikat Labuan yang baru telah didaftarkan di bawah Akta 441 berbanding 581 buah pada tahun sebelumnya. Secara keseluruhan, jumlah syarikat Labuan meningkat pada 8,655 buah berbanding 8,004 buah pada tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan pendaftaran syarikat Labuan amatlah memberangsangkan. Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan ini ialah pembaharuan Undang-undang Persyarikatan Labuan pada tahun 2010. Ini kerana terdapat banyak pengenalan konsep dan produk persyarikatan moden yang dibuat pada masa ini termasuklah konsep modal syer syarikat tanpa nilai tara iaitu dengan izin, *share capital with no par value*. Di mana pembahagian syer pada masa penubuhan syarikat hanya dibahagikan mengikut unit syer tanpa meletakkan sebarang nilai tetap terhadap setiap unit syer.

Peningkatan jumlah pendaftaran syarikat Labuan juga didorong oleh prosedur pemfailan dokumen yang lebih mudah dengan pihak Labuan FSA. Contohnya resolusi biasa tidak perlu difailkan dengan pihak Labuan FSA serta pengenalan bentuk syarikat yang unik iaitu syarikat sel terlindung, *protected cell company* yang membenarkan perlindungan aset dan liabiliti setiap sel dalam syarikat daripada sel-sel lain.

Pada 31 Oktober 2011 yang lalu, Labuan FSA telah memperkenalkan Program Insentif Dagangan Global yang merupakan kolaborasi bersama dengan *Malaysia Petroleum Recourses Corporation* yang dinamakan GIFT dan GIFT adalah pengenalan *niche* Labuan yang baru bagi menjadikan Malaysia sebagai hab Asia Pasifik utama bagi perdagangan petroleum dan produk berkaitan dengan komoditi petroleum.

■1640

Antara syarikat petroleum yang telah diberikan insentif GIFT ini termasuklah Pet.Co iaitu anak syarikat Petroleum National Berhad, Dialog Group Berhad, *YTL Power International*, *BB Energy of Greece*, dan *Vital Group of Switzerland*.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah program GIFT ini, syarikat dagangan yang layak akan menerima pelbagai bentuk insentif terhadap dagangan petroleum di Malaysia termasuklah cukai korporat sebanyak 3 peratus di bawah Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990. Insentif yang diperkenalkan ini menunjukkan usaha Labuan FSA yang berterusan untuk mengembangkan dan memajukan industri perniagaan dan perkhidmatan kewangan antarabangsa di Labuan. Setakat ini Labuan FSA terus menjalankan pelbagai bentuk *engagement* dengan badan korporat dan agensi kerajaan dan bukan kerajaan bagi mengenal pasti insentif menarik yang lain yang dapat diperkenalkan melalui Labuan dan memberi manfaat kepada Malaysia secara keseluruhannya. Sehubungan dengan perkembangan industri syarikat Labuan ini, pihak Labuan FSA telah mengenal pasti beberapa peruntukan dalam Akta 441 yang boleh diperbaiki lagi bagi memastikan pengawalseliaan dan penguatkuasaan undang-undang yang lebih baik dan efektif oleh Labuan FSA secara keseluruhannya.

Fasal 2 rang undang-undang bertujuan untuk meminda perenggan 18(1)(c), Akta 441 bagi dimansuhkan keperluan untuk menyatakan nilai tara modal syer seperti nilai syer RM1 dan memperkenalkan konsep modal syer tanpa nilai tara di mana pembahagian syer adalah tertakluk pada bilangan syer sahaja. Pindaan ini akan menyeragamkan konsep syer tanpa nilai tara yang terdapat dalam peruntukan-peruntukan lain dalam akta ini seperti yang telah digubal pada tahun 2010 yang lalu. Penjelasan peruntukan ini melalui pindaan yang dicadangkan akan melancarkan lagi proses penubuhan syarikat Labuan.

Fasal 3 bertujuan meminda subseksyen 111(2) [Akta 441] yang memperuntukkan bahawa penyerahan salinan akaun teraudit syarikat kepada Labuan FSA mesti disertakan dengan resolusi syarikat.

Pada masa ini keperluan menyerahkan resolusi tidak disyaratkan dalam seksyen tersebut. Keperluan bagi menyertakan resolusi syarikat ini merupakan suatu keperluan operasi di mana Labuan FSA perlu menimbangkan maklumat yang terdapat dalam resolusi syarikat bagi mengesahkan bahawa mesyuarat telah diadakan bagi tujuan pembentangan akaun teraudit syarikat sebelum menerima salinan akaun teraudit syarikat bagi tujuan pengawalseliaan.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda subseksyen 121(5) [Akta 441] bagi menyeragamkan peruntukan mengenai fi tahunan bagi Syarikat Labuan dan Syarikat Labuan Asing. Pada masa ini Syarikat Labuan hendaklah membayar fi tahunan dalam amaun yang ditetapkan pada atau sebelum ulang tahun tarikh penubuhannya. Manakala Syarikat Labuan Asing pula hendaklah membayar fi tahunan dalam amaun yang ditetapkan tidak lewat daripada 30 hari daripada setiap ulang tahun tarikh pendaftarannya. Oleh itu, pindaan perlu dibuat supaya kedua-dua Syarikat Labuan dan Syarikat Labuan Asing dikehendaki membayar fi tahunan dalam amaun yang ditetapkan pada atau sebelum ulang tahun tarikh pendaftaran. Melalui pindaan ini, proses pembayaran fi tahunan dapat diseragamkan dengan menggunakan satu prosedur sahaja bagi memudahkan pelaksanaan dan mengelakkan kekeliruan pelabur.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu fasal 5 merupakan cadangan pindaan perenggan 130O(4)(a) [Akta 441] bagi menyelaraskan takrif Perniagaan Takaful Labuan dengan takrif Perniagaan Insurans Labuan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan iaitu Akta 705. Pindaan ini bertujuan memotong perkataan "am" yang terkandung dalam peruntukan sekarang bagi memperbetulkan terma kepada perniagaan Takaful Labuan supaya selari dengan maksud perniagaan insurans Labuan. Sekiranya takrif ini tidak dibetulkan, aktiviti yang dijalankan bagi perniagaan yang dilesenkan di bawah Akta 705 hanyalah terhad kepada takaful am sahaja dan tidak merangkumi takaful keluarga yang mana tidak menepati tujuan dasar Labuan FSA.

Pindaan-pindaan lain yang turut dicadangkan terkandung dalam fasal 6 yang bertujuan untuk meminda subseksyen 130V(1) bagi membetulkan seksyen yang dirujuk *cross reference* yang tersilang dalam peruntukan ini daripada seksyen 48A seperti yang terkandung dalam peruntukan sekarang kepada seksyen 53, subseksyen 130V(1) ini merupakan undang-undang berkaitan dengan pengurangan modal syer dan isi kandungannya tidak berkaitan dengan rujukan yang dibuat kepada seksyen 48A yang menyentuh mengenai perkara pembelian semula syer. Oleh itu adalah dicadangkan supaya rujukan seksyen 48A digantikan dengan seksyen 53. Ini adalah bagi memperbetulkan kesilapan rujukan kepada peruntukan.

Cadangan pindaan terakhir bagi Akta 441 ini terkandung dalam fasal 7 untuk meminda seksyen 151 dengan memasukkan subseksyen baru iaitu (1A) berkenaan dengan penalti pentadbiran bagi pembayaran fi tahunan yang diterima lewat daripada tarikh ulang tahun. Peruntukan baru yang dimasukkan ini adalah bagi menyelaras dasar Labuan FSA, mengenai caj penalti yang dikenakan di atas kelewatan bayaran fi tahunan.

Adalah menjadi dasar Labuan FSA untuk mengenakan penalti di atas kelewatan pembayaran fi tahunan bagi Syarikat Labuan. Pada masa ini, peruntukan yang memberi kuasa untuk mengenakan penalti pentadbiran adalah di atas budi bicara Labuan FSA di bawah subseksyen 142A. Ini bagi membolehkan kesalahan pemfailan dan ketidakpatuhan kecil yang kerap dilakukan dikenakan penalti tanpa membabitkan kompaun melalui pihak pendakwa raya. Di bawah seksyen 142A [Akta 441] memperuntukkan secara umum tatacara dan amaun penalti yang boleh dikenakan, manakala peruntukan spesifik bagi pembayaran fi tahunan bagi Syarikat Labuan terkandung dalam seksyen 151.

Seksyen 151 memperuntukkan prosedur dan tempoh pembayaran fi tahunan yang perlu dibuat oleh Syarikat Labuan dan sekiranya Syarikat Labuan gagal menjelaskan bayaran fi tahunan dalam tempoh enam bulan selepas tamat tempoh bayaran tersebut. Labuan FSA mempunyai kuasa untuk mengenakan bayaran fi tahunan tambahan sebanyak 50 peratus daripada jumlah bayaran fi tahunan yang sepatutnya dibayar.

Namun begitu, seksyen 151 tidak menetapkan sebarang peruntukan bagi mengenakan penalti bagi kelewatan pembayaran daripada hari pertama kelewatan sehingga tempoh enam bulan tersebut. Ini kerana peruntukan untuk kelewatan pembayaran dianggap sebagai kesalahan kecil yang boleh dikenakan penalti pentadbiran menurut seksyen 142A. Sebaliknya kuasa mengenakan bayaran tambahan sebanyak 50 peratus yang diperuntukkan di bawah seksyen 151(2) boleh ditafsirkan sebagai suatu bentuk penalti yang spesifik. Oleh yang demikian, ia tidak boleh diperuntukkan sebagai penalti pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhan pindaan kepada akta ini dibuat bagi memperjelaskan undang-undang sedia ada dengan objektif untuk memastikan kuasa pengawalseliaan dan penguatkuasaan pihak Labuan FSA dinyatakan tanpa sebarang kekeliruan tafsiran oleh mana-mana pihak dan membolehkan Labuan FSA mempunyai kuasa penuh untuk mengambil tindakan terhadap Syarikat Labuan yang gagal mematuhi peruntukan yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Syarikat Labuan 1990 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Kurus.

4.48 ptg.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Tuan Yang di-Pembangkang

ertua, terima kasih di atas kesudian memberi laluan kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Akta Syarikat Labuan (Pindaan) 2012. Memandangkan saya turut mewakili kepentingan suara masyarakat di Labuan, saya terpanggil untuk turut bangun berhujah di samping ini mengambil kesempatan untuk mengemukakan beberapa soalan berkaitan aktiviti perdagangan, modal syer serta kepentingan syarikat-syarikat di Labuan termasuk yang berkaitan serta mempunyai kepentingan dengannya.

Pada pandangan saya, terdapat tiga isu utama yang dikenal pasti menjadi pencemaran kepada ekonomi utama di Labuan pada hari ini. Isunya ialah pelaburan swasta masih di tahap rendah. Kedua, kekurangan bakat dan kemahiran dan yang ketiga kerenah birokrasi sektor awam.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

■1650

Pada pandangan saya, satu usaha berterusan dan pendekatan perlu difikirkan bagi ketiga-tiga cabaran ini. Antaranya ialah keperluan sokongan oleh pelaburan swasta, pertumbuhan berasaskan sektor swasta, *private sector driven*, keberkesanan dan memperkasakan peranan pihak berkuasa tempatan, menarik golongan profesional mahir, dan mengenal pasti bidang nilai tambah tinggi.

Izinkan saya menyentuh beberapa fasal dalam rang undang-undang ini. Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan. Soalan saya ialah bila akta ini akan berkuat kuasa? Adakah ianya mengikut jadual?

Fasal 2 bertujuan untuk membina perenggan 18(1)(c) [Akta 441] bagi menyingkirkan kehendak untuk menyatakan nilai tara *border share* dan memperkenalkan konsep *border share* yang tiada nilai tara. Dengan ini akan memberikan penjelasan mengenai pelaksanaan konsep tiada nilai tara. Soalan saya adalah mohon penjelasan berkaitan konsep *border share* yang tiada nilai tara. Sejauh manakah konsep *border share* ini memberi kelebihan kepada industri perniagaan dan orang ramai atau pengguna di Labuan?

Fasal 3 bertujuan untuk membina seksyen 11(2) [Akta 441] untuk memperuntukkan penyerahan ketetapan syarikat bersama dengan salinan akaun atau audit syarikat kepada Lembaga bagi tujuan pengesahan ketetapan mesyuarat yang diadakan bagi akaun ketua audit. Ini ialah satu kehendak operasi. Soalan saya, mohon penjelasan berkaitan fungsi Lembaga dalam mengakses laporan beraudit.

Sebagai anggotanya yang terbelakang dan kelayakannya, adakah mereka ini *independent* dengan izin tanpa sebarang campur tangan luar?

Fasal 4 bertujuan untuk membina subseksyen 121(5) [Akta 441] bagi menyeragamkan peruntukan mengenai fi tahunan di kedua-dua Syarikat Labuan dan Syarikat Asing. Soalnya ialah bagaimana status sedia ada? Apa pandangan kementerian jumlah fi dan perbezaan yang dikira munasabah dan tidak membebankan syarikat terutamanya Syarikat Labuan?

Kedua, bagaimana perbezaan fi ini bakal menarik pelaburan dari syarikat asing untuk datang melabur di Labuan? Ini kerana saya yakin finya adalah lebih tinggi berbanding fi Syarikat Tempatan Labuan itu sendiri. Saya berpendapat dalam rejim cukai yang menarik dan insentif kos yang kompetitif untuk membentuk Syarikat Labuan tanpa mengorbankan kualiti dalam akses kepada kepakaran dan infrastruktur bertaraf dunia dan daya saing dari segi yuran. Contoh, di kes yuran pendaftaran kepada Pejabat Pendaftar Kapal Antarabangsa Malaysia (MISR) mempunyai potensi untuk menarik syarikat-syarikat perkapalan menggunakan Labuan IBFC sebagai pusat untuk perniagaan perkapalan mereka.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda perenggan 130o(4)(a) [Akta 441] bagi menyelaraskan takrif perniagaan insurans Labuan dan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan [Akta 704]. Soalnya, kenapa perlu dipinda takrif perniagaan insurans Labuan ini?

Fasal 6 bertujuan untuk meminda subseksyen 130v(1) [Akta 441] bagi membetulkan seksyen yang dirujuk dalam peruntukan ini kepada seksyen 53. Ia memperuntukkan tentang pengurangan modal syer. Seksyen 48A memperuntukkan tentang pembelian semula syer. Soalan seterusnya saya ingin menyentuh isu pengurangan dan pembelian semula syer. Mohon penjelasan kementerian dalam isu ini.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 151 [Akta 441] dengan memasukkan subseksyen baru (1A) yang mengadakan peruntukan mengenai pengenaan penalti pentadbiran bagi pembayaran fi tahunan yang diterima lewat daripada tarikh ulang tahun. Maka kepentingan penalti pentadbiran bagi pembayaran fi tahunan, mohon penjelasan.

Saya ingin meluahkan sedikit isu-isu Labuan. Saya turut terpanggil untuk menyentuh beberapa isu terkini berkaitan Labuan. Labuan terletak di lokasi yang strategik di tengah-tengah rantau Asia Pasifik dan pilihan yang semakin popular sebagai pusat perniagaan kewangan antarabangsa. Labuan juga mempunyai sebuah pelabuhan yang baik, mempunyai tempat berlabuh yang dalamnya kira-kira 11 hingga 21 meter.

Pulau ini diselenggarakan dengan baik oleh *Labuan Liberty Port* dan menawarkan kemudahan asas kepada mana-mana kapal yang menggunakan pelabuhan mereka. Selain itu, sifat Labuan itu sendiri terdapat juga kemudahan lain yang boleh menarik kapal-kapal atau pemilik kapal untuk menggunakan Labuan sebagai Pejabat Pendaftar Kapal Antarabangsa Malaysia (MISR) untuk tujuan pendaftaran di atas sebab-sebab berikut.

Labuan mempunyai infrastruktur yang cemerlang seperti hotel, perkhidmatan komunikasi dan perkhidmatan pengangkutan. Perkhidmatan sokongan bertaraf dunia seperti limbungan kapal, penjagaan pembaikan terapung, pembersihan kapal dalam air, bekalan langsung bekalan minyak dan perkhidmatan yang berkaitan. Pegawai Jabatan Marin yang cekap dan profesional untuk mengendalikan pendaftaran dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan kapal-kapal. Kelebihan Labuan dapat juga mendapat *line* yang boleh didapati oleh pemilik kapal atau kapal apabila menggunakan Labuan untuk tujuan pendaratan MISR.

Labuan adalah salah satu tempat yang paling selamat untuk dilawat di rantau ini kerana ia adalah berhampiran dengan Pangkalan Tentera Laut Malaysia di Kota Belud dan juga Pangkalan Udara Tentera di Labuan. Labuan adalah pulau duti percuma yang paling mantap di Malaysia, pelbagai nilai tambah dan aktiviti pembuatan boleh bermula di Labuan. Labuan telah diisytiharkan sebagai salah satu daripada hab minyak dan gas negara. Ini akan meningkatkan lagi industri minyak dan gas di Labuan.

Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan pelbagai insentif bagi perniagaan yang dijalankan oleh Pulau Labuan ini. Ini termasuk pengurangan atau pengecualian cukai pendapatan dan setem duti, yuran untuk individu dan syarikat yang menjalankan perniagaan di Labuan. Penubuhan syarikat merupakan satu langkah yang cepat dan mudah dan kelulusan diperoleh dari pengawal penyelia sehenti Lembaga Perkhidmatan Labuan iaitu Labuan FSA. Pemilik kapal boleh menikmati rejim cukai sebanyak 3 peratus daripada keuntungan bersih atau kadar rata sebanyak RM20,000. Untuk menikmati layanan cukai tersebut, aktiviti perkapalan harus mematuhi Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990.

Labuan merupakan pusat kewangan antarabangsa dan untuk Asia dan ini telah meletakkan Labuan sebagai salah satu IBFF terkemuka di Asia Pasifik.

Saya juga ingin menyentuh mengenai dengan penubuhan *Think-Tank* di Labuan. Dalam usaha untuk memberi fokus kepada pembangunan terancang di Labuan, saya mengalu-alukan penubuhan Kumpulan Ahli Pemikir Labuan atau *Think-Tank Group* yang berisi oleh 13 tokoh korporat, ahli profesional dan pemimpin tinggi kerajaan di Labuan yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tertentu untuk memberi fokus kepada sembilan struktur utama seperti minyak dan gas, perkapalan, pelabuhan, pelancongan, perkhidmatan kewangan, pembangunan wanita dan penggunaan perniagaan, pendidikan dan pembangunan untuk membantu usaha pihak kementerian membuat Wilayah Persekutuan Labuan ke arah maju dan sejahtera selain memastikan Labuan berada di landasan yang betul dari segi pembangunan terancang. Dengan ini, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

■1700

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf Yang Berhormat. Oleh kerana tidak ada sesiapa lagi yang hendak berbahas, saya persilakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi pandangan agak komprehensif menyeluruh mengenai pindaan rang undang-undang ini dan saya cuba menjawab beberapa isu yang telah ditimbulkan. Dari segi bila akta ini akan dilaksanakan atau pindaan-pindaan ini akan berkuat kuasa iaitu apabila diwartakan. Kita tidak ada masa yang ditetapkan tetapi apabila diwartakan, apabila mendapat kelulusan Dewan yang mulia ini dan diwartakan maka ia akan dilaksanakan.

Mengapa kita tukar syer tiada nilai tara atau syer sebelumnya yang mempunyai nilai umpama RM1 satu syer kepada syer yang tiada nilai. Ini merupakan sesuatu yang lebih disukai oleh pelabur kerana kalau kita tetapkan nilai, kadang-kadang nilai dalam pasaran itu berlainan dengan nilai yang ditunjukkan dalam penubuhan syarikat. Ini boleh memberikan kesan negatif umpamanya nilai pasaran itu sudah jadi 50 sen nilainya apabila didaftarkan dahulu adalah RM1 umpamanya, contoh.

Jadi ini memberikan satu kesan negatif bahawa sudah wujud satu defisit. Jadi pelabur tidak lebih gemar dan lebih suka sekiranya kita tidak tetapkan nilai. Terserahlah jadi kalau dia miliki 1,000 syer, berapa banyaknya bergantung kepada keadaan pasaran nilainya, tidak bergantung kepada nilai yang ditetapkan lebih awal kerana ini boleh memberi kesan dan persepsi yang berbeza. Nampaknya sambutan pelabur kepada sistem yang tiada menetapkan nilai tara ini adalah lebih baik. Maka kita bagi memudahkan. Dari segi implikasi lain, tidak ada dari segi cukainya tidak ada. Cukai bergantung kepada keuntungan sama ada 3 peratus keuntungan yang dibuat ataupun RM20,000 yang mana dipilih oleh syarikat. Jadi tidak ada implikasi lain.

Mengapa kita perlu kepada resolusi syarikat apabila diserahkan akaun yang diaudit? Ini untuk pastikan akaun ini tidak direka cipta dan mesti ada bukti bahawa ianya telah pun dipertimbangkan oleh syarikat, mesyuarat telah dibuat dan diserahkan kepada Labuan FSA. Dari segi fi, ini untuk menyeragamkan sahaja sebab kita ada dua jenis syarikat di Labuan. Syarikat Labuan ini syarikat yang ditubuhkan dan didaftarkan di Labuan.

Ada jenis yang telah ditubuhkan di luar tetapi didaftarkan. Itu kita panggil *Foreign Labuan Company*. Jadi sekarang ini dari segi finya berbeza sedikit contohnya pembayaran fi tahunan ini kita bagi ruang umpamanya 60 hari selepas ulang tahun bagi Foreign Labuan Company tetapi Labuan Company mesti bayar pada atau sebelum tarikh ulang tahun. Jadi kita hendak seragamkan dan sekiranya ada kelewatan maka Labuan FSA boleh mengenakan penalti. Itu sahaja yang dibuat dan tidak ada masalah. Jadi kalau syarikat bayar pada masa yang ditetapkan tidak ada masalah.

Dari segi Takaful Am. Perkataan am ini sebenarnya mungkin tersilaplah sebab takaful ini ada Takaful Am, Takaful Keluarga. Kalau am ini biasanya bukan yang keluarga. Jadi kita buangkan am ini supaya ia boleh merangkumi semua. Kalau tidak, mungkin tidak tahu mengapa dahulu kita masuk am sahaja tetapi tidak ada yang lain. Mungkin pada masa itu, tidak kelihatan penting Takaful Keluarga ini tetapi sekarang Takaful Keluarga sudah menjadi sesuatu yang penting.

Jadi saya ingin memberi sedikit maklumat umum tentang isu-isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi tentang kedudukan Labuan. Tadi saya ada sebut bahawa jumlah keseluruhan syarikat Labuan 8,650 buah syarikat. Jumlah bank yang dilesenkan di Labuan ada 60. Jumlah aset bank ini adalah USD38.3 bilion, jumlah deposit USD9.5 bilion, jumlah pinjaman dan pembiayaan USD24.7 bilion, keuntungan bank-bank di Labuan USD405 juta. Sektor insurans jumlah syarikat insurans 181, premium yang dikutip insurans USD1.6 bilion, banyak itu. Keuntungan USD111.2 juta. Sektor pemajakan *leasing* jumlah syarikat 227, jumlah aset pemajakan terkumpul USD27.6 bilion, aset yang dipajakkan di Labuan. Jumlah tenaga kerja pusat perniagaan dan kewangan Labuan 1,787 orang.

Jadi kalau kita lihat ini, maknanya *volume* itu adalah kesannya ada dan ini mungkin akan memakan masa sedikit. Satu lagi Labuan ini, kita tidak mahu merupakan sebuah pusat yang bersaing dengan pusat-pusat luar pesisir seperti VVI, Cameron Highland. Syarikat itu macam tidak ada kawal selia yang baik atau yang *strict*. Kita *strict*, biarlah yang peserta-peserta dalam Labuan ini agak kurang sedikit tetapi dia betul-betul serius. Kita tidak mahu Labuan dijadikan tempat penggubahan wang haram umpamanya, *money laundering*. Kita ada *strict requirement* untuk mengelakkan Labuan daripada wang haram dan kita sekarang ini membenarkan akses oleh lembaga hasil negara-negara luar kalau dia hendak *check*, dapat maklumat kalau ada umpamanya rakyat negara asing yang di suspek menggunakan Labuan untuk pelarian cukai. Maka kalau pihak berkuasa negara asing minta daripada Bank Negara umpamanya maka Bank Negara boleh meminta daripada syarikat Labuan. Kita tidak ada bagi *protection*.

Oleh sebab itu, negara kita dianggap sebuah pusat perdagangan luar pesisir yang dikawal selia dengan baik dan diharapkan tidak menimbulkan masalah yang boleh menjejaskan reputasi Malaysia sebagai sebuah pusat kewangan serantau dan juga pusat kewangan Islam yang terunggul di dunia ini. Jadi terima kasih Yang Berhormat, terima kasih atas pandangan yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

[**Fasal-fasal 1 hingga 7** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

■1710

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) 2012

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.11 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pindaan ini adalah pindaan yang ringkas untuk menguatkuasakan potongan cukai ke atas sumbangan tunai kepada sekolah dan tempat ibadat berdaftar seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Belanjawan 2012 pada 8 Oktober 2011 yang telah dilaksanakan. Saya memohon untuk menghuraikan fasal 2 di dalam Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2012 seperti berikut.

Fasal 2 bertujuan untuk menambah perenggan 44(7)(a)(aa) Akta Cukai Pendapatan 1967 supaya penderma layak menuntut potongan cukai ke atas sumbangan wang tunai bagi maksud pengurusan sebuah institusi organisasi pendidikan iaitu sekolah yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan perenggan 44(7)(c) dipinda supaya penderma layak menuntut potongan cukai pendapatan ke atas sumbangan wang tunai bagi maksud menjalankan dan menguruskan tempat ibadat dan aktiviti berkaitan agama yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Siapa menyokong?

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Heng Sei Kie]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Saya persilakan Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh.

5.13 ptg.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas tentang pindaan akta ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri dan kerajaan kerana membawa undang-undang ini untuk penderma-penderma mendapat potongan cukai bagi memberi derma kepada sekolah dan rumah-rumah ibadat. Untuk kaum India di Malaysia, kita mempunyai lebih kurang 20,000 kuil dan lebih kurang 120 *gudwara Sikh* yang telah berdaftar dan ada yang belum berdaftar lagi disebabkan oleh soal tanah. Bangunan-bangunan ini ataupun rumah-rumah ibadat ini sungguh memerlukan penderma-penderma untuk menjalankan tugas-tugas mereka. Perubahan Akta Cukai Pendapatan ini sudah tentu akan membuka jalan untuk memberi *encouragement*, dengan izin, kepada penganut-penganut membuat sumbangan lebih kepada kuil-kuil yang sungguh bergantung kepada sumbangan-sumbangan ini.

Saya ingin tahu sama ada potongan cukai ini hanya terhad untuk bangunan ataupun tempat rumah ibadat atau ia boleh termasuk tempat pengebumian ataupun krematorium dan aktiviti-aktiviti berkenaan dengan agama. Sekurang-kurangnya potongan cukai ini mestilah diluaskan untuk sumbangan menaikkan taraf atau standard tempat-tempat krematorium atau pengebumian orang-orang India.

Saya juga mencadangkan kepada kerajaan selain daripada undang-undang ini, sebuah badan perlu ditubuhkan untuk memberi perhatian yang teliti supaya agensi-agensi atau *organization* yang mendapat sumbangan ini boleh diteliti dengan tepat supaya wang-wang yang dikutip daripada orang ramai digunakan dengan secara yang selarasnya. Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Norliza.

5.16 ptg.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang dan peluang untuk membahaskan Akta Cukai Pendapatan 1967. Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Dewan mengenai pindaan dalam fasal 2 yang meminda subseksyen 44(7) [Akta 53] dengan memansuhkan takrif "*organization*" sebagai kategori baru bagi melayakkan seseorang menuntut potongan cukai ke atas apa-apa sumbangan wang tunai yang disumbangkan. Jadi, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana saya rasa ini adalah satu langkah yang begitu proaktif apatah lagi sumbangan itu kepada organisasi yang akan digunakan untuk kerja-kerja pembinaan, pembaikan, penyelenggaraan bangunan dan juga untuk tujuan keagamaan.

Tuan Yang di-Pertua soalan saya ialah, apakah sumbangan itu termaktub bagi sekolah maksudnya surau-surau yang di sekolah juga perlukan pembinaan baru, penyelenggaraan dan sebagainya.

Jadi, adakah ia termaktub dalam pindaan ini dan seterusnya saya juga hendak tahu berapakah jumlah potongan cukai yang diberikan kepada individu atau syarikat di atas sumbangan mereka bagi tujuan keagamaan. Seterusnya, apakah tindakan undang-undang yang akan diambil sekiranya ada penipuan seperti palsukan resit atas nama masjid, kuil, surau dan sebagainya sebab sebagaimana yang kita tahu pada masa kini banyak kegiatan-kegiatan yang tidak sihat ini ada kalanya berlaku. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin penjelasan apakah kerajaan boleh menetapkan harga siling bagi jumlah pengecualian cukai kepada syarikat-syarikat konglomerat yang menggunakan yayasan sebagai helah mengelak bayaran cukai pendapatan yang tinggi.

Kadangkala kita melihat kononnya syarikat-syarikat konglomerat ini mengaku memberi sumbangan yang besar apatah lagi dengan menggunakan nama yayasan. Jadi kita hendak tahu, apakah benar adanya perkara sebegini berlaku kerana sekiranya berlaku, ia juga merugikan kerajaan kita. Saya juga ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk menempatkan sekiranya boleh, pegawai-pegawai terutamanya Lembaga Hasil Dalam Negeri sebagai ahli lembaga pengarah dalam yayasan yang menerima pengecualian cukai yang tinggi. Dengan cara ini, kita dapat mengenal pasti ketelusan dan integriti yang sebenar-benarnya. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat.

5.19 ptg.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Alhamdulillah saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Akta Cukai Pendapatan 1967 (Pindaan) 2012. Tuan Yang di-Pertua, saya hari ini nak ringkas sahaja. Pindaan undang-undang percukaian ini adalah berikutan dengan pengumuman dalam Bajet 2012 yang dibentangkan pada mesyuarat lepas di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa insentif potongan cukai akan diberi kepada pihak yang memberikan sumbangan tunai kepada sekolah dan juga tempat-tempat ibadah selaras dengan seksyen 44(6), Akta Cukai Pendapatan 1967 selaras dengan bajet yang mendahulukan rakyat di mana rakyat didahulukan dan pencapaian diutamakan menunjukkan komitmen kerajaan dalam melaksanakan janji kepada rakyat.

■1720

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, setakat manakah potongan yang diumumkan itu menjejaskan kutipan. Mengikut laporan pada tahun lepas, LHDN telah mengutip RM13 bilion mengatasi daripada angka yang diunjurkan. Jadi apakah yang akan menjejaskan pendapatan negara dan apakah mekanisme yang digunakan oleh kerajaan bagi mengelakkan defisit pada pendapatan kita pada tahun 2012.

Seterusnya saya ingin menyentuh berkenaan pelepasan cukai yang dimaksudkan dalam pindaan ini adalah dua bahagian iaitu yang pertama cukai pada sumbangan wang pada pembangunan institusi dan juga organisasi pembelajaran. Kedua potongan cukai kepada pembangunan rumah ibadat atau rumah-rumah bagi kegunaan keagamaan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya apakah mekanisme yang dirangka oleh kerajaan dalam memastikan tiada penipuan dilakukan oleh pihak-pihak tertentu terutamanya bantuan yang dibuat kepada sekolah-sekolah dan rumah-rumah ibadat ini kita memerlukan resit. Kalau tidak mahu ada resit palsu. Juga bagaimana keadaannya bila kita derma untuk sekolah-sekolah tahfiz yang dikendalikan oleh swasta? Saya rasa untuk menipu bila derma di tahfiz-tahfiz itu tidak sepatutnya berlaku. Memandangkan sekolah tahfiz ini banyak tidak berdaftar, jadi bagaimana keadaannya.

Akhir sekali pengecualian cukai untuk PIBG. Yuran PIBG ini perlu dibayar setiap tahun dan meski pun tidak banyak kadang-kadang PIBG juga mengadakan makan malam amal dan lain-lain untuk kutipan derma bagi membiayai program-program untuk anak-anak sekolah. Jadi di sini saya ingin mencadangkan agar yuran PIBG dan apa-apa derma dan bayaran kepada PIBG harap dapat dikecualikan cukai.

Seterusnya saya ingin mencadangkan agar dapat tambahan untuk pengecualian cukai perubatan daripada RM1,000 kepada RM2,000. Justifikasinya adalah melihat kepada kenaikan kos rawatan yang dilihat wajar sekali dikaji oleh kerajaan bagi tujuan pengecualian cukai. Kalau hendak tunggu *specialist* di hospital kerajaan seperti di Serdang atau di Putrajaya atau HUKM perlu tunggu dua atau tiga bulan. Itu pun *appointment* jumpa doktor biasa dan selepas itu dua, tiga bulan tunggu doktor pakar dan lama keadaannya lama terpaksa kita tunggu. Katalah pesakit sudah tidak tahan, terpaksa pergi ke hospital swasta. Keputusan untuk ke hospital swasta untuk tindakan segera dan kalau tidak akan lebih *stress* mengalami tekanan-tekanan. Kos sekarang kalau membuat *CT scan* ialah RM380 dan buat MRI lebih daripada RM1,000. *Consultation fees* sudah paling kurang RM10 hingga RM500 untuk *specialist*. Jadi ubat sahaja RM20 jadi adalah wajar sekali jumlah pengecualian cukai untuk perubatan perlu dinaikkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itu sahaja. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.23 ptg.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah membawa pandangan dan...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada apa-apa Yang Berhormat?

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Saya mohon bercakap tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Mohon apa?

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Berucap, bahas rang undang-undang tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Oh! Saya tidak nampak tadi Yang Berhormat. Minta maaf. Yang Berhormat bangun tadi ya?

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Ya, tadi ada...

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf. Hendak bercakap lagikah itu?

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Ya, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, macam mana?

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: [*Ketawa*] Tidak apalah kot, nanti bercakap dengan saya di luar.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta kalau boleh Yang Berhormat, tolong kemukakan nama.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Ada kemukakan tadi.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Sebab yang ini *very straight forward* sebenarnya, kecil sahaja. Ini untuk membolehkan penderma kepada sekolah atau rumah ibadat untuk mengembangkan. Biasanya dahulu, siapa yang derma untuk buat sekolah ataupun buat rumah ibadat memang sudah dapat. Yang hendak buat itu, hendak membangunkan. Akan tetapi kita memudahkan lagi di sini supaya untuk pengurusan sekolah dan pengurusan rumah ibadat pun boleh. Dahulu memang boleh, kalau untuk buat sekolah memang sudah boleh pun. Akan tetapi hendak meluaskan, maknanya memudahkan lagi. jadi, kutipan ini ada limitnya.

Yang Berhormat Puan Norliza bimbang takut ramai sangat orang derma untuk melarikan cukai. Dia ada limit. Sumbangan-sumbangan ini kepada individu sebanyak 7 peratus daripada pendapatan dia dan syarikat 10 peratus. Jadi dia ada limit dialah. Tidak kata sebanyak mana yang dia boleh bagi.

Keduanya, LHDN boleh audit, boleh *check* dan biasanya kalau yayasan ataupun badan-badan yang mempunyai status pengecualian cukai ini akan di audit dari semasa ke semasa supaya didapati betul-betul wang ini dibelanjakan. Tentang yang keluar resit palsu, itu boleh ada *website* LHDN yang akan memberi senarai nama badan-badan yang dikecualikan. Jadi kena *check*. Kalau rasa was-was boleh *check* betul atau tidak dia boleh resit yang dikeluarkan oleh badan-badan ini dikecualikan daripada cukai? Dia ada nombor kelulusan itu. Nombor rujukan yang dikeluarkan oleh LHDN sepatutnya. Kalau resit itu tidak ada nombor-nombor seperti itu maka dia biasanya tidak betullah itu.

Tentang berapa banyak cukai terkorban, kita menjangkakan tidak terlalu banyak. Saya tidak ada *figure* sekarang. Maknanya berapa banyak yang boleh merugikan kerajaan dari segi kutipan hasil. Akan tetapi ini selepas kita bagi, kita tengoklah. Setahun macam mana dia punya jumlahnya. Akan tetapi oleh sebab adanya limit-limit tadi itu, had-had dia itu, mungkin jumlahnya tidaklah besar. Jadi kebimbangan tentang penyelewengan, salah guna wang, ini boleh diatasi. Memang LHDN boleh audit dan dari semasa ke semasa dia akan audit. Akan tetapi cadangan untuk meletakkan pegawai LHDN dalam lembaga pengarah itu, saya rasa kita tidak boleh buat sekaranglah. Kita tidak ada rancangan. Cadangan itu mungkin bagus tetapi mungkin melibatkan masa dan jumlah pegawai yang perlu kalau hendak kena jadi Ahli Lembaga Pengarah. Akan tetapi, apa pun saya rasa pihak LHDN boleh ambil perhatian tentang cadangan ini. Mungkin ia boleh dijadikan sesuatu yang boleh dipertimbangkan di masa akan datang. Jadi itulah..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat ini, saya hendak bagi peluang agaknya Yang Berhormat...

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Boleh, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya hendak minta telah pun disentuh oleh Dato' Jaspal Singh tadi iaitu kubur, jaga kubur. Ini banyak kubur *is unkempt*, nanti jadi hutan macam itu. Jadi, kubur-kubur perlu derma-derma daripada orang ramai untuk membersihkan.

Jadi adakah kubur *upkeep of* kubur itu boleh juga dimasukkan sebab mengikut seksyen 44(7) LHDN ada *discretionary powers* untuk memberi mana-mana kelonggaran. Jadi, adakah *upkeep of* kubur, dengan izin, boleh juga dimasukkan? Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: LHDN memang boleh memberi keputusan dan semua ini mesti dipohon kepada LHDN terlebih dahulu supaya badan ini diberikan taraf pengecualian cukai. Jadi kalau sekolah termasuk sekolah agama, boleh tidak termasuk. Tidak semestinya sekolah-sekolah yang *private*, swasta. Akan tetapi mesti mendapat kelulusan LHDN. LHDN akan tengok.

■1730

Kalau sesuatu yang bermotifkan keuntungan tidak adalah, dia tidak akan bagilah. Tentang kubur ini buat masa ini yang diluluskan hanya sekolah dan tempat ibadat. Pelbagai jenis sekolah dan tempat ibadat, kubur tidak ada. Akan tetapi saya rasa kalaulah tempat ibadat itu ada sebelah kubur umpamanya...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: *[Bangun]*

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Bagi saya jawab dahulu kemudian Yang Berhormat tanya, katalah masjid sebelah itu kubur umpamanya ataupun tempat ibadat yang ada kubur sebelah dikira sebahagian daripada tempat ibadat, saya rasa itu mungkin ada asas untuk meminta tetapi mesti diminta oleh rumah ibadat itu, sebagai sebahagian daripada bidang tugas dia. Menguruskan rumah ibadat dan kubur di sebelah dia. Akan tetapi kalau hendak uruskan kubur yang duduk jauh-jauh secara bersendirian itu saya rasa susah sedikitlah. Ini kerana kita memang tidak bagi potongan cukai untuk pengurusan kubur ini belum masuk lagi. Hari ini hanya masuk rumah ibadat dan sekolah.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagaimana kubur yang dikawal oleh kuil-kuil walaupun tidak dekat tetapi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, penjelasan tadi Yang Berhormat boleh buat permohonan kepada LHDN dan LHDN akan pertimbangkan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal 1 hingga 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang ini dimaklumkan Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

**RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN KESELAMATAN
(LANGKAH-LANGKAH KHAS) 2012**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

5.34 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi Langkah-langkah Khas 2012 yang berhubungan dengan kesalahan bagi maksud mengekalkan ketenteraman awam dan keselamatan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, diambang Hari Malaysia 16 September 2011 yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan inisiatif Program Transformasi Politik Negara (PTP) yang melibatkan pembatalan tiga proklamasi darurat. Pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Kediaman Terhad dan Akta Buang Negeri, penggubalan Akta Perhimpunan Aman termasuklah pemindaan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan. Serentak dengan itu setelah tujuh bulan berlalu, bukan sekadar semua komitmen ini sedang dilunaskan. Kita juga meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti sebagai mengiktiraf kematangan juga hak Perlembagaan mahasiswa mahupun mahasiswi terlibat dalam politik berparti.

Tuan Yang di-Pertua, menghalusi komponen-komponen Dasar Transformasi Nasional, Program Transformasi Kerajaan (GTP) melalui Program Transformasi Luar Bandar (RTP). Lebih responsif kepada keutamaan massa bagi memastikan masyarakat luar bandar memiliki kemudahan prasarana asas yang moden dan mencukupi. Program Transformasi Ekonomi (ETP) bersekali dengan Model Baru Ekonomi (NEM) pula bertujuan mencapai matlamat nasional menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi. Sehubungan itu, sering kita sebutkan seandainya terkedepan dari segi infrastruktur fizikal atau material semata-mata tanpa kematangan institusi serta wacana politik nasional, maka mana mungkin mencerminkan kemajuan sebenarnya.

Dalam kata lain kita ingin merealisasikan potensi Malaysia bukan setakat menjadi negara demokratik tetapi lebih daripada itu. Untuk melonjakkan tempatnya kepada kedudukan disegani di kalangan komuniti negara-negara yang menghormati hak asasi manusia. Lantaran itulah inisiatif PTP ini bermatlamat bagi memastikan proses pembaharuan dan perubahan nasional dilaksanakan dengan tuntas. Sememangnya ini adalah satu proses berterusan dan menuntut komitmen semua rakyat Malaysia, ia bukan misi singkat yang mengambil masa sehari, seminggu, sebulan mahupun setahun. Sebaliknya ia memerlukan iltizam bersifat generasi ke generasi.

Tuan Yang di-Pertua, jelas sekali perubahan dan pembaharuan landskap politik yang sedang kita lakukan kini melalui PTP adalah menangani kejayaan membangunkan negara selama lebih separuh kurun semenjak merdeka. Ia hasil usaha tidak kunjung jemu oleh kerajaan bagi mengiktiraf dan meningkatkan taraf hidup dan sosioekonomi, menyediakan prasarana fizikal moden, membukakan akses kepada prasarana teknologi maklumat serta komunikasi yang menyeluruh, sekali gus pelaburan besar dalam bidang pendidikan.

Melalui pindaan, pemansuhan dan penggubalan undang-undang yang sedang berjalan, kerajaan mahu memastikan ruang demokratik mencukupi disediakan untuk perbezaan pendapat serta persaingan idea. Pucuk pangkalnya, kita mahu mencipta sebuah Malaysia di mana prinsip hak asasi manusia dijunjung, kebebasan individu untuk berhimpun secara aman dan untuk menyatakan pendapat secara terbuka diraikan seraya kepentingan individu dan komuniti diimbangi. Berdiri di muka gerbang semua ini segala-galanya kita mampu gembelngkan kerana kita yakin dengan kematangan semua. Ini kerana kita yakin dengan kesediaan rakyat Malaysia dan mustahaknya kita yakin bahawa ini adalah perkara yang betul dan wajar untuk dilakukan. Apa yang penting setiap hak mahupun kebebasan mestilah bersulam dengan tanggungjawab, dengan izin, *freedom with responsibility*.

Tuan Yang di-Pertua, jika ditinjau senario antarabangsa sesekali pun, peristiwa dan waktu menunjukkan untuk mencapai tahap demokrasi yang ada seperti hari ini Amerika Syarikat dan United Kingdom mengambil tempoh berabad lamanya. Melalui proses Perlembagaan, perang saudara, perundangan malah usaha tanpa henti oleh masyarakat sivilnya. Lain halnya kita bersyukur kepada Tuhan bahawa usaha evolusi demokrasi negara ini tidak melibatkan pertumpahan darah. Bahkan ia berkait rapat dengan evolusi sosioekonomi.

■1740

Seperti diimbis lebih lima dekad yang lalu, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, Allahyarham Tun Abdul Razak dalam Dewan yang mulia ini juga telah membentangkan Rang Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri 1960 bagi menyediakan negara dengan perkakasan perundangan yang perlu bagi mempertahankan Sistem Raja Berperlembagaan, Demokrasi Berparlimen, Keluhuran Perlembagaan serta Kedaulatan Undang-undang pasca tamatnya era darurat.

Jadinya, hari ini amat bersejarah dalam menyisir susur galur demokrasi Malaysia. Pentadbiran kini yang sentiasa prihatin, merasai denyut nadi rakyat dan sentiasa mendengar keluh kesah mereka, juga sentiasa mendakap aspirasi masa telah mengambil keputusan untuk memansuhkan ISA. Kita hakikatnya telah memasuki era demokrasi yang lebih matang di mana peranan kerajaan berubah daripada menjadi penentu dan pengukur tahap kematangan rakyat kepada pelindung agar mereka dapat menikmati hak-hak asasi yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sesiapa pun mampu menafikan bahawa selama lebih setengah abad kewujudan ISA berperanan bagi melindungi cara hidup demokratik di negara tercinta ini. Ironinya, undang-undang yang dianggap *draconian* ini telah memastikan demokrasi hak asasi manusia dan *human dignity* dilindungi di Malaysia berbanding alternatif lain jika negara ditadbir oleh sistem kediktatoran komunis. Namun, masa telah beralih dan peranan ISA telah tiba ke penghujungnya. Kerajaan menyedari hakikat ini dan komited bagi memacu Malaysia ke arah masa depan yang lebih progresif. Hari ini sudah lebih dua dekad pemberontakan bersenjata Parti Komunis Malaya dan Parti Komunis Kalimantan Utara berakhir. Ideologi komunisme sudah tidak lagi mendapat tempat sebagai asas pemerintahan negara-negara di dunia. Namun, berakhir ancaman ideologi ini tidaklah membawa era keamanan global yang diharapkan, sebaliknya ia menyaksikan ancaman komunisme diganti oleh ancaman keganasan antarabangsa yang berteraskan ideologi ekstremisme.

Kedua-dua ideologi ini walaupun berbeza, namun mempunyai titik persamaan matlamat iaitu kedua-duanya mahu mengubah corak pemerintahan negara yang berteraskan demokrasi berparlimen dengan menggunakan keganasan dan cara-cara tidak berperlembagaan. Soalnya, matlamat ini sama sekali tidak dapat diterima oleh rakyat Malaysia yang cintakan keamanan dan kemajmukan. Oleh yang demikian, menangani cabaran anti demokratik pasca komunisme yang lebih kompleks dan canggih, negara bukan sahaja memerlukan perisai iaitu kematangan politik rakyat tetapi juga pedang di dalam bentuk Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan 2012. Rang undang-undang ini mewujudkan langkah-langkah khas yang diperlukan untuk menangani kes-kes keselamatan seperti yang terkandung dalam Bab VI, Kanun Keseksaan.

Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan 2012 digubal di bawah lembayung Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan. Keluwesan diberi kepada kerajaan untuk menggubal perundangan yang tidak selaras dengan perkara 5 dalam hal kebebasan diri. Perkara 9 berkaitan larangan buang negeri dan kebebasan bergerak. Perkara 10 berhubung kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan, serta Perkara 13 tentang hak terhadap harta.

Hendaklah diketahui bahawa meskipun rang undang-undang ini akan memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, rang undang-undang ini tidak akan menjejaskan penahanan orang yang sedang ditahan kecuali perintah itu dibatalkan oleh Menteri Dalam Negeri. Di bawah pindaan undang-undang ini, aktiviti menjejaskan demokrasi berparlimen ditafsir sebagai satu aktiviti yang dilakukan oleh seorang atau kumpulan orang dengan tujuan untuk menggulingkan atau melemahkan demokrasi berparlimen dengan cara yang ganas dan tidak berlandaskan Perlembagaan.

Secara mudahnya, jika ada mana-mana rakyat Malaysia sama ada individu, kumpulan atau parti politik berhajat merubah teras asas pemerintahan negara iaitu demokrasi berparlimen kepada misalnya pemerintahan yang bersifat teokratik, mereka haruslah menggunakan cara-cara yang diabsahkan oleh Perlembagaan Persekutuan yakni melalui peti undi untuk mendapat sokongan majoriti rakyat. Ini bersesuaian dengan prinsip bahawa rupa bentuk kerajaan hanya boleh ditentukan oleh rakyat itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari bahawa rang undang-undang ini digubal di bawah Perkara 149, dan ia membenarkan penahanan individu oleh pihak polis untuk tujuan siasatan yang luar daripada norma kebiasaan tatacara jenayah dan undang-undang keterangan yang lazim, maka kerajaan telah mengambil keputusan mengadakan beberapa lindung jamin atau *safeguard*, dengan izin, seperti berikut.

Pertamanya melalui peruntukan seksyen 4, subseksyen 3, tiada seorang pun boleh ditangkap dan ditahan di bawah seksyen ini semata-mata atas kepercayaan politiknya atau aktiviti politiknya. Ini membawa maksud perlindungan kepada penglibatan dalam aktiviti yang sah di sisi undang-undang melalui:

- (i) pernyataan pendapat atau pengambilan tindakan yang dibuat menurut rukun suatu parti politik yang pada masa yang berkaitan itu berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335) yang terbukti melalui satu, keanggotaan atau sumbangan kepada parti itu. Kedua, penyertaan terbuka dan aktif dalam hal ehwal parti itu;
- (ii) pernyataan pendapat yang ditujukan terhadap mana-mana kerajaan di dalam persekutuan; dan
- (iii) pengambilan tindakan yang ditujukan terhadap mana-mana kerajaan di dalam Persekutuan.

Kedua, pemansuhan kuasa Menteri Dalam Negeri untuk menahan tanpa perbincaraan mana-mana individu.

Fasal 4 rang undang-undang baru ini menyentuh tentang kuasa penangkapan dan penahanan. Di bawah fasal ini, polis mempunyai kuasa khas untuk menangkap dan menahan mana-mana orang yang polis mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa orang itu terlibat dengan kesalahan keselamatan. Perlu ditekankan di sini bahawa kuasa penangkapan dan juga penahanan ini adalah untuk tujuan penyiasatan semata-mata. Orang yang ditangkap dan ditahan di bawah fasal ini boleh ditahan untuk tempoh 24 jam bagi maksud penyiasatan.

Walau bagaimanapun, polis boleh melanjutkan tempoh tahanan tidak lebih daripada 28 hari bagi maksud penyiasatan. Selanjutnya, jika polis berpandangan bahawa penahanan lanjut tidak diperlukan selepas 24 jam atau pada bila-bila masa selepas itu, maka orang itu boleh dilepaskan tetapi boleh dipasang dengan peranti pengawasan bagi maksud penyiasatan bagi satu tempoh masa yang tidak melebihi baki tempoh tahanan yang dibenarkan.

Mereka yang ditangkap bebas untuk membuat permohonan *habeas corpus* di mahkamah dan boleh mencabar alasan tahanan dan tatacara tahanan. Ringkasnya, kuasa semakan kehakiman dikembalikan sepenuhnya kepada mahkamah bukan seperti peruntukan dalam ISA yang menghalang kuasa semakan kehakiman kecuali dalam tatacara tahanan. Berkaitan itu, ingin ditegaskan bahawa kerajaan dan pihak berkuasa akan menghormati apa pun keputusan yang dibuat oleh mahkamah. Dalam erti kata lain, seseorang yang telah dilepaskan tidak akan ditahan semula atas siasatan kesalahan yang sama.

■1750

Ketiganya adalah '*sunset clause*' dengan izin, bagi tempoh tahanan 28 hari hendaklah disemak tiap-tiap lima tahun dan hendaklah terhenti berkuat kuasa melainkan jika apabila semakan dibuat, sesuatu ketetapan diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa peruntukan itu.

Tuan Yang di-Pertua, lindung jamin keempat ialah fasal 5 memperuntukkan bahawa apabila seseorang ditangkap dan ditahan di bawah fasal 4, polis yang menjalankan penyiasatan hendaklah memberitahu waris kadim atau *next of kin* orang yang ditangkap dan ditahan itu sesegera mungkin mengenai penangkapan dan juga penahanannya. Pihak polis juga hendaklah memenuhi hak menguami atau dengan izin, *the right to attorney* si ditahan tidak lewat daripada 48 jam.

Lindung jamin kelima, dalam jangka masa yang tidak lebih daripada tamatnya tempoh tahanan, pegawai polis yang menjalankan siasatan itu perlu menghantar kertas siasatan kepada pendakwa raya di mana beliau hendaklah membuat keputusan sama ada mendakwa tertuduh di mahkamah atau membebaskannya. Ini bererti tidak akan ada tahanan selepas tempoh 28 hari.

Lindung jamin keenam ialah apabila akta ini berkuat kuasa, kerajaan juga akan menubuhkan satu Jawatankuasa secara pentadbiran untuk menyemak keseluruhan akta ini daripada semasa ke semasa dan Jawatankuasa ini akan juga bertanggungjawab untuk meneliti pelaksanaan akta tersebut dan mengemukakan syor untuk penambahbaikan.

Jawatankuasa ini akan dianggotai bukan sahaja oleh agensi-agensi berkenaan tetapi juga oleh Presiden Majlis Peguam dan SUHAKAM. Lindung jamin terakhir dan terbesar adalah kuasa dan kehendak rakyat. Kita harus maklum bahawa di tangan rakyatlah kuasa setiap lima tahun untuk mengamatkan parti atau gabungan parti mana yang hendak diberi kuasa sebagai kerajaan. Itulah teras asas sistem Demokrasi Berparlimen.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V rang undang-undang ini pula memperkatakan perbicaraan kes kesalahan keselamatan. Di bawah bahagian ini, terdapat dua fasal iaitu fasal 12 yang memperuntukkan bahawa kes yang melibatkan kesalahan keselamatan akan dibicarakan oleh Mahkamah Tinggi dengan mengambil kira keseriusan kesalahan keselamatan adalah dicadangkan supaya Mahkamah Khas diwujudkan secara pentadbiran untuk mendengar kes-kes keselamatan di bawah rang undang-undang ini. Para hakim yang berpengalaman akan diberi pendedahan kepada semua bentuk kesalahan, keselamatan dan peruntukan undang-undang yang akan digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 ini tidak bermakna berakhirnya usaha yang telah dimulakan tujuh bulan lalu. Pasti kerajaan akan meneruskan usaha perubahan dan pembaharuan politik yang mulia ini. Untuk itu, suka saya mengumumkan bahawa kerajaan akan mengkaji semula secara komprehensif Akta Hasutan tanpa mengetepikan apa-apa opsiyen. Paling utama, tiga prinsip perlu kekal dalam sebarang evolusi kerangka perundangan baru ini adalah untuk menangani perbuatan dan perlakuan berikutan yang seperti di bawah:

- (i) mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia kepada Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana Raja;
- (ii) mengembangkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum atau golongan penduduk yang berlainan di Malaysia; atau
- (iii) mempersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan atau Perkara 151, 153 dan 181, Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga akan menggubal rang undang-undang baru bagi menggantikan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Rang undang-undang baru ini akan mengekalkan janji kerajaan untuk menghapuskan keperluan pembaharuan tahunan lesen penerbitan serta menubuhkan majlis media yang akan melaksanakan kawal selia sendiri industri atau dengan izin, *serve-regulatory*. Sememangnya lagi kita tidak takut dan gentar bagi bersaing dalam gelanggang demokrasi. Kita tidak takut berbanding idea serta dasar dengan sesiapa pun. Kerajaan bersikap terbuka kerana kita percaya era kerajaan mengetahui segala-galanya telah berakhir dan kita akur bahawa era kerajaan memiliki monopoli terhadap kebijaksanaan telah melabuhkan tirainya.

Dari yang demikian, kita percaya kita telah melakukan yang terbaik demi rakyat Malaysia. Kita akan terus melaksanakan yang terulung untuk rakyat Malaysia. Memang ternyata kerja kita masih belum selesai, kita perlu berikhtiar dengan lebih keras bagi memastikan anak-anak Malaysia hidup dalam sebuah negara yang aman sejahtera, makmur lagi bebas daripada ketakutan, kegundahan dan juga kebimbangan. Pokoknya kita sedang mencipta sebuah negara di mana keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang menjadi payung kepada setiap individu agar bebas menyuarakan pendapat, mengkritik, menyokong, berbeza pandangan, bersahsiah mahupun menganggotai apa-apa pertubuhan. Pendek kata, tidak ada sesiapa akan dihukum hanya misalnya kerana menjalankan hak-hak yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan serta undang-undang negara.

Akhir kalam, kita idam-idamkan sebuah Malaysia yang terbaik untuk warganya sebagai tanah tumpah darah mereka. Demi itu, Kerajaan Barisan Nasional akan tetap berdiri teguh, sesekali tidak akan berundur bahkan berkobar-kobar meneruskan proses *tajdid* dan *islah* nasional, menyongsong *nahdhoh* keemasan demokrasi Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Heng Seai Kie]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah khas yang berhubung dengan kesalahan keselamatan bagi maksud mengekalkan ketenteraman awam dan keselamatan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Saya telah pun menerima sembilan nama dari Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi siapa lagi ingin turut serta dalam membahaskan rang undang-undang ini saya persilakan hantar nama sekarang supaya senang kita merancang. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok.

5.58 ptg.

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya menyertai perbahasan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 ini.

Dengan pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang kerap dikenali sebagai ISA, ini menunjukkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan seorang pemimpin berani membuat perubahan dan berazam untuk membuat transformasi. Kita perlu perundangan baru untuk menggantikannya. Salah satunya ialah perundangan bagi Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas).

Rang undang-undang ini mempunyai lapan bahagian. Bahagian yang menarik perhatian saya adalah Bahagian II – Kuasa Khas bagi kesalahan keselamatan, Bahagian III – Tatacara Khas yang berhubung dengan peranti pengawasan elektronik, Bahagian V – Percicaraan, Bahagian VI – Tatacara khas yang berhubung dengan saksi yang dilindungi.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 4(3) menyebut "*Tiada seorang pun boleh ditangkap dan ditahan di bawah seksyen ini semata-mata atas kepercayaan politiknya atau aktiviti politiknya.*" Adalah dialu-alukan oleh ahli politik tidak akan ditangkap disebabkan kegiatan politiknya sahaja.

■1800

Pada pendapat saya, janganlah hanya dialu-alukan oleh orang-orang Barisan Nasional sahaja, orang Pakatan Rakyat juga bersama menikmatinya, terima kasih. Apakah yang dikatakan sebagai kesalahan keselamatan?

Jadual Pertama kesalahan keselamatan merujuk kepada Kanun Keseksaan iaitu kesalahan di bawah Bab 6 dan 6A. Kini terdapat rang undang-undang untuk meminda Kanun Keseksaan Bab 6 bertajuk kesalahan terhadap negara.

Bab 6 akan dipinda untuk memasukkan 13 kesalahan baru ke dalamnya. Dalam *content* Kanun Keseksaan dan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) ini, aktiviti yang menjejaskan Parlimen berdemokrasi bermaksud aktiviti yang dilakukan oleh seseorang atau sekumpulan orang untuk menggulingkan Parlimen berdemokrasi atau merosakkan sistem Parlimen berdemokrasi secara kekerasan atau cara yang menyalahi perlembagaan. Dahulunya kita sering dengar istilah aktiviti subversif. Sekarang ini istilah yang digunakan adalah lebih lembut. Sekarang ini istilahnya hampir sama maksudnya ialah aktiviti yang menjejaskan Parlimen berdemokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan pertama saya ialah, bagaimanakah menentukan sama ada sesuatu aktiviti itu menjejaskan Parlimen berdemokrasi, siapakah yang menentukan? Kedua, apakah pangkat pegawai polis dan cawangan yang boleh membuat penangkapan dan pertahanan tanpa waran seseorang yang disyaki melakukan kesalahan keselamatan?

Merujuk Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) fasal 4, polis boleh menahan seseorang disyaki melakukan kesalahan keselamatan selama 24 jam. Polis berpangkat Superintenden ke atas boleh melanjutkan tempoh tahanan sehingga maksimum 28 hari. Alasan penangkapan perlu dimaklumkan dengan seberapa segera. Adakah kemusykilan dengan istilah seberapa segera ini? Adakah dalam empat jam, adakah dalam lapan jam ataupun empat puluh lapan jam ataupun sesuka polis?

Kenyataan dalam fasal 4(2) ini adalah kurang mantap, mudah disalahgunakan. Pemasangan peranti pengawasan elektronik itu adalah bersesuaian dengan era ICT kini. Seseorang disyaki dapat dipantau dengan mudah dalam tempoh siasatan 28 hari. Ini mungkin lebih berkesan daripada menahan 28 hari. Contohnya orang yang disyaki tersebut mungkin akan berkomunikasi dengan orang-orangnya. Polis mudah menjejak dan mengesan siapakah orang yang dihubungi, tempat pertemuan dan mengintip perbualan mereka. Dalam fasal 5, orang yang disyaki dibenarkan berunding dengan peguam tetapi polis boleh menangguh *access* kepada peguam selama 48 jam maksimum. Nampak seperti munasabah. Persoalannya ialah adakah ini bertentangan dengan hak asasi yang dijanjikan dalam perlembagaan.

Bahagian V bertajuk, Perbicaraan. Fasal 12 menyatakan semua kesalahan keselamatan hendaklah di bicara oleh Mahkamah Tinggi. Adalah bagus bahawa orang yang disyaki ini dengan kesalahan keselamatan itu di bicara di mahkamah. Ini adalah lebih baik berbanding dengan orang yang ditahan di bawah ISA pada masa dahulu dan tidak dibicarakan.

Fasal 13 menyatakan jaminan tidak boleh diberikan kepada seseorang yang dipertuduh atas sesuatu kesalahan keselamatan kecuali orang yang berumur di bawah 18 tahun, wanita dan orang sakit atau uzur. Ini adalah wajar. Memandangkan orang yang dipertuduhkan itu disyaki melakukan kesalahan keselamatan yang serius seperti sabotaj, pengintipan, menggulingkan kerajaan secara kekerasan yakni kesalahan keselamatan yang boleh menggugat Parlimen berdemokrasi.

Bahagian 6 bertajuk tatacara khas yang berhubungan dengan saksi yang dilindungi. Saya berpendapat adalah wajar bahawa saksi penting dalam kes kesalahan keselamatan ini dilindungi identitinya. Cara khas perbicaraan melalui kamera adalah sesuai. Ini membolehkan saksi menjadi berani untuk memberi keterangan dalam mahkamah. Sekiranya identiti saksi penting itu tidak dilindungi dan orang yang dipertuduh dan agen-agen yang boleh mengenali saksi penting itu, saksi tersebut berkemungkinan menghadapi pelbagai bahaya, risiko dan ancaman. Saksi penting itu akan merasa takut untuk memberi keterangan di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya ialah, berapakah orang yang ditahan di bawah ISA semenjak Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dilaksanakan?

Kedua, berapakah orang politik yang ditahan di bawah ISA semenjak Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dilaksanakan?

Ketiga, berapakah orang yang ditahan di bawah ISA mengikut kategori kesalahan?

Keempat, apakah purata tempoh tahanan ISA mengikut kategori kesalahan?

Sekian sahaja, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok. Seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin. Silakan Yang Berhormat.

6.05 ptg.

Datuk Chin Su Phin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Apabila kita bercakap tentang isu keselamatan negara, ia sangat penting untuk dibahaskan secara ilmiah dan tersusun. Terdahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak kerana beliau telah berjaya melakar sejarah baru kepada negara kita dengan menghapuskan ISA yang dianggap undang-undang drakonia dan sudah lapuk dimamah zaman ini. Seterusnya memperkenalkan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 yang mana ia dirangka untuk mengimbangkan tuntutan keselamatan negara dan memastikan kebebasan asasi dan hak asasi manusia terjamin.

Tanpa membuang masa saya ingin terus pergi kepada rang undang-undang baru ini. Pertama, saya tertarik untuk menyentuh peruntukan seksyen 4, subseksyen 3 di mana ia menyebut tiada seorang pun boleh ditangkap dan ditahan di bawah seksyen ini semata-mata atas kepercayaan politiknya atau aktiviti politiknya. Saya berbesar hati menyokong fasal ini kerana ia sangat penting untuk membentuk sebuah negara yang demokratik sejajar dengan peredaran zaman yang semakin maju dari segi pemikiran dan pembangunan. Saya amat berharap agar selepas ini, pihak pembangkang tidak akan lagi melabel kerajaan sebagai zalim dan sebagainya. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri. Adakah wujud satu jaminan dari pihak kementerian bahawa perkara ini tidak akan berlaku? Sekiranya ia berlaku adakah pihak yang ditahan boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap kerajaan?

Seterusnya adakah pihak politik yang menghasut orang ramai akan menjatuhkan kerajaan akan dikenakan tindakan di atas akta ini? Pada pendapat saya, sesiapa pun patut ditahan dan dihukum sekiranya terbabit dalam hasutan jahat ini.

Kedua, peruntukan yang membenarkan kuasa memintas komunikasi di bawah fasal 4(6) rang undang-undang tersebut. Pada pendapat saya, ia bagus dalam mengekang aktiviti-aktiviti keganasan daripada berlaku. Walau bagaimanapun, saya berharap harus dikaji semula kerana ianya boleh mencabul kebebasan peribadi dan hak privasi seseorang. Pada pemerhatian saya, saya setuju dengan pendapat SUHAKAM bahawa perkara ini hanyalah boleh dilakukan atas arahan mahkamah.

Ketiga, fasal keempat mengenai kuasa penangkapan dan penahanan di mana orang yang ditangkap ditahan di bawah fasal ini boleh ditahan untuk tempoh 24 jam bagi maksud penyiasatan. Walau bagaimanapun, polis boleh melanjutkan tempoh tahanan tidak lebih daripada 28 hari bagi maksud penyiasatan. Saya setuju dengan fasal ini yang mana ia dapat menyenangkan pihak polis mendapatkan maklumat yang diperlukan dari tahanan.

■1810

Saya ingin mendapatkan kepastian pihak kementerian, adakah prosedur soal siasat dan tempat tahanan telah dikaji semula. Sekiranya ia telah dilakukan apakah antara penambahbaikan yang telah dibuat mengenai *sunset clause* saya amat bersetuju dengan perkara tersebut kerana ia memang perlu dikaji dan sekiranya didapati tidak sesuai lagi pada waktu itu ia wajar dihapuskan terus.

Keempat, mengenai fasal 5 membenarkan pemberitahuan kepada waris kadim atau *next of kin* apabila seseorang itu ditangkap dan ditahan. Saya kurang bersetuju di sini berkaitan polis mempunyai kuasa menafikan tahanan tersebut untuk mendapatkan segala khidmat peguam untuk tempoh sehingga 48 jam. Pada pendapat saya perkara ini harus dikaji lagi oleh pihak kementerian agar ia selari dan sejajar dengan hak asasi manusia. Dalam tempoh 48 jam tersebut berbagai-bagai perkara yang tidak diingini boleh berlaku kepada tahanan kerana kita semua tidak boleh menjamin 100 peratus keselamatan tahanan, semua manusia tidak akan lari daripada melakukan kesilapan walaupun pegawai atasan sekalipun. Oleh itu, saya berharap akan ada kajian yang lebih terperinci terhadap perkara ini.

Kelima dan yang terakhir, saya sangat menyokong usaha kerajaan dalam mewujudkan satu jawatankuasa pemantau yang terdiri daripada Majlis Peguam dan SUHAKAM terhadap akta ini dan ini adalah bukti yang kukuh bahawa Perdana Menteri kita sangat serius dalam melakukan transformasi negara Malaysia tanpa mengendahkan pendapat daripada badan-badan yang terbabit. Perdana Menteri kita sentiasa mendengar keluh kesah rakyat serta sedaya upaya memberikan yang terbaik untuk rakyat. Maka marilah kita bersama-sama menyokong akta ini yang menjadikan titik tolak permulaan transformasi negara ke arah yang lebih baik dan saya memohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, silakan Yang Berhormat.

6.13 ptg.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Sebagai pembuka kata, saya selaku seorang yang pernah menjadi tetamu di Kemunting selama enam tahun ingin mengalu-alukan tindakan menghapuskan ISA ini... [Tepuk]

Sewaktu ISA diluluskan pada tahun 1960 di Parlimen ini, saya kebetulan duduk di galeri memerhatikan perkara yang berlaku dan pada waktu itu dijanjikan oleh Menteri Dalam Negeri pada masa itu Allahyarham Tun Abdul Razak bahawa undang-undang ini akan digunakan hanya untuk atau terhadap mereka yang bersubahat atau menyokong militan komunisme. Itu yang disebutkan, tetapi tidak lama selepas itu undang-undang ini telah digunakan kepada ahli-ahli politik seperti Dr. Burhanuddin dan Ahmad Bustamam.

Semasa itu Ahmad Bustamam belum lagi terlibat dengan umpamanya tuduhan revolusi di Brunei. Selepas daripada tahanan ini berkali-kali ISA digunakan untuk menahan orang-orang politik, saya sendiri misalnya ditahan walaupun saya tidak terlibat dengan apa-apa keganasan, saya tidak terlibat misalnya dengan usaha menentang Yang di-Pertuan Agong tetapi saya ditahan semata-mata kerana menyokong tindakan petani-petani yang berhimpun dan berarak oleh sebab mereka menghadapi kesusahan, pada waktu itu dikatakan kelaparan. Apa yang penting ialah bahawa ada keadaan di mana bukan sahaja orang politik yang tidak melakukan keganasan dan kekasaran itu ditahan bahkan sehingga mereka yang mengeluarkan kad pengenalan dan menjual kad pengenalan palsu turut ditahan di bawah ISA.

Apa yang saya hendak tekankan di sini ialah bahawa banyak undang-undang yang sedia ada dalam negara ini yang boleh menangani berbagai-bagai tindakan jenayah dengan tidak perlu menggunakan ISA, daripada misalnya penggunaan ataupun dengan izin, *possession of a weapon* membawa kepada soal membuat kad pengenalan palsu. Akan tetapi undang-undang ini tidak digunakan kerana lebih mudah menahan seseorang itu tanpa dibicarakan dan penahanan seseorang tanpa bicara adalah tidak adil dan bertentangan dengan ajaran Islam dan saya percaya semua agama yang ada di dunia ini.

Selain daripada itu, kita mendapati juga bahawa undang-undang ini digunakan ataupun disalahgunakan terhadap orang-orang yang tidak melakukan keganasan seperti yang saya sebutkan tadi. Jadi oleh sebab memikirkan undang-undang ini telah melampaui zaman dan banyak menunjukkan tanda-tanda disalahgunakan, memang sudah kenalah pada tempatnya untuk dihapuskan dan itu sebabnya saya mengatakan, saya mengalu-alukannya. Cuma di samping mengalu-alukan itu, saya merasa agak sedih kerana kerajaan merasa perlu untuk mengadakan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan dan juga berserta dengannya Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah. Saya menganggap bahawa ada unsur-unsur yang tidak adil dan ada juga unsur-unsur zalim yang terdapat di dalam rang undang-undang yang baru ini.

Kita mendapati bahawa kuasa sekarang ini untuk menangkap dan menguruskan tahanan adalah sepenuhnya pada polis, dilepaskan sama sekali tanggungjawab Menteri. Kalau dalam undang-undang ISA dahulu kita mendapati bahawa akhirnya Menteri adalah bertanggungjawab, sekarang ini Menteri terlepas daripada tanggungjawab itu kerana kuasa penangkapan dan penahanan adalah pada seorang pegawai polis yang boleh menahan tanpa waran. Sekurang-kurangnya semasa ISA dahulu kalau tidak salah saya mereka harus menunjukkan waran untuk tangkapan tetapi sekarang ini tanpa waran. Seorang yang ditahan itu harus dimaklumkan alasannya ditangkap dalam 24 jam.

Di sini diberikan jaminan bahawa tidak ada seorang pun yang akan ditangkap di bawah seksyen ini kerana kepercayaan politiknya atau aktiviti politiknya. Apa yang menjadi kebimbangan saya ialah bahawa tafsiran atau takrif aktiviti politik itu terlalu luas dan subjektif dan oleh sebab itu boleh disalahgunakan. Ini adalah kerana tidak ada misalnya ukuran-ukuran yang objektif untuk menyatakan apakah dia aktiviti-aktiviti politik yang boleh digunakan untuk menahan itu. Seorang yang ditangkap disebutkan di sini pada subseksyen (4) boleh ditahan selama 24 jam, dan boleh disambung sehingga 28 hari.

■1820

Tahanan selama 28 hari ini serupa juga dengan misalnya di bawah ISA. Dikatakan bahawa tujuan untuk penahanan yang berlanjutan itu ialah untuk penyiasaan. Dua unsur di sini harus ditimbulkan. Penyiasaan boleh dipanjang-panjangkan dan dileret-leretkan sehingga kadang-kadang lebih lama daripada sebenarnya yang diperlukan. Ini saya alami sendiri.

Aspek yang kedua daripada penahanan ini ialah bahawa untuk *interrogation* ataupun penyiasaan digunakan pelbagai cara daripada *psychological* pada yang fizikal. *Psychological* misalnya dengan menimbulkan pelbagai kebimbangan dan ketakutan, dikurung dalam gelap kemudian selepas itu diberitahu "Oh! Isteri awak sekarang ini sudah pergi bersama lelaki lain. Anak awak sudah menangis setiap hari" dan seumpamanya. Secara fizikal, ditempelengkah, diludahkan atau dipukulkah? Saya tidak perlu ceritalah ini sebab saya alami juga dan sudah saya ceritakan dalam buku saya, "Dua Wajah".

Jadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat sebelum saya ini yang menyatakan bahawa cara menyasat harus ditimbang semula kerana tidak harus berlaku kezaliman semasa menyasat. Kita tahu misalnya ada penjenayah-penjenayah yang dalam kurungan polis, beratus-ratus yang mati, yang tidak diketahui apakah sebabnya yang sebenar. Ada juga tahanan-tahanan ISA yang saya tahu mati dalam tahanan ataupun cuba membunuh diri dalam tahanan. Oleh sebab cara...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya sambung?

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat Senator?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Cara Yang Berhormat Senator menceritakan perkara-perkara lalu itu seakan-akan Yang Berhormat tidak mahu menyedari hakikat bahawa undang-undang baru ini diperkenalkan untuk "memperbetulkan" kalau boleh digunakan perkataan itu, kesilapan-kesilapan Yang Berhormat timbulkan itu. Oleh dengan itu, mengapakah kita tidak melihat ke hadapan dan tidak usah mengungkit perkara-perkara yang lama itu – justeru kerana menyedari tentang ada yang tidak betul itulah maka undang-undang baru dikemukakan. Jadi saya rasa untuk - Kata orang tidak usahlah kita mencari-cari yang keruh lagi, Yang Berhormat Senator.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya dalam akta ini ada disebutkan cara mendapatkan maklumat, cara *interrogation* dilakukan, maka saya akan bersetuju dengan Yang Berhormat Senator itu. Saya timbulkan oleh kerana tidak ada dalam undang-undang ini apa-apa sekatan ataupun apa-apa peraturan daripada segi penyiasaan ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta melalui Tuan Yang di-Pertua di sini supaya diadakan peraturan-peraturan berhubung dengan undang-undang ini mengenai cara-cara *interrogation*, penyiasaan dan sebagainya dilakukan supaya kezaliman yang pernah berlaku pada masa yang lalu, tidak akan berlaku lagi sekarang.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, tentang pemberitahuan kepada waris kadim, saya bersetuju sekali dengan peraturan ini kerana saya tahu di bawah ISA dahulu, ramai yang tidak diberitahu sampai dua minggu kepada keluarga mereka apatah lagi kepada peguam. Cuma di sini disebutkan dengan segera. Perkataan "dengan segera" itu saya rasa tidak begitu memuaskan. Ada orang mengatakan, satu hari satu malam segera. Ada yang mungkin mengatakan, dua hari dua malam segera. Jadi oleh kerana tidak ada disebutkan apakah ia "dengan segera" itu, saya ingin mencadangkan supaya disebutkan bahawa dalam tempoh sekian, sekian masa, keluarga kadim ataupun waris kadim hendaklah diberitahu sebab di sini tidak diberitahu sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, di sini ada disebutkan di Bahagian IV bahawa maklumat sensitif yang hendak digunakan sebagai keterangan oleh pendakwa raya.

Walaupun apa pun seksyen 51A Kanun Tatacara Jenayah, "*Jika perbicaraan kesalahan keselamatan melibatkan perkara yang berhubungan dengan maklumat sensitif, pendakwa raya boleh seterusnya...*" Apa yang saya pertikai di sini ialah perkataan "maklumat sensitif" itu. Apakah ia sebenarnya "maklumat sensitif"? Apakah yang tidak sensitif bagi yang ditahan, mungkin sensitif bagi yang menahan dan *degree* ataupun peringkat-peringkat sensitiviti itu pun sensitifnya itu pun mungkin berlainan di antara pihak-pihak yang berlainan. Jadi saya ingin juga mendapatkan penjelasan tentang apakah maksud yang dikatakan sensitif tadi.

Merujuk pada Bahagian VII, halaman 18 Tuan Yang di-Pertua, saya merasa tidak tahu sama ada sedihkah atau geli hatikah ataupun macam manakah dengan beberapa perkara yang ada di sini. Ini disebabkan pada 18 misalnya, disebutkan bahawa "*Suatu pernyataan yang dibuat sama ada secara lisan atau tidak bertulis semasa atau maksud daripada orang yang sudah mati*". Jadi ertinya apa-apa yang dinyatakan oleh seseorang yang sudah mati, boleh dijadikan bahan bukti. Apa yang menjadi masalah di sini ialah apabila seseorang itu sudah mati, kita tidak dapat pastikan sama ada pertama, kenyataan yang dikemukakan kepada mahkamah itu dan sebagainya betul-betul merupakan kenyataan beliau sendiri.

Keduanya, kalau ada misalannya kenyataan itu katakanlah betul, tidak ada peluang bagi pihak peguam yang membela misalnya untuk bertanya, untuk mendapatkan penjelasan lagi kerana hanya bukti yang jelas yang dapat *diverify*, dengan izin barulah bererti, apa yang hendak digunakan sebagai dokumen itu.

Begitu juga, kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh seorang kanak-kanak. Kenyataan kanak-kanak itu pun boleh digunakan walaupun dia dalam usia yang mentah. Ini disebut pada 19, asalkan kanak-kanak itu mempunyai kepintaran yang mencukupi dan memahami kewajipan fasal untuk bercakap benar. Saya tidak tahulah kalau kanak-kanak macam mana yang dimaksudkan. Kalau disebut misalnya kanak-kanak yang akil baligh, seorang Islam, seorang Muslim akan mengetahui. Akan tetapi kalau hanya kanak-kanak yang sudah memahami kewajipan untuk bercakap benar, saya tidak tahu macam mana hendak memikirkannya. Itulah sebabnya saya menyatakan saya tidak tahu sama ada mahu merasa sedih ataupun berasa geli hati dengan alasan-alasan itu.

Saya bukan seorang peguam. Mungkin ada alasan undang-undang, hukum untuk menentukan ini, untuk membenarkan ini tetapi saya ingin mendapat tahu di negeri manakah, dalam contoh manakah misalannya ada undang-undang yang membenarkan bahan bukti boleh digunakan sepenuhnya dalam mahkamah daripada seorang yang sudah mati ataupun kanak-kanak yang masih belum akil baligh.

■1830

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, pada fasal 30 - Penahanan sementara menunggu proses undang-undang habis. Di sini disebutkan walau apa pun Perkara 9 Perlembagaan Persekutuan, jika mahkamah perbicaraan membebaskan tertuduh bagi kesalahan keselamatan, pendakwa raya boleh memohon secara lisan kepada mahkamah untuk tertuduh di reman di dalam penjara sementara menunggu notis rayuan di failkan terhadap pembebasan tertuduh oleh pendakwa raya.

Saya bimbang ini boleh sekali lagi menimbulkan satu kezaliman iaitu bila dikatakan bahawa soal ini mengatasi Perlembagaan oleh sebab dikatakan di sini walau apa pun perkara 9 dalam Perlembagaan. Jadi seseorang itu boleh ditahan reman dan tidak ada batas yang dinyatakan, batas waktu selama mana beliau boleh ditahan reman. Kalau misalnya tidak ada batasan waktu dan sekiranya ada sifat yang *vindictive* dengan izin, di kalangan setengah-setengah pegawai polis atau pun orang yang melaksanakan undang-undang, maka boleh berlaku penahanan reman itu lebih daripada sebulan atau dua bulan. Jadi di sini juga, saya mengharapkan bahawa ada batas waktu yang disebutkan dan ditegaskan tentang bila seharusnya selesai tempoh reman itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Boon Som.

6.32 ptg.

Dato' Boon Som a/l Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang untuk saya berbahas dalam Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012. Terima kasih kepada Menteri yang menyatakan bahawa kita ke arah transformasi 'Rakyat didahulukan pencapaian diutamakan'.

Akan tetapi bagi saya persidangan ini merupakan satu persidangan yang paling sedih bagi saya apabila saya menerima jawapan daripada Jabatan Perdana Menteri. Empat soalan yang saya tanya, semuanya stereotaip. Jawapan yang sama, jawapan yang menyedihkan. Selepas itu bercanggah daripada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 25 Februari di Pendang baru-baru ini. Jadi di sini saya perlukan hak untuk saya bersuara bagi masyarakat saya sebagai masyarakat Siam.

Jadi sebelum saya habisnya sidang Dewan ini, saya ingin meluahkan perasaan saya seperti mana yang Timbalan Menteri menyatakan bahawa kita diberi hak bersuara kepada masyarakat masing-masing. Saya bermula daripada 25 Februari 2012 ketika Perdana Menteri membuat lawatan di Pendang, di dua tempat di perkampungan masyarakat Siam, pertama di tempat di Wat Siam Titi Akar. Perdana Menteri dalam ucapan di depan 15,000 masyarakat Siam menyatakan masyarakat Siam adalah kaum bumiputera dan mendapat keistimewaan yang terdapat kepada bumiputera yang lain. Di waktu yang sama di Wat Nanai di Pendang juga di depan 20,000 masyarakat Siam, Perdana Menteri menyatakan benda yang sama. Akan tetapi bila saya mohon jawapan daripada Jabatan Perdana Menteri di sini, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz menjawab bahawa masyarakat Siam bukanlah bumiputera.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua boleh mencelah? Boleh mencelah?

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Silakan.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Kita bincang Undang-undang Kesalahan Keselamatan. Yang Berhormat bincang keluar tajuk. Macam mana ini? Tidak ada kaitan dengan tajuk. *Sorry to say.*

Dato' Boon Som a/l Inong: Di sini saya mohon hak bersuara sebab ketidakpuasan saya sepanjang - sebelum berakhirnya Dewan bersidang ini biarlah saya bersuara untuk saya mewakili masyarakat Siam.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh bersuara tetapi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: ...Keluar tajuk.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tajuk keluar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman Bakar dan juga Yang Berhormat Dato' Boon Som. Tajuk yang kita bahaskan ialah berkenaan Kesalahan Keselamatan mengikut akta yang telah pun dibentangkan tadi. Yang Berhormat tidak boleh keluar daripada tajuk perbincangan kita.

Yang Berhormat semua, harus sedar boleh bercakap dengan semua tajuk apabila Titah Diraja dan juga tambahan belanjawan. *So*, kalau boleh Yang Berhormat tidak usah *concentrate*, tumpukan kepada hal itu. Cuba khusus kepada perbincangan kita hari ini. Kalau masalah ada yang lain-lain itu, sila kemukakan kepada pihak kementerian yang berkenaan di lain masa. Ya, silakan.

Dato' Boon Som a/l Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong di atas Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan kerana ia merupakan satu undang-undang yang betul-betul mencerminkan bahawa 'Rakyat didahulukan pencapaian diutamakan' di mana rang undang-undang pertama kali sejak kita merdeka kita telah membuat satu perubahan baru, transformasi baru...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Baru masuk.

Dato' Boon Som a/l Inong: [*Ketawa*]. Terima kasih Datuk Abdul Rahman Bakar. Apa yang kita faham bahawa satu permulaan banyak benda yang perlu diperbaiki. Jadi ini adalah satu langkah pertama Kerajaan Malaysia di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melakukan transformasi. Jadi ada yang menyatakan bahawa undang-undang ini tidak berapa lengkap. Akan tetapi, kita boleh memperbaiki dari semasa ke semasa kerana apa yang terjadi baru-baru ini perhimpunan BERSIH 3.0 di mana kita fikir bahawa rakyat Malaysia belum matang lagi menerima hak bersuara seperti perhimpunan yang dinamakan Bersih akhirnya dikotori.

Jadi saya menyokong undang-undang ini dan saya bersetuju dengan langkah-langkah kerajaan untuk memperkenalkan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Hajah Rohani binti Abdullah.

6.39 ptg.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan yang telah memperkenalkan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012. Ini membuktikan kesungguhan dan komitmen kerajaan bagi memperkenalkan satu rang undang-undang yang disifatkan sebagai transformasi politik bagi penambahbaikan sistem perundangan negara.

■1840

Saya ringkas sahaja ingin saya sentuh Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan Bahagian II rang undang-undang ini mengenai kuasa khas bagi kesalahan keselamatan iaitu kuasa penangkapan dan penahanan khususnya fasal 4 tentang kuasa yang diberikan kepada polis untuk menangkap dan menahan mana-mana orang yang terlibat dalam kesalahan keselamatan. Bagaimanapun, rang undang-undang ini telah menetapkan tiada tangkapan akan dibuat atas dasar kepercayaan politik dan aktiviti. Ini jelas menunjukkan sikap kerajaan untuk mewujudkan transformasi politik dengan menjadikan negara ini sebagai negara yang lebih matang dari segi demokrasi.

Walaupun tangkapan tanpa waran dibenarkan, namun alasan penangkapan perlu dimaklumkan seberapa segera. Dalam hubungan ini, kerajaan juga mengambil langkah untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU). Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, sejauh manakah pindaan rang undang-undang ini akan dapat membendung kegiatan tidak sihat seperti ekstremisme yang boleh merosakkan keharmonian kaum dan keamanan negara seperti yang baru-baru ini telah berlaku di negara kita pada 28 April lepas... [*Disampuk*]

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Minta ulas sedikit apa yang berlaku pada 28 itu? Ulas sedikitlah.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: Seperti yang kita maklum...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak jelas sedikit boleh?

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: Himpunan BERSIH yang telah kita namakan... [*Disampuk*]

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ha! Begitulah. Begitulah bagus.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: Okey, terima kasih. Puas hati?

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Puas hati.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: Okey. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berhubung fasal 5(1) yang menyentuh tentang tanggungjawab polis untuk segera memberitahu waris mengenai penangkapan dan penahanan seorang individu dan seterusnya memberikan kebenaran untuk berunding dengan pengamal undang-undang. Langkah kerajaan menyediakan peruntukan ini adalah bagi menjamin hak asasi individu dilindungi menurut Perlembagaan Persekutuan.

Peruntukan ini akan memberikan ruang kepada anggota keluarga yang ditahan untuk menyediakan pembelaan dari segi undang-undang.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan langkah kerajaan memperkenalkan fasal 4, subseksyen 7, dan subseksyen 8 berhubung dengan kebenaran kepada pegawai polis untuk memasang suatu alat peranti pengawasan elektronik kepada individu yang dilepaskan khususnya bagi terus membantu siasatan adalah satu langkah bagi memastikan individu yang ditahan itu bertanggungjawab. Selain itu, rang undang-undang ini juga membenarkan pihak polis memintas sebarang komunikasi sama ada menerusi pos, mesej komunikasi dan mendengar perbualan komunikasi jika mengesyaki ada perlakuan kesalahan keselamatan. Langkah ini adalah wajar bagi memastikan tiada maklumat sensitif diterima dan disebar. Saya ingin mendapat penjelasan, adakah kerajaan juga diberi kuasa untuk memasang peranti kepada alatan tertentu milik individu atau pertubuhan bagi mengawal maklumat subversif dan sensitif?

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Razak telah menekankan bahawa selepas 50 tahun merdeka dan mengamalkan demokrasi, masyarakat berbilang kaum di Malaysia sudah mencapai tahap kematangan yang tinggi dan bersedia memasuki era baru negara. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah membatalkan tiga Proklamasi Darurat supaya tidak mengehadkan kebebasan individu dan sebaliknya memastikan hak asasi yang dilindungi Perlembagaan bagi setiap individu.

Kerajaan juga mengambil langkah memansuhkan Akta Kediaman Terhad, Akta Buang Negeri dan menggubal Akta Perhimpunan Aman serta meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU). Akhirnya, saya ingin menyatakan rang undang-undang ini telah dengan jelas memperuntukkan mekanisme terbaik untuk menjaga keselamatan negara selain mengelakkan penyalahgunaan kuasa oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang sayampersilakan Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah.

6.46 ptg.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, walaupun kerajaan memansuhkan ISA tetapi masih mahu menggantikannya dengan undang-undang lain yang sama zalim. Undang-undang ini dibuat tanpa mendapatkan perundingan yang secukupnya dengan masyarakat awam yang merupakan pihak berkepentingan yang paling utama. Jika ISA dimansuhkan mengapa kita perlukan akta ini? Ia seperti *wine* lama dengan beberapa penyesuaian dan dibungkus semula dalam botol yang baru. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini memberi kuasa yang luar biasa dan luas dalam kerajaan.

Para peguam meluahkan kebimbangan mengenai isu-isu berikut yang memerlukan kajian dan perbahasan yang selanjutnya iaitu kesalahan keselamatan. Seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 tetapi kesalahan dalam Jadual 1 adalah kesalahan Kanun Keseksaan (*Penal Code*). Apakah kesalahan di bawah akta ini? Jika kesalahan ini adalah kesalahan Kanun Keseksaan maka rang undang-undang ini adalah tidak relevan. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah berdasarkan Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan yang dianggap sudah lapuk. Perkara 149... [Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perlembagaan yang sudah lapuk?

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat angkat sumpah hari itu?

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Ya, tidak relevan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak relevan lagi? Okey, bagi hujahnya. Silakan.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Perkara 149...[Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Kemukakan, saya hendak dengar.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Apa itu?

Tuan Yang di-Pertua: *Carry on*, saya hendak dengar.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Ya, Perkara 149 berkaitan perundangan menentang perbuatan subversif – tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam. Tuan Yang di-Pertua, kami amat terkejut bahawa rang undang-undang ini diwujudkan di bawah peruntukan *provision* Perkara 149, perlembagaan yang zalim. Perkara 149 bersifat menindas, tidak adil dan tidak lagi diperlukan di Malaysia moden. Ia sepatutnya dimansuhkan bersama-sama dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan tempoh tahanan 28 hari yang dibenarkan di rang undang-undang ini, ia boleh meningkatkan penahanan sewenang-wenangnya yang bertentangan dengan kedaulatan undang-undang...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh mencelah, boleh mencelah sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah. Yang Berhormat benarkan?

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Silakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya dengar Yang Berhormat cakap mengatakan bahawa undang-undang ini sama zalimnya dengan ISA. Ini saya rasa adalah satu ungkapan yang paling tidak bertanggungjawab. Setidak-tidaknya Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali tadi mengakui tentang kebaikan undang-undang baru ini sambil mengungkit-ungkit sedikit masalah-masalah kezaliman undang-undang lama - 'kezaliman'. Akan tetapi, apabila Yang Berhormat ini mengatakan undang-undang ini sama zalimnya dengan undang-undang lama, kalau begitu tidak payah adalah undang-undang baru baik kita kekal sahaja undang-undang lama itu.

■1850

Oleh kerana undang-undang lama itu, walau bagaimanapun... [*Tepuk*] Sudah banyak jasanya dalam mempertahankan keselamatan dan menjaga keamanan negara ini walaupun ada pihak-pihak yang merasa tidak diperlakukan secara tidak adil. Saya timbulkan perkara ini Tuan Yang di-Pertua, sekadar untuk mengingatkan rakan-rakan di sudut sebelah sana itu supaya kalau melafazkan perkataan-perkataan itu untuk menggunakan ungkapan atau nasihat orang Negeri Sembilan, '*Berfikirlah sebelum bercakap, jangan segalanya yang terfikir dicakapkan*'.

Jadi masalahnya sama ada tidak berfikir sebelum bercakap ataupun segalanya yang terfikir dicakapkan. Akibatnya menyebabkan orang terpaksa menimbulkan perkara-perkara seperti ini. Jadi janganlah dikatakan sama zalimnya. Katakan perubahan-perubahan yang patut dibuat dan dilakukan secara beransur-ansur, sebagaimana yang diakui sendiri oleh Yang Berhormat Dr. Syed Husin tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat. Teruskan.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih, saya sambung Tuan Yang di-Pertua. Tempoh penahanan 28 hari tidak boleh dicabar di mahkamah dan ia boleh disalahgunakan oleh pihak berkuasa untuk menahan sesiapa yang menentang mereka termasuk peserta perhimpunan, penyokong dan pemimpin politik. Walaupun rang undang-undang ini memberi hak kepada tahanan untuk dibicarakan dalam tempoh 28 hari pertama penahanan, dia boleh walau bagaimanapun tidak dibebaskan untuk beberapa tahun akan datang. Ini adalah disebabkan peruntukan seksyen 31 di mana walaupun seseorang tahanan dibebaskan oleh mahkamah, penahanan beliau boleh diteruskan tanpa diganggu memandangkan pendakwa berhak untuk memohon secara lisan untuk rayuan dan meminta penahanan berterusan sehingga semua proses undang-undang selesai.

Undang-undang ini akan membenarkan mahkamah untuk memerintahkan penahanan berterusan terhadap defendan yang dibebaskan sementara menunggu semua rayuan pendakwaan selesai sekali gus membolehkan pihak berkuasa untuk menahan seseorang yang telah didapati tidak bersalah dipenjarakan selama bertahun-tahun. Kuasa-kuasa luar biasa yang diperuntukkan di bawah rang undang-undang ini adalah tidak perlu dan zalim. Undang-undang jenayah yang sedia ada di bawah Bab 6A Kanun Keseksaan dalam mencukupi untuk menangani ancaman keganasan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bahawa tiada siapa boleh ditahan atas sebab-sebab politik memberi ketidakselesaan kepada rakyat kerana kuasa untuk menahan kekal di tangan pihak polis. Rang undang-undang ini diwujudkan dengan niat untuk memperkenalkan semula konsep pengakuan atau *concept of confession*, dengan izin, yang telah dimansuhkan di dalam kebanyakan prosiding jenayah kerana pengakuan boleh dimasukkan di bawah ugutan. Oleh itu, untuk kembali kepada amalan ketinggalan zaman menjadi persoalan terutamanya tidak akses kepada mahkamah dalam tempoh 28 hari pertama penahanan yang akan memberi tekanan yang teruk dan terpaksa ditanggung oleh suspek.

Tuan Yang di-Pertua, kuasa untuk memintas komunikasi atau *intercept communication* dengan izin, seksyen 6, kuasa ini adalah yang paling bahaya dan sudah semestinya mencero bohi privasi tanpa pengetahuan individu yang terlibat apatah lagi dengan ketiadaan peruntukan proviso kerana dalam tempoh tahanan pencerobohan privasi seperti ini dibenarkan. Risikonya adalah kerajaan kini boleh mencuri dengar iaitu *buck* perbualan telefon, memintas komunikasi e-mel dan sebagainya dari segi undang-undang dan ia boleh dilakukan secara kekal. Semua orang yang aktif dalam masyarakat awam, parti politik, kesatuan sekerja dan sebagainya ketika ini mungkin komunikasi mereka telah dipantau dan di pintas dengan tetap.

Bolehkah pencerobohan privasi ini dicabar di mahkamah? Tidak menyebut langsung tentang hal ini. Bolehkah membuat semakan kehakiman bagi mencabar kebenaran Peguam Negara? Sepatutnya perlu ada tetapi undang-undang yang ada ketika ini tidak memasukkan peruntukan ini. Bolehkah bukti atau *evidence*, dengan izin, yang diperoleh melalui tindakan pencerobohan privasi ini digunakan di mahkamah? Pada pendapat saya, ia tidak sepatutnya dibenarkan untuk digunakan. Oleh sebab itu, rang undang-undang ini tidak serentak dengan masa kini. Ini adalah rang undang-undang zaman dahulu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad Yusop.

6.56 ptg.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012. Saya sekadar menyentuh beberapa perkara sahaja kerana sebahagian besarnya telah disentuh oleh rakan-rakan Senator yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 dan penumpuan ke arah ancaman keganasan, sabotaj dan pengintipan akan menggantikan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960. Saya kira ia adalah selari dengan perkembangan demokrasi di negara ini sekali gus memenuhi kehendak majoriti rakyat. Langkah ini juga telah membuktikan janji-janji Kerajaan Barisan Nasional untuk membawa perubahan politik dan ekonomi melalui program transformasi bukan sesuatu yang retorik.

Saya lihat pembentangan kali pertama untuk akta-kata keselamatan ini adalah sebahagian daripada pelan transformasi politik dan ia merupakan janji yang kerajaan kotakan sekarang. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menunaikan janji beliau.

Tuan Yang di-Pertua seperti yang saya sebutkan tadi, saya hanya menyentuh beberapa klausa dan beberapa persoalan yang timbul. Pertama ialah yang melibatkan rang undang-undang ini digubal dengan mengambil kira lima elemen utama selepas kerajaan mengumumkan untuk memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Kerajaan juga telah turut berunding dengan semua pihak yang berkepentingan termasuk Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), Majlis Peguam dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) ketika merangka undang-undang ini.

Soalan yang ingin saya kemukakan, saya ingin tahu sejauh mana badan-badan NGO dan yang berkepentingan bersetuju dengan akta baru ini. NGO manakah yang terlibat?

Kita sedia maklum sesetengah NGO hanya memperjuangkan tujuan mereka sahaja tanpa memikirkan sensitiviti pihak lain. Ini perlulah diambil kira. Dalam klausa yang menyebut rang undang-undang ini juga menyatakan secara jelas seseorang itu tidak boleh ditahan atas fahaman dan tindakan politiknya.

■1900

Semua ini dilakukan sejajar dengan perkembangan semasa tanpa menjejaskan keselamatan negara. Yang ingin diperjelaskan ialah apakah maksud pegangan politik? Maksud pegangan politik atau kegiatan politik mestilah pembabitkan dalam aktiviti yang sah mengikut undang-undang, pernyataan pendapat dan tindakan politik mengikut peraturan parti politik yang berdaftar serta pernyataan pendapat yang ditujukan kepada kerajaan dan pengambilan tindakan yang ditujukan kepada mana-mana Kerajaan Persekutuan.

Berdasarkan rang undang-undang itu, empat kesalahan telah dikategorikan sebagai kesalahan keselamatan iaitu:

- (i) menyebabkan keganasan terancang terhadap orang atau harta;
- (ii) membangkitkan perasaan tidak setia terhadap Yang di-Pertuan Agong;
- (iii) memudaratkan ketenteraman awam dan keselamatan; dan
- (iv) melakukan perubahan selain dengan cara yang sah.

Di sini saya ingin bertanya bagaimana pula dengan isu seperti menyebarkan fitnah yang boleh menimbulkan ketidaktenteraman awam. Contohnya isu 16 September, penubuhan kerajaan baru kononnya hasil tindakan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang dikatakan bakal melompat parti. Ia juga telah ditimbulkan di bawah cubaan melakukan perubahan selain cara tidak sah serta mengganggu ketenteraman awam. Dalam satu klausa rang undang-undang ini juga menetapkan bahawa semua bentuk kesalahan keselamatan perlu dibicarakan di Mahkamah Tinggi. Soalan saya ialah mengapa hanya di Mahkamah Tinggi?

Seterusnya seorang pegawai polis yang berpangkat penguasa polis (ASP) atau lebih tinggi daripada itu boleh melanjutkan tempoh tahanan tidak lebih dari 20 hari bagi maksud penyiasatan. Saya ingin bertanya adakah kerajaan bercadang memberi kuasa kepada ASP ke bawah misalnya inspektor turut diberi kuasa yang sama bagi kes-kes yang mungkin tidak begitu serius. Selanjutnya, jika terpaksa melanjutkan lebih dari 28 hari, adakah kuasa masih di bawah penguasa polis atau pegawai polis tinggi yang lain atau terpaksa dibebaskan orang yang ditahan itu.

Seterusnya rang undang-undang ini juga menyebut tahanan keselamatan boleh dipasang peranti pengawasan elektronik. Ini telah disebut beberapa kali oleh rakan-rakan sebelum saya – bagi tujuan penyiasatan apabila orang itu dilepaskan sekiranya tempoh tahanan lanjutan tidak diperlukan. Saya ingin bertanya adakah ia konsep pemantauan secara CCTV atau bagaimana mekanismenya di mana segala gerak-gerinya boleh dipantau atau kalau orang Terengganu biasa ada penyu dipasang *electronic tag* kepada penyu. Jadi ke mana pun penyu itu pergi, kita boleh kesan. Ini perlulah sedikit penjelasan.

Seterusnya rang undang-undang ini memberikan kebenaran kepada pegawai polis memintas mesej yang dihantar atau diterima menerusi mana-mana medium komunikasi. Ini sudah tentu memerlukan kerjasama dengan syarikat telekomunikasi dalam hal ini dan persoalannya sejauh mana kerjasama ini dapat dibuat tanpa menjejaskan kerahsiaan perkara-perkara yang mungkin timbul.

Tuan Yang di-Pertua, saya menaruh harapan yang tinggi agar pasukan polis perlu mempunyai pasukan *cyber security* sendiri yang canggih dengan kerjasama seperti MOSTI di bawah *Cyber Security Agency*.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang perlindungan bagi pemberi maklumat – *key witnesses*, saksi yang dilindungi. Juga menyentuh cara khas bagi memberi keterangan saksi yang dilindungi. Fasal 15 dan fasal 16 turut menyentuh isu keselamatan saksi iaitu jika perlu pengecaman oleh saksi dan bagaimana saksi bakal dilindungi dari dikenali. Soalan saya ialah saya memohon agar dijelaskan kaedah atau mekanisme yang bakal digunakan pakai dalam konteks perlindungan saksi tersebut.

Saya bimbang jika terdapat kelemahan dalam fasal ini, ada kemungkinan tidak ada yang sanggup tampil ke hadapan untuk menjadi saksi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja yang dapat saya kemukakan dan saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat.

7.08 mlm.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012.

Tuan Yang di-Pertua, saya sama juga dengan rakan-rakan saya yang lain ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak yang begitu berani dan tegas dalam memastikan kehendak rakyat didengar dan dikaji serta dilaksanakan dengan cara yang terbaik selaras dengan prinsip kerajaan, rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan. Di saat Singapura mengekalkan ISA, USA memperketat lagi Undang-undang Patriot 2001, kita telah mengambil langkah yang berani memansuhkan Akta ISA 1960 dan menggantikan akta baru, Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 yang ditambah baik selaras dengan perkembangan sosiopolitik semasa dan perkembangan terbaru dunia dari segi ancaman dan media.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan jangan ada yang mengambil kesempatan di atas pindaan akta ini dan jangan ada yang menanggung di air keruh.

■1910

Saya tadi, rakan saya sudah keluar sudah. Saya bukan tertarik hati di atas apa yang disampaikan oleh rakan saya Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah. Saya sakit hati dia cakap, saya tidak tertarik hati. Saya sakit hati dia kata kerajaan kita zalim. Mana dia? Perlembagaan lapuk. Inilah perlembagaan yang kita junjung. Baru ini dia kata lapuk. Baru ini, dahulu dia tidak kata lapuk. Ini kerana dia duduk dekat situ dia kata lapuk. Cuba dia...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dia angkat sumpah pun melalui perlembagaan.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Ya. Jadi Tuan Yang di-Pertua kalau kerajaan kita zalim, hari itu BERSIH 3.0 sudah lama kita sodok dengan *steamroll*. Betul tidak? Boleh cakap kerajaan kita zalim, perusuh. Selepas itu belum apa-apa sudah buat 4.0, sudah buat 5.0. Sudah kumpulkan pula siapa yang tidak dapat tanah berkumpul dekat Angsana Johor. Inikah perbuatannya? Saya hendak tanyalah rakan-rakan sekalian, kalau di tempat lain lah, saya tidak cakap negara orang lain orang yang hendak jatuhkan kerajaan ini ada di simpan lagikah tidak? Disimpan tidak? Sudah lama habis sudah. Betul tidak? Itu namanya kerajaan kita tidak zalim, baik. Betul tidak?... *[Tepuk]*

Kalau hendak merasa baik, kita ini bagus tidak bagus cuba duduk jadi tahanan dekat negara orang lain. Tidak tahu dia makan apa nanti. Saya difahamkan, saya ada berjumpa dengan, bukan rakan saya, ada banduan itu dia bercerita dengan rakan saya. Dia kata aku duduk dekat tempat tahanan orang lain taubat aku. Rupanya duduk dekat Malaysia ini, makan, duduk di sini sedap makan tahanan dekat Malaysia. Baiklah tidak baik Malaysia ini? Saya rasa...

Dato' Dr. Johari bin Mat: Tanya Datuk S. Nallakaruppan Yang Berhormat, Datuk S. Nallakaruppan dia tahu agaknya.

Puan Hajah Noriah binti Mat: Tanya Datuk S. Nallakaruppan. Jadi, hentikanlah perkara-perkara seperti ini Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa kita sudah berapa puluh tahun ini, saya daripada budak sampai ke tua ini kita sudah tahu kebaikan dia. Eh! Muda lagi *insya-Allah*, baru 25... *[Ketawa]*

Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya mintalah kepada rakan-rakan kalau tidak suka pun, umpamanya kita cerita sedikit lah Tuan Yang di-Pertua. Macam kita kahwin sudah lama lah. Sudah tengok anak dara baru, bukan mesti anak dara itu boleh beri kebahagiaan kepada kita Tuan Yang di-Pertua, yang tua itulah yang boleh membahagiakan kita dari awal hingga akhir sekarang. Jangan suka-suka hendak jatuhkan kerajaan kita. Ini tanah air kita. Sumpah kita, itu Agong kita. Jangan kita ejek-ejek.

Cuba kalau tuan diejek, lalu jalan diejek, apa rasa hati? Jadi jangan rasakan orang, rasakan hati kita. Kalau kita tidak hendak dibuat begitu jangan buat orang. Pada saya senang sahaja, betul tidak? Saya ini orang perempuan, saya minta maaf. Tuan Yusof tadi dia lembut pasal saya ini emak saya hendak beranakkan saya anak jantan Tuan Yang di-Pertua, jadi suara saya ini memang keras, garang. Akan tetapi hati baiklah kan? Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya memang sedihlah, dalam keadaan kita makmur, kita aman, makan sedap. Kalau kata orang kalau hendak sedap makan bukan namanya tahanan Dato' Dr. Firdaus. Betul tidak? Kita tahan dekat rumah banglo. Itu lain. Jadi, saya sedih ada angkara-angkara yang sebegini. Jadi, sekali lagi saya ulang jangan ada orang mengambil kesempatan dan jangan ada yang menanggung di air keruh.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Akta Pencegahan, Akta ISA telah memastikan keamanan negara dipertahankan setakat ini. Dengan pelaksanaan Akta ISA ini, negara kita selamat, aman, makmur dan maju serta progresif. Pada masa ini kita lihat Malaysia berada di tangga kesembilan belas negara paling selamat di dunia. Kedudukan ini telah memberi kesan yang positif kepada perkembangan sosioekonomi negara kerana lebih ramai pelancong serta pelabur akan lihat dan tertarik dengan negara kita.

Langkah kerajaan dengan memansuhkan undang-undang *preventive law* dengan izin ini satu tindakan yang agak membimbangkan sesetengah pihak kerana Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 telah memastikan keamanan negara dan kemakmuran rakyat sejak lebih 50 tahun dahulu berbanding dengan apa yang berlaku di Thailand, Mesir, Syria, Yaman dan negara-negara Arab yang lain dan di serata dunia umumnya ancaman dalaman dan pelbagai ancaman dari luar dan dalam negara berlaku.

Melalui internet, melalui media massa dan pelbagai cara menyebabkan huru-hara dan pertumbuhan darah serta melumpuhkan ekonomi serta kedaulatan sesebuah negara. Baru-baru ini meski pun perhimpunan Bersih telah berlangsung secara haram, namun saya percaya undang-undang pencegahan yang berkuat kuasa pada masa ini telah berjaya menghalang huru-hara serta tindakan yang lebih liar dan tidak patriotik di kalangan mereka yang tidak sayangkan negara ini.

Kita maklum bahawa dengan lulusnya Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 ini akan termansuhlah riwayat Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang telah berkuat kuasa semenjak lebih 50 tahun dahulu. Namun peruntukan seksyen 32(2) akta baru ini tidak menjejaskan apa-apa perintah atau prosiding-prosiding yang dibuat dalam akta terdahulu dan masih terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan terlebih dahulu. Peruntukan ini menunjukkan kesinambungan akta baru ini dalam menangani isu-isu yang boleh mengancam keselamatan dan keamanan negara.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita maklum akta baru ini dirangka mengikut peruntukan 149, Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan ketidakselarasan dengan perkara 5, perkara 9, perkara 10 dan perkara 13 yang membenarkan Parlimen membuat undang-undang di luar kewibawaan yang normal. Jelas sekali peruntukan-peruntukan hak dan kebebasan yang dinyatakan di atas iaitu kebebasan asasi di mana hak dan kebebasan itu bukanlah muktamad. Ia bersama tanggungjawab memandangkan ramai warganegara dan rakyat yang tidak memahami erti kebebasan yang diberi oleh perlembagaan itu maka wajar sekali ia dikodkan dalam undang-undang yang dikuatkuasakan sebagai panduan dan perlu dipatuhi dengan matlamat untuk kemakmuran dan keamanan negara.

Berkenaan dengan rang undang-undang baru ini, saya mohon penjelasan dari menteri berkaitan dengan seksyen 4(11). Apakah rasional peruntukan semakan setiap lima tahun diwujudkan. Kedua, berkenaan seksyen 5 pemberitahuan kepada waris, kadim dan rundingan dengan pengamal undang-undang apakah rasional diletakkan tempoh 48 jam?

Ini kerana dalam kes tertentu misalnya jika ia melibatkan pesalah yang berasal dari luar bandar atau keluarganya atau waris kadimnya tidak dapat dihubungi, masalah komunikasi atau keluarga tidak diketahui atau tidak punya keluarga atau apa-apa alasan yang munasabah yang lain tempoh tersebut mungkin tidak mencukupi.

Adakah kelonggaran bagi menambahkan tempoh itu di dalam kes sebegini, hal yang sama juga berlaku dari aspek pelantikan peguam. Jadi, kita mohon agar pesalah atau tertuduh dapat diberi ruang yang munasabah dalam memastikan semua hak seperti termaktub dalam Perlembagaan dapat dipenuhi dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya merujuk kepada seksyen 13 rang Undang-undang ini kita lihat trend atau fenomena masa kini. Kita lihat contohnya pelajar-pelajar universiti membuat demonstrasi PTPTN. Semasa perhimpunan BERSIH, ramai kanak-kanak di bawah 18 tahun di bawa bersama. Mungkin ini disengajakan. Jadi, jika tangkapan dibuat melibatkan mereka ini tertakluk kepada proviso seksyen ini saya mohon penjelasan bagaimana tatacara layanan kepada mereka contohnya jika melibatkan pelajar sekolah, pelajar universiti dan sebagainya.

Selanjutnya juga saya merujuk kepada pendakwaan sejauh manakah pendakwaan yang dilaksanakan? Adakah atas asas imbangan kebarangkalian atau *balance of probabilities*, dengan izin, atau biar *reasonable doubt* tanpa keraguan yang munasabah. Lidah bergulung. Ini adakah kerana dalam zaman, akan tetapi kerajaan tidak zalimlah, lidah saya sahaja yang silap. Ini adakah kerana dalam zaman globalisasi dan perkembangan IT ini bagaimana cara ancaman berlaku. Justeru, wujud pelbagai kekurangan yang mungkin boleh menjejaskan pendakwaan atau kelewatan yang menyebabkan ancaman yang dimaksudkan di bawah akta ini dapat diatasi.

■1920

Jadi, apakah mekanisme yang telah diwujudkan bagi mengatasi masalah ancaman bagi memastikan pelaksanaan pendakwaan lebih efisien dan berkesan. Di sini saya juga mengalu-alukan cadangan Menteri tadi untuk mewujudkan mahkamah khas yang mempunyai bidang kuasa khas yang dapat mendengar dan memutuskan kes-kes berkaitan akta ini dan mungkin mahkamah seperti ini akan mendengar kes di bawah Perlembagaan dan akta baru ini dan wujudnya mahkamah khas ini juga mungkin akan dapat mempercepatkan prosiding yang melibatkan isu-isu Perlembagaan yang juga kesalahan di bawah akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali kita berharap dengan wujudnya akta baru ini pihak kerajaan dapat menguatkuasakan peruntukan yang dinyatakan selaras dengan hak-hak dan tanggungjawab yang diperuntukkan dalam Perlembagaan. Rakyat percaya akan kewibawaan kerajaan dalam melaksanakan dan menguatkuasakan akta baru ini dalam memastikan negara kita sentiasa aman, makmur, maju dan sentosa serta dikagumi, dihormati seluruh dunia. Setakat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, dan dengan ini saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari Mat.

7.23 mlm.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya untuk membincangkan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012. Sebagaimana teman-teman terdahulu memberi sokongan kepada pemansuhan Akta ISA dan digantikan dengan Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) ini. Saya melihat ada beberapa perkara kita sebagai yang hidup dalam negara ini semuanya ingin kepada hidup selamat dan tidak ada gangguan dalam kehidupan kita sama ada yang kecil apa lagi yang besar.

Apa yang telah dirangkakan di sini adalah untuk memastikan supaya negara kita terus selamat dan rakyat hidup dalam aman. Apa yang telah dibincangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah sebenarnya bukan masalah keselamatan itu tetapi kaedah atau cara bagaimana pelaksanaan keselamatan itu yang telah dikemukakan dalam akta ini, itu yang saya tengok.

Menarik perhatian kita ialah di sini langkah-langkah ini merupakan satu langkah yang menggantikan undang-undang ISA dan kita lihat di sini telah diberikan kuasa kepada polis dan tidak perlu membawa kepada mahkamah untuk meminta sebagaimana lazimnya kepada pesalah jenayah kerana ini bukan kesalahan jenayah tetapi kesalahan keselamatan. Walau bagaimanapun, mungkin kalau sekiranya ditengok kembali kesalahan-kesalahan ini dia hampir sama dengan kesalahan jenayah maka kita boleh tengok kembali apakah kewajaran untuk kita melakukan hal demikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akan menyentuh beberapa perkara sahaja di dalam akta ini. Antara lainnya saya ingin menyebut Bahagian III, tatacara khas berhubung dengan peranti pengawasan elektronik. Bagi saya ini satu perkara baru yang akan diperkenalkan kepada kesalahan keselamatan ini dan saya hendak cuba rangkumkan, kaitkan dengan fasal 30 iaitu penahanan sementara menunggu proses undang-undang, habis. Apabila saya melihat dua perkara ini semacam kita terpisah. Sebenarnya perkara ini adalah satu perkara yang di dalam satu undang-undang dan akta di mana penahanan sementara ini menunggu proses undang-undang habis. Jadi, kalau kita baca daripada fasal 30, (1), (2), (3), (4), (5) sampai (7) menunjukkan bahawa pendakwa raya boleh memohon kepada mahkamah supaya dilanjutkan penjara orang itu sehingga semua rayuan dibersikan.

Kalau sekiranya kita sudah boleh pasang alat peranti kepada orang itu, maka apabila dia dilepaskan oleh mahkamah, tidak perlu lagi pendakwa raya memohon kerana dia boleh dipantau dan proses rayuan ini Tuan Yang di-Pertua mungkin mengambil masa yang lama. Jadi orang itu didapati tidak bersalah tetapi polis atau pihak keselamatan masih lagi merasakan perlu dikawal selia dan pantau dan di sini pendakwa raya dengan lisan sahaja boleh memohon kepada mahkamah supaya dipenjarakan dan ditahan di penjara. Jadi di sini apa lagi perlu ada alat peranti itu?

Jadi oleh kerana itulah saya rasa boleh kita selaraskan supaya dia mempunyai ruang dan dia pun tidak akan dapat lari ke mana kerana kita kawal. Jadi, perkara ini saya lihat supaya kita tengok bersama kerana pihak kerajaan bersungguh-sungguh untuk menambah baik di dalam undang-undang. Jadi kalau kita tengok dia berpisah, maka keinginan kerajaan untuk melihat undang-undang itu lebih baik tidak akan tercapai.

Perkara yang seterusnya ialah saya hendak sebut fasal 7, dalam Bahagian VII - 'keterangan', ketidakselarasan dengan Akta Keterangan 1950 maksudnya saya membaca hal ini, Bahagian VII ini, 'keterangan' ini makna Undang-undang Keterangan 1950 itu tidak terpakai dalam hal ini. Jadi oleh kerana itu, saya melihat sebagai contohnya tadi telah disebutkan oleh sebahagian para senator berhubung dengan 18 dan saya melihat nombor 19 itu usia mentah. Jadi, usia mentah itu terlalu amat umum sehingga kita perlu beri satu pembatasan usia yang boleh diterima dan boleh difahami dan saya tidak tahu mungkin adakah tidak ditemui satu istilah ataupun bagaimana sehingga usia mentah itu dijadikan sebagai satu istilah di sini.

Jadi kalau usia mentah ini mungkin kanak-kanak 4 tahun pun boleh kerana dia masih mentah dan kanak-kanak 4 tahun ini kadang-kadang boleh bercakap, boleh mengingat kerana budak yang pintar. Oleh kerana itu saya mengharapkan supaya kita tengok istilah-istilah itu biar nampak masyarakat faham dan tidak terlalu longgar dan kalau terlalu longgar, jadi kita tidak dapat menjamin hal-hal ini dapat dilaksanakan dengan baik.

Kemudian fasal 21 - keterangan mengenai pengecaman tertuduh atau orang lain. Keterangan mengenai pengecaman seorang tertuduh atau orang lain sebelum perbicaraan hendaklah boleh diterima sebagai keterangan walaupun pengecaman itu dilakukan melalui gambar foto atau kaedah lain atau dijalankan dalam hal keadaan di dalamnya saksi yang mengesahkan tertuduh atau orang lain, itu tidak dapat dilihat oleh tertuduh atau orang lain.

Jadi gambar ini kadang-kadang boleh diubahsuai dan dengan cara teknologi canggih dan sebagainya. Jadi saya merasakan kalau kita buka terlalu longgar, nanti teraniaya. Jadi saya harap di sini supaya kita memperkemaskan. Saya minta dilihat dan perkemaskan terma-terma atau yang telah disebutkan itu supaya masyarakat boleh mudah faham dan masyarakat boleh menerima dengan baik.

Seterusnya saya ingin menyebut bahawa Undang-undang Kesalahan Keselamatan yang telah dibentangkan ini secara ringkas ialah merupakan satu langkah gantian sebagaimana disebut di sini kepada undang-undang ISA.

Dan saya juga bersetuju bahawa ini adalah tambah baik untuk mengawal selia keselamatan dan saya yakin dan percaya semua negara ingin keselamatan. Tidak ada yang mahu porak-peranda dan sebagainya cuma apa yang dibincangkan di sini ialah bagaimana memperkemas keselamatan itu supaya semua orang mempunyai hak dan tanggungjawab dan *insya-Allah* ia akan menjadi undang-undang yang diterima. Terima kasih.

■1930

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Baharudin bin Abu Bakar.

7.30 mlm.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Hari ini kita tahu kita bercakap tentang Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan, kita bercakap tentang keselamatan. Saya hendak tanya sedikitlah, siapa tidak setuju negara kita selamat? Kenapa kita wujudkan rang undang-undang ini? Ini kerana kita mahukan satu institusi ataupun negara yang sentiasa berada di dalam keadaan yang aman dan rakyatnya selesa untuk menjalankan apa sahaja aktiviti termasuklah yang baru-baru ini berkumpul katanya beramai-ramai di Dataran Merdeka. Pelajar berkhemah sampai macam tidak ada rumah.

Jadi kalau kita mempersoalkan tentang keselamatan negara sendiri dan kita memperlekehkan undang-undang yang ada di dalam negara kita hanya semata-mata untuk kita memastikan kepuasan pihak-pihak tertentu, apakah ini yang dinamakan rakyat Malaysia yang setia kepada Perlembagaan Negara? Kita memegang MyKad, dalam MyKad kita tertulis warganegara Malaysia tetapi apabila kerajaan melakukan sesuatu perkara yang baik, yang membolehkan keamanan itu berlaku di dalam negara, ada segelintir pihak cuba memperlekehkan.

Ini adalah sesuatu perkara yang tidak pada saya tidak bermoral kerana kita hanya tahu bagaimana untuk mencari kesilapan di dalam rang undang-undang yang kita perakukan di dalam Dewan yang mulia ini. Seharusnya kita bersama-sama memikirkan bagaimana untuk menjadikan rang undang-undang ini lebih baik daripada keadaan yang ada pada masa kini tetapi dalam keadaan yang sama, kita cuba menarik unsur-unsur dari luar. Kita cuba menggunakan kaedah-kaedah tertentu untuk menunjukkan bahawa kita adalah pejuang rakyat kononnya.

Apa kerajaan kita selama ini terutama Kerajaan Barisan Nasional tidak memikirkan tentang rakyat? Apakah selama ini Kerajaan Barisan Nasional kita yang diterajui oleh enam Perdana Menteri selama ini tidak melihat bahawa rakyat itu adalah penting untuk dijaga waima daripada segi kebajikannya sekali. Kerana apa? Kerana kita mempunyai satu undang-undang yang mengizinkan keseluruhan rakyat Malaysia berada di dalam negara yang aman dan damai ini. Mempertikaikan sesuatu perkara, memperlekehkan polis. Ini apa semua ini? Apa yang kita inginkan sebenarnya? Apabila kita berada dalam keadaan kemalangan jalan raya, rumah kita dicuri, tahu pula kita panggil polis. Apabila kita berhimpun beramai-ramai, kita pula kata polis sebagai dalang di dalam berlakunya rusuhan pada 28 April yang lepas. Polis juga yang salah, polis diminta bantuan dan polis disalahkan.

Kita lihat terang-terang, adakah gambar yang ada di dalam *Utusan Malaysia* itu seorang anak muda yang digelar mahasiswa sedang menendang anggota polis. Adakah itu yang kita panggil kebebasan? Adakah itu yang kita mahukan rakyat kita berada di dalam keadaan yang begitu longgar sehinggakan tidak menghormati undang-undang negara? Adakah itu yang ingin kita ajar? Adakah itu yang ingin kita ajukan kepada mereka?

Adakah itu yang kita mahukan supaya generasi akan datang menjadi generasi yang kurang ajar? Generasi yang tidak menghormati undang-undang, generasi yang tidak sayangkan negara. Generasi yang tidak menjunjung Rukun Negara. Selama hampir 50 tahun lebih kerajaan kita berusaha bersusah payah memperbaiki, memenuhi segala kehendak rakyat hanya semata-mata untuk memastikan Malaysia berada di dalam aman dan rakyatnya selesa tetapi ada pula yang mengatakan kerajaan zalim.

Apa daripada kecil dia orang tidak pernah merasa kah kebajikan yang kerajaan lakukan? Daripada mana mereka lahir? Daripada mana kemudahan yang mereka dapat daripada kecil sehingga boleh duduk di dalam Dewan ini kalau bukan kerana Kerajaan Barisan Nasional. Cuba cakap dengan saya. Ini kerana kita jangan sekali-kali memperlekehkan atau mempermainkan undang-undang kerana undang-undang bukan untuk menghukum sesiapa yang tidak bersalah. Kalau tidak mahu undang-undang diimplementasikan, jangan buat salah. Itu sahaja yang kita perlu ada dalam diri kita. Sesiapa sahaja sama ada yang dikatakan Kerajaan Barisan Nasional ataupun daripada pihak yang mana-mana saya pun tidak pasti, kalau melakukan kesalahan pasti ada undang-undang yang boleh dikenakan terhadap mereka. Kalau semua perkara tidak boleh, kononnya semua untuk kebebasan rakyat hanya semata-mata untuk kita mengatakan bahawa inilah suara rakyat, kita lihat apa yang berlaku di negara-negara dunia ketiga?

Ini kerana suara rakyat, apa yang terjadi kepada negara tersebut? Apakah itu yang kita mahu wujudkan di dalam negara kita? Hanya semata-mata kita mengatakan undang-undang kita lapuk dan tidak bertamadun. Ini sesuatu perkara yang sangat hina. Kita menghina kerajaan, kita menghina perundangan yang diwujudkan oleh kita semua di dalam Dewan yang mulia ini. Kenapa kita harus berada di dalam keadaan begini? Sebagai contoh hari ini, kita lihat seorang manusia bernama Irene Fernandez telah memomokkan kerajaan kita, telah memomokkan negara kita kerana apa? Kerana hanya semata-mata untuk menunjukkan kononnya dialah hero, dialah pejuang untuk rakyat. Di mana dia selama Malaysia merdeka? Lihat betapa jahat *statement* dia.

Temu bual yang dilakukan dengan *Jakarta Post* mengatakan, "*Malaysia not safe for Indonesian migrant workers.*" Bayangkan dan dalam masa yang sama, saya pun minta polis ambil tindakan sebab dia mengatakan majikan-majikan Malaysia telah melanggar undang-undang dengan memberi polis-polis Malaysia rasuah. Apa benar keadaan ini berlaku? Kalau benar tolong buktikan? Kita ada undang-undang, ini undang-undang yang kita cuba perjuangkan. Kalau benar, cuba buktikan. Jangan hanya semata-mata kerana kerakusan kita kononnya kerana kita ingin menjadi hero kepada rakyat. Sudah, hero rakyat cuma wujud semasa kita merdeka dahulu.

Sekarang tidak ada sesiapa pun boleh menggelarkan diri mereka hero semata-mata untuk mengatakan inilah suara rakyat. Itu semua pembohong, itu semua bidaah semata-mata. Siapa boleh mengatakan dia adalah pembela rakyat? Selama hampir 50 tahun lebih kita merdeka, berada dalam keadaan yang begitu aman dan damai, tiba-tiba wujud manusia-manusia seperti ini. Masih kerajaan berlembut, masih kerajaan tidak langsung menggunakan akta-akta tertentu sehingga terbukti kesalahan itu baru tindakan diambil. Ini juga undang-undang lapuk kah yang kita hendak cakapkan?

Kita bercakap biarlah berada dalam keadaan yang rasional, waima di mana pun perjuangan kita yang kita mengatakan hanyalah untuk rakyat, apabila kita bercakap pasal rakyat, jangan mengadu domba rakyat hanya semata-mata seperti mana yang saya katakan tadi kerakusan kita semata-mata. Tolong pastikan perkara ini tidak berlaku lagi. Kalau sudah terlanjur tidak apa, muhasabah diri, sempat untuk bertaubat. Tidak ada masalah. Dalam keadaan-keadaan tertentu, apabila bercakap pasal undang-undang sampai diseretnya ulama tersohor Yusuf Qaradhawi kononnya menghalalkan perhimpunan menentang kerajaan zalim. Pernah kah beliau diterangkan dengan keadaan yang sebenar? Zalim di mana kerajaan Malaysia? Undang-undang mana yang kita tidak gunakan langsung untuk memperkatakan yang kita menzalimi rakyat?

Rakyat mana yang tidak terbela sejak dia dikandung di kandungan ibunya sampai lahir mendapat pembelajaran di peringkat persekolahan, di peringkat universiti, segala kebajikan, kemudahan disediakan? Kerajaan zalim apa yang dipanggil? Pernah kah beliau diterangkan secara *detail* tentang perkara itu? Jangan diseret mereka-mereka ini terutamanya yang melibatkan agama hanya semata-mata untuk kerakusan kita.

Serupa juga di Malaysia. Rakyat sudah jadi *confused*. Ini kata ulama, yang ini kata ulama. Ulama ini kata haram, ulama ini kata boleh. Kita ada satu agama sahaja, agama Islam. Ulama mana yang kita hendak ikut? Jangan, jangan sekali-kali kita cuba memprovokasi rakyat kita hanya semata-mata untuk kepuasan ataupun kepentingan kita. Jangan jual maruah, jangan jual negara. Berpolitiklah, tidak ada masalah sebab itu kebebasan yang diberikan oleh kerajaan.

■1940

Tidak ada pun undang-undang dalam kerajaan Malaysia mengatakan tidak boleh wujud parti politik pembangkang. Sebab memang kerana tidak pernah ada ataupun tidak pernah wujud apa yang dipanggil Pakatan Rakyat. Cuma yang ada hanyalah pakatan pembangkang semata-mata. Jangan sekali-kali kita cuba untuk menanggung ataupun mencari kesempatan ataupun apa sahaja kalau melibatkan undang-undang ataupun keselamatan negara itu sendiri kerana ini bukan perkara main-main. Kita boleh melakukan banyak lagi perkara lain kerana dari segi keamanan, dari segi perundangan tidak ada kompromi.

Kalau boleh saya mengesyorkan diperketat lagi undang-undang ini, tidak ada masalah. Kerana kalau tidak mahu diambil tindakan undang-undang, jangan buat salah. Itu sahaja. Jangan buat salah, maka kita tidak akan didakwa. Kalau sudah buat salah, kena dakwalah. Ini sudah orang yang buat salah, orang itu pula boleh mengelak kata saya kena macam itu, saya kena macam ini, dalam jel saya kena *torture* apa semua. Eh! Dah memang salah. Takkan orang salah hendak diletakkan di hotel *five star*? Hendak diletakkan *butler* untuk servis dia. Betul Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman ya? Ha! Jadi sudah memang itu standard orang yang bersalah. Tengok kita di dalam Dewan ini sebab kita orang-orang yang tidak bersalah. Oleh kerana itu kita boleh duduk di dalam Dewan ini, kita boleh berada di kerusi yang empuk.

Kerana itu, tetapi jangan kita cuba untuk mengorak atau pun mencernakan sesuatu budaya yang baru hanya semata-mata untuk kita memperkatakan kononnya kerajaan kita zalim, inilah kuasa rakyat, inilah suara rakyat. Sudah lama sudah Barisan Nasional menjaga rakyat. Rakyat tidak ada kelaparan, tidak ada kebuluran pun. Orang yang kebuluran itu sebab mereka malas kerja. Itu sahaja. Penambahbaikan yang begitu baik dari semenjak merdeka sampai ke alam milenium ini.

Nampak perubahan yang dilakukan oleh kerajaan. Di mana kelompangan itu yang kita katakan kononnya zalimnya kerajaan? Jadi, saya mohon perdebatan apa pun yang ingin kita lakukan, jangan sekali-kali kita memperlekehkan undang-undang yang ada. Saya memperingatkan sekali lagi. Kalau tidak mahu dikenakan tindakan undang-undang, jangan buat kesalahan. Betul Yang Berhormat Timbalan Menteri ya? Ya! Sebab kalau saya melanggar undang-undang, sebagai contoh saya memandu laju. Saya kena *speed trap*, saya kena bayar saman. Zalimkah undang-undang itu?... [Disampuk] There! Jadi di mana? Ha! Betul kata Dato'. Berani buat, berani tanggunglah.

Ini jangan jadi orang membaling batu, sembunyi tangan. Jangan menjadikan orang lain sebagai galang ganti untuk kepentingan kita. Kononnya di dalam perhimpunan, polis zalim, polis pukul rakyat. Bukti sudah banyak. Tengok di dalam *Utusan Malaysia* baru-baru ini. Seorang anak muda yang diajar sampai ke peringkat kurang ajar, boleh menendang seorang polis yang berstatus kalau boleh dipanggil bapa kepada dia. Bayangkan kalau kita sendiri sebagai anak menendang ayah kita semacam itu ataupun apa perasaan kita kalau ayah kita kena tendang macam itu. Kerajaankah yang salah?...

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Mohon mencelah.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Silakan.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Saya ingin mendapat sedikit pandangan Yang Berhormat. Adakah kerajaan kita ini terlalu baik? Apa pandangan Yang Berhormat? Itu yang pertama.

Kedua, tadi Yang Berhormat bercakap melalui salah seorang, Irene Fernandes yang telah mengatakan negara kita tidak selamat. *It's not safe*. Jadi saya rasa, kalau dia sanggup bercakap di luar negara dan memburukkan imej negara, takkanlah kerajaan kita masih hendak menunggu lagi?

Saya rasa sepatutnya tindakan perlu diambil dengan kadar yang segera dan saya rasa tindakan kita harus tegas dan gunakan tindakan sekeras-kerasnya kepada orang yang memburukkan imej negara kita di negara luar. Saya rasa kita terlalu lembutlah. Sekarang dengan izin, *this is not the time to be soft anymore*. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju. Kita perlu memperketatkan lagi undang-undang kita kerana kita tidak perlukan rakyat yang boleh menjadi pengkhianat kepada negara sebab kita membina negara ini bukannya dengan keadaan yang biasa. Kita membina negara ini dengan perjuangan.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Mencelah sedikit boleh?

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya syorkan Irene Fernandes..

Timbalan Yang di-Pertua: Irene.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ditangkap, didakwa. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya sangat setuju. Manusia-manusia yang merasakan dan berani berkata, *you know*, Malaysia tidak selamat, *so* jangan jadi rakyat Malaysia. Kalau balik Malaysia, kita tangkap dia. Untuk apa jadi rakyat di dalam negara kita terutamanya kononnya warganegara Malaysia tetapi di luar sana mengatakan Malaysia tidak selamat, jangan jadi rakyat.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Akan tetapi DAP kata zalim. Macam mana pula? DAP kata zalim, zalim, zalim.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Itu yang saya kata tadi. Bila kita terlalu berkepentingan, dia terlupa. Sejak dia dilahirkan, semasa dalam kandungan ibu, dia berada di dalam negara Malaysia. Mendapat segala kemudahan yang disediakan oleh kerajaan terutamanya Barisan Nasional. Melalui segala kemudahan dan juga undang-undang yang ada pada masa itu sampai ke hari ini. Kerana bila agaknya kurang, terlupa mungkin, jadi dikatanya kerajaan zalim. Saya pun tidak tahu kerajaan mana yang zalim. Sebab saya tidak melihat keadaan macam ini. Jadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat Puan Norliza tadi, saya bersetuju sangat. Kerajaan harus melihat kembali apa yang berlaku terutamanya melibatkan rakyat Malaysia tentang beberapa perkara yang berlaku di luar negara sana. Kalau perlu diperketat lagi undang-undang kesalahan yang menghina negara kita kerana kita adalah negara Malaysia yang berdaulat.

Kita ada raja, kita ada pemimpin, kita ada ulama tersohor. Kita ada rakyat Malaysia yang begitu baik, kita ada suasana yang begitu harmoni di dalam negara kita. Jadi saya rasa, kalau ada unsur-unsur yang boleh mencerminkan kecelaruan ataupun kekacauan ataupun gangguan minda terhadap rakyat, saya rasa manusia-manusia sebegini harus diambil tindakan yang sekeras-kerasnya. Saya rasa tidak rugi kalau Malaysia hilang satu rakyat yang rakyatnya sendiri mengatakan Malaysia tidak selamat, maksudnya dia sendiri pun dah tak berani hendak duduk dekat Malaysia lagi. Dia sendiri pun maksudnya agaknya pada saya, dia pun sudah tak hendak lagi jadi rakyat Malaysia. Jadi kalau manusia yang bernama Irene ini balik ke Malaysia, kalau boleh kerajaan terutamanya Kementerian Dalam Negeri tolong, tolong tengokkan, undang-undang mana yang sesuai yang boleh diambil tindakan terhadap mereka yang boleh saya kategorikan sebagai pengkhianat negara.

Sebab kita berbahas dalam keadaan yang kononnya kadang-kadang sinis, kita bercakap tentang kebijaksanaan kita untuk memperkatakan ada kelonggaran dari segi undang-undang perkara 1, 2, 3 dan sebagainya. Akan tetapi dalam masa yang sama bagilah bukan sahaja persoalan tetapi bagilah cadangan-cadangan yang boleh menjadi penambahbaikan di dalam rang undang-undang ini. Akan tetapi bukan memperlekehkan rang undang-undang yang wujud. Ini kerana kerajaan mewujudkan rang undang-undang ini bukan untuk menzalimi tetapi untuk memastikan keselamatan negara kita terjamin kerana keselamatan negara jangan dibuat main-main. Jangan kita mempersendakan kapal selam kita tak boleh menyelam. Itu juga satu kaedah yang tidak baik ataupun pernyataan yang jahat. Bermaksud kita menyuarakan di peringkat luar mengatakan pertahanan sistem keselamatan Malaysia begitu rapuh, mudah dicero bohi. Jangan kita main-mainkan tentang isu keselamatan. Jangan kita mempersendakan undang-undang yang ada.

Bila kita bercakap tentang rang undang-undang, oh, kita membezakan negara-negara yang begitu moden, yang sudah maju, kononnya rakyatnya berada di tahap pemikiran yang begitu tinggi, intelektual dan sebagainya. Kalau bab yang itu sebab hendak mencari kesalahan. Akan tetapi kalau bab yang lain, dipusing ke belakang pula mengatakan kerajaan kita begitu, begini. Jadi perimbangan dan perumpamaan yang dilakukan itu untuk menunjukkan sesuatu keseimbangan yang baik terutamanya di dalam perundangan itu biarlah nampak seimbang dari segi pernyataan kita. Janganlah hanya semata-mata mengatakan kerajaan kita zalim, undang-undang kita lapuk. Sebab rang undang-undang ini cuma melibatkan dua. Pertama, adalah dari segi konteks kebebasan sivil dan yang keduanya untuk keselamatan negara. Apakah salah rang undang-undang ini? Longgar sangatkah undang-undang ini? Kalau longgar, kita perketatkan lagi. Bukan kita gugurkan.

■1950

Kita harus menyokong apa usaha yang dilakukan oleh kerajaan kerana keselamatan negara tidak boleh kita kompromi waima seinci sekalipun. Kita kena pastikan keadaan ini. Saya tidak tahulah kalau di pihak yang lain. Yang berada di dalam keadaan kononnya kerajaan kita zalim. Undang-undang kita mengongkong. Perkara ini sudah lama kita bukan negara yang baru merdeka yang ingin mencipta undang-undang. Kita sudah lama merdeka. Kita ada perlembagaan, perkara 153 perlembagaan segala perincian telah dibentuk di situ. Kenapa tidak dipertikaikan itu secara lebih *detail*. Kenapa kita tidak bercakap tentang perjuangan-perjuangan dahulu? Kita salahkan mereka yg menuntut kemerdekaan dahulu bahawa mereka salah membentuk perlembagaan, mereka salah membentuk perundangan. Kenapa tidak cakap?

Kenapa bila selesai kita sudah dapat, sekarang baru pula kita hendak kata kerajaan zalim. Zalim *tang* mana? Jadi saya mohon, jangan mem*provoke*, mem*peritkai*, mem*perlekeh* dalam keadaan apa sekalipun tetapi kalau melibatkan undang-undang tolong sekali-kali jangan disentuh. Saya mohon sangat-sangat. Kerajaan juga bak kata Yang Berhormat Puan Norliza tadi, kerajaan kita mungkin agaknya terlalu lembut bila ada beberapa perkara yang melibatkan tentang imej negara kita. Betul, saya pun melihat. Bukan sahaja baru-baru ini. Ini yang terbaru Irene Fernandez tetapi yang lain-lainnya baik di dalam blog sekali gus. Kadang-kadang ayat cacian terhadap Perdana Menteri, ayat cacian terhadap para Menteri-Menteri kita, terlalu hina mereka olah. Kalau mereka merasakan ini bukan yang terbaik untuk... Silakan.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua boleh saya mencelah?

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Saya hendak sambung sedikit ini Yang Berhormat, bukan pemimpin itu sahaja lagi apa Irene, Irene? Ada lagi yang patut ditangkap? Ambiga itu kenapa dia tidak tangkap? Longgar sangatlah kita. Ambiga, Anwar ini semua tangkaplah, betul tidak?

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Betul saya bersetuju. Yes, silakan, silakan Dato'.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, fasal apa ini Irene kena tangkap, Ambiga mahu tangkap, satu gorila ada di dalam negara kita apa fasal tidak mahu tangkap? Anwar Ibrahim. Dia yang mula-mula mesti mahu tangkap barulah Irene sama lain-lain orang. Terima kasih.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Nalla. Saya setuju dengan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat kita. Kita tidak boleh berkompromi yang melibatkan keselamatan negara, yang melibatkan perundangan di peringkat tertinggi. Kita harus mengambil tindakan pada mereka-mereka baik di luar atau di dalam negara jika cuba menimbulkan unsur-unsur yang boleh menjejaskan keselamatan negara terutamanya yang melanggar undang-undang. Kita perlu mengambil tindakan.

Kerajaan harus melihat perkara ini semula dan kena pastikan jangan berlembut sangat. Jangan semuanya bak kata Datuk Rahman semalam asyik beri amaran sahaja. Kita bukan budak-budak sekolah sebab ini melibatkan keselamatan negara sesuatu perkara yang tidak boleh di kompromi.

Tidak boleh di kompromi langsung kalau melibatkan keselamatan. Jangan biarkan ada unsur-unsur yang berani-berani sekarang cuba mencerca kerajaan. Kita adalah pendukung perlembagaan. Kita adalah warganegara Malaysia, kita tertakluk dengan undang-undang negara kita. Tidak ada kompromi. Ulang sekali lagi saya. Kalau tidak mahu diambil tindakan, jangan buat salah, itu sahaja secara asas dan *basic* nya.

Kalau kita mempertikaikan segala benda ia tidak akan boleh menjadi penambahbaikan tetapi ia akan menjadi satu perbalahan yang tidak ada kesudahan dan bila berlaku perbalahan maka akan wujud unsur-unsur tertentu cuba menanggung di air keruh. Maka kerajaan yang terpaksa memikirkan sesuatu tindakan kerana unsur-unsur yang tidak baik telah berlaku di bawah sana, kerajaan yang disalahkan, polis yang disalahkan. Kita kena ingat setiap kali kita memperlekehkan polis kita kena ingat satu perkara kerana polis adalah di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Kalau kita menghina polis, kita menghina Yang di-Pertuan Agong kerana kita tahu Polis Diraja Malaysia, tidak dipanggil Polis Malaysia, okey.

Jadi tolong berhati-hati dengan setiap perkataan kita di dalam untuk kita mencaci ataupun menghina polis. Bayangkan rakyat-rakyat di luar sana, anak-anak polis, isteri-isteri polis, ibu-ibu polis apa perasaan mereka apabila mereka melihat keluarga mereka dicaci, dihina, dituduh perasuah, dituduh pemberontak, dituduh pemprovokasi. Bukan mereka yang merancang itu semua. Bila sudah kena tangkap beramai-ramai, bila dia sudah kena pukul, dia cakap polis merancang, polis yang merusuh banyak cantik muka dia. Dia yang sibuk pergi duduk dekat Dataran Merdeka itu ramai-ramai, dia dok sibuk bagi arahan, dia sudah seronok-seronok berkumpul ramai-ramai, polis salah. Apa punya manusia ini? Dia sudah langgar undang-undang dia tonjolkan balik kepada polis.

Apa polis kita tidak menjalankan tugas dengan baikkah sejak mereka ditubuhkan sebelum merdeka lagi? Apakah polis kita langsung tidak menjalankan tugas dan kewajipan menjaga keselamatan dan keamanan kita? Kenapa kita tidak melihat dari segi aspek itu? Bagaimana mereka menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka melalui undang-undang yang ada? Kalau mereka boleh menggunakan kuasa mereka sewenang-wenangnya saya rasa polislah yang berkuasa di Malaysia ini. Jangan sekali-kali kita cuba memperlekehkan institusi yang mulia ini hanya semata-mata untuk kerakusan pihak-pihak tertentu. Jangan terlalu bidad di dalam memperkatakan atau memperlekehkan tentang perlembagaan ataupun undang-undang negara. Kerana ini bukan perkara yang kita boleh buat main-main.

Kalau negara kita nanti dijajah waktu itu nanti baru kita hendak bercakap tentang perjuangan, hendak bercakap tentang kuasa rakyat kononnya, sudah terlambat. Tidak payahlah hendak mimpi. Saya ingat orang-orang yang bercakap itu pun tidak berani hendak keluar pun. Dia tidak berani hendak duduk di hadapan hendak mengarah rakyat untuk berkumpul untuk menentang ini semua, tidak berani dianya. Cuma dia berani waktu Malaysia tengah aman ini dan undang-undang kita bak kata Senator Puan Norliza tadi mungkin lembut. Jadi kaji semula tidak apa. Kita cadangkan kaji semula undang-undang ini, perketatkan undang-undang ini bukan untuk menunjukkan kita zalim tetapi untuk kita memperkatakan bahawa kita mempertahankan keselamatan negara kerana ini adalah negara kita. Ini adalah negara Malaysia, Malaysia adalah untuk rakyat Malaysia. Kita tidak perlukan rakyat yang menghina negara di luar negara.

Jadi saya rasa saya tidak perlu lagi sentuh apa-apa sebab saya sudah luahkan apa yang saya rasa perlu untuk saya katakan sebab apa kalau saya hendak bacakan perincian ini banyak. Akan tetapi tidak perlu untuk saya perdebatkan kepada saya, saya menyokong rang undang-undang yang kita bahaskan ini. Dengan itu saya sudahi dengan *Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Kadzim bin M. Yahya.

7.59 mlm.

Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas).

Banyak perkara yang telah dibangkitkan dan dibahaskan oleh rakan-rakan Yang Berhormat yang lain. Saya punya ini tidaklah panjang juga, maksud saya perbahasan saya.

■2000

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak di atas satu keputusan yang mengagumkan untuk memansuhkan ISA tahun 1960 yang mana telah membawa banyak, walaupun dipertikaikan penggunaannya tetapi ISA ini ada juga jasanya kepada keharmonian dan pembangunan negara yang kita nikmati sekarang. *Because* dengan izin *there is always two sides of the coin*. Dengan ISA dahulu kuasanya adalah terletak kepada tangan eksekutif iaitu Yang Berhormat Menteri untuk membuat penahanan, tetapi akta yang baru ini telah memberi banyak kuasa kepada pihak polis. Bermula dari penangkapan, penyiasatan dan proses-proses seterusnya. Dari segi ini, saya hanya ingin membuat secara peringatan kepada pihak polis untuk lebih berhati-hati dalam melaksanakan tugas-tugas mereka di bawah akta ini.

Mereka tidaklah perlu bertindak *overzealous* dalam proses penyiasatan sebab kalau berlakunya sesuatu yang tidak perlu itu boleh mendatangkan, mencacatkan kes-kes mereka. Dari aspek ini dalam ini *I am incline to agree* dengan Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali tadi bahawa penyiasatannya adalah tidak terperinci proses penyiasatannya.

Oleh itu adalah besar harapan saya supaya pihak polis dapat menjalankan siasatan dengan mematuhi segala tatacara dan garis panduan yang ada. Jangan sehingga berlaku sesuatu yang boleh menggagalkan pendakwaan yang dibawa kerana sebarang kegagalan dalam pendakwaan hanya akan mencabar dan menjejaskan integriti kerajaan dan pihak polis sendiri di samping membazir wang rakyat untuk membawa kes ke mahkamah. Dengan pemansuhan ISA ini juga maka itulah saya rasa mungkin pada pandangan Irene Fernandez bahawa Malaysia ini tidak selamat sebab sudah tidak selamat. Dengan itu juga maka betapa perlunya kita kena gantikan ISA dengan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) ini.

Kepada pesimis-pesimis akta ini pada pandangan saya, kita tidak perlu khuatir kalau kita sama-sama menjaga keamanan, keharmonian tidak akan ada sesiapa yang akan dikenakan akta ini. Saya tidak pedulilah, apa kajian antarabangsa kata Malaysia dalam tangga ke-19 kah tangga ke berapakah. Akan tetapi bagi saya Malaysia adalah negara yang paling selamat nombor satu. *Because to me*, dengan izin, *home is where the heart is*. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi.

8.05 mlm.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-Undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012.

Saya mengalu-alukan sebarang perubahan daripada yang kita anggapkan undang-undang yang dianggap zalim kepada undang-undang yang dianggap lebih menyeluruh kerana itu merupakan tonggak yang diidamkan oleh semua rakyat [*Tepuk*] Dalam apa pun kita buat dalam negara kita ini apabila mana negara kita adalah negara demokrasi, negara kita mempunyai rakyat, mempunyai pemimpin. Rakyat mungkin bersalah, pemimpin juga mungkin bersalah. Sama juga dalam parti-parti politik, kita mungkin berada di Parlimen Malaysia yang dipanggil pembangkang daripada Pakatan Rakyat dan kita mungkin pulang ke negeri di mana negerinya yang jadi pembangkang ialah Barisan Nasional. Apa pun yang paling tinggi kepada negara ini ialah keselamatan negara.

Tidak ada orang yang boleh berkompromi untuk keselamatan negara kerana ini merupakan negara kita. Sebagai orang Islam *hubbulwathan minal iman* menyayangi negara itu sebahagian daripada iman dan dalam Islam mempertahankan negara itu merupakan sebahagian daripada jihad.

Saya percaya semua yang ada dalam Parlimen ini bersetuju bahawa mempertahankan negara ini perkara yang sangat-sangat penting dan tidak boleh kita ambil pendekatan untuk menjaga keselamatan negara ini bila mana orang telah pun membuat kesalahan sahaja.

Apabila kita hendak pastikan tidak ada rakyat yang akan mengganggu gugat sama ada rakyat dalam negara kita atau luar negara yang akan mengganggu keselamatan negara, saya kira perkara yang paling penting ialah pendidikan. Bagaimana hari ini setelah 54 tahun kita lihat bukan sekali, bukan dua kali tetapi banyak kali gesaan dibuat untuk melihat negara kita ini mempunyai rakyat yang lebih menyayangi negara.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua dan juga rakan-rakan Senator yang lain juga pernah hadir ke negara-negara lain. Kita lihat semangat jati diri, semangat sayangkan negara, kadang-kadang kita sebagai rakyat Malaysia agak kecewa dan agak cemburu apabila melihat rakyat negara lain begitu sekali menyayangi negara mereka dengan mempertahankan bahasa mereka, mempertahankan bendera mereka, meraikan apa sahaja yang berkaitan dengan maruah negara sama ada mereka berada di pihak pembangkang atau pihak kerajaan yang memerintah ketika itu.

Ini kerana perubahan boleh berlaku tentang keputusan pilihan raya yang mana yang mana mungkin parti ini yang menjadi kerajaan, dan ketika lain pula parti lain yang menjadi kerajaan. Akan tetapi kita lihat hari ini, kita memohon bila mana Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah) Khas 2012 ini sekalipun disokong atau tidak disokong oleh mana-mana pihak akan menjadi kenyataan kerana ini akan diluluskan pada petang ini. Akan tetapi yang paling penting saya pohon agar apabila kita hendak meluluskan, melaksanakan rang undang-undang ini memastikan bawah pendirian kepada rakyat Malaysia di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, dan universiti diperketat, diprogramkan agar semangat sayangkan negara ini dapat dibezakan dengan sayangkan parti atau sayangkan benda-benda yang berkaitan dengan kepartian. Oleh sebab itu, mempertahankan negara bukan bererti hanya orang Barisan Nasional.

Saya juga mewakili negara banyak kali dan saya ingat dalam kes ini pesanan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan, kena pertahankan Malaysia. Tidak puas hati sebut dalam Parlimen. Apabila keluar negara, pertahankan Malaysia. Ini kerana perkara yang kita hendak bawa. Cuma kadang-kadang kita...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Yang Berhormat, saya masuk sedikit Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya ingin mencelah.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Boleh saya mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Baharuddin bin Abu Bakar. Silakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tadi sudah cakap panjang.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya hanya hendak bertanya dengan Puan Hajah Mumtaz berkenaan dengan bagaimana cintakan negara tadi, jadi apabila ada manusia bernama Irene Fernandez ini yang menghina negara kita ini, jadi apa pandangan Yang Berhormat tentang keadaan laporan ini?

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Baharudin. Apa pun *statement* yang diberikan, sebagai peguam saya tidak akan memberikan apa-apa komen sebelum melihat sendiri transkrip penuh...

■2010

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Tidak mengapa sebagai Yang Berhormat, bukannya peguam. Di dalam Dewan ini kita gunakan sebagai Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Walaupun sebagai Senator, sebab apa pun keputusan yang akan kita katakan kita kena melihat sendiri transkrip percakapan yang telah pun dirakamkan kerana Islam menyebut... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Dalam konteks saya tidak mengenali siapakah wartawan yang melaporkan. Apa tujuan mereka melaporkan demikian. Saya perlu melihat dahulu transkrip ini kerana ini penting sebab saya percaya dalam konteks membela...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Kita tinggal dua hari sahaja Yang Berhormat. Kita tinggal dua hari sahaja hendak mendengar komen Yang Berhormat. Selepas ini Yang Berhormat pun... Kalau boleh biar hari inilah Yang Berhormat sebab dapat saya dengar suara Yang Berhormat hari ini. Silakan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya tidak akan berikan apa-apa komen selagi saya belum melihat sebab banyak kali *statement* yang saya dengar diberikan oleh pemimpin terutamanya daripada PAS, tetapi dilaporkan berbeza. Banyak kali juga pengalaman saya dalam Parlimen sendiri pun, lain yang kadang-kadang kita sebut lain yang kadang-kadang yang direkodkan. Kemungkinan silap dengar, kemungkinan silap tulis.

Jadi perkara ini bagi saya kita perlu lihat. Akan tetapi mempertahankan negara di luar negara, kita mungkin boleh berbeza pandangan tetapi kita harus mempertahankan negara ini kerana ini merupakan negara kita. Tidak ada di dalam dunia ini negara lain yang sanggup menerima kita dan akan melayan kita lebih baik daripada negara kita. Itu perkara yang kita harus pertahankan. Oleh sebab itu dalam konteks ini, saya bersama-sama dengan Parti Islam Semalaysia menjunjung demokrasi dan memilih untuk menyatakan kalau pendekatan yang dibuat oleh UMNO Barisan Nasional tidak kita persetujui, kita ada alternatif. Kita bukan orang yang hanya akan bertumpu kepada hanya satu pendekatan sebab kita manusia, kita perlu kreatif.

Jadi dalam konteks ini, saya memohon agar pihak kerajaan bukan hanya meluluskan akta-akta sebagaimana akta ini tetapi boleh datang dengan satu pakej yang lengkap di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan universiti. Ini kerana pengalaman ketika kecil dahulu kita ada pelajaran Tata Rakyat. Saya ingat bila pelajaran Tata Rakyat itu, kita rasa begitu semangat hendak mempertahankan negara. Akan tetapi pelajaran ini saya dapati tidak ada sekarang dalam sistem pendidikan hari ini. Jadi ini sebenarnya menyebabkan terhakisnya perasaan ini dan saya hendak lihat sebelum rang undang-undang ini diwartakan, biar semua orang Malaysia boleh berbangga dengan bendera Malaysia.

Biar semua orang Malaysia boleh mengetahui bahawa untuk apa-apa tender, untuk apa-apa perniagaan mesti kita jujur dengan negara kerana ini duit rakyat. Bukan kerana ini orang-orang atau pun kerana mana-mana pihak. Kita tidak mahu di luar negara kita dihina kerana mungkin ada orang kata peralatan yang kita beli sepatutnya harga mungkin RM50 tetapi kita *claim* RM150 sebab sekarang ini dunia terbuka. Jadi apabila ianya terbuka, kita hendak tengok perkara, kita kena respek, kita kena menghormati kecerdikan, pengetahuan dan dunia ini sudah makin kecil.

Jadi dalam konteks ini, pertahankan negara ini dan saya pohon agar hormat negara ini dijadikan satu agenda besar oleh kerajaan. Kalau perlu buat NKRA, buatlah NKRA sebab sama ada mana-mana parti pun dia mesti mempertahankan negara ini. Jadi perkara ini cukup asas sebab tidak boleh kita hanya larang, kita hanya marah tetapi kita tidak beri pendidikan yang sempurna dengan bajet munasabah. Ini kerana hari ini saya ingat lagi Institut Integriti Malaysia, Pengarahnya Datuk Mohd Tap bin Mohd Salleh mengatakan bahawa bila beliau buat program IIM, sokongan yang diterima adalah mengecewakan. Tidak ada orang pun yang respons dengan cara yang baik dan bagaimana beliau hendak menjadikan negara ini sebuah negara yang berintegriti. Jadi kita pohon agar perkara ini diberikan satu sokongan atau pun dukungan politik yang lebih baik.

Seterusnya berkaitan dengan nama undang-undang ini, disebut Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas). Saya teringat ada satu lagi rang undang-undang yang telah pun dilaksanakan dalam negara kita iaitu Undang-undang Langkah-Langkah Pencegahan Khas berkait dengan dadah. Jadi kalau untuk dadah, kalau tidak dapat dibuktikan di bawah 39B atau pun di bawah 12(2), ada dahulu langkah-langkah pencegahan khas. Untuk Undang-undang Kesalahan Keselamatan ini kenapa ada langkah-langkah khas sahaja. Tidak ada langkah-langkah pencegahan khas? Ini sebab saya rasa tujuan kita buat undang-undang ini dia ada *backgroundnya*. Dia ada latar belakangnya. Latar belakang kita tidak mahu mana-mana rakyat mengganggu gugat keselamatan negara.

Oleh yang demikian, sepatutnya kita mesti memastikan ada langkah-langkah pencegahan khas. Kita mencegah mereka daripada berbuat kesalahan yang lebih besar sebagaimana yang akan diluluskan pada hari ini dengan mengenal pasti kesalahan-kesalahan yang lebih kecil.

Akan tetapi diperingatkan boleh didenda dan disiasat dengan keadaan yang lebih sesuai supaya ini dapat menghalang mereka tampil untuk membuat kerja-kerja yang lebih besar. Ini kerana saya percaya sebarang langkah yang akan dibuat yang akan menggugat keselamatan negara ini bukan dimulakan sehari. Bukan dimulakan oleh seorang, tetapi ianya mestilah kita tengok perlu ada langkah-langkah pencegahan yang sesuai. Jadi bila disebut Undang-undang Kesalahan Keselamatan, saya percaya bahawa bila dilihat pada keseluruhan seksyen yang telah pun digubal ini, saya percaya ianya sebenarnya merupakan satu pencerakinan kepada kesalahan keselamatan dalam negara kita, bukan langkah-langkah khas sebab tidak ada benda yang khas pun sebab ini keselamatan negara secara umum.

Saya juga hendak bertanya kepada pihak kerajaan, dahulu dalam kes Sauk, Mohd Amin pernah dituduh sebagai orang yang mengkhianati dan melanggar Titah Yang di-Pertuan Agong dan dikenakan hukuman gantung. Jadi dalam konteks ini, apa kurangnya undang-undang yang ada di bawah Kanun Keseksaan sehingga memaksa kita bila kita membatalkan dan menghapuskan ISA untuk menggubal undang-undang yang saya rasa agak bertindan dengan undang-undang yang telah pun ada dalam Kanun Keseksaan. Kalau kita boleh mendakwa orang tersebut melanggar dan menghina Yang di-Pertuan Agong dan boleh disabitkan, kenapa perlu ada undang-undang ini kerana bagi saya itu sudah cukup.

Bila disebut di bawah *preamble* ini bahawa antara perkara yang akan diberi penekanan di dalam ini adalah untuk mendapatkan perubahan selain dengan cara yang sah apa jua yang ditetapkan melalui undang-undang. Saya sebenarnya agak keliru apakah yang dimaksudkan untuk mendapatkan perubahan. Adakah perubahan ini perubahan politik? Perubahan ekonomi? Perubahan apa yang dimaksudkan kerana perubahan ini terlalu luas. Apakah yang dikehendaki oleh perubahan.

Kita juga lihat bahawa rang undang-undang ini memang digubal di Parlimen dan disebut. Saya rasa sebagai orang yang terlibat dalam penggubalan undang-undang berasa besar hari ini kerana apa? Kita lihat undang-undang ini disebut, "dan bahawasanya Parlimen berpendapat bahawa adalah perlu tindakan itu dihentikan". Maksudnya hari ini kita nampak kuasa Parlimen ini dimartabatkan melalui akta ini dengan menyebut bahawa ini adalah keputusan Parlimen. Walau bagaimanapun, kerana ini keputusan Parlimen, kita mahu ianya diperjelaskan apakah yang maksud tersebut. Bila ini adalah kuasa Parlimen, saya hendak tanya kenapa pula di bawah seksyen 4 menyebut bahawa kuasa penangkapan dan penahanan bahawa seorang pegawai polis boleh menangkap dan menahan mana-mana orang yang berkenaan dengannya atau pun berkenaan dengannya sekiranya dia mempunyai sebab untuk mempercayai terlibat dalam kesalahan keselamatan.

Dalam konteks ini, apakah mekanisme yang akan diguna pakai oleh pihak kerajaan khususnya di pihak polis untuk mengatakan bahawa dia mempunyai sebab yang cukup untuk mempercayai orang yang terbabit, terlibat dalam kesalahan keselamatan. Ini kerana Parlimen ini kuasa yang besar. Ada pembangkang, ada kerajaan. Ada 222 orang di Dewan Rakyat, ada 66 orang di Dewan Negara. Sekarang ini kita berikan kuasa hanya kepada seorang pegawai polis dan perkataan yang digunakan adalah '*dia*', seolah-olahnya segala liabiliti itu, segala keputusan itu hanya terletak kepada pertimbangan seorang manusia tanpa didukung oleh mekanisme yang lengkap. Ini kerana kita tidak mahu perkara ini terdedah kepada penganiayaan, kepada ketidakadilan, kepada mana-mana pemesongan atau pun kesilapan yang mungkin dilakukan oleh seorang '*dia*' tersebut.

Dalam konteks ini, saya memohon apabila disebut perkataan '*dia*', apakah yang sebenarnya yang dimaksudkan oleh kerajaan? Berapa orangkah yang akan menjadi jawatankuasa sebelum '*dia*' ini boleh membuat keputusan untuk menyatakan bahawa dia mempunyai sebab. Ini kerana dalam konteks kesalahan-kesalahan yang lain, biasanya sebab dia akan sebut alasan yang kukuh. Dalam konteks ini hanya disebut mempunyai sebab seolah-olahnya kalau ada sebab, dia boleh terus tangkap. Jadi dalam konteks ini, kita pohon agar perkara ini diberi penerangan yang lebih jelas.

Begitu juga dengan - kita lihat negara kita telah menghabiskan lebih kurang RM30 juta untuk pendidikan dalam PLKN, melahirkan wirawati dan wira-wira negara. Walau bagaimanapun setelah kita menjalankan PLKN ini, saya rasa lebih daripada enam atau tujuh tahun, kita lihat kesan yang kita dapati daripada pendidikan PLKN ini tidak nampak terlalu jelas dari sudut mereka ini.

Sebelum masuk PLKN begini kadarnya, selepas keluar daripada PLKN meningkat kesedaran atau pun kecintaan mereka kepada negara. Jadi kalau tadi saya cadangkan tentang pendidikan di sekolah, saya pohon agar pemantauan kepada *syllabus* sebarang perkara yang dibuat oleh kerajaan khususnya yang melibatkan bajet yang sebegini besar, yang harusnya boleh menjurus *direct* kepada menyayangi negara tanpa perlu menghasut untuk membenci mana-mana individu atau mana-mana parti.

■2020

Oleh sebab ini penting untuk jati dirikan pelajar-pelajar ini apabila mana mereka akan menjadi orang yang dewasa. Ini kerana kita lihat juga negara kita telah pun beberapa kali, dalam Parlimen ini beberapa kali kita bincang masalah *brain drain* orang-orang cerdik pandai tidak hendak tinggal dalam negara kita. Mereka jadi pakar neurologi, mereka jadi pakar bedah, mereka jadi pakar ekonomi berada di luar negara setelah mendapat pendidikan dalam negara dan mereka tidak hendak pulang. Ini kerana apa? Di sana gajinya RM60,000 ataupun RM100,000. Kenapa dengan nilai RM100,000, RM60,000 rakyat tidak boleh pulang ke dalam negara kita? Apa silap kita sebagai ibu? Apa silap kita sebagai ayah? Kalau seorang anak yang tidak hendak pulang itu mungkin cerita biasa.

Akan tetapi, kalau ada beribu-ribu anak yang tidak hendak pulang kita harus kaji apa sebenarnya yang menyebabkan pelajar-pelajar yang kita hantar ke luar negara ini. Apabila mereka berada di luar negara, kita letak ke tepi soal ekonomi ini mereka tidak hendak pulang dan tidak hendak kembali berkhidmat dalam negara. Ini kerana saya kira ini juga penting di samping kita membincangkan tentang kesalahan keselamatan yang berkait dengan keselamatan. Ini kerana sekiranya orang-orang yang ada '*brain*' ini pulang ke Malaysia, mereka ada dalam negara banyak perkara yang sebenarnya lebih baik dapat mereka buat kerana mereka adalah orang-orang cerdik pandai dan kita mungkin boleh bergantung harap kepada orang-orang ini.

Begitu juga saya hendak tanya apabila mana akta ini diluluskan ini adalah terpakai kepada rakyat dalam negara kita. Bagaimana pula rakyat negara luar yang datang ke dalam negara kita, sekiranya mereka boleh menyebabkan atau mengancam keselamatan? Adakah juga mereka akan terpakai di bawah undang-undang ini? Apakah yang akan kita pertahankan sekiranya mereka sebagai contohnya kalau kita ke luar negara, banyak undang-undang yang kita sebut ini mungkin '*special*' untuk negara kita yang boleh kita terangkan kepada mereka bahawa ini perkara yang tidak sama dengan negara lain.

Walaupun demikian, saya juga hendak tanya kepada pihak kerajaan, sebenarnya kalau kita mengatakan kita perlu akta ini kerana negara kita negara majmuk. Sebenarnya dalam negara dalam dunia ini tidak ada hari ini negara yang ada hanya ada satu kumpulan manusia, hanya ada satu bangsa. Semua negara hari ini mereka ada masyarakat yang pelbagai dan majmuk. Kebiasaannya yang ada lagi banyak rakyat minoriti, lebih banyak terdedah kepada risiko-risiko. Jadi kita juga harus mengambil pelajaran daripada negara-negara yang boleh mempertahankan keselamatan mereka dan mereka juga boleh dalam masa yang sama menggalakkan berlaku kemajmukan dan sifat kasih sayang di antara rakyat dalam negara mereka.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan apabila mana disebut bahawa seorang pegawai polis yang mempercayai ada orang yang terlibat dalam kesalahan keselamatan ini. Atas alasan apakah dia boleh buat tindakan? Adakah ia memerlukan sebarang aduan atau memerlukan sebarang justifikasi? Atau sebarang siasatan sebelum dia boleh mengatakan bahawa dia mempercayai orang ini terlibat dalam kesalahan keselamatan. Di bawah seksyen 5 menyebut bahawa sekiranya seorang itu ditangkap, pihak polis dengan segera hendaklah memberitahu waris kadim. Saya juga hendak tahu di sini tempoh seberapa segera, apakah tempoh masa mereka akan maklumkan kepada waris kadim. Sekiranya tidak terdapat waris kadim, siapakah yang akan diberikan maklumat ini? Ini kerana tidak semua orang yang ada waris kadim ini sebab apabila disebut kalau waris lain. Apabila sebut waris kadim ini dia ada istilah yang lebih khusus. Saya rasa perlu kepada pemahaman kita.

Di bawah seksyen (b) menyebut membenarkan orang itu berunding dengan pengamal undang-undang pilihan. Berunding ini perkataan yang lebih luas, memberitahu itu lebih sempit. Dalam konteks ini, apabila mana disebut tidak dibenarkan berunding adakah sebenarnya mereka melantik walaupun belum berunding.

Sebab melantik lain, berunding ini *consultation* itu lain. So dalam konteks ini, adakah mereka boleh melantik walaupun belum lagi diberikan ruang untuk perundingan di bawah seksyen 5 ini?

Saya juga hendak bertanya kepada pihak kerajaan berkenaan dengan Bahagian III iaitu tatacara khas berhubung dengan peranti pengawasan elektronik. Setelah kita menyebut peranti pengawasan elektronik dan saya difahamkan pihak yang berkuasa pun sudah memberikan kelulusan. Saya hendak tahu jenis peranti pengawasan elektronik yang telah dikenal pasti oleh pihak kerajaan. Ini kerana saya percaya apabila disebut suatu peranti ini, mestilah perkara ini perkara yang tertentu. Apakah nama syarikat yang telah mempunyai tender untuk mendapat kuasa untuk memberikan peranti ini? Apakah jaminan terhadap mutu dan kualiti peranti pengawasan elektronik?

Ini kerana kita difahamkan, kemungkinan peranti pengawasan ini diletakkan di bahagian kaki. Saya juga difahamkan bahawa sekiranya peranti ini rosak, pihak yang memakai peranti tersebut mesti menggantikan. Jadi dalam konteks ini, kita hendak tahu jenis itu. Kalau pihak kerajaan hendak tukar, adakah pihak yang berwajib perlu pula memaklumkan kepada Parlimen tentang jenis peranti yang telah dikenal pasti. Ini kerana kita tahu apabila disebut peralatan itu peralatan elektronik, biasanya ianya mudah rosak. Tidak kiralah *handphone* jenis apa pun kalau *handphone*, kalau benda-benda yang berkaitan dengan bateri ini biasanya dia akan mudah rosak dan terdedah terutama apabila berkaitan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan air atau perkara yang berkaitan dengan keadaan-keadaan lembap. So, dalam konteks ini bagaimana bentuk peranti ini? Berapakah kos yang dijangka akan digunakan untuk membeli peranti pengawasan elektronik ini?

Saya hendak tanya juga di bawah Kanun Keseksaan sekiranya kita tidak luluskan akta ini untuk menggantikan ISA ini. Adakah terdapat lompong yang luas dalam Kanun Keseksaan sehingga mewajibkan kita membuat akta seperti ini? Maknanya kalau kita tidak buat tidak lulus akta ini, adakah negara kita hari ini dengan dihapuskan ISA tidak selamat lagi sebab tidak ada benda yang kita boleh buat di bawah Kanun Keseksaan ataupun dia mungkin adik-adik dia lagi yang mungkin lebih ringan di bawah Kanun Keseksaan yang saya minta Yang Berhormat Menteri nyatakan.

Saya juga hendak tanya, bagaimana disebut komunikasi pintas. Bilakah masa komunikasi pintas ini akan diberikan kuasa kepada pihak polis untuk berbuat demikian? Komunikasi pintas ini akan dibuat sebelum atau selepas seseorang itu ditangkap. Sebab dalam konteks ini, kita tidak tahu bila bermula tarikh orang itu dikatakan mempunyai sebab mengganggu keselamatan negara. Bilakah bermula tarikh berkuat kuasanya komunikasi pintas yang akan dibenarkan kepada mana-mana orang yang ditahan?

Di bawah penahanan sementara seksyen 30, menyebut tentang bahawa apabila mana pendakwa raya telah berbicara dan mahkamah mendapati membebaskan tertuduh. Pihak pendakwa raya boleh memohon secara lisan untuk tertuduh di reman dalam penjara sementara kemukakan di seksyen 2, seksyen 3, seksyen 4, seksyen 5, seksyen 6, seksyen 7. Semuanya menyebut bahawa seolah-olah kita boleh faham orang yang tertuduh ini ataupun orang yang telah pun dibebaskan ini sebenarnya akan ditahan sepanjang masa. Jadi apa beza antara orang yang sebenarnya bersalah dengan orang yang tidak bersalah? Ini kerana proses rayuan kecualilah pihak kerajaan benar-benar hendak spesifikkan kepada Mahkamah Perlembagaan sahaja ataupun Mahkamah Khas sahaja. Orang ini biasanya ke sini akan makan masa dua, tiga tahun. Jadi adalah zalim kepada kita untuk menahan mana-mana orang dan kemudian telah dapati tidak bersalah tetapi tahan juga. Kemudian kalau tidak dapati bersalah lagi, bagaimana pula pampasan kita kepada mereka?

Saya juga hendak tanya, antara perkara yang selalu dibangkitkan oleh orang yang pernah terlibat dalam ISA ialah soal kebajikan, soal kebajikan keluarga orang yang ditahan. Kita difahamkan dalam Parlimen baru-baru ini, pihak kerajaan sebenarnya mungkin ada mempunyai *special package* ataupun satu bantuan yang khas kepada isteri-isteri ataupun keluarga kepada mangsa tahanan. So, dalam konteks ini sekiranya mereka ini di reman, direman dan direman ataupun dituduh dan ini memakan masa dan mereka akhirnya mungkin ditahan.

Dalam konteks ini, adakah pihak kerajaan mempunyai satu mekanisme dan pelan yang lebih baik untuk menjaga kebajikan orang yang tidak bersalah?

Anak-anak mereka, isteri-isteri mereka yang mungkin akan teraniaya kerana antara sebab kita menentang ISA ialah ketidakadilan ataupun penganiayaan yang berlaku kepada keluarga mangsa. So, dalam konteks ini adakah kita telah belajar daripada pengalaman yang lepas, apabila mana orang ditahan di bawah *special orders* seperti ini dia juga mempunyai *special allocation* ataupun keluarganya juga akan diberikan satu perlindungan dari sudut memastikan. Ini kerana banyak perkara yang kita dapati tidak sama dengan akta-akta lain apabila mana akta ini dibincangkan.

■ 2030

Di bawah seksyen 15 menyebut bahawa pengecaman oleh saksi jika keterangan diambil secara tertutup. Jadi saya hendak tanya, bagaimanakah perkara ini dibuat sebab kita biasanya dalam konteks undang-undang yang biasa, kita biasanya akan hanya memakai keterangan *primary* dan bukannya keterangan sekunder. Bukan keterangan kedua. Bila keterangan ini dibuat oleh pengecaman itu dibuat oleh saksi melalui jurubahasa, adakah pihak peguam boleh membuat pemeriksaan semula dan mencabar keterangan yang diberikan melalui seorang jurubahasa kerana bilamana perkataan ini dibuat dalam keadaan pindah cakap ataupun cakap ajuk ini, ada kadang-kadang kesilapan ataupun ketidakjelasan.

Jadi, adakah untuk di bawah seksyen 15 ini memberikan peluang kepada pihak yang membuat penyiasatan ataupun pihak yang menjalankan perbicaraan untuk juga membuat pertanyaan ataupun mencabar balik keterangan yang telah pun diberikan oleh saksi tersebut melalui jurubahasa ataupun pegawai lain di mahkamah. Sekiranya disebut pegawai lain, apakah contoh pegawai-pegawai lain yang boleh memberi keterangan bagi pihak saksi dalam mahkamah.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Di bawah seksyen 17 menyebut bahawa bahagian ini berkuat kuasa walau apa pun ketidakselarasan dengan Akta Keterangan. Mungkin ini satu akta yang terlalu istimewa sampai kita tidak mengguna pakai Akta Keterangan. Walau bagaimanapun, saya hendak tanya kepada pihak kerajaan. Biasanya dalam kita hendak menegakkan keadilan, kenyataan-kenyataan yang diberikan oleh mana-mana orang pun, biasanya perlu kepada soal balas dan pemeriksaan semula. Jadi dalam kes yang melibatkan pernyataan orang-orang yang sudah mati, bagaimanakah bentuk soal balas dan pemeriksaan semula bagi penjelasan maksud kerana sekalipun kita hendak mempertahankan negara kita, kita hendak juga keadilan itu menjadi tonggak.

Jadi bagaimana kita hendak dapati dan sebagai contohnya di sini juga disebut bukan sekadar orang itu orang yang sudah mati tetapi orang yang tidak dijumpai atau orang yang tidak berupaya untuk memberikan keterangan. Bila orang tidak dijumpai, dia ada akta khas ataupun tatacara yang khas yang boleh menyebut bahawa kalau orang ini dianggap mati, ada prosedur untuk dianggap mati.

So dalam konteks ini, sekiranya orang itu dijumpai, adakah pemeriksaan ataupun perbicaraan semula akan diadakan. Ketika perbicaraan awal, orang tersebut mungkin berada di luar negara dan tidak dapat dijumpai. Jadi, sekiranya mereka dijumpai, adakah kita boleh membuka balik kes ini untuk dibicarakan semula kerana orang tersebut telah menjadi orang yang dijumpai ataupun bila disebut di bawah seksyen 18 ini, cukup bila keterangan itu diberitahu, pertanyaan dibuat secara lisan ataupun bertulis dengan rekod. Mungkin dengan secara kita dengar sahaja terus boleh menjadi keterangan yang boleh diterima sebagai keterangan yang mutlak dan muktamad.

Saya juga bersetuju dengan rakan tadi yang bertanya tentang testimoni kanak-kanak dalam usia yang mentah. Berapakah tahap yang boleh diterima kenyataan kanak-kanak ini dan adakah juga kanak-kanak ini dibenarkan untuk disoal balas? Ini kerana kita lihat di sini dia menyebut bahawa kanak-kanak itu mempunyai kepintaran yang mencukupi dan memahami kewajipan untuk bercakap benar. Ini kerana berdasarkan kepada pengalaman-pengalaman sebelum ini, kadang-kadang untuk kes-kes biasa pun, kanak-kanak yang pintar bercakap di luar mahkamah, bila dibawa ke mahkamah untuk bercakap, kadang-kadang dia akan menangis.

Jadi ini belum lagi kepada soal balas. Soal biasa pun, soal utama pun dia sudah menangis. So, dalam konteks ini, adakah kita boleh membuat satu keputusan yang begitu sekali. Saya rasa teruk dia punya hukuman hanya berdasarkan kepada keputusan ataupun cerita daripada seorang kanak-kanak yang dalam konteks ini mungkin dibenarkan atau tidak dibenarkan untuk dibuat pemeriksaan balas.

Saya juga hendak bertanya tentang seksyen 22 di mana senarai penggeledahan dikatakan hendaklah diterima sebagai keterangan. Jadi senarai penggeledahan ini, *list of* benda-benda yang dipegelad ini diterima sebagai penggeledahan dan dokumen serta benda yang disita tidak wajib dikemukakan ke mahkamah. Saya rasa benda ini cukup peliklah untuk kita terima sebagai satu undang-undang. Satunya, bila senarai penggeledahan ini dibuat, dia mesti ada *exhibit*. Bila ada *exhibit*, sepatutnya keterangan ini, dokumen ini, bukti ini hendaklah dikemukakan di mahkamah. Jadi kalau tidak dikemukakan, dikemukakan hanya senarai sahaja, ini perkara yang bagi saya cukup akan menjejaskan keadilan kepada orang yang dituduh.

Sebagai contoh kalau kita ada buku, kita tidak boleh *judge* buku tersebut hanya bila melihat tajuk di luar. Ada lima bab atau enam bab tetapi kita tidak dibenarkan untuk tengok di dalam apa sebenarnya yang ditulis oleh penulis. So dalam konteks ini, kalau senarai ini dijadikan sebagai satu bahan bukti dan diterima sebagai keterangan tanpa pihak yang membela diri dibenarkan untuk melihat sama ada betul ataupun tidak dokumen tersebut.

Katakanlah dokumen itu surat. Surat itu mungkin bukan tulisan asal pihak yang dituduh tetapi dalam konteks ini, kalau senarai penggeledahan ini diterima sebagai bahan bukti dan katanya wujudnya surat ini sudah pun mencukupi untuk orang itu dituduh dan didapati bersalah, saya kira perkara ini melampau dan tidak munasabah untuk kita katakan. Ini kerana dalam konteks ini kita sudah ada senarai. Bila senarai, sepatutnya *exhibit* ini diterima sebab bagi saya ini akan menyebabkan berlaku lagi perkara-perkara yang kita kira berulang kes-kes sebagaimana ISA. Orang bukan menentang ISA. Kita bukan menentang undang-undang untuk menjaga negara tetapi bagaimana proses pengendalian, penyiasatan dan perbicaraan ini yang dipertikaikan. So, dalam konteks ini, kalau kita terima perkara ini sebagai perkara yang mutlak, saya percaya ini juga mungkin akan mendedahkan kita kepada ketidakadilan kerana tidak semua senarai penggeledahan.

Sebagai contohnya, banyak kali dalam kes-kes yang melibatkan pilihan raya, borang 14, borang 13 kadang-kadang yang parti ini tanda lain, yang parti ini tanda lain. So dalam konteks ini bila kedua-dua pihak cakap lain, ini macam mana? Kalau ini melibatkan satu perubahan dalam negara, adakah ini dikira sebagai bukti konklusif dan tidak ada pihak yang boleh mempertikaikan perkara ini.

Pada asalnya dulu ISA digubal untuk mengatasi ancaman komunis. So, dalam konteks perkara ini, di bawah Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012, saya hendak tanya setelah negara kita merdeka, dengan penguatkuasaan ISA sehinggalah ia dibatalkan, berapakah kes melibatkan ancaman komunis yang telah pun dikesan dan adakah ancaman komunis ini termasuk di bawah akta ini yang diletakkan di bawah nombor satu sampai nombor empat. Kalau nombor satu sampai nombor empat itu, di manakah yang dimaksudkan berkenaan dengan ancaman komunis? Ini kerana ancaman komunis hari ini dia bukan lagi satu benda yang terhad. Mungkin komunis, mungkin *terrorist* atau mungkin perkara-perkara lain lagi dan bagaimana ancaman ini akan dikira sebagai ancaman yang begitu besar skalanya sebab masalah hari ini dia bukan berdepan secara fizikal.

Kita terancam hari ini dengan satu penyerangan minda yang dibuat secara *ghazwatul fikri*. Secara serangan pemikiran. Anak kita tidak pernah tengok hantu tetapi anak kita setiap hari tengok televisyen ada cerita hantu. So anak kita terletak dalam otaknya, di dalam rumah, di luar rumah ada hantu. Bagi saya ini juga satu ancaman kepada pemikiran dan kesihatan mental anak-anak kita. Dalam konteks ini, mungkin kita tidak nampak secara fizikal perkara ini berlaku tetapi berlaku secara serangan dari sudut perkara sebegini. Bagaimana kerajaan melihat perkara ini, dan bagaimana kita mengatasinya?

Di bawah seksyen 24, seseorang yang dituduh atas kesalahan keselamatan hendaklah boleh diterima sebagai keterangan semasa perbicaraan dan tidak seorang pun atau pegawai polis yang berada di bawah apa-apa kewajipan, obligasi atau liabiliti atau dengan apa cara boleh dipaksa untuk menzahirkan dalam apa-apa prosiding, tatacara, kaedah atau apa-apa jalan atau peranti mengenai bagaimana perkara tersebut dilakukan.

Ini juga bagi saya satu perkara yang saya perlukan penjelasan daripada pihak kerajaan. Ini kerana hari ini kita kesal apabila kes melibatkan kes jenayah. Kes melibatkan kekerasan atau keganasan dipaparkan bukan hanya berita tetapi siap bergambar, siap cerita dan dalam televisyen siap tunjuk lagi macam mana perkara tersebut dilakukan. Jelas. Itu untuk kesalahan-kesalahan biasa tetapi bila mana ini melibatkan keselamatan, tiba-tiba komunikasi ini dipintas, langsung pihak yang dituduh itu tidak boleh tahu bagaimana ia dipintas. Bagi saya ini perkara penting sebab tidak semua orang yang menjalankan siasatan, orang terlibat dalam *chain of evidence* itu akan kita pastikan benar-benar ikhlas, benar-benar menepati semua SOP yang ditetapkan.

■2040

Oleh sebab ini penting untuk kita tahu sebab bagi saya boleh kita hadkan. Mungkin kena buat *trial within trial* untuk pihak hakim dan orang-orang tertentu mengetahui bagaimana ianya dizahirkan. Akan tetapi ini penting untuk pihak yang tertuduh mendapat keadilan sebab kita kena ingat sekali pun pihak pegawai polis yang boleh menangkap mana-mana orang atas alasan keselamatan. Pihak polis juga sebenarnya boleh menjadi orang yang tertuduh dalam kes ini sebab yang terlibat dalam kes keselamatan ini biasanya orang yang ada akses dengan kesalahan dan keselamatan negara.

Jadi, dalam konteks ini jangan kita buat satu undang-undang yang kita rasa orang lain sahaja yang terlibat. Orang yang akan buat ini tidak akan terlibat sebab dalam kes SPRM, dalam kes melibatkan penguatkuasaan semua jabatan, semua kementerian kita dapati banyak juga kadang-kadang pegawai yang menjalankan kes itu pun yang terlibat. Jadi, ini sebenarnya berlaku perkara kes yang melibatkan orang dalam. So, dalam konteks ini saya pohon agar pihak Menteri memberikan penjelasan tentang bagaimana dan alasan apakah atau pun apakah *reason* nya perkara seperti ini pun tidak boleh dizahirkan kepada pihak yang kena tuduh.

Di bawah seksyen 28, saya tidak berapa faham ayat ini. Seksyen 28(1) menyebut tiada aduan oleh pemberi maklumat tentang kesalahan keselamatan di bawah akta ini boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana jua prosiding, sivil atau jenayah. Apa maksud di sini? Maknanya kalau pemberi maklumat beri aduan, dia punya aduan tidak boleh diterima sebagai keterangan untuk prosiding sivil dan jenayah. Apa maksudnya? Adakah ini bermaksud aduan ini hanya boleh diterima untuk rang undang-undang ini atau pun aduannya jadi langsung tidak ada asas dan tidak dikira. Saya faham bila disebut dan tiada saksi bahawa dikehendaki untuk menzahirkan, itu saya faham. Sebab itu di bawah perlindungan pemberi maklumat. Akan tetapi daripada tiada sampai jenayah itu saya tidak faham dia punya implikasi dan maksudnya di sini.

Di bawah seksyen 23 menyebut tajuk kecilnya tidak memerlukan ekshibit. 23 tidak mengemukakan ekshibit sebenar yang dilindungi di bawah seksyen 8 dan 11 tidak menjejaskan kes pendakwaan. Apakah maksud ekshibit sebenar? Adakah ekshibit yang tidak sebenar ini? Apa yang dimaksudkan ekshibit sebenar dan kenapakah *exhibit* sebenar ini tidak dapat dikemukakan dan dikatakan ini tidak akan menjejaskan kes-kes pendakwaan.

Yang terakhir saya memohon atas alasan apa pun yang kita buat mana-mana undang-undang suatu masa kita akan ingat perkara ini sebagai satu rekod dan kita akan perlu bertanggungjawab tentang apa pun undang-undang yang kita gubal. Kita berharap apa pun undang-undang yang dibuat, keselamatan negara akan dapat dijamin dan kita mengharapakan tidak ada berlaku penyelewengan kesalahan dan ketidakadilan kepada mana-mana pihak kerana itu merupakan antara inti pati kenapa ISA sebenarnya ditentang. Saya rasa orang bukan tentang undang-undang itu sendiri tetapi orang tentang dari segi prosedur. So, kita mengharapakan bila akta ini dijalankan prosedur dan pelaksanaannya akan dibuat dengan cara yang benar-benar adil supaya masing-masing akan berusaha untuk mempertahankan negara yang akan menjalankan keadilan kepada rakyatnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang yang persilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus.

8.44 mlm.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) ini. Pertama sekali saya ingin memulakan ucapan perbahasan saya ini dengan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib.

Pertama kerana beliau telah menepati janji yang dilafazkannya pada 16 September sempena hari Malaysia tahun lalu yang dilakukan dan undang-undang ini adalah merupakan penunaian janji oleh Yang Amat Berhormat yang dilakukannya dengan penuh keberanian, penuh ikhlas dan penuh tanggungjawab. Tarikh 16 September ini mengingatkan kita kepada satu tarikh lain. Kira-kira dua atau tiga tahun yang lalu ada seorang tokoh pula yang cuba menguar-uarkan akan menggemparkan negara dengan satu peristiwa pada 16 September. Akan tetapi ternyata yang berlaku adalah pembohongan semata-mata.

Jadi, ini adalah dua peristiwa 16 September yang mempunyai dimensi atau *significant* yang berbeza sama sekali. Sekali lagi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib. Di samping itu saya mengatakan simpati kepada pihak-pihak atau individu-individu yang merasakan diperlakukan kurang adil akibat ISA masa lalu itu. Akan tetapi patut diingat bahawa walaupun ada pihak-pihak yang merasa diperlakukan tidak adil oleh ISA seperti disuarakan oleh Yang Berhormat Dr. Syed Hussin Ali tadi. Kita jangan lupa bahawa ISA itu telah banyak jasanya dalam menjaga ketenteraman dan menjaga keamanan serta menjaga ketenteraman awam di negara kita ini.

Selanjutnya saya ingin mengajak kita semua, saya telah mengucapkan tahniah menyampaikan simpati. Terlanjur saya mengajak kita semua dalam Dewan ini memahami satu dilema yang dihadapi oleh kerajaan. Yang sebenarnya rang undang-undang ini yang sebentar lagi akan menjadi akta adalah dapat dianggap sebagai satu dilema kepada kerajaan. Dilema untuk di satu pihak untuk memberi kebebasan awam untuk mewujudkan *civil liberties*. Di pihak yang lain untuk menjaga *national security* atau keselamatan negara.

Jadi, inilah satu dilema, dua tanggungjawab yang memerlukan keseimbangan yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan. Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua saya dengan ikhlas sebagaimana juga ramai rakan-rakan tadi menyokong rang undang-undang ini dengan ikhlas, dengan perasaan yang bercampur baur, dengan izin, *with mix feelings*. Kenapa saya katakan begitu, saya menyokong sepenuhnya usaha-usaha untuk memberikan, mewujudkan *civil liberties*, kebebasan awam, memberi kebebasan awam kepada masyarakat di negara kita ini. Akan tetapi pada masa yang sama kita juga merasa bimbang tentang keselamatan negara yang akan boleh terancam oleh sikap-sikap yang tidak bertanggungjawab.

Sikap-sikap yang tidak bertanggungjawab itu disuarakan, dapat kita lihat dalam Dewan ini sendiri. Sebentar tadi Yang Berhormat rakan kita di sebelah sana sehingga mengganggu kekhusyukan saya berwirid mengatakan bahawa Rang Undang-undang Kesalahan dan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) ini sama zalimnya dengan ISA. Saya mengajak Yang Berhormat cubalah bandingkan tujuan dan konsep ISA dengan tujuan dan konsep Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 ini.

Undang-undang yang digubal di bawah Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan menyebut tentang tujuan dan konsep ISA itu ialah ada mengenai tentang tahanan penjagaan. Ini sudah tidak ada lagi. Ada disebut tentang pencegahan subversif. Dalam undang-undang baru disebut memperuntukkan kesalahan bagi cubaan menjejaskan sistem demokrasi berparlimen yang patut kita alu-alukan. Kalau sekiranya kita biarkan percubaan-percubaan untuk menjejaskan sistem demokrasi berparlimen negara kita ini akan menjadi porak-peranda.

Demikian juga kalau dahulu tujuan dan konsep ISA ialah untuk penghapusan keganasan terancang terhadap orang dan harta di dalam kawasan tertentu di Malaysia, maka sekarang sudah diubahsuai menjadi memperuntukkan prosedur khas bagi menangani kes-kes keselamatan seperti aktiviti yang menjejaskan Demokrasi Berparlimen. Sabotaj, pengintipan, keanggotaan dalam kumpulan pengganas seperti yang diperuntukkan melalui pindaan kepada Kanun Keseksaan yang turut dipinda serentak dengan pindaan ini.

■2050

Jadi saya hanya memberikan contoh perbandingan antara ISA dengan KKLK, Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) ini. Oleh kerana itu, tidaklah adil sama sekali dan tidaklah bertanggungjawab sama sekali untuk mengatakan bahawa undang-undang yang baru ini sama zalimnya dengan undang-undang ISA yang telah dimansuhkan itu.

Ini mengingatkan kita kepada perbuatan-perbuatan tidak bertanggungjawab yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu yang kita bimbang kalau ini dibiarkan tanpa undang-undang yang kuat dan undang-undang yang ketat mungkin akan menyebabkan sekali lagi negara kita akan porak-peranda.

Perkara-perkara yang lain Tuan Yang di-Pertua sebenarnya telah banyak disentuh oleh rakan-rakan yang lain dan saya tidaklah bermaksud untuk membincangkannya secara yang lebih terperinci sebaliknya saya hanya ingin menarik perhatian pihak yang berkuasa tentang keupayaan sesetengah pihak melakukan jenayah-jenayah yang lebih canggih sifatnya, jenayah-jenayah yang dapat meloloskan diri daripada saringan undang-undang umpamanya seperti dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Baharuddin bin Abu Bakar tadi.

Kalau ada orang mengata-ngata dan memburuk-burukkan negara sendiri di luar negeri, bagaimanakah kita hendak menyaringnya, membawanya ke hadapan mahkamah dan ini saya tidak pasti sama ada ini terliputi oleh KKLK 2012 ini. Begitu juga umpamanya perbuatan-perbuatan melakukan apa yang disebutkan oleh orang Melayu sebagai lempar batu sembunyi tangan yang sekarang terlalu banyak berlaku pada masa ini dan kemudian lempar batu sembunyi tangan, kemudian tuduh orang lain yang melakukan perkara-perkara itu. Di samping itu juga berlaku perbuatan menyebarkan fitnah melalui blog dan internet yang tidak kurang berbahaya terhadap keselamatan negara.

Saya tidak pasti sama ada Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 meliputi atau tidak untuk menghukum atau untuk memastikan pihak-pihak yang membuat fitnah melalui blog dan internet ini dapat dibawa ke mahkamah. Itu yang saya katakan bahawa kecanggihan pihak-pihak tertentu melakukan jenayah haruslah juga sama ada diimbangi dengan kecanggihan pihak kerajaan mengawasi jenayah itu. Ini berlaku sebenarnya dengan apa yang dikatakan peranti itu yang saya rasa adalah kemajuan, kemajuan kita dalam menghalangi pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk melakukan kesalahan-kesalahan itu.

Dalam hal ini saya rasa ada kebijakannya kalau kerajaan, pihak yang berkuasa berpedoman kepada nasihat orang-orang tua dalam pepatah kita. Katanya "*berpetaruh dipermalami, berkirim dituruti*." Ertinya, jangan kita terlalu memberi kebebasan, jangan kita terlalu percaya dengan orang-orang yang kononnya hendak kita percaya itu apabila dikatakan berpetaruh dipermalami. Kebebasan diberi haruslah dipastikan ada tanggungjawab untuk memastikan kebebasan itu tidak disalah gunakan. Begitu juga apabila kita berkirim, pastikan supaya kiriman kita itu sampai kepada sasarannya. Kalau tidak nanti, kiriman itu tersasar ke tempat-tempat yang salah.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bermaksud untuk bercakap terlalu panjang tetapi saya ingin mengingatkan bahawa rang undang-undang ini adalah usaha kerajaan untuk memberi *civil liberty* dan sekali gus memberikan *national security*. Oleh kerana itu, jangan mengharapkan kebebasan mutlak 100 peratus tetapi pada masa yang sama, kerajaan juga hendaklah bertimbang rasa untuk memastikan kebebasan itu diberi kepada kita semua mengikut kadar yang sewajarnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar.

8.55 mlm.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Saya serupa dengan Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah, saya hendak rakamkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak yang telah pun buat satu Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012. Kita sudah sedar bahawa rang undang-undang ini bertujuan menggantikan ISA yang telah dihapuskan, dijanjikan dihapuskan oleh Perdana Menteri pada 16 September 2012.

Satu tindakan yang berani, kagum dan penuh risiko. Saya tidak boleh tidur apabila Akta ISA dihapuskan. Saya ingat apa hendak jadi dengan negara tetapi apabila dihapuskan ISA, terdapat bunga-bunga yang kita tidak perlu lagi, bunga-bunga ganas, bunga-bunga tiga bersemi, bunga-bunga sabotaj ternyata berlaku sebab saya kata ternyata berlaku sana sini ada perhimpunan haram yang dilakukan oleh puak-puak Ambiga dan Pakatan Rakyat disokong. Buktinya ialah ada BERSIH 1.0, BERSIH 2.0 dan BERSIH 3.0. Bukan BERSIH tetapi rusuhan.

Saya sokong yang Dato' Firdaus bin Haji Abdullah kata. Jadi, itulah kesan daripada terhapusnya ISA. Dia tidak takut lagi, dia ego, sombong, meta dan hendak huru-harakan negara. Tidak cukup itu lagi, di Terengganu ada rusuhan mengenai tanah. Tanah itu tanah kerajaan, kerajaan ambil balik dia marah. Tanah di Bayan Dungun, Terengganu. Jadi dia merusuh dengan alasan yang tidak munasabah. Dia tidak bayar cukai, apabila kerajaan ambil balik, dia marah, dia buat rusuhan.

Pemimpin PAS kerah orang ramai 1,500 berarak di Wisma Darul Iman Terengganu, pejabat MB. Itu bahana apabila ISA dihapuskan pun tidak cukup lagi, lantas mereka buat demo lagi pun hal tanah di Johor. Mereka berhimpun di Angsana, betul Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin di Angsana Johor Bahru. Itu natijah daripada fikiran mereka apabila ISA dihapuskan.

■2100

Itulah kesan yang kita boleh lihat depan mata kita berlaku di Terengganu, di KL, di Johor Baru dan dia gagal hendak lakukan di Sarawak, Kuching. Betul Yang Berhormat? Angkat tanganlah... *[Ketawa]*

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Memang betul tidak ada sambutan. Hanya sekelompok daripada pembangkang sahaja dan kebetulan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerima sokongan yang kuat daripada puluhan ribu rakyat Sarawak. Itu di sekitar Kuching sahaja, belum di tempat lain.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dengar itu, dengar itu DAP. Kasihan dia, kasihan dia... *[Ketawa]* Jadi dia tambah megah, tambah ego, tambah sombong. Dahulu tidak ada ini macam. Dahulu ada Akta ISA. Pun nasib baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seorang yang bijak, yang melihat ke hadapan. Langsung muncul akta ini, Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012. Tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasahi.

Bagi saya, keselamatan ialah pokok segala keamanan. Negara maju, ekonomi maju, pelajaran maju, rumah banyak, orang kaya hidup senang lenang, tetapi kalau negara tidak aman, tidak selamat buat apa. Jadi, bila DAP kata bila Yang Berhormat Rama kata rang undang-undang ini zalim, sebenarnya bukan kerajaan zalim, yang zalim itu rakyat yang menentang keamanan diketuai oleh yang saya sebut tadi. Contoh Ambiga, pakatan pembangkang di Terengganu, Johor, KL, Kuching dan sebagainya.

Itu mereka zalim sebab tidak pernah berlaku huru-hara kecuali dibuat oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Maka kita bernasib baik kerana akta ini muncul, akta ini bukan dibuat oleh rasa hendak buat, dia dibuat oleh pakar undang-undang, pakar-pakar profesional negara, bukan sembarangan. Sebelum Akta ISA dimansuhkan, sudah tentu mereka cari idea macam mana hendak selamatkan negara daripada banyak musuh yang tidak suka keamanan. Sejarah telah membuktikan bahawa kita banyak ancaman. Komunis, satu. Dengan Akta Daruratnya lindung. Lagi tiga rasmi satu lagi, terbaru ini macam-macam.

Jadi bagi saya, akta ini akta yang penting. Akta yang adil, orang jahat kena balas jahat. Oleh sebab itu Allah ciptakan ada syurga, ada neraka. Orang jahat humber dalam neraka, orang baik dalam syurga. Di dunia manusia tidak boleh cipta syurga, tidak boleh buat neraka tetapi boleh buat akta orang jahat sumbat dalam penjara, orang baik lepas. Macam kita semua baik-baik.

Jadi akta ini ada rasionalnya. Yang Berhormat Dr. Syed Husin tadi beliau kata Akta ISA zalim sebab beliau kena kurung enam tahun. Akan tetapi ada bekas tahanan ISA bersyukur, berterima kasih. Contoh, Yang Berhormat Datuk Ibrahim Ali, Zahid Hamidi. Beliau syukur, beliau mengamuk. Yang Berhormat Datuk Ibrahim Ali mengamuk sebab ISA dimansuhkan tetapi beliau senyum balik sebab akta ini muncul.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman, boleh saya mencelah sedikit?

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh, banyak pun tidak apa.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Terima kasih. Ini kerana berkenaan dengan kesalahan daripada segi orang kata kezaliman itu, sebab kita dalam Dewan pun sebenarnya ada seorang Ahli kita yang sudah merasa apa yang diperkatakan oleh pihak lain mengatakan zalim. Akan tetapi saya pernah bercakap dengan beliau, beliau kata bila duduk dalam itu, sebenarnya bukan zalim. Beliau jadi insaf. Bila sudah insaf, beliau balik ke pangkal jalan. Kalau tidak percaya, mungkin Yang Berhormat Datuk Nalla boleh bagi penjelasan sedikit?

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh saya tanya balik siapa itu, Yang Berhormat Datuk Nalla kah siapa? Yang Berhormat Datuk Yusuf kah siapa?

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Yang Berhormat Datuk Nalla sebab beliau pun ada pengalaman juga.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Kalau beliau hendak cakap, boleh beri peluang. Sila.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, mereka panggil saya cakap, saya cakap sedikitlah. Tidak ada banyak. Bila saya kena tangkap ISA, saya duduk di Bukit Aman 52 hari, bukan satu atau dua hari.

Seorang Ahli: Berapa hari?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: 52 hari. Dengan izin, 52 hari, *52 days* saya duduk di Bukit Aman. Duduk, bukan bantal, *mattress* apa pun tidak ada. Hanya simen tetapi dapat makan. Pagi mereka beri, nasi lemak ada. Tosei tidak ada mintalah, kalau saya minta mereka bagi tosei. Kita negara ini, ISA atau tahan semua mereka jaga baik-baik. Itu pasal kita kena tangkap, ISA pun kita okeylah bila keluar. Tengok Yang Berhormat Anwar Ibrahim duduk enam tahun di Singapura, bila beliau keluar lihat berapa baik.

Sekarang dia kepala sikit pusinglah pasal apa, sudah enam tahun duduk. Bila kita duduk di Bukit Aman, adalah hari-hari pagi sampai malam *special branch* mereka mahu siasat sama kita. Pasal apa, saya tidak ada bikin apa-apa salah tahu tetapi saya ada simpan peluru sedikit lebih, sedikit lebihlah. Saya simpanlah, saya ada lesen tetapi saya simpan tetapi sudah lebih sedikitlah. Saya lupa, saya tukar saya punya pistol saya lupa *surrender* saya punya itu peluru.

So, saya duduk sana 52 hari, hari-hari mereka tanya apa hal tahu? Bukan apa-apa mereka tanya, Yang Berhormat Anwar Ibrahim punya hal juga. Pasal Yang Berhormat Anwar Ibrahim saya kena tangkap. Apa pasal saya kena tangkap? Yang Berbahagia Tun Mahathir, beliau yang Perdana Menteri, IGP Rahim Noor, itu IGP siapa tahu, depa semua saya tengok beliau yang tumbuk Yang Berhormat Anwar Ibrahim. Itulah Rahim Noor, tetapi beliau tidak ada tumbuk sama saya. Ini dalam Bukit Aman, bila kita duduk sana...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sekarang ini Yang Berhormat Datuk Rahman sedang berucap. Ada penjelasan apa-apa lepas itu kalau Yang Berhormat hendak bercakap, boleh cakap.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tidak, ini sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba ringkaskan.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Okey, okey. Terima kasih.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sekarang sudah insafkah? Sudah okey? Sudah insaf?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tidak apa...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bagus. Ucapan dalam ucapan... *[Ketawa]* Kedua, saya hendak maklumkan bahawa tidak ada negara dalam dunia bebas mutlak. Tidak ada, tidak ada. Kalau dikatakan satu negara bebas kononnya, sila beritahu saya. Baik pembangkang atau bukan pembangkang. So kalau negara semua dalam dunia ini ada akta masing-masing, apa salahnya kita buat akta kita?

■2110

Bukankah Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz kata kita sayangkan negara. So, Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah juga Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali pun sayang negara. Akan tetapi, cara dia tidak kena. Dia hendak buang semua sekali, betul tidak? Kalau tidak betul, duduklah... *[Ketawa]* Jadi negara dalam dunia ini semua ada akta masing-masing. Contoh, saya hendak beritahu, negara Kangaroo, Australia ada Akta Pengganas 2005, *Terrorism Act*. Negara United Kingdom, ada *Terrorism Act 2000*.

Ketiga, Negara Tanzania, Tanganyika, juga ada *Preventive Detention Act 1958*. Bangladesh juga ada *Special Powers Act 1974*. Ghana juga ada *Preventive Detention Act 1958*. Israel pun ada *Emergency Power (Detention) Law* dan Sri Langka juga ada *Prevention of Terrorism Act 1982*. Sementara itu Amerika Syarikat pun ada juga sendiri dikenali dengan nama *Patrol Act 2001* dan *Homeland Security Act 2002*. Itu saya ambil beberapa contoh. Tidak ada negara dalam dunia ini, tidak ada Akta Keselamatan, tidak ada. Bahkan negara maju, jiran kita yang maju, Singapura.

Hatta Singapura yang maju. Maju sekali dalam Asia. Nombor satu dari segi ekonomi, pelajaran, padahal pun masih kekal lagi Akta ISA. Jadi macam mana? Kalau negara maju Singapura, negara kuat pertahanan macam Israel, negara maju macam Amerika kekal juga Akta Keselamatan masing-masing, macam mana Malaysia hendak buang? Ada sebab. Kita kekal supaya keamanan terjaga, terbelas, terpelihara. Yang hendak buang, Akta Keselamatan sebab dia hendak buat huru-hara. Hendak rampas kuasa melalui cara-cara yang tidak diredai oleh undang-undang. Melalui kekerasan dan anarki, itu tujuan dia.

Jadi, kita jangan terbawa-bawa dengan saranan lapuk pembangkang. Kita hendaklah acuan negara kita, kita yang acu. Kalau selama ini selamat negara disebabkan oleh akta itu, ini seperti ISA, sekarang kita hendak lanjutkan lagi keselamatan, keamanan, kesejahteraan negara kita dengan akta baru. Tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Berbalik kepada kandungan dalam ini, saya hendak sentuh sedikit. Bahagian II, 4(1), "*Seorang pegawai polis boleh tanpa waran menangkap dan menahan mana-mana orang yang berkenaan dengan dia mempunyai sebab untuk mempercayai terlibat dalam kesalahan keselamatan*". Percaya, kalau dia tidak percaya mempunyai sebab, dia tidak tangkap. Jadi akta ini adil. Kalau dia tidak percaya, dia tidak tangkap. Tangkap dahulu, ada sebab selepas itu siasat. Kalau tidak buat, lepas. Kalau buat, dakwa. Bukan senang-senang dakwa, bicara. Bicara dekat mahkamah, adil.

Kedua, "*Seseorang yang ditangkap di bawah seksyen 1 hendaklah dimaklumkan dengan seberapa segera, yang beri alasan dia ditangkap oleh pegawai polis*". Pembangkang kata tadi, seberapa segera. Bila? Itu ikut pandai polislah. Esok kah, sekarang kah? Segera, fahamlah. Segera bukan bererti dua tahun, bukan bererti sebulan. Mungkin esok, mungkin lusa, segera. Apa hendak pertikai lagi? Segera, segeralah. Itu pun tidak faham oh! Segera! Cepat.

Ketiga, "*Tidak seorang pun boleh ditangkap, ditahan di bawah seksyen ini semata-mata atas kepercayaan politiknya atau aktiviti politiknya*". Jadi tidak usah takut. PAS jangan bimbang, DAP jangan bimbang, PKR jangan bimbang. UMNO pun tidak bimbang sebab kalau politik tidak boleh tangkap. Bukan tangkap untuk politik. Tangkap sebab hendak huru-harakan negara. Hendak buat onar, hendak buat jahat.

Satu lagi, tempoh tidak lebih daripada 28 hari. Itu pun dikata zalim. Apa zalim? Dahulu dua tahun, tiga tahun, empat tahun, lima tahun.

Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali kena enam tahun. Itu 28 hari bukan senang hendak dapat bukti. Orang kelentong pusing situ, sangkut paut ini, 'A', 'B', 'C', 'D' macam-macam. Tidak boleh dua hari. Kalau tidak cukup dua hari, 48 jam kena buat 28 hari. Itu pun cepat. Kalau saya gubal undang-undang ini, saya bagi tiga bulan. 28 hari banyak baiklah. Jadi akta ini bagus.

Kedua, Bahagian VIII – Pasang dengan Peranti. Baguslah! Buat macam penyu... [Ketawa] Kalau dia salah, kita boleh *detect*. Penyu, penyu Terengganu, di Dungun, kita pasang alat peranti Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu dia pergi mana. Jawakah, Manilakah, Amerikakah?...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Kalau dia bertelur boleh tahu Yang Berhormat?

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tahu, tahu, ada alat. Ada alat, tahu, tahu. Jadi, kita buat macam penyu orang salah. Kita pasang di kaki, dia hendak pergi jumpa Al Gore kah? Kita tahu. Hendak jumpa Yahudi kah, kita tahu. Hendak jumpa, cabut tidak boleh. Cabut pasang balik. Tahu! Jadi saya syorkan ini punya bahagian buat alat-alat peranti yang canggih, yang lengkap, kita *detect* macam penyu, padan muka. Saya juga hendak sebut tentang akta bahagian lain yang dipertikaikan tadi. Bahagian VII – Keterangan.

Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz dengan pembangkang lain kata, "Pernyataan oleh mana-mana orang yang sudah mati". Tidak boleh! Aduh! Itu pun tidak faham... [Ketawa] Sebelum dia mati dia cakap dulu bukan dia mati baru cakap... [Ketawa]

■2120

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Itu hantu itu lepas mati kalau bercakap.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Yalah itu hantu, itu hantu Mak Limah balik kampung... [Ketawa] Dia cakap dia ada bukti, dia cakap. Itu boleh jadi bukti saya sokong. Mana Menteri, orang cakap dia keluar. Jadi boleh jadi bukti. Contoh orang mati, dia sebelum mati buat wasiat. Tanahkah, hartakah? Mahkamah boleh pakai betul tidak Tuan Yang di-Pertua, betul, betul tidak? Ayah saya sebelum mati, dia bagi harta kepada saya, itu yang saya kaya... [Ketawa] Betul. Bukan ayah saya sahaja ayah anda pun sama. Kalau wasiat boleh pakai ini apa fasal seksyen ini tak boleh pakai, jawablah, jawab. Bangun jawab saya. Orang tanya takut, nak lawan sangat.

Jadi rekod orang mati bagi saya boleh pakai. Baru dapat maklumat. Kedua, dia kata budak. Dia kata sabitan berdasarkan testimoni kanak-kanak dalam usia mentah. Dia kata tidak boleh pakai, baca habis sebelum buat hujah. Buat malu Dewan sahaja. Sebab dia kata kanak-kanak itu mempunyai kepintaran yang mencukupi dan memahami kewajipan untuk bercakap benar. Kalau orang tua pun kalau bodoh, dungu, tidak boleh pakai, betul. Kalau kanak-kanak pun, kanak-kanak cerdik, pintar boleh pakai. Betulkah, betul? Semua kawan-kawan kata betul, Syed Husin dengar? Jadi kanak-kanak boleh, asalkan dia pintar dia benar...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat janganlah menggunakan *handphone* di dalam Dewan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Orang cakap dia guna *handphone*, tutuplah. Tutuplah.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan Yang Berhormat sahaja. Semua! Saya sudah tidak bagi daripada awal lagi. Masa dalam persidangan jangan gunakan telefon bimbit.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Orang ajak bahas dia takut, dia telefon-telefon apa, apa dia, tidak guna.

Tuan Yang di-Pertua: Itu saya beri amaran kepada semua sekelilah. Silakan, Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak guna. Saya baik. Satu lagi saya hendak KDN yang langgar akta ini, saya ulang sekali lagi tangkap, dakwa. Contoh terbaru dulu saya cakap Ambiga, Anwar kena tangkap, kena dakwa.

Ini, jangan tidur, jangan guna handphone tengok saya... [Merujuk kepada dokumen] 'Irene fans the fire'. Kata Irene Fernandez, Pengarah Eksekutif Tenaga Kita Malaysia dia pergi Jakarta. *Not to sent workers of any category to this country*, Malaysia. Ini dia kata. Orang cakap dia keluar. Tidak tahulah. Jadi dia tidak bertanggungjawab. Dia tidak sayangkan negara, Irene ini. Itu baru satu Irene, kalau kita lembut sangat Tuan Yang di-Pertua, mungkin muncul banyak ini lagi. Menteri sudah datang dengar... [Ketawa] Mungkin muncul banyak lagi Irene Fernandez.

Ini satu, sampai kita jadi bodoh, sampai orang naik tocang, sampai dinaik kepala macam beruk. Jadi kita tuntutan supaya kerajaan, KDN atau polis tangkap, tangkap dakwa. Jangan bagi *chance*. Dia kata *workers* tidak boleh mari. You tahu *workers* di Malaysia ada ambil amah di Malaysia ada 246,000 daripada Indonesia kerja di sini. Kita tidak nafikan ada satu dua majikan yang tidak bertanggungjawab, rogol, belah. Saya masa jadi Timbalan Menteri Sumber Manusia dahulu, yang buat salah itu tidak sampai pun 1 peratus, tidak sampai. Sedangkan banyak *maid* dari Indonesia yang bunuh anak majikan ada, yang seksa majikan ada, yang culik anak majikan pun ada. Jenayah yang dilakukan oleh *maid* Indonesia lebih banyak, lebih besar daripada jenayah majikan Malaysia melakukan kepada *maid*.

Kenapa tidak seimbang? Mana Irene ini hendak hujah. Tuan Yang di-Pertua kalau boleh panggil Irene ini saya hendak hujah dengan dia?... [Ketawa] Kita tala dia, kita ada bukti bukan cakap berapi-api kita tibai sama dia, betul. Dato' Nalla hendak cakap lagi? Tibai. Jadi tidak payahlah, acah sahaja. Jadi bagi saya orang seperti ini, Anwar buruk-burukkan Malaysia, Irene buruk-burukkan Malaysia. Buang negeri sahaja, lucut jawatan. Saya minta Ambiga dilucut Datuk. Irene dilucut jawatan. Dengar itu Menteri, lucutlah tunggu apa lagi, takut sangat. Seekor kerbau membawa lumpur semua terpalit.

Sekarang dia pergi Indonesia sebab Indonesia tengah mengamuk sekarang. Ada tiga perompak daripada Indonesia merompak Malaysia, rumah Malaysia. Malaysia tembak mati tiga-tiga. Adakah dituduh negara kita, kerajaan kita curi *spare part* mayat... [Ketawa] Mengarut, curi-curi untuk pakai kita, untuk kita guna dalam industri perubatan. Tidak masuk akal. Jadi hari-hari, demo-demo. Irene hendak jadi jaguh, hendak jadi *champion* pergi Jakarta tambah lagi, tambah lagi minyak, tambah lagi racun, tambah lagi macam-macam. Orang seperti ini adalah orang yang tidak bertanggungjawab lucut sahaja taraf kerakyatan. Sokong?... [Tepuk] Kalau sokong tepuk kuat-kuatlah, *slow* macam pondan... [Ketawa] Jadi kita hendak satu negara yang sihat, yang baik, yang cantik, yang canggih. So, kesimpulannya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa tepat pada 9.30.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Masa tepat saya tahu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti Datuk, Datuk boleh sambung esok kalau hendak agaknya boleh sambung bila sudah habis dibahas.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tidak usah Tuan Yang di-Pertua, nanti orang lain marah... [Disampuk] Cukuplah di sini sahaja. Sambung esok?

Tuan Yang di-Pertua: Gulung Yang Berhormat, gulung sahaja Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Kalau Tuan Yang di-Pertua perintah saya ikut. Terima kasih, sambung esok.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi kalau Yang Berhormat hendak sambung boleh sambung tetapi kalau hendak berhenti setakat ini fasal masa itu sudah tepat 9.30, saya terpaksa tamatkan. Kalau fikir hendak gulung Yang Berhormat gulung.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Macam mana kawan-kawan, sambung? Gulunglah, gulung. Terima kasih gulung, sokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih banyak-banyak. Kerana masa sudah pun tepat pada 9.30 kita tangguhkan mesyuarat kita hingga esok 9 Mei, jam 10 pagi. Sekian, terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.31 malam]